



LAPORAN TAHUNAN

**UiTM
CAWANGAN
SELANGOR**

2023

Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam,
Selangor, Malaysia





الْأَبْنَاءُ الْمُسْلِمُونَ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

اوسها تقوا موليا

‘USAHA, TAQWA, MULIA’

**“ Keilmuan itu terkait pada
roh dan kebersamaan jiwa. ”**

Penghadaman dan pencernaan ilmu lahir dari pembacaan (إقرأ). Kesempurnaan pula hadir bukan pada segulung ijazah, tetapi jiwa di dalam jasad.

Maka, bentuklah jasad yang kosong agar penuh dengan ciri-ciri keilmuan dan sifat-sifat mulia bagi manfaat insaniah dan masyarakat.

YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc

Naib Canselor

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

KANDUNGAN

4 MAKLUMAT KORPORAT

- 6 Lembaga Pengarah Universiti
- 8 Pengurusan Eksekutif
- 10 Pengurusan UiTM Cawangan Selangor
- 12 Falsafah / Visi/Misi /
- 14 Objektif/Nilai / Moto Latar Belakang UiTM
- 16 Tinta Bicara Naib Canselor
- 18 Prakata Rektor
- 20 UCS Sepintas Lalu

1.0

14 PERANCANGAN STRATEGIK DAN PETUNJUK PRESTASI

- 28 Pengenalan
- 30 Pelan Tindakan Strategik
- 35 Pencapaian Petunjuk Prestasi dan Projek Khas Rektor
- 38 Penutup

2.0

40 PENYELIDIKAN DAN INOVASI

- 42 Pengenalan
- 43 Pencapaian Tahun 2023
- 48 Laporan Penarafan dan Penerbitan
- 51 Laporan Inovasi, Pengkomersialan & Perundingan
- 60 Penutup

3.0

62 HUBUNGAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN

- 64 Pengenalan
- 65 Laporan Ruang niaga Melibatkan Sewaan dan Keusahawanan Di UCS
- 69 Laporan Hasil Sewa Ruang Niaga UCS 2023
- 70 Projek Khas Rektor 2023 (MoA/MoU)
- 71 Ringkasan MoA/MoU Yang Masih Aktif
- 72 Aktiviti/Program iCARE (Keusahawanan)
- 75 Aktiviti/Program iCARE (Jaringan Industri/ Komuniti)
- 76 Laporan Aktiviti/Program Ruang Niaga (Kampus Sg.Buloh/Selayang)
- 76 Laporan Aktiviti/Program Ruang Niaga (Dengkil)
- 77 Sorotan Aktiviti di iCARE 2023
- 80 Penutup

4.0

82 PENCAPAIAN PELAJAR DAN AKTIVITI PERSATUAN

- 84 Pengenalan Objektif Fungsi Teras (Core Business)
- 85 Statistik Pelajar UCS
- 86 Pencapaian PI dan Teras Perkhidmatan
- 89 Laporan Perkhidmatan Dari Unit-Unit Di Bawah HEP UCS
- 94 Penjanaan Pendapatan
- 95 Bahan Penerbitan
- 96 Inovasi Yang Dilaksanakan
- 97 Penganjuran Program
- 100 Lawatan Penandaarasan
- 101 Penutup

5.0

102 PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

- 104 Pengenalan
- 106 Laporan Piagam Pelanggan
- 107 Laporan Pencapaian Teras Perkhidmatan
- 108 Pencapaian KPI dan PI di bawah Peneraju Pendaftar Laporan Penyediaan Myportfolio
- 109 Pengurusan Sumber Manusia
- 111 Pembangunan Sumber Manusia
- 112 Pentadbiran
- 117 Pengurusan Kenderaan
- 119 Pengurusan Risiko
- 120 Inisiatif
- 123 Inovasi
- 125 Latihan
- 128 Aktiviti / Acara Yang Dianjurkan
- 132 Lawatan Penandaarasan
- 134 Anugerah Pencapaian
- 136 Penerbitan
- 137 Penutup

6.0

138 PEJABAT PENGURUSAN FASILITI

- 140 Pengenalan Objektif Kualiti
- 141 Piagam Pelanggan Pencapaian Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan
- 146 Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) Pejabat Rektor
- 148 Anugerah Dan Pengiktirafan
- 152 Sumbangan Kepada Kecemerlangan Kampus
- 155 Inisiatif-Inisiatif Bagi Penambahbaikan Jabatan

7.0

160 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

- 162 Pengenalan
- 164 Pencapaian Tahun 2023
- 169 Kepuasan Hati Pelanggan
Pencapaian dan Anugerah PTAR UCS
Pencapaian dan Pengiktirafan Staf PTAR UCS
- 170 Audit dan Penilaian
Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM 2023 anjuran PTAR
- 171 Hari Bertemu Pelanggan
- 172 Pencapaian Penajaan Pendapatan PTAR UCS
Pelajar Latihan Industri Antarabangsa
- 173 Pelajar Latihan Industri Antarabangsa Pelawat Antarabangsa
Inisiatif PTAR 2023
- 176 Program Khidmat Masyarakat
Program Semarak Ukhuwah
- 177 Penutup

8.0

178 PENGURUSAN ICT

- 180 Pengenalan
- 182 Pencapaian Tahun 2023
- 198 Penutup

9.0

200 LAPORAN UNIT-UNIT DI BAWAH PEJABAT REKTOR

9.1

Pejabat Polis Bantuan

- 202 Pengenalan
- 204 Pencapaian
- 207 Perkhidmatan
- 211 Penajaan Pendapatan
- 212 Aktiviti Pejabat Polis Bantuan UCS
- 216 Penghargaan / Anugerah
- 219 Penutup

9.2

Unit Hal Ehwal Islam

- 220 Pengenalan
Fungsi/Teras Utama
- 221 Piagam Pelanggan
Pencapaian Tahun 2023
- 222 Bidang Tumpuan Unit Hal Ehwal Islam 2023
- 235 Penutup

9.3

Unit Komunikasi Korporat

- 236 Pengenalan
Teras Utama
- 237 Piagam Pelanggan
Pencapaian
- 244 Penambahbaikan
Penyampaian Perkhidmatan

9.4

Unit Pengurusan Kualiti

- 246 Pengenalan
Fungsi
- 247 Pencapaian Objektif Kualiti
- 248 Hasil Kajian Kepuasan Pelanggan
- 249 Pencapaian
- 256 Penutup

10.0

258 KAMPUS SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN

- 260 Pengenalan
- 261 Sumber Manusia
- 278 Aktiviti 2023 UiTM Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan
- 279 Pencapaian
Aktiviti dan Program Pembangunan Pelajar
- 281 Penutup

11.0

282 PUSAT ASASI

- 284 Maklumat Korporat Pusat Asasi
Objektif Kualiti Pusat Asasi
- 286 Pembangunan Penyelidikan dan Perundingan, Inovasi, Harta Intelek dan Pengkomersialan, Penerbitan dan Penulisan Akademik, & Misi Akademik
- 292 Misi Akademik
- 295 Hal Ehwal Akademik
- 298 Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni
- 300 Pencapaian Pelajar dan Aktiviti Berpersatuan
- 303 Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- 305 Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Infostruktur
- 307 Unit-unit di bawah Pejabat Pengarah
- 314 Penutup

12.0

316 PRESTASI KEWANGAN

- 318 Pengenalan
- 321 Pencapaian
- 333 Penglibatan Aktiviti Pejabat Bendahari
- 336 Penutup

338 Sidang Editorial

MAKLUMAT KORPORAT



m/s	6	Lembaga Pengarah Universiti
	8	Pengurusan Eksekutif
	10	Pengurusan UiTM Cawangan Selangor
	12	Falsafah / Visi/Misi / Objektif/Nilai / Moto
	14	Latar Belakang UiTM
	16	Tinta Bicara Naib Canselor
	18	Prakata Rektor
	20	UCS Sepintas Lalu



**YBHG. PROF. EMERITUS DATUK
DR. RADUAN CHE ROSE**

Pengerusi



**YBHG. PROF. DATUK DR.
SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASc**

Ahli



**YBHG. DATO'
AHMAD SUHAIMI ENDUT**

Ahli



**YBHG. DATUK
OMAR SHARIFF MYDEEN**

Ahli



**YBHG. PROF. DR.
AZLINDA AZMAN**

Ahli



**YBHG. DATUK
ARIFF FARHAN DOSS**

Ahli



LEMBAGA PENGARAH

Universiti Teknologi MARA



**YBHG. DATO' DR.
ADNAN ALIAS**
Ahli



**YBRS. ENCIK MUSTAFFA KAMIL
AYUB**
Ahli



**YBHG. DATUK
NIK AIRINA NIK JAFFAR**
Ahli



**YBRS. TUAN HAJI
MUHAMAD NIZAM NOORDIN**
Setiausaha



**YBHG. PROF. DATUK DR.
SHAHRIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASc**

Naib Canselor



**PROF. DATIN DR.
SUZANA SULAIMAN**

Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)



**PROF. DR.
HAJI MOHD SAZILI SHAHIBI**

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)



**PROF. TS. DR.
HAJAH NORAZAH ABD RAHMAN**

Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



**PROF. TPR. DR.
JAMALUNLAILI ABDULLAH**

Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni)



PENGURUSAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA



Timbalan Naib Canselor
(Pembangunan)



**TUAN HAJI
MUHAMAD NIZAM NOORDIN**
Pendaftar



**ENCIK WAN HASMADI
WAN MOHAMED**
Bendahari
Tarikh Lantikan
Hingga 29.02.2024



**PROF. DR. HAJI
HAIDAR DZIYAUDDIN**
Penasihat Undang-undang
Tarikh Lantikan
Hingga 31.12.2023




Cawangan
Selangor

PENGURUSAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor



1.



2.

**1. Profesor Dr
Ahmad Taufek Abdul Rahman**
Rektor
UiTM Cawangan Selangor

2. Profesor Ts. Dr Asmah Awal
Timbalan Rektor
(Penyelidikan & Inovasi)



3.

3. Profesor Madya Dr Badrul Isa
Timbalan Rektor
(Hal Ehwal Pelajar)

**4. Profesor Madya Sr Dr
Rosmadi Ghazali**
Timbalan Rektor
(Hubungan Industri, Komuniti, Alumni
dan Keusahawanan)



4.

**5. Profesor Madya Dr
Mohd Haidzir Abd Manaf**
Penolong Rektor
Sungai Buloh Dan Selayang

**6. Profesor Ir Dr
Ahmad Farid Abidin@Bharun**
Pengarah
Pusat Asasi



5.



6.



7.

7. Alfina Bakar K.M.N, CHRM

Ketua Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia

8. Noor Alzura Alang Idris c.a (M)

Ketua Timbalan Bendahari
Pejabat Bendahari




8.



9.

**9. Ts. Mohamad Hamidi
Hj. Mohd Jais**

Ketua Timbalan Pustakawan
Perpustakaan Tun Abdul Razak



**10. Allahyarham
Ir. Hj. Junaidi Muslim**

Pengarah
Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT

Tarikh Lantikan
Hingga 10.01.2024



10.

FALSAFAH

Setiap individu mampu mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni agar menjadi graduan profesional yang berupaya mengembangkan ilmu dan membangunkan diri, masyarakat dan negara

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan

MISI

Menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak

NILAI

Kecemerlangan

Mengamalkan kualiti piawai dalaman yang standard bagi memenuhi keperluan dan jangkaan pemegang taruh

Sinergi

Bekerjasama rapat untuk memaksimumkan produktiviti yang memberi manfaat kepada industri dan masyarakat

Integriti

Memupuk nilai kejujuran, hormat dan ketelusan untuk mencapai standard profesionalisme yang tinggi

OBJEKTIF UiTM

- Memperluas akses pendidikan tinggi
- Menyediakan pendidikan bertaraf dunia
- Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan pasaran, memacu pembangunan negara dan kemakmuran global
- Menghasilkan graduan seimbang berciri keusahawanan yang kompetitif di peringkat global
- Mempertingkatkan penghayatan nilai melalui program pengukuhan
- Melestarikan kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien
- Menjuarai penyelidikan berimpak melalui ekosistem penyelidikan yang padu
- Memperkasa jaringan strategik dengan alumni dan industri
- Menyediakan ekosistem terkehadapan yang kondusif untuk kemajuan akademik
- Mengawal selia kewangan secara efektif ke arah kelestarian organisasi

MOTO UNIVERSITI

اوسها، تقوى، موليا

‘USAHA, TAQWA, MULIA’



LATAR BELAKANG UiTM

Sejarah UiTM bermula kira-kira lima puluh tujuh tahun dahulu yang pada ketika itu, hanya terdapat sebuah bangunan kecil yang dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA (Rural Industrial Development Authority) yang beroperasi di Jalan Othman, Petaling Jaya. Pada 14 Oktober 1957, Yang Berhormat Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Perdagangan dan Industri Tanah Melayu telah merasmikan pembukaan Dewan Latihan RIDA yang pada ketika itu hanya menawarkan kursus London Chamber of Commerce dan juga kursus-kursus untuk peniaga-peniaga kecil.

Hasil dari Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan di Kuala Lumpur dari 5 hingga 7 Jun 1965, Dewan Latihan RIDA ini telah dinaiktarafkan menjadi Maktab MARA (Majlis Amanah Rakyat). Ia disusuli dengan perletakan batu asas oleh Yang Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussein pada 14 Oktober 1967, menandakan Dewan Latihan RIDA ini telah maju setapak lagi menjadi Institut Teknologi MARA (ITM).

Seiringan dengan penubuhan ITM, Majlis Pentadbiran ITM telah ditubuhkan dan pengerusi pertamanya ialah Tun Ghazali Shafie. Kemudian, ia disusuli dengan pembangunan yang melibatkan pelbagai kerja-kerja pembinaan di atas tanah seluas 300 ekar di kampus Shah Alam. Pembinaan ini telah dilaksanakan seawal tahun 1968 dan kampus ini telah mula digunakan sepenuhnya pada tahun 1970.

Penghujung tahun 1970-an telah menyaksikan bahawa ITM tidak lagi diletakkan di bawah Unit Latihan MARA tetapi telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Dalam Negeri. Ruang persekitaran yang baru ini telah memberi peluang kepada ITM untuk berkembang menjadi salah satu institut pengajian tinggi negara. Ini dibuktikan apabila pada bulan Jun 1976, Akta ITM telah diluluskan oleh Parlimen. Seterusnya, ITM telah diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.

Melalui kejayaan demi kejayaan yang dikecapi oleh ITM, pihak kerajaan telah mengiktiraf dan mengangkat martabat ITM dari tahun ke tahun. Kementerian Pendidikan pula telah meletakkan ITM seiring dengan universiti-universiti yang lain di dalam negara dalam arena pendidikan tinggi. Kemuncaknya adalah pada 26 Ogos 1999, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan pertukaran nama ITM kepada UiTM semasa perhimpunan Perdana Siswazah ITM.





Tinta Bicara

Naib Canselor

**YBhg. Profesor Datuk Dr.
Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc**

Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, UiTM Cawangan Selangor telah melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komited dan cemerlang sepanjang tahun 2023. Setiap perancangan yang direncana, alhamdulillah telah dilaksanakan dengan jayanya dan berdedikasi oleh seluruh warga UiTM Cawangan Selangor. Terima kasih dirakamkan kepada barisan Pengurusan Eksekutif dan seluruh warga UiTM Cawangan Selangor atas sokongan, kerjasama dan sinergi sebagai satu pasukan yang mantap dalam menjayakan semua program dan aktiviti yang dirancang.

Syabas juga saya ucapkan atas pencapaian cemerlang **Enam (6) Bintang Skor i-UiTM** bagi Petunjuk Prestasi (PI) Tahun 2023 dengan memperolehi 100% pencapaian keseluruhan 15 PI. Tidak terlewat juga untuk saya merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan merangkul dua (2) anugerah iaitu **Johan Keseluruhan** dan **Anugerah Pengurusan Denggi Terbaik** sempena Anugerah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan 2023, pada Oktober yang

lalu. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan ke arah mencapai prestasi yang lebih gemilang.

Pada tahun 2024, pastinya komited sebegini amat diperlukan dalam merancang dan melaksanakan pelbagai lagi inisiatif dan pembaharuan yang dapat memberikan impak positif terhadap warganya, pemegang taruh dan komuniti setempat, melalui pelaksanaan dan pencapaian objektif strategik dengan profesionalisme dan integriti yang tinggi.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa Sidang Editorial Laporan Tahunan UiTM Cawangan Selangor 2023 kerana telah berjaya menghasilkan penerbitan ini. Diharap, dokumen ini menjadi rujukan yang bermanfaat buat semua warga universiti serta menjadi panduan untuk kita terus progresif dalam merealisasikan amanah yang diberikan.

**YBhg. Profesor Datuk Dr.
Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc**

Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA (UiTM)



Cawangan
Selangor

Prakata Rektor

UiTM Cawangan Selangor



**YBr. Profesor Dr
Ahmad Taufek Abdul Rahman**

Rektor
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dan segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita telah diberikan kesempatan untuk menyempurnakan segala tanggungjawab dan amanah sepanjang tahun 2023 berkat kesepakatan dan keteguhan warga UCS.

Menyorot kejayaan dan pencapaian pada tahun 2023, kesemua **15 Petunjuk Prestasi (PI)** telah berjaya mencapai target sepenuhnya pada Disember 2023 dan menyumbang kepada kejayaan pencapaian keseluruhan bagi **UCS 100%**. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada warga UCS yang telah bekerja keras bagi pencapaian prestasi yang cemerlang ini. Pada tahun 2023 juga, UCS turut berjaya mendapatkan peruntukan **geran penyelidikan** sebanyak **RM11,701,487.00** untuk **57 projek penyelidikan**. Tahun 2023 juga menyaksikan UCS menjadi **Juara Keseluruhan** bagi **KARISMA 2023** dengan membawa pulang 26 Emas, 17 Perak dan 10 Gangsa. Kejayaan UCS adalah kejayaan seluruh warga.

Saya yakin segala data, fakta dan hasil pencapaian yang dimuatkan dalam laporan tahunan ini dapat membantu warga UCS dan sebagai panduan dalam merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif untuk tahun 2024.

Di kesempatan ini juga, saya menyeru kepada semua warga UCS kekalkanlah semangat “bagai aur dengan tebing” dalam melaksanakan segala tugas, tanggungjawab dan amanah yang dipikul. Di samping itu, sentiasa mengekalkan nilai-nilai integriti sebagai penjawat awam dan komited dalam menyumbangkan idea-idea baharu yang boleh meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan tiap PTJ.

Sesungguhnya kejayaan yang telah dicapai hasil kerjasama dan *team work* semua warga. Semua warga diingatkan untuk menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah bagi meningkatkan prestasi dan produktiviti dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggan dan pemegang taruh.

Sekalung penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Sidang Editorial yang telah berusaha keras dan berjaya menerbitkan Laporan Tahunan UCS 2023. Semoga laporan ini dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh semua pihak.

YBhg. Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman

Rektor
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor

UCS SEPINTAS LALU

UiTM Cawangan Selangor atau lebih dikenali sebagai UCS, merupakan satu cawangan terbesar di UiTM yang telah mula beroperasi sejak pembukaan Kampus Puncak Alam pada Mei 2009. Diawal pembukaannya, UCS hanya beroperasi sebagai kampus satelit yang terdiri daripada Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana. Pentadbiran kampus satelit pada ketika itu diterajui oleh Penolong Naib Canselor UiTM. Setelah selepas enam (6) tahun pembukaannya, UiTM Cawangan Selangor (UCS) telah ditubuhkan dan diwujudkan secara rasmi pada 1 November 2015 selaras dengan pelantikan Rektor pertama iaitu YBhg. Profesor Dr Zaini Abdullah.

Kronologi penubuhan UCS adalah seperti rajah di bawah:



Rajah 1 : Kronologi Penubuhan UCS

Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) Bil 14 Tahun 2017 pada 14 Jun 2017 memutuskan bahawa UCS bertanggungjawab terhadap penyeliaan pentadbiran di lokasi-lokasi berikut :



UCS telah melakarkan sejarah pada tahun 2022 apabila Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-183 bertarikh 25 Januari 2022 telah meluluskan pemberian status autonomi kepada UCS berkuatkuasa pada 1 Mac 2022. Bidang autonomi yang diberikan kepada UCS adalah seperti berikut:

- i. Pentadbiran Institusi
- ii. Akademik (pertukaran program / kampus) dan Pelajar
- iii. Pengurusan Kewangan dan Penjanaan Pendapatan
- iv. Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
- v. Penyelidikan dan Inovasi

UCS sebagai cawangan universiti yang unik dan tersendiri mensasarkan enam (6) objektif seperti berikut:

1. Memacu dan memperkasa aktiviti penyelidikan, pengkomersialan, keusahawanan dan jaringan industri dan komuniti.
2. Pemudahcara kepada fakulti dalam sistem penyampaian perkhidmatan berkaitan pengajaran dan pembelajaran.
3. Menyelaras semua perkhidmatan (selain daripada pengurusan hal ehwal akademik) bagi memastikan aspirasi kampus UCS tercapai.
4. Memberi perkhidmatan dan kemudahan yang menyeluruh dan sempurna bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran dan kolej kediaman yang selesa, ceria dan selamat.
5. Menyokong pelan strategik semua PTJ dan fakulti di UCS
6. Mempertiat usaha penjimatan dan penjanaan pendapatan UCS


Profail UCS adalah seperti rajah di bawah:




Terdapat 13 PTJ yang telah disenaraikan di bawah tanggungjawab pentadbiran UCS seperti rajah di bawah:




Bilangan keseluruhan staf UCS yang meliputi lima (5) kampus, lapan (8) fakulti, tiga (3) Kolej Pengajian, tiga (3) Pusat Kecemerlangan dan satu (1) pusat akademik adalah seramai 4571 orang di mana 2894 adalah staf pentadbiran dan 1677 adalah staf akademik. Butiran terperinci adalah seperti rajah di bawah:



Manakala pecahan staf bagi lima (5) kampus di UCS adalah seperti rajah di bawah:



Jumlah keseluruhan pelajar UCS adalah berjumlah 31988 orang di mana 9665 pelajar lelaki dan 22323 pelajar perempuan. Data pecahan pelajar bagi Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Dengkil, Sungai Buloh dan Selayang adalah seperti rajah di bawah:




MODEL STRATEGIK UCS 2021-2023

Model Strategik UCS 2021-2023 merupakan model yang dibangunkan untuk pengoperasian UCS yang mendokong pencapaian ke arah **#UCSCemerlang**. Model ini juga disediakan bagi menunjukkan sokongan terhadap misi dan visi universiti ke arah mencapai aspirasi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025. Elemen ESI-iDART diterapkan dalam Model Strategik UCS bagi menjadikan UCS cawangan yang cemerlang dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan yang berinovasi dan berimpak tinggi. Model ini mempunyai **empat (4) teras** di mana tiga (3) teras dalam Model Strategik UCS dipetakan kepada bidang dan tanggungjawab tiga (3) Timbalan Rektor iaitu Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Inovasi) ~ *Excellence in Research*, Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) ~ *Excellence in Student Performance* dan Timbalan Rektor (Hubungan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan) ~ *Excellence in Industry & Community Engagement*. Teras yang ke-empat ~ *Excellence in Services* merujuk kepada perkhidmatan yang diberikan oleh semua PTJ di UCS.

Rajah 3: Model Strategik UCS 2021-2023

UCS Strategic Model 2021-2023



1.0 /

PERANCANGAN STRATEGIK DAN PETUNJUK PRESTASI




m/s	28	Pengenalan
	30	Pelan Tindakan Strategik
	35	Pencapaian Petunjuk Prestasi dan Projek Khas Rektor
	38	Penutup

1.0 PERANCANGAN STRATEGIK DAN PETUNJUK PRESTASI

1.1 Pengenalan

Perancangan Strategik UiTM Cawangan Selangor (UCS) berpusatkan kepada perancangan UiTM bagi tempoh lima (5) tahun (2000 – 2025) yang mana telah di terjemahkan ke dalam Pelan Strategik UiTM2025. Dalam perancangan jangka masa lima (5) tahun ini, ia memfokuskan kepada aspirasi untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia. Perancangan Strategik UCS juga dipetakan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan Amanat oleh YB Menteri Kementerian Pengajian Tinggi 2022. Justeru, UCS telah merangka Modul Strategik yang berteraskan tujuh (7) Pelan Kesejahteraan Pendidikan Tinggi (Sejahtera IPT) dan tiga (3) Teras Strategik (2020-2025) yang disampaikan oleh Naib Canselor UiTM selari dengan pencapaian PI UiTM, Projek Khas Rektor dan Objektif Kualiti UCS bagi mempersada kecemerlangan dan memantapkan pencapaian UCS (Rajah 1).


Oleh itu, Pelan Strategik UiTM2025 memainkan peranan utama sebagai sumber rujukan PTJ di UiTM Cawangan Selangor (UCS) dalam membentuk hala tuju dan pelan-pelan inisiatif yang sejajar dengan hala tuju UiTM. Pelan-pelan tindakan strategik kampus ini akan menyediakan maklumat-maklumat perancangan dan pelaksanaan strategik bagi membolehkan UCS mengorak langkah untuk meletakkan UiTM di persada global terutama dalam bidang penyelidikan, inovasi, dan pengkomersialan.



Rajah 1: Penjajaran Perancangan Strategik UCS kepada PPPM2021-2025, Sejahtera IPT dan UiTM2025

Perancangan Strategik UCS yang berteraskan kepada Model Strategik UCS 2021-2023 yang dibangunkan dalam menangani cabaran masa depan untuk memastikan kerelevanan bagi mempersada kecemerlangan UCS. Model Model Perancangan Strategik UCS 2021-2023 sepertimana yang tertera di rajah di bawah, adalah bagi menyokong misi dan visi universiti ke arah mencapai aspirasi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025. Model ini memfokuskan kepada empat (4) teras utama iaitu Kecemerlangan Penyelidikan (*Excellence in Research*), Kecemerlangan Pencapaian Perkhidmatan (*Excellence in Services*), Kecemerlangan Pencapaian Pelajar (*Excellence in Student Performance*) dan Kecemerlangan Penglibatan Industri dan Masyarakat (*Excellence in Industry and Community Engagement*) seperti di Rajah 2. Elemen ESI-iDART juga diterapkan bagi menjadikan UCS sebuah kampus yang cemerlang dalam memperkasa kemantapan UCS. Bagi mewujudkan kebersamaan warga Pengurusan UCS telah mengutarakan penggunaan pakai **#UCSCEMERLANG** pada tahun 2023 bagi setiap aktiviti dan program di peringkat UCS.

UCS Strategic Model 2021-2023



Rajah 2: Model Strategik UCS 2021-2023

Pencapaian PI UCS pada 2023 ini merupakan sebahagian daripada petunjuk prestasi penting yang diukur dalam Pelan Strategik UiTM2025. Oleh yang demikian, laporan pencapaian 2023 bukan sahaja mengukur prestasi UCS pada tahun semasa, tetapi ia juga menyumbang kepada maklumat prestasi keseluruhan Pelan Strategik UiTM2025 yang akan berakhir pada 31 Disember 2025.

1.2 Pelan Tindakan Strategik

Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Selangor (UCS) disediakan bagi menyokong misi dan visi universiti ke arah mencapai aspirasi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025, di mana Pelan Tindakan Strategik (SAP) hendaklah berpandukan elemen yang menjadi teras utama kepada pencapaian Petunjuk Prestasi (PI). Perancangan Strategik UCS juga telah mewujudkan projek Khas Rektor bagi mendokong misi dan visi UiTM.


1.2.1 Petunjuk Prestasi (PI) Universiti

UiTM Cawangan Selangor telah diamanahkan sebanyak 15 PI. Bagi mencapai sasaran tersebut 28 projek SAP telah dirangka pada awal tahun 2023 bagi merealisasikan amanah tersebut. Perancangan yang teliti dan komprehensif juga telah disusun bagi mencapai sasaran 15 PI yang telah diturunkan. Perincian PI adalah seperti Jadual 1. Setiap SAP yang diberikan akan dipetakan kepada satu (1) PI yang bersesuaian. Setelah mendapat kelulusan, setiap projek dirancang dengan teliti dalam berbagai jenis aspek seperti tempoh, kos dan sumber yang secukupnya dan seterusnya akan diambil kira bagi menganggarkan aktiviti yang diperlukan dan mengurus risiko semasa pelaksanaan projek. Cabaran utama pengurusan projek adalah untuk mencapai semua matlamat projek yang diberikan dengan kekangan sedia ada.

Jadual 1 Petunjuk Prestasi (PI) dan penerangan definisi:

Penunjuk Prestasi	Penerangan	Pengarah PI
PI023	<i>Number of collaboration with agencies, industry, NGOs, IPT (local and international).</i>	Timbalan Rektor (iCARE)
PI027	<i>Number of new SULAM's programmes with industry involvement in relation to service learning activities.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI028	<i>Number of volunteerism programmes.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI030	<i>Number of companies involved in career activities.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI031	<i>Number of international communication skill related programmes.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI032	<i>Number of students participated in international programme organised by partner university / industry.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI033	<i>Numbers of students involved in the e-sport industry.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI036	<i>Number of student involved in creative industry programmes.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI037	<i>Number of students involved in invention and innovation activities.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI039	<i>Number of programme related to emotional well-being.</i>	Timbalan Rektor (HEP)
PI086	<i>Number of activity related to ESI-iDART.</i>	Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM)
PI094	<i>Number of OE Project.</i>	Ketua Unit Kualiti
PI095	<i>Number of KIK Project.</i>	Ketua Unit Kualiti
PI126	<i>Number of AKNC Project.</i>	Ketua Unit Kualiti
PI112	<i>Income generation from Kumpulan Wang Pengurusan.</i>	Ketua Timbalan Bendahari

Pada akhir tahun 2023, semua projek yang dirancang telah berjaya dijalankan dan ditamatkan untuk mencapai PI yang diwajibkan. Rajah 4 menunjukkan bilangan projek yang telah di pertanggungjawabkan kepada Timbalan Rektor (iCARE), Timbalan Rektor (HEP) dan Ketua Timbalan Pendaftar Kanan (BPSM). Manakala Rajah 5 menunjukkan bilangan (RM) yang dipertanggungjawabkan kepada Ketua Timbalan Bendahari.



Rajah 4: Bilangan Projek bagi Petunjuk Prestasi (HEP, iCARE, BPSM)



Rajah 5: Bilangan Projek Petunjuk Prestasi (Bendahari)

1.2.2 Projek Khas Rektor


Projek Khas Rektor 2023 di wujudkan untuk menyambung kelangsungan Projek Khas Rektor 2022, yang menyumbang kepada peningkatan gerak kerja bagi setiap jabatan. Pada tahun 2023 sebanyak 51 projek telah di persetujui dan di dokong oleh 11 jabatan rujuk Jadual 2. Dengan wujudnya Projek Khas Rektor ini membolehkan setiap jabatan merancang dan menumpukan hala tuju dan gerak kerja yang rapi serta teratur bagi mencapai target yang telah di ditetapkan pada awal tahun. Jabatan-jabatan yang terlibat dengan Projek Khas Rektor serta bilangannya dapat dirujuk dalam Rajah 6.

Jadual 2: Projek Khas Rektor 2023

Unit	Projek	Pengarah PI
Penyelidikan dan Inovasi	• <i>Collaborative Partnership 2.0.</i> • <i>Research Portfolio Analysis 2.0.</i>	Timbalan Rektor (P&I)
Hubungan Industri, Komuniti, Alumni Dan Keusahawanan	• <i>MoA iCARE- MILI Express.</i> • <i>MoU Bersama Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP).</i> • <i>MoU Bersama Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP).</i>	Timbalan Rektor (iCARE)
Bendahari	• <i>Pembayaran Tanpa Tunai (Cashless Payment)</i> • <i>Verifikasi Harta Atas Talian (Online Self Verification)</i>	Ketua Timbalan Bendahari
Infostruktur	• Menaiktaraf sistem rangkaian Kampus Puncak Alam di bangunan Fakulti Sains Kesihatan dan Fakulti Farmasi. • Menaiktaraf sistem rangkaian Kampus Puncak Perdana di bangunan pentadbiran & akademik. • Menaiktaraf WIFI di Kolej Kediaman Pelajar Kampus Sg. Buloh, Selayang dan Teluk Intan. • Menaiktaraf sistem rangkaian di UiTM Dengkil. • Penggantian UPS dan peralatan UPS di Bilik ICT dan Bilik Server di Kampus Puncak Alam. • Penggantian peralatan sistem rangkaian di Kampus Sungai Buloh & Selayang. • Projek sistem pengurusan utiliti (Tenaga) - Fasa 1. • Projek sistem pengurusan ruang niaga • <i>Note: projek merentas tahun.</i> • Projek sistem pengurusan <i>calling name</i>. • Projek MyHEP: Pengurusan Persatuan dan Aktiviti Pelajar. • Infostruktur Webinar@UCS 2023. • Pemantapan Pengurusan Laman Web UCS. • Inisiatif <i>Printing on The Go</i> (POTG). • ICT Service Catalogue (Fasa 1). • Program Keselamatan ICT Kampus.	Timbalan Ketua Pegawai Teknologi Maklumat Kanan

Unit	Projek	Pengarah PI
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)	- Program kolaborasi pengajaran dan penulisan akademik. i. Bengkel <i>Research Writting</i>. ii. <i>Collaborative Teaching</i> dengan fakulti. iii. Program "<i>Mastering Your Research Tools</i>".	Ketua Timbalan Pustakawan
	<i>Library Community Engagement</i>. i. Bicara industri bersama alumni. ii. Program khidmat masyarakat. iii. Program kolaborasi bersama pihak keusahawanan.	
Polis Bantuan	Sistem pengurusan pas keselamatan kontraktor.	Ketua Pejabat Polis Bantuan
Pejabat Pengurusan Fasiliti	3R di KOLEJ - Kolaborasi di antara PPF dan UPK.	Pengarah Pengurusan Fasiliti
	<i>Lake To Soil</i> - Pengairan kawasan dan lanskap di sebahagian kompleks alam bina menggunakan air tasik di kolej dahlia.	
	<i>Safe Ride Lift</i> @ FSK6 - Projek capaian internet dalam lif.	
Unit Hal Ehwal Islam	Forum fidyah: kewajipan yang dilupakan.	Timbalan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan
	Bimbingan asas fardhu ain Agensi Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Kuala Selangor.	
	Rakan strategik agihan fidyah.	
Unit Komunikasi Korporat	HEP - Kejohanan UiTM International Criterium 2023	Koordinator Unit Komunikasi Korporat
	HEP - Konvensyen Mahasiswa Sekretariat Rukun Negara	
	HEP - Perasmian Mesin Layan Diri IPR (TV/B)	
	HEP - Program Jalinan Ukhwa Mahasiswa UiTM Puncak Alam Bersama Komuniti Daerah Kecil Kampong Gajah	
	HEP - Program Jelajah Ikon Wanita Selangor	
	HEP - Program Kembara Perpaduan @ Kampus melalui segmen Chit Chat Belia yang bertajuk "<i>MADANI : Bersediakah kita?</i>" (TV/B)	
	HEP - Program X-Prosis (Explorace Program Siswa Sihat) & De Tour Trash to Cash	
	HEP - Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 & Sihat Milik Selangor 4.0	
	HEP & iCARE - Karnival Kerjaya dan Keusahawanan UiTM	
	iCARE - MoA Bersama MILI Express	
	iCARE - MoU Bersama Rumah Pengasih Warga Prihatin (RPWP)	
	iCARE- Majlis Anugerah Gemilang Alumni (GEMA)	
	iCARE -Majlis Berbuka Puasa Bersama Affin Bank Islamic UiTM Cawangan Selangor	
	iCARE- MoU Bersama Restoran Hakim	
	Kursus Pengurusan Acara, Protokol dan Pengurusan Media	
	P&I - Karnival Inovasi UCS 2023 (B)	
	P&I - The Malaysia Launch of the 2023 Report of Lancet Countdown on Health and Climate Change	
	UHEI - Majlis Iftar Perdana	
	UHEI - Rakan Strategik Agihan Fidyah (TV)	
	UHEI -Forum Fidyah Kewajipan Yang Dilupakan (TV)	
	UHEI -Rewang Bubur Lambuk (TV/B)	

Unit	Projek	Pengarah PI
COSHaw	• Saringan Penyakit Pekerjaan di Tujuh Kategori Industri Kritikal di Malaysia.	Ketua COSHaw
	• Pembangunan Garis Panduan Penyakit Berjangkit di Malaysia.	
	• Pembangunan Polisi Kesihatan Pekerjaan Berdasarkan Saringan Penyakit Pekerjaan di Malaysia berdasarkan OSHMP 2025.	
Kampus Sungai Buloh	• Program mengurangkan penggunaan kertas dan plastik di Kampus.	Penolong Rektor
	• Projek Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Tadahan Air Hujan.	
	• Emergency Response Team.	
	• Aktiviti komuniti di Masjid Ibnu Sina.	
	• DIY Penyelenggaraan Penghawa Dingin.	




Rajah 6: Jabatan dan Bilangan Projek Khas Rektor

1.3 Pencapaian Petunjuk Prestasi dan Projek Khas Rektor


Pemantauan di jalankan bagi memastikan pencapaian Petunjuk Prestasi dan Projek Khas Rektor mencapai sasaran seperti mana yang telah diamanatkan. Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti sebanyak empat (4) kali dan Projek Khas Rektor dua (2) kali setahun telah dibuat di dalam Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Bagi Petunjuk Prestasi data dianalisa dan dipantau melalui sistem UePMO dan Dashboard KPI di bawah seliaan Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Pembentangan yang di buat oleh Penyelaras Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) dalam JKEN membolehkan ketua-ketua jabatan mengetahui perkembangan Petunjuk Prestasi dan Projek Khas Rektor yang dipertanggungjawabkan serta melakukan penambahbaikan untuk memastikan setiap Petunjuk Prestasi dan Projek Khas Rektor mencapai sasaran yang telah di tetapkan pada awal tahun.

1.3.1 Petunjuk Prestasi Universiti


Sebanyak 15 Pertunjuk Prestasi telah dipertanggungjawabkan kepada UCS. Kesemua 15 Petunjuk Prestasi berjaya mencapai markah 100%. Secara keseluruhan bagi tahun 2023 UCS berjaya mengekalkan prestasi mencapai sasaran minimum pihak BTU iaitu pencapaian keseluruhan melebihi 85%. UCS berjaya menamatkan tahun 2023 dengan pencapaian yang cemerlang sebanyak 100%. Pencapaian PI mengikut suku tahunan adalah seperti dalam Rajah 7. Manakala Rajah 8 dan 9 menunjukkan bilangan dan pencapaian PI UCS secara keseluruhan pada akhir tahun 2023.



Rajah 7: Peratus pencapaian PI mengikut setiap suku tahun



Rajah 8: Bilangan dan Pencapaian PI UCS Akhir Tahun 2023 (HEP, iCARE, BPSM)




Rajah 9: Bilangan dan Pencapaian PI UCS Akhir Tahun 2023 (Bendahari)

1.3.2 Projek Khas Rektor

Pemantauan bagi Projek Khas Rektor akan dijalankan dua (2) kali setahun melalui pembentangan pencapaian yang diraih separuh tahun pertama dan kedua. Bagi tahun 2023 terdapat peningkatan pencapaian untuk jabatan di bawah UCS. Terdapat tiga (3) jabatan telah mencapai sasaran 100% manakala dua (2) jabatan melebihi 100%. Pencapaian untuk setiap jabatan di gambarkan seperti Rajah 10 dibawah. Manakala Rajah 11 menunjukkan bilangan projek yang telah di tetapkan pada awal tahun dan pencapaian yang telah di raih pada akhir tahun 2023.



Rajah 10: Peratus Pencapaian Projek Khas Rektor Mengikut Jabatan



Rajah 11: Bilangan dan Pencapaian Projek Khas Rektor Mengikut Jabatan 2023

1.4 Penutup

Pencapaian yang disandang oleh UiTM Cawangan Selangor (UCS) bagi tahun 2023 amatlah memberangsangkan, di mana sasaran PI yang diamanahkan mencapai 100% bagi keseluruhan 15 projek. Begitu juga dengan Projek Khas Rektor terdapat empat (4) jabatan yang berjaya menyelesaikan projek seperti yang telah disasarkan pada awal tahun. Dengan adanya Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Selangor (UCS) sedikit sebanyak menjadi panduan dalam merealisasikan misi dan visi UiTM ke arah mencapai aspirasi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025.

2.0 /

PENYELIDIKAN DAN INOVASI




<i>m/s</i>	42	Pengenalan
	43	Pencapaian Tahun 2023
	48	Laporan Penarafan dan Penerbitan
	51	Laporan Inovasi, Pengkomersialan & Perundingan
	60	Penutup

2.0 PENYELIDIKAN DAN INOVASI

2.1 Pengenalan

Pada 1 Mac 2022, UiTM Cawangan Selangor (UCS) telah dinobatkan sebagai kampus yang berorientasikan penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan khidmat komuniti melalui pelan strategik kampus ke arah penyelidikan dan inovasi, sejajar dengan hasrat Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kementerian Pendidikan Tinggi dan kerajaan Malaysia serta penglibatan pemegang taruh universiti yang terdiri daripada penyelidik, pelajar, industri dan masyarakat. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor (BPIUCS) berperanan dalam memperkasakan penyelidikan dan memastikan pengurusan aktiviti penyelidikan dapat dilaksanakan secara efisien.

Modul Strategik UCS mensasarkan *Research Excellence Strategy* bagi menjadikan UCS sebuah kampus penyelidikan dengan menetapkan pelaksanaan inisiatif ke arah memperkasakan penyelidikan UCS dengan lebih cemerlang dalam usaha ke arah ketampakan UiTM di persada global. Pelan Strategik UiTM 2025 untuk menjadi *Globally Renowned University* (GRU 2025) menjadi rujukan utama kepada strategi BPIUCS. Sehubungan dengan itu, BPIUCS telah mengenal pasti lapan (8) strategi utama seperti Rajah 1.



Rajah 1 : Model Strategik Penyelidikan dan Inovasi UCS 2021-2025

Pencapaian Objektif dan Inisiatif Strategik Pencapaian BPIUCS diukur melalui hasil pelaksanaan lapan (8) Objektif Strategik/*Strategic Objectives* (SO). Berdasarkan lapan (8) SO ini, GRU2025 *Roadmap* bagi tahun 2021 sehingga 2025 telah dirancang kepada 3 fasa. Setiap fasa menetapkan tema yang berbeza seperti berikut; *Globally Competent*, *Globally Marketable*, *Globally Respected* kepada *Globally Renowned University* (GRU) 2025. Fasa pertama yang bertemakan kepada *Globally Competent*, lapan (8) SO BPIUCS ditujahkan bagi mencapai tema tersebut dan ianya diukur melalui hasil dari pelaksanaan strategi. Rajah 2 adalah *Roadmap* BPIUCS 2022 – 2025.



Rajah 2 : *Roadmap* BPIUCS 2022-2025

2.2 Pencapaian Tahun 2023

2.2.1 Laporan Pencapaian KPI

2.2.1.1 Laporan Capaian Objektif Kualiti


UiTM Cawangan Selangor telah menetapkan objektif kualiti iaitu Melestarikan Pencapai MyRA 5 Bintang. Sebagai kampus cawangan yang berteraskan penyelidikan, pihak UCS telah mencapai sasaran pencapai MyRA lima bintang pada tahun 2021 dan 2022. Manakala bagi tahun 2023 sehingga bulan Disember telah mencapai 65.28% (data akan dimuktamadkan pada Feb-Mac 2024).



Rajah 3 : Pencapaian Skor MyRA UiTM Selangor 2021-2023

2.2.1.2 Laporan Pencapaian Teras Perkhidmatan

Teras Perkhidmatan BPIUCS merupakan salah satu pengukuran pencapaian jabatan yang dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti (JPQ) UCS dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) setiap tahun. Pencapaian teras perkhidmatan BPUCSI adalah seperti berikut:



Rajah 4 : Pencapaian Teras Perkhidmatan BPIUCS 2023

2.2.1.3 Laporan Pencapaian PI Khas Rektor

UCS telah memperkenalkan PI Rektor bagi membantu meningkatkan kecemerlangan UCS bagi semua PTJ yang tidak diturunkan PI dari pihak Universiti. Sebanyak dua (2) PI Rektor telah diberi kepada pejabat BPIUCS. Kesemua PI tersebut telah berjaya dicapai oleh pihak BPIUCS seperti rajah di bawah.



Rajah 5 : Pencapaian PI Khas Rektor BPIUCS tahun 2023

2.2.2 Laporan Penyelidikan

Tahun 2023 merupakan tahun yang mencabar kepada penyelidik UiTM. Persaingan tinggi daripada penyelidik institusi pengajian tinggi tempatan dengan akses sumber dana yang terhad telah menyebabkan penyelidik terus berusaha mendapatkan geran penyelidikan.

2.2.2.1 Tren Perolehan Geran UCS 2018-2023


Perolehan geran UCS dari tahun 2017 sehingga kini menunjukkan tren yang memberangsangkan. Geran bernilai RM 93,886,631.52 telah diperolehi dari tahun 2017 sehingga 2023. Manakala jumlah penyelidik utama yang telah memperolehi geran di UCS adalah seramai 1887. Jumlah geran yang diperolehi bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM 14,768,340.50 yang melibatkan seramai 196 penyelidik sebagai penyelidik utama.



Data iRES sehingga Disember 2023

Rajah 6 : Tren Perolehan Geran UCS tahun 2018-2023

Data perolehan geran UCS mengikut kategori menunjukkan perolehan geran dari dana kebangsaan bagi tahun 2023 adalah meningkat empat (4) kali ganda dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM 11,701,487.00 bagi tahun 2023 berbanding dengan RM 4,420,899.00 pada tahun 2022. Manakala sumber perolehan dana dari universiti, pembiayaan sendiri, syarikat swasta dan dari sumber antarabangsa menunjukkan pengurangan dari tahun sebelumnya.



Data iRES sehingga Disember 2023

Rajah 7 : Perolehan geran UiTM Cawangan Selangor mengikut kategori 2018-2023

2.2.3 Perolehan Geran UCS Tahun 2023

2.2.3.1 Perolehan geran UCS mengikut kategori

Data perolehan geran UCS mengikut kategori menunjukkan perolehan geran dari dana kebangsaan adalah tertinggi iaitu sebanyak RM11,701,487.00 bagi tahun 2023, diikuti dana dari universiti sebanyak RM1,510,016.00. Sebanyak RM632,974.00 geran telah diperolehi dari pembiayaan sendiri diikuti sebanyak RM 633,911.27 dari syarikat swasta. Perolehan geran dari sumber antarabangsa sebanyak RM289,952.23 telah diperolehi bagi tahun 2023.




Data iRES sehingga Disember 2023

Rajah 8 : Perolehan geran UCS mengikut kategori tahun 2023

2.2.3.2 Perolehan geran FRGS 2023 mengikut Fakulti/CoE

Jumlah perolehan geran FRGS UCS bagi tahun 2023 berdasarkan PTJ menunjukkan Fakulti Sains Kesihatan telah memperolehi geran FRGS sebanyak RM1,345,836.00 diikuti oleh Fakulti Farmasi (RM1,276,055.00) dan Fakulti Perubatan (RM980,319.00). AURINS telah memperolehi geran bernilai RM290,400.00, diikuti oleh iPROMISE (RM 205,966.00), Fakulti Pendidikan (RM185,000.00), Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (RM168,320.00), Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (RM150,020.00), KPPIM (RM82,000.00) dan Pusat Asasi (RM 65,000.00).




Data iRES sehingga Disember 2023

Rajah 9 : Perolehan geran FRGS mengikut fakulti/CoE Tahun 2023

2.2.4 Geran Dalam UiTM Cawangan Selangor (DUCS)

Sebanyak empat (4) jenis geran dalaman (DUCS) yang bertemakan antaranya kesenian & kreativiti dan SULAM telah ditawarkan pada tahun 2023 dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM460,000 dengan 40 projek. Seramai 11 penyelidik telah ditawarkan geran DUCS-SULAM dengan jumlah dana sebanyak RM200,000. Manakala sebanyak RM 120,000 telah diagihkan kepada 12 penyelidik di bawah penawaran geran Kesenian & Kreativiti (DUCS-KK). Tambahan pula, seramai 12 penyelidik lain telah ditawarkan geran DUCS Khas bernilai RM 80,000. Geran Sepadan Universiti Luar Negara (*Matching Grant*) bernilai RM 60,000 juga telah ditawarkan kepada lima (5) penyelidik bagi tahun 2023.




Rajah 10 : Jumlah Penawaran geran Dana UiTM cawangan Selangor (DUCS) Tahun 2023

2.3 Laporan Penarafan dan Penerbitan

2.3.1 UCS Scholarly Output Performance

Sasaran SO7 (*Informetricas Competitive Intelligence Tool*) dicapai melalui analisa SOP data penerbitan WoS (CNCI) dan Scopus (FWCI) bagi menyusun para penulis (author) mengikut jumlah penerbitan, jumlah sitasi dan impak faktor. Penerbitan bersasar kepada *Topic Promenince* akan memberi kesan kepada penarafan universiti. Melalui strategi SO7, *Field Weighted Citation Impact* (FWCI) digunakan untuk menarafkan pencapaian para penulis mengikut tahap impak penerbitan masing-masing. Data *Top Ten Subject Area with Highest FWCI* mendapati bidang *Neuroscience* mendahului keseluruhan bidang tujahan, diikuti dengan bidang *Energy*. Kedua bidang ini melepasi *world's average* (deco) melebihi dari satu (1). Perbandingan sitasi bidang *Chemistry* dan *Earth and Planetary* yang mempunyai FWCI yang sama iaitu 0.98, menunjukkan *Chemistry* adalah lebih dominan dengan sitasi yang lebih tinggi (12 021) berbanding dengan *Earth and Planetary* (2498).



Rajah 11 : Top Ten Subject Area with Highest FWCI

2.3.2 Penerbitan UCS Tahun 2023

2.3.3.1 Tren Penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi dan Berindeks

Jurnal berimpak tinggi ini mempunyai pengkelasan Quartile 1 hingga 4. Daripada tren ini dilihat Jurnal WOS(Q2) mempunyai tren yang menaik dari tahun ke tahun. Penerbitan berindeks merujuk kepada jurnal yang berindeks WOS, Scopus, Mycite dan ERA. Data tren ini diambil hasil dari tahun 2020 hingga 2023. Daripada data tren ini dapat dilihat majoriti tren yang menaik dari tahun ke tahun. Tren ini dapat dilihat melonjak untuk tahun 2022 ke 2023 yang mana penerbitan adalah lebih dari separuh dari tahun yang sebelumnya. Jurnal ERA lebih mendominasi dari jurnal-jurnal yang lain.


Jurnal Berimpak Tinggi				
	2020	2021	2022	2023
WOS	427	594	427	718
	Q1: 54	Q1:147	Q1: 292	Q1: 130
	Q2: 41	Q2:116	Q2: 160	Q2: 213
	Q3: 29	Q3: 67	Q3: 105	Q3: 106
	Q4: 15	Q4: 57	Q4: 184	Q4: 79
Jurnal Berindeks				
SCOPUS	732	716	616	1355
MYCITE	216	219	194	1849
ERA	199	407	688	1940

Data sehingga Disember 2023

Jadual 1 : Tren penerbitan Jurnal Berimpak Tinggi dan Berindeks UCS

2.3.2.2 Jumlah penerbitan UCS Tahun 2023 mengikut kategori

Jenis penerbitan yang paling tinggi diterbitkan adalah *Journal* (7089), diikuti dengan *Proceeding* (2833), *Newsletter* (1824), *Book* (586), *Magazine* (1120), *Electronic Media* (404), *Creative Works* (459) dan lain-lain.



Rajah 12 : Jumlah penerbitan UCS Tahun 2023 mengikut kategori

2.3.3.3 Jumlah penerbitan mengikut Fakulti

Jumlah penerbitan untuk seluruh fakulti di UCS adalah 16,910. Dari jadual di bawah setiap fakulti menerbitkan jurnal artikel lebih dari separuh dari jumlah penerbitan masing-masing dan FBM mendominasi jumlah penerbitan dari fakulti-fakulti yang lain iaitu sebanyak 5890 artikel diikuti Fakulti Perakaunan, Kolej Alam Bina, Kolej Seni Reka dan lain-lain.

FAKULTI	BIL. PENERBITAN	BIL. JURNAL	SCOPUS	WoS
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan	5890	2483	268	128
Fakulti Perakaunan	2312	925	204	60
Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan	1355	549	64	3
Fakulti Perubatan	1276	650	178	234
Fakulti Sains Kesihatan	676	334	185	59
Fakulti Farmasi	646	308	77	95
Fakulti Pergigian	431	213	56	57
Fakulti Pendidikan	403	226	30	13
Jumlah Keseluruhan	12989	5688	1062	649

Data PRIME (Disember 2023)

Jadual 3 : Jumlah penerbitan UCS Tahun 2023 mengikut kategori

2.3.3.4 Jumlah penerbitan Centre of Excellent (CoE) UCS

Untuk kumpulan CoE di UCS pula, jumlah penerbitan dari tiga (3) buah CoE adalah 114 penerbitan dan 89 (78%) adalah jurnal artikel. 45 artikel yang berindeks Scopus dan WOS telah disumbangkan. Jurnal berindeks WOS (jurnal berimpak tinggi) lebih tinggi diterbitkan dari kumpulan CoE ini.

CoE/Penerbitan	Bil. Penerbitan	Bil. Jurnal	SCOPUS	WOS
iPROMISE	67	52	22	23
IPPerForM	40	32	9	17
AURINS	7	5	4	-
Jumlah	114	89	35	40

Data PRIME (Disember 2023)

Jadual 4 : Jumlah penerbitan Centre of Excellent (CoE) UCS Tahun 2023

2.4 Laporan Inovasi, Pengkomersialan & Perundingan

2.4.1 Pencapaian Inovasi

2.4.1.1 Tren pendaftaran dan pemberian paten penyelidik UCS

Pencapaian inovasi boleh diukur dengan rekod harta intelek sesebuah organisasi. Harta intelek (*Intellectual properties*) terbahagi kepada beberapa kategori iaitu paten, cap dagangan, hak cipta, rekabentuk perindustrian dan petunjuk geografi. Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah badan berkanun yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran, pengurusan dan penguatkuasaan harta intelek di Malaysia. Di UiTM, pendaftaran harta intelek diuruskan oleh BITCOM (*Business Innovation & Technology Commercialization Centre*).

Berpandukan data harta intelek yang didaftarkan di BITCOM, penyelidik di UCS paling tinggi mendaftarkan harta intelek untuk kategori hak cipta, diikuti oleh paten. Tren pencapaian paten penyelidik tahun 2021-2023 boleh dilihat dibandingkan pada Jadual 2.4.1 dan rekod pendaftaran hak cipta di Jadual 5.

BIL	FAKULTI	2021		2022		2023	
		FILING	GRANTED	FILING	GRANTED	FILING	GRANTED
1	Fakulti Perubatan	4	0	0	0	0	2
2	Fakulti Pergigian	0	0	0	1	2	0
3	Fakulti Sains Kesihatan	0	1	0	0	0	0
4	Fakulti Farmasi	0	1	0	1	2	1
5	<i>Atta-ur-Rahman Institute for Natural Product Discovery (AuRINs)</i>	0	0	0	1	0	0
6	<i>Integrative Pharmacogenomics Institute (iPROMISE)</i>	0	0	0	1	0	1
7	<i>Institute of Pathology, Laboratory and Forensic Medicine (IPPerForM)</i>	0	2	2	3	0	0
Jumlah		4	4	2	7	4	4

Jadual 5 : Jumlah pendaftaran dan pemberian paten penyelidik UCS dari tahun 2018-2023.

Pusat Tanggungjawab (PTJ)	2021	2022	2023
Farmasi	14	6	4
Pendidikan	2	0	0
Pengurusan dan Perniagaan	7	9	1
Pengurusan Hotel dan Pengurusan Pelancongan	1	0	1
Perakaunan	11	0	3
Pergigian	10	7	3
Perubatan/IPPerform	33	22	14
Sains Kesihatan	18	8	2
Kolej Pengajian Alam Bina	2	1	3
Pusat Asasi	8	1	0
Aurins	1	4	0
iPROMISE	1	0	0
Jumlah	108	58	31

Jadual 6 : Jumlah Pendaftaran Hak Cipta oleh Penyelidikan UCS 2021-2023.

2.4.2 Pencapaian Pengkomersialan

Pencapaian pengkomersialan bagi penyelidik UiTM Cawangan Selangor bagi tahun 2023 adalah seperti berikut:



Rajah 13 : Pencapaian pengkomersialan penyelidik UCS

2.5 Inisiatif Pemerkasaan Penyelidikan dan Inovasi Tahun 2023

2.5.1 Penganjuran Program-program Berimpak

2.5.1.1 Karnival Inovasi UCS 2023

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi menganjurkan Karnival Inovasi UCS 2023 pada 14-15 Januari 2023 di Dewan Berlian, UiTM Cawangan Selangor. Moto karnival kali ini adalah "Inovasi Memperkasa Ekonomi". Pelbagai bentuk persembahan, pameran dan bengkel bagi meraikan pemenang anugerah Inovasi UCS tahun ini. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Ts. Dr. Haji Aminuddin Bin Hassim, Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Turut hadir pengurusan tertinggi UiTM, Profesor Dr. Norazah Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor UCS, Pengurusan UiTM, Pengurusan UCS, pensyarah dan kakitangan UCS, rakan media dan penaja.



Karnival ini merupakan acara inovasi tahunan yang dianjurkan oleh UCS yang mempamerkan teknologi, penyelidikan dan inovasi terkini daripada pelajar, fakulti dan rakan industri. Karnival ini menampilkan pelbagai aktiviti termasuk pameran, pertandingan, bengkel, dan ceramah mengenai pelbagai topik berkaitan teknologi dan inovasi serta penyertaan komuniti sekolah berhampiran (seperti SK Puncak Alam 2). Acara ini bertujuan untuk menggalakkan budaya inovasi dan keusahawanan di kalangan pelajar, ahli

akademik, dan masyarakat tempatan dengan menyediakan platform bagi mereka untuk mempamerkan bakat dan idea.

2.5.1.2 The Malaysian Launch of the 2023 Report of Lancet Countdown on Health & Climate Change

Program 'The Malaysia Launch of the 2023 Report of Lancet Countdown on Health and Climate Change' telah dianjurkan dengan kolaborasi dan kerjasama UiTM Cawangan Selangor, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM, Institute of Leadership & Development (ILD) UiTM dan Fakulti Perubatan UiTM dengan Commonwealth Medical Association (CMA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Majlis perasmiannya telah disempurnakan oleh Pegawai Khas kepada Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Encik Arvend Applasamy.



Laporan *Lancet Countdown 2023* yang dilancarkan telah mendapat perhatian global di mana dalam 12 jam awal selepas penerbitannya, laporan itu telah diliputi lebih 1050 artikel, termasuk dalam saluran terkenal seperti *The New York Times*, *BBC World Service*, *The Guardian*, *CNN*, *Euronews* dan *Reuters*. Saluran-saluran ini telah memainkan peranan penting dalam menguatkan hasil laporan mengenai perubahan iklim dan kesihatan global di seluruh dunia.

2.5.1.3 Pertandingan *Invention, Innovation & Design Exposition 2023 (iindex2023)*

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UCS menjadi penganjur bersama pertandingan *Invention Innovation & Design Exposition 2023 (iindex2023)* yang diadakan pada 12-15 Disember 2023 di Dewan Berlian, UiTM Cawangan Selangor. Pertandingan iindex merupakan acara berprestij tahunan anjuran UiTM melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang berteraskan pertandingan inovasi dan mengetengahkan hasilan produk inovasi yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan ke peringkat global.



2.5.1.4 Program *UiTM Leaders Engagement with Living Lab Community@Sungai Panjang, Sabak Bernam, Selangor*

Bersama Institut Kepimpinan Dan Pembangunan (ILD), UiTM dan Komuniti setempat, BPIUCS telah bersama-sama menganjurkan Program *UiTM Leaders Engagement with Living Lab Community@Sungai Panjang, Sabak Bernam, Selangor*. UiTM *Living Lab* ini bertujuan menjadikan Komuniti Sabak Bernam sebagai komuniti angkat untuk memperkasakan kualiti kehidupan, sosioekonomi, pendidikan, pertanian, agropelancongan dan kesejahteraan komuniti di Sabak Bernam, Selangor melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan oleh penyelidik UiTM. Program ini dihadiri oleh petani dan pesawah dari komuniti Sungai Panjang, Sabak Bernam serta pegawai dari pelbagai agensi luar yang berkaitan dengan pertanian di Sungai Panjang, Sabak Bernam. Turut hadir, Ybhg. Prof. Datuk Dr Mizan Bin Hitam, Penolong Naib Canselor (PNC) Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), UiTM, YBhg Profesor Dr. Nor Azura Md Ghani, Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan, UiTM, YBhg Profesor Madya Dr. Alawi Bin Haji Sulaiman, Pengarah, Institut kepimpinan Institusi, ILD, UiTM serta Ybhg Prof Ts. Dr Asmah Awal, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) UiTM Cawangan Selangor.



2.5.1.4 Program *Hot Chocolate Research Talk* dan *UCS Academic Lecturer*

Sesi syarahan telah dijalankan bagi meningkatkan kecemerlangan akademik, terutama kepada penyelidik UCS. Tokoh-tokoh penyelidik telah dijemput bagi sesi perkongsian pengalaman dan kesarjanaan melalui program *Hot Chocolate Research Talk* dan *UCS Academic Lecture*. Bagi meningkatkan ketampakan UCS, pihak BPIUCS juga telah bersiar melalui antaranya program Selamat Pagi Malaysia dan juga radio UFM.

UCS ACADEMIC LECTURE

Guest Speaker
YBhg. Professor Dr. Ahmad Sazali Hamzah
Chairman, UITM Council of Professors
Former Rector of UiTM Cawangan Selangor

AN ACADEMIC JOURNEY OF A RELUCTANT SCIENTIST

Tuesday
21 March 2023
10.00 am - 12.30 pm
DK500, UiTM Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam

KARNIVAL INOVASI UCS 2023

PROF. TS. DR. ASMAH AWAL
PENGURUS PROGRAM / TIMBALAN REKTOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI),
UiTM CAWANGAN SELANGOR

DR. SITI AZMA JUSOH
PENGARAH PROGRAM / KOORDINATOR
PENGURUSAN INOVASI,
PENGKOMERISIAN DAN PERUMPTINGAN,
UiTM CAWANGAN SELANGOR

RABU, 11 JANUARI 2023
9:40 PAGI

spfm **tv1** **BERITA** **Freeview** **RM**

LIVE **selamatpagimelayasia** **Prasasti pagi** **Armenia**

HOT CHOCOLATE RESEARCH TALK

Wednesday, 05 July 2023
10.00 am - 1.00 pm

Dr. Nurul Huda Z
Rector, UiTM Selangor
UiTM Selangor, Puncak Alam
UiTM Selangor, Puncak Alam

ASSISTANT PROFESSOR DR. DR. CHAI CHAI SHAN
Rector, UiTM Selangor
UiTM Selangor, Puncak Alam
UiTM Selangor, Puncak Alam

ASSISTANT PROFESSOR DR. BAKHTI DA
Rector, UiTM Selangor
UiTM Selangor, Puncak Alam
UiTM Selangor, Puncak Alam

HOT CHOCOLATE Research Talk

PANEL JEMPUTAN

PROF. EMERITA DATUK DR. ASMA ISMAIL, FRS
Honorary Fellow Professor
Honorary Professorial Chair in Sustainable
Development and Innovation, Universiti Malaysia (UM)

MODERATOR
PROF. DATUK DR. HAPICAH MOHD NAWAWI
Honorary Professorial Chair in Sustainable
Development and Innovation, Universiti Malaysia (UM)

14.00 PM
12.00 PM
DEWAN SERLIAN
KAMPUS PUNCAK ALAM

streamed through **UiTM Cawangan Selangor**
11-15 Jan 2023
<https://cawangan.selangor.mpa.hum2023/>

2.6.2 Kolaborasi dan Penjanaan Geran Bersama Pihak Agensi/Industri/Komuniti

2.6.2.1 Kunjungan Hormat ke Pejabat KSU Kementerian Ekonomi



Kunjungan Hormat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi bertujuan untuk membantu komuniti dalam meningkatkan lagi ekonomi dan taraf hidup serta untuk mendapatkan geran penyelidikan bagi membantu komuniti. Program ini merupakan salah satu inisiatif di bawah UiTM Living Lab@Sabak Bernam.

2.6.2.2 Projek kolaborasi industri *Kaempferia parviflora* (Kunyit Hitam) bersama Bellus Tera Sdn. Bhd.



Projek Kolaborasi Penyelidikan UiTM-Bellus Terra Sdn. Bhd dalam industri *Kaempferia parviflora* (Kunyit Hitam) - (Greenhouse) Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dengan kerjasama Bellus Terra Sdn. Bhd. telah bekerjasama dalam menjalankan penyelidikan berkaitan potensi *Kaempferia parviflora* (kunyit hitam) sebagai satu komoditi baru bernilai tinggi di Malaysia. Projek permulaan telah dimulakan di Greenhouse UCS

dengan penanaman 400 *polybag* dengan menggunakan teknologi *smart farming system*. Kajian mengenai '*Comparative Phytochemical Screening of Different Parts of Kaempferia parviflora Wall Ex Baker (Black Ginger)*' telah dijalankan bersama pensyarah Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan UiTM dan dapatani kajian telah dibentang dalam *International Conference on Natural Products (ICNP2023)* mengenai '*Micropropagation and Smart Farming of Kaempferia parviflora*'.

2.6.2.3 Projek Kolaborasi Industri *Biodegradable Plastics* Bersama JMyKo Sdn. Bhd.

Projek Kolaborasi Penyelidikan UiTM Bersama JMyKo Sdn. Bhd. dalam industri *Biodegradable Plastics* yang melibatkan rakan industri *bioplastics* bagi negara Malaysia. Matlamat kolaborasi ini adalah untuk memastikan penyelidikan dan inovasi berkaitan dengan industri *bioplastics* yang akan diperkasakan di Malaysia. Inisiatif ini telah dimulakan dan MoU telah ditandatangani antara UiTM dan JMyKo Sdn. Bhd.



2.6.2.4 Program UiTM Living Lab@Sabak Bernam

Senat UiTM telah meluluskan UiTM *Living Lab* di Sabak Bernam pada 11 Ogos 2023 dan inisiatif ini dibantu melalui kolaborasi PIKOM (Persatuan Integrasi Komuniti Usahawan Muda) dan SPAT (Sungai Panjang Agro Tourism). Objektif inisiatif UiTM *Living Lab* adalah untuk meningkatkan pemindahan ilmu dan teknologi kepada komuniti di Sabak Bernam dan meningkatkan ketampakan UiTM di peringkat komuniti.



2.6.2.5 Kunjungan Hormat kepada YB. Datuk Hj. Rizam Bin Hj. Ismail, Pengerusi SABDA (Inisiatif Pembangunan Kawasan Sabak Bernam)

Kunjungan Hormat ke pejabat YB. Datuk Hj. Rizam Bin Hj. Ismail, Pengerusi SABDA (Inisiatif Pembangunan Kawasan Sabak Bernam), yang juga merupakan Exco Kemajuan Desa, Perpaduan & Pengguna

Negeri Selangor telah diadakan bagi membantu komuniti dan industri di Sabak Bernam, terutama golongan B40. Pelbagai cadangan dan inisiatif telah dibincangkan bagi membantu golongan tersebut melalui dana dan geran yang akan dipohon.



2.6.2.6 Perbincangan bersama Pihak Menteri Besar Selangor Perbadanan (MBI)

Kunjungan pihak MBI ke BPIUCS bagi perbincangan Projek Pengukuhan Ekonomi melalui Ekonomi Digital : Peniaga Pasar Malam (Rancangan Selangor Pertama (RS-1). Beberapa perbincangan telah diadakan bagi pelaksanaan projek tersebut dan



2.6.2.7 Kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)



Pada 8 Januari 2023, BPIUCS telah membuat kunjungan hormat ke Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) bagi membincangkan kerjasama penganjuran Karnival Inovasi UCS 2023 dengan kerjasama MPKS. Delegasi diketuai oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi), UCS serta Prof. Madya Dr. Badrul Isa, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, UCS serta pegawai UCS. MPKS telah menjadi rakan penganjur dan menyertai Karnival Inovasi 2023.

2.6.2.8 Projek Kerjasama Bersama Celcom Timur Sabah

Perbincangan bersama pihak pengurusan tertinggi Celcom Timur Sabah Sdn. Bhd. telah berlangsung pada 26 Julai 2023 bagi membincangkan kolaborasi tiga penjurong di antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor (UCS), Universitas Islam Sultan Agung Kota Semarang, Jawa Tengah (Unissula) dan Celcom Timur Sabah Sdn. Bhd. untuk projek *Teaching Cooperative @ UCS (TOPS)*.



2.6.2.9 Kunjungan dan perbincangan bersama FGV Innovation Center, Bandar Enstek

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi telah dijemput ke Kunjungan dan perbincangan bersama FGV Innovation Center, Bandar Enstek Nilai. Kunjungan bertujuan untuk mendengar taklimat dan jenis kerjasama yang boleh dijalankan bersama penyelidik UiTM, khususnya UiTM Cawangan Selangor.

2.6.2.10 Taklimat Geran Penyelidikan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya

Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, UiTM Cawangan Selangor (UCS) telah menghadiri Taklimat Geran Penyelidikan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya. Ini merupakan antara inisiatif BPIUCS di dalam strategi bagi mendapatkan geran luar untuk penyelidik UCS. YBhg. Prof. Ts. Dr. Asmah Awal, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi telah hadir untuk mendengar taklimat tersebut. Sebanyak enam (6) projek akan ditawarkan kepada penyelidik IPT yang berjaya.

2.6.3 Lain-lain program dan aktiviti

2.6.3.1 Program SULAM: UiTM Memperkasakan Komuniti - Koperasi Bersepadu Rungkap Berhad, Bagan Datuk Perak

Service-Learning Malaysia – University for Society (atau SULAM) merupakan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menangani Anjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu melahirkan Graduan Holistik, Keusahawanan dan Seimbang. Ia juga akan berusaha untuk memupuk budaya kebahagiaan, kasih sayang dan saling menghormati dalam usaha untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan dan positif.



Program pada hari ini merupakan aktiviti SULAM bersama koperasi. Koperasi memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan perniagaan, meningkatkan kualiti hidup dan membantu mengurangkan kemiskinan di Malaysia. Ianya juga memberi manfaat kepada ahli-ahlinya serta meningkatkan taraf

hidup di kalangan komuniti berpendapatan rendah dan sederhana, yang secara tidak langsung bertindak sebagai alat pengagihan kekayaan negara untuk membasmi kemiskinan. Sektor koperasi telah disasarkan sebagai enjin ketiga pembangunan ekonomi negara, bersama-sama dengan sektor awam dan swasta di Malaysia.

2.6.3.1 Sesi Penyerahan Buku Menyelusuri Makanan Daerah Perak Tengah kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kampung Gajah hasil penyelidikan dari UiTM Cawangan Selangor



Sesi Penyerahan Buku Menyelusuri Makanan Daerah Perak Tengah kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kampung Gajah hasil penyelidikan dari UiTM Cawangan Selangor pada 15 Februari 2023. Bertempat di Aras 4 Pejabat Rektor UCS. Telah disempurnakan oleh YBhg Prof Dr. Ahmad Sazali Hamzah, Rektor UCS dan diiringi Timbalan Rektor Penyelidikan dan Inovasi Prof. Ts Dr. Asmah Awal. Projek adalah inisiatif geran dalaman UCS dan MoU yang telah ditandatangani bersama Pejabat Daerah Perak Tengah.

2.6.3.2 Sesi Lawatan dan Perbincangan Bersama Prof. Madya Dr. Neneng Windayani, Sekretäris Laboratorium Terpadu dari Pusat Kajian Halal & Lembaga Pemeriksa Halal UIN Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia

Inisiatif ke arah GRU 2025 yang memberi penekanan agresif untuk memperluas jaringan kerjasama di peringkat global yang melibatkan sesi lawatan perbincangan bersama Prof. Madya



Dr. Neneng Windayani telah diadakan pada 2 Ogos 2023. Beliau merupakan Sekretäris Laboratorium Terpadu dari Pusat Kajian Halal & Lembaga Pemeriksa Halal UIn Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia. Tujuan lawatan beliau antaranya kolaborasi penyelidikan, projek komuniti serta penanda aras.

2.6.3.3 Sesi lawatan dan perbincangan bersama Professor Vyacheslav Dushenkov, Visiting Professor Fulbright Specialist, New York, USA

Sesi lawatan dan perbincangan berkaitan penanaman pintar dan industri herba di Malaysia telah dijalankan di UiTM Cawangan Selangor. Lawatan kerjasama yang dihadiri oleh Professor Vyacheslav Dushenkov, Visiting Professor Fulbright specialist New York, USA telah disambut baik oleh YBhg. Prof. Ts. Dr Asmah Awal, Timbalan Rektor Penyelidikan & Inovasi UiTM Cawangan Selangor (UCS), yang seterusnya membawa kepada lawatan tapak Rumah Hijau (Greenhouse) UCS. Lawatan seumpama ini selari dengan fokus utama UCS untuk menjadi cawangan yang berteraskan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersialan dan Komuniti. Lawatan turut disertai oleh Dr. Salfarina Ramli dari Fakulti Farmasi, UiTM.



2.7 Penutup

Sasaran BPIUCS ke arah pemerkasaan penyelidikan dan inovasi pada tahun 2023 seiring dengan strategi *Globally Competence*, GRU2025. Kejayaan penganjuran program dan aktiviti berimpak berteraskan kepada lapan (8) objektif strategi dalam memastikan supaya semua capaian dapat meningkatkan visibiliti UiTM dan juga kepakaran staf. Inisiatif *Scholarly Output Performance* yang menjadikan FWCI dan CNCI sebagai pengukuran utama turut dilaksanakan dalam menilai kepakaran dan ketampakan penyelidik secara penerbitan bersasar ke arah peningkatan penarafan UiTM.

3.0 /

HUBUNGAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN


m/s

64	Pengenalan
65	Laporan Ruang niaga Melibatkan Sewaan dan Keusahawanan Di UCS
69	Laporan Hasil Sewa Ruang Niaga UCS 2023
70	Projek Khas Rektor 2023 (MoA/MoU)
71	Ringkasan MoA/MoU Yang Masih Aktif
72	Aktiviti/Program iCARE (Keusahawanan)
75	Aktiviti/Program iCARE (Jaringan Industri/Komuniti)
76	Laporan Aktiviti/Program Ruang Niaga (Kampus Sg.Buloh/Selayang)
76	Laporan Aktiviti/Program Ruang Niaga (Dengkil)
77	Sorotan Aktiviti Di iCARE 2023
80	Penutup

3.0 HUBUNGAN INDUSTRI, KOMUNITI & ALUMNI


3.1 Pengenalan

Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE), UiTM Cawangan Selangor mempunyai enam (6) fungsi utama yang dipertanggungjawabkan seperti berikut: -



3.2 Pencapaian KPI Dan PI

Berikut adalah jadual Pencapaian KPI dan PI bahagian Jaringan Industri, Komuniti Alumni dan Keusahawanan (iCARE) bagi tahun 2023.




3.3 Laporan Ruang niaga Melibatkan Sewaan dan Keusahawanan Di UCS


3.3.1 Jumlah Ruang Niaga Kampus Puncak Alam & Puncak Perdana

BIL	RUANG NIAGA	JUMLAH SEBENAR
1	Kafeteria	4
2	Gerei	59
3	Kiosk	33
4	Kedai (Kedai Koperasi)	39
5	Gazebo Konkrit	3
6	Minimart	4
7	ATM / BANK	12
8	Stor	3
9	Tadika / Taska	2
10	Dobi	131

BIL	RUANG NIAGA	JUMLAH SEBENAR
11	Tapak Bangunan	4
12	Vending Machine	109
13	Hot & Cold Dispenser	29
14	Mesin RO	28
15	Air Mineral	120
Jumlah Keseluruhan		580




Perkara	Jumlah	Peratusan (%)
Ruang Diisi	440	75.86%
Ruang Kosong	140	24.14%
Jumlah Keseluruhan	580	100%



3.3.2 Jumlah Ruang Niaga Kampus Sg. Buloh/Selayang

Kategori	Jumlah Sebenar
Kafeteria	7
Gerei	3
Kopitiam	1
Mini Mart	4
Dobi	4
Tadika/Taska	3
Mesin Layan Diri	18
Parking	15
Jumlah Keseluruhan	55



Perkara	Jumlah	Peratusan (%)
Ruang Diisi	43	78.18%
Ruang Kosong	12	21.82%
Jumlah Keseluruhan	55	100.00%



3.3.3 Jumlah Ruang Niaga Kampus Dengkil

BIL	RUANG NIAGA	JUMLAH SEBENAR
1	Gerei	12
2	Pasar Mini	1
3	Kedai Percetakan & Alat Tulis	2
4	Kafeteria	1
5	ATM / BANK	3

BIL	RUANG NIAGA	JUMLAH SEBENAR
6	Stor	2
7	Dobi	35
8	Tapak Bangunan	1
9	Mesin Layan Diri (Minuman)	12
10	Mesin RO	7
11	Ruang Kontraktor (Bawah Tangga)	6
12	Ruang Kontraktor (Bilik Janitor)	2
13	Sewaan Tapak Kabin	2
14	Tapak Meletak Kenderaan (Tiada Bumbung)	4
15	Tapak Meletak Kenderaan (Berbumbung)	2
Jumlah Keseluruhan		92




Perkara	Jumlah	Peratusan (%)
Ruang Diisi	92	77.3%
Ruang Kosong	27	22.7%
Jumlah Keseluruhan	119	100%




3.2 Laporan Hasil Sewa Ruang Niaga UCS 2023

Kampus Puncak Alam




**Jumlah Hasil
RM2,505,835.51**

Kampus Puncak Perdana




**Jumlah Hasil
RM184,174.71**

Kampus Sg. Buloh



Jumlah Hasil
RM769,405.03

Kampus Dengkil



Jumlah Hasil
RM939,934.98

3.3 Projek Khas Rektor 2023 (MoA/MoU) –

Tajuk Program	Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UiTM Cawangan Selangor dan Syarikat MILI Express Logistic Sdn. Bhd.
Tarikh	20 Oktober 2023
Lokasi	Dewan Pavilion, Bangunan Fakulti Farmasi 3, UiTM Cawangan Selangor Kampus Pucak Alam
Tujuan	Mewujudkan kerjasama dan memberikan peluang kepada pelajar untuk menjana pendapatan sambil belajar di samping memberikan pendedahan meluas di dalam industri perniagaan dan pekerjaan yang sebenar.
Impak Program	1) Keterlibatan pelajar di dalam program inkubator dan perniagaan secara menyeluruh. 2) Pelajar didedahkan dengan pengalaman menguruskan perniagaan dan mendapat faedah melalui kemudahan yang disediakan oleh pihak syarikat. 3) Melahirkan mahasiswa yang terlatih untuk mengendalikan perniagaan. 4) Pihak syarikat bersetuju untuk menaja beberapa program kampus yang berkaitan serta mengagihkan 2% keuntungan dari jualan kasar hasil perniagaan setiap tahun dalam tempoh MoA ini dilaksanakan.




Sesi menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) sambil disaksikan oleh Timbalan Rektor iCARE, Profesor Madya Sr. Dr. Rosmadi Ghazali (pihak UCS) dan Pengarah Urusan Mili Express Logistics Sdn Bhd, Encik Muhammad Hamizan bin Zaini (pihak Mili Express Logistic Sdn Bhd)



Sesi pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Rektor UiTM Cawangan Selangor (UCS), Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman dan Ketua Pengarah Eksekutif Syarikat Mili Express Logistic Sdn Bhd, Encik Luqmannur Hakkim bin Abdul Rahma

3.4. Ringkasan MoA/MoU Yang Masih Aktif



3.5 Aktiviti/Program iCARE (Keusahawanan)

Tajuk Program	<i>"Business Brew with BIGWIGS" bertema "Sustainable Business Relation Amongst UiTM Students & Staff"</i>
Tarikh	15 Januari 2023
Lokasi	Dewan Berlian, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
Tujuan	Menjadikan sebagai satu medium perhubungan perkongsian ilmu keusahawanan; Alumni Bersama Pelajar dan Majlis Forum Bersama Alumni. Pembudayaan asas keusahawanan dan hubungan alumni menjadi matlamat pelaksanaan program ini.
Impak Program	1. Jalinan hubungan yang baik dengan industri bagi tujuan kebolehpasaran pelajar, pengisian ilmu dan pengalaman. 2. Meningkatkan kebolehpasaran pelajar serta melahirkan usahawan dikalangan mahasiswa melalui program yang dirancang di peringkat MASMED, SME, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan lain-lain termasuk juga agenda bagi keusahawanan sosial. 3. Memperoleh pengetahuan mendalam dalam mengenali potensi keusahawanan dalam diri.



Sesi forum "Business Brew" bersama "biz tycoon"



Barisan panel forum yang terdiri daripada "Business Bigwigs" dalam bidang perniagaan masing-masing.

Tajuk Program	Program Karnival Kerjaya dan Keusahawanan (K2K)
Tarikh	18 – 19 Mei 2023
Lokasi	Dewan Serba Guna, UiTM Cawangan Selangor Kampus Pucak Alam
Tujuan	1. Memberi pendedahan tentang ilmu keusahawanan meliputi keusahawanan digital kepada pelajar dan graduan UiTM. 2. Menyediakan platform untuk mempamerkan daya inovasi pelajar yang dipacu secara kreatif dan tersendiri bagi syarikat/perniagaan mereka. 3. Menyediakan ruang untuk pelabur berpotensi (venture investors) daripada pertandingan pitching keusahawanan. 4. Menghubungkan pelajar dengan institusi kewangan serta syarikat-syarikat yang boleh membantu merealisasikan keusahawanan pelajar dan graduan. 5. Menjalankan aktiviti pelajar dalam konteks pengurusan program dan pendidikan keusahawanan.

Impak Program	1. Program ini dapat mencapai PI 23- Bilangan kerjasama dengan agensi, industri, NGO dan IPT (tempatan dan antarabangsa) yang perlu dicapai oleh iCARE. 2. Begitu juga ianya dapat mencapai PI22 - bilangan venture investors/ entrepreneurship-related pitching competition prizes. 3. Dapat mencapai PI25 - Mengetengahkan kepelbagaian keusahawanan start-up pelajar kepada Syarikat/Industri sebagai potential investors. 4. Bersama secara tidak langsung dengan aktiviti-aktiviti pelajar terhadap keusahawanan dalam mencapai PI26 - Pendedahan dan penglibatan pelajar di dalam program terkini entrepreneurship.
---------------	--

Rumusan maklumbalas pelaksanaan program:

Jadual 3.5.1 – Faedah program acara keusahawanan dalam mendapatkan ilmu, peluang untuk berkeusahawanan, dan idea menambah kewangan peribadi



100% pengunjung yang terdiri daripada para pelajar-pelajar, staf dan para pensyarah mengatakan mereka bersetuju program K2K ini mempunyai pelbagai faedah di dalam bentuk peluang berkeusahawanan, kewangan peribadi juga ilmu keusahawanan daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Jadual 3.5.2 – Peratusan pelajar mendapat bimbingan mengenai berkaitan persediaan menceburi bidang keusahawanan



Sebanyak 68% pelajar yang berkunjung mendapat bimbingan mengenai hal-ehwal keusahawanan dari pensyarah dan juga kursus pengajian.

Jadual 3.5.3 – Peratusan pelajar / peserta mendapat maklumat dan peluang menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan



Sebanyak 66% pengunjung / pelajar / peserta berpuas hati dengan maklumat-maklumat di dalam bidang perniagaan dan keusahawanan daripada pempamer-pempamer *booth* keusahawanan yang terdiri daripada pelajar-pelajar UCS, syarikat-syarikat luar dan juga institusi perbankan terhadap produk dan servis mereka.



Sebahagian pemenang pertandingan Pitching keusahawanan



Sekitar hari program K2K berlangsung, pameran keusahawanan dan jualan produk



Para peserta bergambar bersama dengan panel-panel juri dan juga penceramah-penceramah yang hadir pada hari terakhir program K2K.

3.6 Aktiviti/Program iCARE (Jaringan Industri/Komuniti)

Tajuk Program	Program Jom Sihat - Senamrobik UiTM Cawangan Selangor (Tajaan Syarikat MILI Express Logistic Sdn Bhd)
Tarikh	26 Ogos 2023
Lokasi	Dewan Serba Guna, UiTM Cawangan Selangor Kampus Pucak Alam
Tujuan	1. Mengadakan aktiviti berbentuk kesihatan bersama warga UiTM terutamanya di kalangan staf. 2. Menggalakkan warga staf menyertai aktiviti kesihatan yang diadakan secara berkala
Impak Program	1. Program dihadiri oleh staf daripada pelbagai jabatan secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturrahim 2. Salah satu aktiviti santai dan menyihatkan sebagai kaedah "<i>breaking the tense</i>" sewaktu bekerja 3. Staf yang hadir berasa seronok tambahan pula dimeriahkan lagi dengan aktiviti cabutan bertuah yang ditaja oleh Syarikat MILI Express Logistic Sdn Bhd)

3.7 Laporan Aktiviti/Program Ruang Niaga (Kampus Sg.Buloh/Selayang)

Tajuk Program	Bazaria Bulanan
Tarikh	25 & 26 Januari 2023, 22 & 23 Februari 2023, 22 Mac 2023, 24 & 25 Mei 2023, 21 & 22 Jun 2023, 23 & 24 Ogos 2023, 20 & 21 September 2023, 25 & 26 Oktober 2023, 29 & 30 November 2023, 20 & 21 Disember 2023
Lokasi	Bulatan Parkir & Lobi Bangunan Akademik UiTM Kampus Sungai Buloh
Tujuan	i) Menyediakan kepelbagaian pilihan makanan bagi memenuhi permintaan pelajar. ii) Bagi menjana pendapatan untuk kegunaan kampus iii) Memberi peluang perniagaan kepada usahawan kecil
Impak Program	4. Pelajar mempunyai lebih banyak pilihan makanan sekaligus mengurangkan pergerakan pelajar keluar kampus bagi mendapatkan makanan. 5. Jumlah pendapatan kampus dapat ditingkatkan bagi menampung perbelanjaan yang memerlukan peruntukan dari Tabung Amanah Am. 6. Usahawan kecil dapat menambah pendapatan dengan meluaskan peluang pasaran mereka kepada pelajar dan staf di kampus serta pelawat hospital PPUiTM.

3.8 Laporan Aktiviti/Program Ruang Niaga (Dengkil)

Tajuk Program	Program Keusahawanan MASMED 2023 (Jualan Food Truck)
Tarikh	30, 31 Ogos & 1 September 2023
Lokasi	Tapak Terbuka Parkir Kenderaan Sebelah Pejabat Polis Bantuan
Tujuan	1. Program melibatkan sepuluh (10) Peniaga <i>Food Truck</i> dari luar dan semua warga Pusat Asasi. 2. Merasai pengalaman mengurus niaga bersama Penggerai Food Truck selain berbelanja.
Impak Program	Program ini mendatangkan impak dari segi penjanaan pendapatan universiti melalui sewaan tapak perniagaan Food Truck.

Tajuk Program	Persidangan Agung Tahunan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ke 68 & 69
Tarikh	22 hingga 24 Disember 2023
Lokasi	Dewan Kuliah, Bilik Kuliah dan Ruang Makan
Tujuan	Mesyuarat agung tahunan GPMS
Impak Program	Program ini mendatangkan impak dari segi penjanaan pendapatan universiti melalui sewaan tapak / kemudahan.



Tajuk Program	Latihan Perbarisan Hari Kebangsaan 2023 – JPJ
Tarikh	24 Ogos hingga 1 September 2023
Lokasi	Tapak Khemah Ruang Makan & Tapak Ruang Makan
Tujuan	Latihan Perbarisan JPJ sempena Hari Kebangsaan 2023
Impak Program	Program ini mendatangkan impak dari segi penjanaan pendapatan universiti melalui sewaan tapak / kemudahan.

3.9 Sorotan Aktiviti Di iCARE 2023

3.9.1 Proses Sebutharga Ruang Niaga

Proses sebutharga ruang niaga merupakan salah satu skop tugas utama serta aktiviti berkala yang diadakan di Bahagian iCARE. Semua peniaga di kampus UCS terutamanya yang melibatkan ruang berstruktur akan ditemuduga dan dipilih berdasarkan penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Panel Temuduga. Berikut adalah proses yang dilaksanakan:

- i. Penyediaan Dokumen Tawaran Sebutharga
- ii. Analisa Dokumen Tawaran Sebutharga
- iii. Temuduga Sebutharga Ruang Niaga
- iv. Penilaian Peniaga oleh Jawatankuasa Panel Temuduga
- v. Sesi Penyampaian Tawaran Sebutharga Ruang Niaga Kampus Puncak Alam

3.9.2 Sesi 'Meet & Propose' Bersama Industri/Komuniti

BIL	PERKARA	TARIKH	IMPAK
1.	Perbincangan bersama pihak Bank Simpanan Nasional (BSN)	26/7/2023	1. Kemudahan pinjaman peribadi untuk staf UiTM melalui <i>Corporate Employee Scheme</i>. 2. Permohonan pinjaman yang mudah, hanya perlu scan link/QR Code. Tiada caj deposit dikenakan. 3. Faedah kepada UiTM: □ Pihak BSN akan memberi <i>reward</i> kepada UiTM/UCS sekiranya jumlah permohonan mencapai RM2 juta
2.	Perbincangan bersama Syarikat MILI Express Logistic Sdn Bhd	1/8/2023	1. Majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara UCS dan Syarikat MILI Express Logistic Sdn Bhd telah dilaksanakan pada 20 Oktober 2023 2. Pelajar didedahkan dengan pengalaman menguruskan perniagaan dan mendapat faedah melalui kemudahan yang disediakan oleh pihak syarikat.
3.	Perbincangan bersama pihak Grab	8/8/2023	1. Membuka kaunter berkenaan eHailing bagi memperkenalkan kepada pelajar yang berminat untuk mendaftar sebagai pemandu Grab. 2. Faedah sebagai peserta baru menyertai Grab: □ Pemohon mendapat voucher bernilai RM300 dengan memenuhi terma & syarat tertentu.
4.	Perbincangan bersama pihak Syarikat Q-Space	28/8/2023	1. Cadangan untuk Reka, Bina dan Urus Fasiliti Tambahan serta Kemudahan Berkaitan iaitu Masjid, Pusat Jagaan Kesihatan (Health Sanctuary), Asrama Pelajar dan Rumah Kakitangan, Hotel & Dewan Serbaguna (Event Hall), Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Fasiliti Sukan di UCS Berkonsepkan B.O.T (Built, Operate & Transfer) Secara <i>Self Funding Initiative</i> 2. Kertas kerja cadangan akan di bawa ke Jabatan Pengurusan & Pelaburan Hartanah UiTM Shah Alam bagi perbincangan lanjut.
5.	Perbincangan Program Sekolah Angkat Daerah Kuala Selangor	28/8/2023	1. Sekolah yang terlibat adalah: ← SMK Jeram ← SK Dato' Maharaja Lela 2. Kedua – dua sekolah bersetuju untuk mengadakan program berikut: □ Lukisan Seni Mural – Humanising Education □ Program Bimbingan Kaunseling □ Kempen pemeriksaan Gigi □ Kempen Tandas Ceria □ Program Motivasi Akademik SPM □ Program Peluang Melanjutkan Pelajaran 3. Pihak sekolah sedang menyediakan kertas kerja serta draf memorandum perjanjian (MoU) bersama pihak UCS untuk program yang akan dilaksanakan pada 2024

BIL	PERKARA	TARIKH	IMPAK
6.	Perbincangan bersama Pengusaha Restoran Mamak (Mamu FZ)	13/9/2023	1. Pihak syarikat berminat untuk menyewa ruang bangunan Non Residen, Bandar Hillpark (aras bawah) bagi tujuan perniagaan restoran mamak. 2. Pelawaan sebutharga ruang niaga akan diiklankan pada Januari 2024 untuk semua pengusaha yang berminat
7.	Kunjungan Hormat oleh Pengarah Unit Perkhidmatan OKU UiTM ke iCARE	13/9/2023	1. Perbincangan mengenai kontrak niaga Kafe Ricchiamo di kampus bagi pelanjutan tahun ketiga 2. Pihak OKU UiTM akan meneruskan kontrak dengan menghantar permohonan beserta bayaran penuh seperti yang ditetapkan
8.	Perbincangan Kerjasama Kosiswa dan Zuspresso (M) Sdn Bhd	13/9/2023	1. Kolaborasi Syarikat Zuspresso (M) Sdn. Bhd. dan KOSISWA UiTM akan dipanjangkan ke Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) untuk kelulusan ruang niaga. 2. Syarikat berminat untuk menyewa ruang di Kompleks At-Tijarah bagi menjalankan perniagaan minuman berasaskan kopi



Perbincangan bersama Syarikat MILI
Express Logistic Sdn Bhd



Perbincangan bersama pihak Grab



Perbincangan bersama pihak Syarikat
Q-Space



Perbincangan Program Sekolah Angkat
Daerah Kuala Selangor



Perbincangan bersama Pengusaha
Restoran Mamak (Mamu FZ)



Kunjungan Hormat oleh Pengarah Unit
Perkhidmatan OKU UiTM ke iCARE



Perbincangan bersama pihak
Zuspresso (M) Sdn. Bhd.

3.10 Penutup

Secara keseluruhannya, Bahagian iCARE telah memberi komitmen penuh bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh Universiti dan ianya selaras dengan fungsi penubuhan jabatan, pihak iCARE masih berjaya mencapai KPI dan PI yang ditetapkan oleh Universiti. Melalui kerjasama yang akrab di antara PTJ - PTJ dalaman dengan pihak industri dan komuniti yang sentiasa memberi komitmen berterusan mengorak langkah ke hadapan dengan mengadakan pelbagai program berimpak tinggi dan ianya terbukti melalui jalinan kerjasama program yang telah dijalankan dengan pihak industri dan komuniti. Sebagai sebuah organisasi yang diberi kepercayaan dan tanggungjawab dalam hal urusan industri dan komuniti, Bahagian iCARE menjadi pemangkin dan peneraju untuk merealisasikan dasar-dasar universiti sebagai universiti terulung di Malaysia.

4.0 /

PENCAPAIAN PELAJAR DAN AKTIVITI PERSATUAN

<i>m/s</i>	84	Pengenalan
		Objektif
		Fungsi Teras (Core Business)
	85	Statistik Pelajar UCS
	86	Pencapaian PI dan Teras Perkhidmatan
	89	Laporan Perkhidmatan Dari Unit-Unit Di Bawah HEP UCS
	94	Penjanaan Pendapatan
	95	Bahan Penerbitan
	96	Inovasi Yang Dilaksanakan
	97	Penganjuran Program
	100	Lawatan Penandaarasan
	101	Penutup

4.0 PENCAPAIAN PELAJAR DAN AKTIVITI PERSATUAN

4.1 Pengenalan

Sejarah penubuhan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM Cawangan Selangor bermula pada bulan Julai 2009 yang pada awalnya berpusat di Tingkat 2, Kompleks Kemudahan Pelajar Rafflesia (KKPR), di bawah naungan Timbalan Pengarah Kampus. Pada tahun 2015, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah berpindah ke pejabat baru di aras 3, Bangunan FF1. Pada tahun 2017, Bahagian Hal Ehwal Pelajar mendapat pelantikan pertama Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar menggantikan nama jawatan asal iaitu Timbalan Pengarah Kampus. Sekarang, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dibawah naungan Timbalan Rektor HEP yang ketiga iaitu Profesor Madya Dr. Badrul Isa.

4.2 Objektif

- Merangka dan melaksanakan program pembangunan pelajar yang bersepadu dan berterusan serta mempunyai nilai tambah (value added) bagi mewujudkan lulusan yang bersifat holistik.
- Memberi perkhidmatan dan kemudahan yang menyeluruh dan sempurna bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran dan tempat tinggal yang selesa, ceria dan selamat.

4.3 Fungsi Teras (Core Business)

Pelan perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal Pelajar 2020-2025 telah menggariskan dua (2) fungsi teras yang mencakupi aspek Pembangunan dan Kepimpinan Pelajar serta Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar. Perinciannya adalah seperti berikut:

Pembangunan & Kepimpinan Pelajar



Perkhidmatan dan Kemudahan Pelajar

1

Bantuan kewangan dan biasiswa pelajar

6

Pembangunan Kerjaya dan Penempatan Pekerjaan

2

Kebajikan Pelajar

7

Khidmat Bimbingan, Psikologi dan Kaunseling

3

Kebajikan Pelajar

8

Pengurusan dan Kebajikan NR

4

Kebajikan Pelajar

9

Perkhidmatan kaunter setempat

5

Kemudahan Penempatan dan Kolej Kediaman


10

Kemudahan Peralatan Teknikal & ICT

4.4 Statistik Pelajar UCS

4.4.1 Jumlah Pelajar UCS


Pelajar - pelajar di UCS meliputi kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh dan Kampus Dengkil. Pecahan jumlah pelajar adalah seperti berikut :-



Rajah 1 : Jumlah Pelajar UCS mengikut kampus

4.4.2 Jumlah Pelajar UCS mengikut Kolej Pengajian/Fakulti/ Pusat Asasi/ Pelajar Antarabangsa

Jumlah keseluruhan pelajar berdaftar di UiTM Cawangan Selangor merangkumi pelajar di Kampus Puncak Alam, Puncak Perdana, Pusat Asasi Dengkil, Sungai Buloh adalah sebanyak 31,200* orang pelajar. Pecahan maklumat pelajar mengikut Kolej Pengajian/ Fakulti/ Pusat Asasi/ Pelajar Antarabangsa adalah seperti berikut:



Rajah 2 : Jumlah Pelajar UCS mengikut Kolej Pengajian/Fakulti/ Pusat Asasi/ Pelajar Antarabangsa

Data setakat 24 Disember 2023

4.2 Pencapaian PI dan Teras Perkhidmatan

4.2.1 Pencapaian PI

Bahagian Transformasi Universti (BTU) telah menetapkan *Performance Indicator (PI)* bagi Bahagian Hal Ehwal Pelajar sebanyak sembilan (9) PI. Kesemua PI ini telah dicapai dan perinciannya adalah seperti berikut:-

KOD PI	PI OD	SASARAN 2023	PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN
PI027	<i>Number of International SULAM's (Knowledge Transfer) programmes with industry/community collaboration in relation to service-learning activities that mapped to SDG's element.</i>	1	1	100%
PI028	<i>Number of International Volunteerism programmes with industry collaboration that are funded by national, international and industry fund/grant in term of monetary or in-kind.</i>	1	1	100%
PI030	<i>Number of companies involved in career activities</i>	17	35	100%
PI031	<i>Number of international communication skill related programmes.</i>	2	2	100%
PI032	<i>Number of students participated in international programme organised by partner university / industry/ institution</i>	10	149	100%
PI033	<i>Numbers of students involved in the e-sport industry.</i>	130	530	100%
PI036	<i>Number of students involved in creative industry programmes.</i>	20	25	100%
PI037	<i>Number of students involved in invention and innovation activities..</i>	100	100	100%
PI039	<i>Number of programmes related to emotional well-being.</i>	6	6	100%

Jadual 1 : Pencapaian PI HEP

4.2.2 Pencapaian Teras Perkhidmatan

Teras perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar adalah salah satu teras yang terdapat di bawah teras objektif kualiti UCS. Berikut adalah pencapaian teras perkhidmatan unit-unit di bawah HEP sepanjang tahun 2023.

BIL	PROSEDUR QUALITI OPERASI (PQO)	KPI / TERAS PERKHIDMATAN	PENCAPAIAN
1	Pendaftaran Pelajar Lama	Memastikan 90% pelajar kolej berpuas hati dengan proses pendaftaran di kolej.	93 %
2	Pendaftaran Pelajar Baru	Memastikan 80% ibubapa / waris berpuas hati dengan proses pendaftaran.	97.7%


BIL	PROSEDUR QUALITI OPERASI (PQO)	KPI / TERAS PERKHIDMATAN	PENCAPAIAN
3	Unit Pentadbiran HEP	Memastikan surat keputusan pertuduhan pelajar dikeluarkan pada hari perbicaraan.	23
4	Prosedur Rawatan Pesakit Luar	90% pesakit yang mendapatkan rawatan di Unit Kesihatan mendapat konsultasi perubatan dalam tempoh 30 minit selepas pendaftaran	91.5 %
5	Prosedur Perkhidmatan Sukan	Memastikan 85% pengguna berpuas hati dengan penggunaan peralatan sukan yang dibekalkan	82%
6		Memastikan 85% pengguna berpuas hati dengan penggunaan gelanggang sukan.	81%
7	Prosedur Operasi Program Sukan	Memastikan 85% program sukan yang dirancang berjaya dilaksanakan dalam tempoh setahun.	95.24%
8	Perkhidmatan Sesi Kaunseling Individu dan Kelompok	Tahap kepuasan hati klien mencapai 80% (Tahap Skala 4 atau Baik) terhadap khidmat diberikan berdasarkan fleksibiliti masa pertemuan, tempoh masa sesi pertemuan, kesesuaian waktu pertemuan dan layanan khidmat diberikan.	97.75%
9	Perkhidmatan Career Talk	Tahap kepuasan hati klien atau peserta mencapai 75% (Antara Tahap Skala 3.5 dan 4.0 atau Sederhana Baik) terhadap kegiatan atau aktiviti ceramah kebolehpasaran pekerjaan dan temuduga pekerjaan secara massa yang melibatkan pelajar tahun akhir/graduasi/alumni UiTM bersama wakil/pihak syarikat/organisasi/agensi pekerjaan sama ada dari dalam atau luar negara.	97.38%
10	Program Pembangunan Diri staf	Tahap kepuasan maklumbalas peserta mencapai 85% (Antara Tahap Skala 3.5 dan 4.0 atau Sederhana Baik) berdasarkan borang maklumbalas program bimbingan staf	99.17%
11	Prosedur Pengurusan Jurulatih Kokurikulum	Memastikan setiap Jurulatih mendapat markah penilaian daripada pelajar sekurang-kurangnya 80% pada setiap semester	90 %
12		Memastikan setiap Jurulatih mendapat markah penilaian daripada pelajar sekurang-kurangnya 80% pada setiap semester	92 %
13	Pengurusan Kursus Kokurikulum	Memastikan peratus kegagalan pelajar tidak melebihi 3% pada setiap semester	0.57 %
14		Memastikan peratus kegagalan pelajar tidak melebihi 3% pada setiap semester.	0.67 %
15	Prosedur Penganjuran Aktiviti Kesenian & Kebudayaan Pelajar	Memastikan penganjuran aktiviti kesenian dan kebudayaan mencapai 80% tahap kepuasan hati pelanggan.	85%
16	Prosedur Perkhidmatan Kesenian & Kebudayaan	Memastikan perkhidmatan kebudayaan yang diberikan mencapai 80% tahap kepuasan hati pelanggan.	91%

Jadual 2 : Pencapaian Teras Perkhidmatan HEP

4.3 Laporan Perkhidmatan Dari Unit-Unit Di Bawah HEP UCS

4.3.1 Laporan Aktiviti Pelajar oleh Kelab/Persatuan UCS


Bagi tahun 2023, sebanyak 188 aktiviti-aktiviti telah dilaksanakan oleh Kelab/Persatuan. Berikut adalah pecahan aktiviti yang telah dijalankan oleh Kelab/Persatuan di UCS:-



Rajah 3 : Aktiviti yang dijalankan Kelab/Persatuan Pelajar

4.3.2 Laporan Kedatangan Staf dan Pelajar Untuk Mendapatkan Rawatan Di Unit Kesihatan.

Jumlah keseluruhan pelajar yang mendapatkan rawatan di Unit Kesihatan UiTM Kampus Puncak Alam pada 2023 adalah seramai 17954 orang berbanding pada tahun lepas seramai 15760 orang. Manakala jumlah pelajar yang mendapatkan rawatan di Unit Kesihatan Kampus Puncak Perdana pada 2023 adalah seramai 2787 orang berbanding pada tahun 2022 seramai 1982 orang. Kategori penyakit adalah termasuklah *urti*, *gastritis*, *food poisoning* dan lain-lain lagi.




Rajah 4 : Jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan sehingga November 2023

4.3.3 Laporan Perkhidmatan Sesi Kaunseling dan Psikologi Warga UCS

4.3.3.1 Perkhidmatan Sesi Kaunseling Pelajar

Jumlah keseluruhan sesi pelajar yang telah mendapatkan Perkhidmatan Sesi Kaunseling bermula Januari sehingga November 2023 adalah sebanyak 664 sesi dengan pecahan jumlah mengikut kampus berserta jenis masalah adalah seperti berikut:

KAMPUS	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN SESI (JAN – NOV 2023)
Puncak Alam	514	664
Puncak Perdana	150	



Rajah 5 : Pecahan Data Sesi Kaunseling Pelajar Mengikut Jenis Masalah.

Selain itu bermula Jun 2023, Unit Kerjaya dan Kaunseling turut menyediakan perkhidmatan Psikologi Klinikal kepada warga UCS dalam membantu individu mengatasi masalah Isu Kesihatan Mental. Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Pakar Psikologi Klinik adalah Penilaian Psikologi dan Intervensi Psikologi Klinikal. Data sesi pelajar mendapatkan perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:




Rajah 6 : Pecahan Data Sesi Pelajar Mendapatkan Perkhidmatan Psikologi Klinikal

4.3.3.2 Perkhidmatan Sesi Kaunseling Staf

Jumlah keseluruhan sesi staf yang telah mendapatkan Perkhidmatan Sesi Kaunseling bermula Januari sehingga Disember 2023 adalah sebanyak 40 sesi dengan pecahan mengikut kampus berserta jenis masalah seperti berikut:


KAMPUS	JUMLAH	JUMLAH KESELURUHAN SESI (JAN – NOV 2023)
Puncak Alam	38	40
Puncak Perdana	2	



Rajah 7 : Pecahan Data Sesi Kaunseling Pelajar Mengikut Jenis Masalah.

4.4.1 Laporan perkhidmatan Kesenian dan Kebudayaan kepada pelajar.

Studio yang disediakan oleh Unit Kebudayaan di Kolej Rafflesia adalah Studio Getaran Seni dan Studio Anjung Seni. Studio di Kolej Angsana pula adalah Studio Laman Seni dan Studio Lambang Sari. Manakala studio di Kompleks Pelajar pula adalah Studio Seri Panggung, Studio Cempaka Sari dan Bilik Busana Dewangga. Bilangan perkhidmatan yang diambil kira adalah daripada Januari – Disember 2023 bagi perkhidmatan tempahan studio kebudayaan dan pinjaman kostum / peralatan.



Perkara	Pencapaian	Peratus
Bil Perkhidmatan Yang Dipohon	117	98%
Bil Perkhidmatan Yang Diberikan	115	

Rajah 8 : Bilangan Perkhidmatan Kesenian dan Kebudayaan

4.4.2 Laporan Perkhidmatan Tempahan Kemudahan Sukan

Jumlah keseluruhan pelajar yang telah mendapatkan perkhidmatan tempahan kemudahan sukan bermula Januari sehingga November 2023 dengan pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:




1. Gimnasium
2. Gelanggang Badminton
3. Meja Ping Pong

186



1. Gimnasium
2. Gelanggang Badminton
3. Meja Ping Pong
4. Basikal
5. Padang Serbaguna

384




1. Gelanggang Bola Baling
2. Gelanggang Bola Keranjang
3. Gelanggang Bola Jaring
4. Gelanggang Futsal

401



1. Gelanggang Bola Tampar
2. Gelanggang Bola Jaring
3. Gelanggang Futsal
4. Gelanggang Tenis

29



1. Gelanggang Tenis
2. Gelanggang Bola Jaring
3. Gelanggang Futsal
4. Padang Bola Sepak

434



1. Gelanggang Futsal / Bola Tampar
2. Gelanggang Bola Jaring
3. Gelanggang Bola Keranjang
4. Meja Ping Pong / Snooker
5. Gelanggang Sepak Takraw/ Basikal

261

4.4.3 Data pelajar yang mendaftar kokurikulum

Gambar di bawah ialah data pelajar yang mendaftar kokurikulum sepanjang 2023. Terdapat 7 teras yang ditawarkan iaitu Kepimpinan, Kesukarelawanan, Sukan, Khidmat Komuniti, Daya, Usaha & Inovasi, Kesenian & Kebudayaan dan Keusahawanan.

Data Pecahan Pelajar Mendaftar
Kokurikulum bagi tahun 2023



4.6 Penjanaan Pendapatan

*Data Penjanaan Pendapatan setakat September 2023

UNIT	SENARAI PROJEK	MAKLUMAT PROJEK	JUMLAH PENJANAAN
Unit Sukan	Ruang Sukan	• Sewaan Ruang / Kemudahan Sukan UCS	RM10,680.00
	Akademi Bola Sepak UCS	• Yuran penyertaan kepada peserta: - RM 80.00 (Yuran Tahunan) - RM 50.00 (Yuran Bulanan)	RM16,541.12
	Karnival Sukan Staf UCS(KASUSS)	• KASSUS menyasarkan penyertaan menyeluruh Staf UiTM Cawangan Selangor • Kadar Caj Bayaran Yuran Penyertaan dikenakan kepada jabatan bertanding mengikut acara	RM 12,500.00
Unit Pengurusan Kolej	Bilik Seminar Kolej	• Sewaan kepada agensi Luar/Pelajar dan murid sekolah mengikut kadar sewaan ruang semasa.	RM 720.00

	Sewaan Bilik Pelajar (Transit)	Sewaan Bilik-Bilik Pelajar (Kosong) Kepada Agensi Luar/Pelajar Dan Murid Sekolah Mengikut Kadar Sewaan Semasa.	RM 80,985.86
	Rumah Tamu	Sewaan Rumah Tamu Kepada Pihak Luar	RM 3380.00
	Pendaftaran Peralatan Elektrik	Caj Bayaran RM10 bagi 1 Unit Peralatan Elektrik yang dibawa oleh pelajar yang menginap di kolej kediaman (minima Seorang Pelajar RM20.00)	RM421,820.00
Unit Kerjaya dan Kaunseling	Karnival Kerjaya Dan Keusahawanan	Program tahunan yang melibatkan penyertaan majikan yang menawarkan peluang pekerjaan	RM141,223.09
Unit Kesihatan	Program X-PROSIS	- Yuran Penyertaan <i>Fun Run</i> RM55 X 200 (Baju Dan Medal). - Anggaran Keuntungan RM10 X 200	RM11,860.00
	Thyphoid/ Hepatitis	Mengenakan cas kepada rawatan Thyphoid/Hepatitis	RM5,419.00
	Medical Check Up	Mengenakan cas kepada Perkhidmatan <i>Medical Check Up</i>	RM3,940.00
	Klinik Panel	Rawatan Klinik Staf UiTM	RM197,690.00
	Penjualan RTK / Rawatan Ubat	Mengenakan cas kepada RTK dan Rawatan Ubat	RM2187.80

4.7 Bahan Penerbitan



4.7.1 Lakaran gemilang tahun 2022

Buku Lakaran Gemilang Tahun 2022 telah diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan mengumpulkan semua aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh unit-unit dibawah HEP UCS sepanjang tahun 2022.



4.7.2 Laporan Akhir program *International SULAM Mania Volunteerism : UCS Towards Global 2023*

Unit Kokurikulum telah menerbitkan buku Laporan Akhir program *International SULAM Mania Volunteerism : UCS Towards Global 2023* yang mengandungi pelaporan sepanjang pelaksanaan program dan juga analisa maklumbalas peserta program tersebut.

4.8 Inovasi Yang Dilaksanakan

4.8.1 Sistem @ukpalamedic

Sistem ini diperkenalkan kepada warga kampus UiTM dengan kemudahan perkhidmatan perubatan yang disediakan oleh Unit Kesihatan. Borang permohonan ini hendaklah diisi sekurang-kurangnya empat belas (14) hari bekerja sebelum aktiviti/program berlangsung. Kelulusan permohonan adalah bergantung kepada keperluan aktiviti dari segi risiko program, lokasi program dan beberapa program sukan yang diberi keutamaan serta kekuatan anggota paramedik Unit Kesihatan yang ada.



4.8.2 MySrK – Sistem Jadual dan pelaporan bertugas Staf Residen Kolej (Penambahbaikan)

MySrK bertujuan mewujudkan satu sistem untuk mengakses jadual bertugas harian Staf Residen Kolej (SRK) dengan lebih cepat dan mudah. Ianya juga mengutamakan ciri-ciri mesra warga UiTM di mana, dengan hanya 1 sentuhan, semua maklumat mengenai jadual bertugas SRK, Laporan bertugas SRK dan maklumat pelajar yang menginap di Kolej kediaman dapat di capai dengan pantas. Sistem MySrK ini telah diperluaskan penggunaan di seluruh Kolej UCS dan Kolej di UiTM Shah Alam.



4.8.3 e-DAFTAR

Sistem ini dibangunkan untuk memudahkan pendaftaran pelajar transit yang hadir ke Kampus Teluk Intan. Menerusi aplikasi e-DAFTAR ini, pelajar perlu mendaftar secara layan diri, memilih bilik penginapan dan seterusnya mengambil kunci di Pos Polis Bantuan UiTM Kampus Teluk Intan. Sistem ini dapat menjimatkan kos, masa dan ruang seterusnya dapat memudahkan proses pendaftaran pelajar transit.

4.8.4 E-Buletin Citra

E-Buletin Citra Merupakan salah satu dokumentasi maklumat dan sumber rujukan kepada semua warga kolej UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan serta pihak lain yang berkepentingan.

E-Buletin ini merupakan salah satu medium bagi semua warga kampus dan pelajar mencoret maklumat dan aktiviti sepanjang berada di kampus dan kolej. Selain itu, rakaman dalam penerbitan E-buletin ini memberikan gambaran dan bukti komitmen berterusan UiTM dalam melahirkan mahasiswa holistik selaras dengan agenda nasional membabitkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.



4.9 Penganjuran Program

4.9.1 Sukan Antara Kolej (INCOLL) E-SPORT 2023



Unit Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam telah mengadakan Sukan Antara Kolej (INCOLL) E-Sport 2023 pada 17 Jun sehingga 9 Julai 2023 bertempat di sekitar UiTM Puncak Alam. Program ini melibatkan mahasiswa yang lebih menyeluruh dari pelajar semester pertama hingga pelajar semester akhir bagi yang menduduki kolej di UiTM Cawangan Selangor sahaja. Sebanyak 5 acara yang dipertandingkan iaitu FIFA 23, Tekken 7, PUBG, Mobile Legend dan COD. Penyertaan program ini adalah seramai 530 orang pelajar dan staf terlibat mewakili 11 kolej yang terdapat di dalam sistem UiTM Cawangan Selangor.



4.9.2 Temasya Sukan Asia Tenggara (Sea Games) Ke-32 Cambodia

Sukan Asia Tenggara juga dikenali sebagai Sukan SEA merupakan sebuah temasya sukan dwi-tahunan yang membabitkan 11 negara. Seramai 10 orang atlet warga UiTM Cawangan Selangor terpilih untuk mewakili negara di Temasya Sukan Asia Tenggara (SEA Games) 2023 pada 5 - 17 Mei 2023 bertempat di Cambodia.



4.9.3 International SULAM Mania and Volunteerism: UCS Towards Global

Pada 4 – 9 Ogos 2023, Unit Kokurikulum bersama 40 orang mahasiswa telah berjaya melaksanakan program berteraskan kesukarelawanan antarabangsa di Pattani, Thailand. Antara pengisian program ini ialah jaringan bersama Prince of Song khla University (Pattani Campus), tanaman pokok bakau, mengadakan program SULAM bersama sekolah

Ban Tha Dan, Pattani, dan *beach clean-up* di Hatyai. Melalui program ini, mahasiswa didedahkan dengan pengalaman melalui aktiviti keusahawanan dan mendapatkan tajaan dan kolaborasi bagi menjayakan program.



4.9.4 Karnival Sukan Mahasiswa UiTM 2023

Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA) merupakan sebuah kejohanan yang diadakan pada setiap tahun. Tahun ini, seramai 320 atlet, pegawai dan urusetia yang telah terlibat pada KARISMA 2023 yang berlangsung pada 19 sehingga 27 September 2023 bertempat di UiTM Pulau Pinang. UiTM Cawangan Selangor telah berjaya menjadi Juara Keseluruhan bagi KARISMA 2023 dengan menewaskan pencabar daripada UiTM seluruh sistem dengan membawa pulang 26 Emas, 17 Perak dan 10 Gangsa.



4.9.5 Pertandingan Ensembel Muzik Tradisi – Festival Merakyat Seni Aswara 2023

Pertandingan Ensembel Muzik Tradisi ini merupakan salah satu acara yang dijalankan sempena Festival Merakyat Seni Aswara 2023@ Kuala Lumpur anjuran Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang berlangsung pada 9-10 Disember 2023 di Panggung Arena Sukan Kuala Lumpur.

Persatuan Kesenian dan Kebudayaan (PERSENI) di bawah naungan Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mewakili UiTM Cawangan Selangor (UCS) bagi kategori IPT. Seramai 11 orang pelajar UCS terlibat dalam menyertai pertandingan yang dianjurkan ini. UiTM Cawangan Selangor telah berjaya menerima anugerah Naib Johan dan Persembahan Terbaik di dalam pertandingan ini.



4.9.6 “Pesta Piala Sri Gumum” Temasya Pantun Kerabat Bestari (TEPAK Bestari) Sesi 2022/2023


Temasya Pantun Kerabat Bestari (TEPAK Bestari) merupakan sebuah program di bawah anjuran Kolej Kediaman Keempat Universiti Malaya. Tepak Bestari merupakan Pertandingan Cipta dan Lafaz Pantun Peringkat Antarabangsa yang melibatkan penyertaan berkumpulan daripada penuntut Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta seluruh Malaysia

pada 19-21 Mei 2023 di Akademi Pengajian Melayu & Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya. Pasukan pemantun UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam telah berjaya merangkul gelaran Naib Johan “Pesta Piala Sri Gumum” Temasya Pantun Kerabat Bestari 2023.

4.9.7 Program Karnival Kerjaya dan Keusahawanan

Program Karnival Kerjaya dan Keusahawanan (K2K) telah dianjurkan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE) menerusi jalinan sinergi dan kerjasama bersama empat (4) Rakan Strategik Industri utama iaitu BTC Recruitment Sdn Bhd, PERKESO Selangor, Selangor

Kerjaya, Gradmalaysia. Aktiviti pembangunan dan penempatan kerjaya pelajar telah dilaksanakan secara hibrid bermula 13 hingga 17 Mei 2023. Perincian Aktiviti Kerjaya di dalam Program K2K adalah seperti berikut:



4.10 Lawatan Penandaarasan

Bahagian Hal Ehwal pelajar telah menerima beberapa lawatan penandaarasan untuk mempelajari sistem pengurusan inovasi Kolej kediaman UCS yang telah dilaksana dan digunapakai di Kolej Kediaman UCS, antaranya Sistem e-rekod, E-Clearance, E-Merit dan MySrk. BHEP juga berkolaborasi dengan beberapa agensi luar di dalam melaksanakan beberapa program bersama pelajar.

Bil	Tarikh	Ipta/ Agensi Luar	Kategori Lawatan : Penandaarasan/ Kolaborasi/ Sesi Perkongsian
1	1/1/2023 – 31/12/2023	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	Kolaborasi program Go Green
2	22/02/2023	Universiti Kebangsaan Malaysia	Penandaarasan
3	02/03/2023	KUIS	Penandaarasan
4	24/08/2023	UiTM Kampus Negeri Sembilan	Penandaarasan
5	14/09/2023	UiTM Kampus Seri Iskandar, Perak	Penandaarasan
6	13 – 20 Mei 2023	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan	Kolaborasi Program Pembangunan dan Penempatan Kerjaya
7	27/10/2023	Syarikat Konsesi - BMES	Kolaborasi Program Earth Hour
8	21/11/2023	BHEP UiTM Shah Alam	Sesi Perkongsian



4.11 Penutup

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu Bahagian Hal Ehwal Pelajar dalam mencapai PI yang diberi oleh Universiti serta menjayakan semua aktiviti yang telah dirancang sepanjang tahun 2023. Diharap kerjasama yang diberikan serta prestasi cemerlang ini dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun yang akan datang.

5.0 /

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

m/s	104	Pengenalan
	106	Laporan Piagam Pelanggan
	107	Laporan Pencapaian Teras Perkhidmatan
	108	Pencapaian KPI dan PI di bawah Peneraju Pendaftar
		Laporan Penyediaan Myportfolio
	109	Pengurusan Sumber Manusia
	111	Pembangunan Sumber Manusia
	112	Pentadbiran
	117	Pengurusan Kenderaan
	119	Pengurusan Risiko
	120	Inisiatif
	123	Inovasi
	125	Latihan
	128	Aktiviti / Acara Yang Dianjurkan
	132	Lawatan Penandaarasan
	134	Anugerah Pencapaian
	136	Penerbitan
	137	Penutup

5.0 PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

5.1 Pengenalan

Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (BPSM) merupakan salah satu pusat tanggungjawab (PTJ) di bawah UiTM Cawangan Selangor. BPSM diketuai oleh Puan Alfina Bakar, K.M.N, CHRM, Ketua Timbalan Pendaftar Kanan serta 41 orang staf. BPSM mempunyai lapan (8) fungsi utama yang berfokus kepada urusan pentadbiran, pengurusan dan pembangunan sumber manusia, pengurusan kenderaan Universiti dan pengurusan risiko. Pelanggan BPSM terdiri daripada staf kampus dan kolej pengajian/ fakulti/ pusat kecemerlangan dan pelajar di UiTM Cawangan Selangor.

Tahun 2023 juga memperlihatkan prestasi BPSM berada di tahap yang amat membanggakan dan cemerlang dengan memenangi anugerah seperti berikut :


BIL.	ANUGERAH	KATEGORI
1.	Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik	Johan
2.	Anugerah Jabatan Cemerlang	Johan
3.	Anugerah Penerbitan Jabatan	Johan
4.	Anugerah EKSA Jabatan	Johan
5.	Anugerah Inovasi Jabatan	Naib Johan
6.	Anugerah Penerbitan Jabatan	Naib Johan

BPSM menjadi antara jabatan terawal diaudit oleh Audit Dalam UCS pada tahun 2023 dan berjaya mendapat **Audit Bersih**. Ini membuktikan kesungguhan BPSM memastikan pelaksanaan proses kerja mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.




5.1.1 Komposisi Pelanggan

Keseluruhan jumlah staf di UCS adalah **2,910** orang. **1,657** merupakan staf akademik, manakala **1,253** adalah staf pentadbiran. Perincian profil sumber manusia UCS adalah seperti berikut:



Selain staf, BPSM turut memberikan perkhidmatan kepada pelajar UCS yang berjumlah seramai **29,784 orang**. Para pelajar mendapatkan perkhidmatan penggunaan kenderaan universiti bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran dan lain-lain aktiviti universiti. Pecahan komposisi pelajar adalah seperti di bawah:



5.1.2 Perancangan Sumber Manusia UCS



Rajah 1 : Model Perancangan Sumber Manusia UCS Gain-Train-Retain-Risk (GTRR)

Menyedari kepentingan peranan sumber manusia (SM) kompeten sebagai tunjang kecemerlangan UCS, SM diurus menggunakan **Model Perancangan Sumber Manusia UCS (PSM UCS)** berfokus kepada **EMPAT** komponen - **GAIN, TRAIN, RETAIN** dan **RISK (GTRR)**. Model ini dibangunkan dengan merujuk kepada Dokumen Perancangan Strategik Pengurusan Sumber Manusia UiTM 2021-2025 (PSPSM UiTM) dan hala tuju UCS. *Gain* berfokuskan kepada **pengoptimuman SM** manakala *Train* tertumpu kepada **meningkatkan kompetensi SM**. *Retain* pula bertujuan **mengekal staf berpotensi dan berprestasi tinggi**. Dalam model di atas, *Risk*, berfokus kepada **mengenalpasti risiko SM** supaya aspek kesejahteraan, keselamatan pekerja dan kelancaran operasi SM terjamin.

5.2 Laporan Piagam Pelanggan

Bagi memastikan prestasi BPSM berada di tahap yang cemerlang, Piagam Pelanggan BPSM dipantau setiap bulan dan jadual di bawah adalah laporan Piagam Pelanggan BPSM bagi tahun 2023:

Bil.	Unit	Pernyataan Piagam Pelanggan	Standard Kualiti Piagam Pelanggan	Menepati Standard Kualiti Piagam Pelanggan		Tidak Menepati Standard Piagam Pelanggan		Jumlah Keseluruhan Perkhidmatan
				Jumlah Perkhidmatan	%	Jumlah Perkhidmatan	%	
1.	Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia	Memastikan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri (JKSMN), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Mesyuarat Tabung Amanah dikeluarkan kepada PTJ dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh mesyuarat	Tujuh (7) hari bekerja	438	97.3%	12	2.7%	442
2.	Unit Pentadbiran	Memastikan permohonan tuntutan perubatan (klinik panel/ klinik bukan panel/perubatan khas/bil hospital) dilaksanakan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima	Tujuh (7) hari bekerja	2,721	94.9%	147	5.1%	2,868
3.	Unit Sumber Manusia	Surat Pengesahan Majikan dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja	Satu (1) hari bekerja	1,065	99.9%	1	0.1%	1,066
4.	Unit Sumber Manusia	Surat Jaminan Hospital (GL) dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja	Satu (1) hari bekerja	754	99.9%	1	0.1%	755

Bil.	Unit	Pernyataan Piagam Pelanggan	Standard Kualiti Piagam Pelanggan	Menepati Standard Kualiti Piagam Pelanggan		Tidak Menepati Standard Piagam Pelanggan		Jumlah Keseluruhan Perkhidmatan
				Jumlah Perkhidmatan	%	Jumlah Perkhdimatan	%	
5.	Unit Kenderaan	Bayaran bas sewa/catar diproses dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh dokumen lengkap diterima	Tujuh (7) hari bekerja	58	81.7%	13	20.3%	71
6.	Unit Kenderaan	Memastikan 80 peratus (%) keputusan permohonan kenderaan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) hari bekerja bagi permohonan yang mengikuti syarat ditetapkan	Dua (2) hari bekerja	3,130	85.5%	532	14.5%	3,662
7.	Unit Sumber Manusia	Jam latihan dimasukkan ke dalam sistem STARS dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas permohonan/ laporan diterima	Tiga (3) hari bekerja	21,324	99.97%	6	0.03%	21,330
JUMLAH				29,490	97.64%	712	2.36%	30,202
CEMERLANG				JUMLAH KESELURUHAN				

5.3 Laporan Pencapaian Teras Perkhidmatan

BIL.	PROSEDUR QUALITI OPERASI (PQO)	KPI/TERAS PERKHIDMATAN	PENCAPAIAN (%)
1.	Presedur Pengurusan Sekretariat Mesyuarat	Memastikan keputusan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Manusia Negeri (JKSMN), Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan Mesyuarat Tabung Amanah dikeluarkan kepada PTJ dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh mesyuarat	97.3%
2.	Prosedur Pengurusan Jam Latihan	Jam latihan dimasukkan ke dalam sistem STARS dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas permohonan/laporan diterima.	99.97%
3.	Prosedur Pengurusan Permohonan Kenderaan	Memastikan 80% keputusan permohonan penggunaan kenderaan dimaklumkan dalam tempoh dua (2) hari bekerja bagi permohonan yang mengikut syarat yang ditetapkan	85.5%

5.4 Pencapaian KPI dan PI di bawah Peneraju Pendaftar

PINO.	PI NAME	TARGET	ACHIEVEMENT
PI086	Number of activity related to ESI-iDART.	4	100%

No	Project ID	Project Name	Objective	Start Date	End Date	Program Director	Project Manager
1	UCS_2023_BPSM01	#ESI-iDART@ UCS	1. Menyebarluaskan pengumuman program berkaitan ESI-iDART di kalangan warga. 2. Memperkasa kesedaran terhadap nilai ESI-iDART. 3. Meningkatkan jumlah pengumuman program ESI-iDART di UCS.	Mac 2023	April 2023	Alfina Bakar, K.M.N, CHRM	Adlin Na'qiah Sabar, CHRM
2	UCS_2023_BPSM02	Bicara Pentadbir	1. Menyerlah ketampakan kepakaran pentadbir di UCS. 2. Pengumuman sesi perkongsian ilmu peringkat UCS mengikut kepakaran masing-masing. 3. Melaksanakan sesi perkongsian ilmu secara bersiri.	Mac 2023	Nov 2023	Alfina Bakar, K.M.N, CHRM	Nor Haizah Mokhtar


5.5 Laporan Penyediaan Myportfolio

Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil 72 pada 18 Januari 2023 telah bersetuju meluluskan cadangan penguatkuasaan kemasukan dokumen myPortfolio menggunakan sistem HRMIS kepada semua staf UiTM secara berperingkat.

Maklumat sandangan staf UCS telah selesai dikemaskini di HRMIS oleh Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO) Pejabat Pendaftar dan arahan memuatnaik myPortfolio bermula 24 Julai 2023. Kemasukan myPortfolio dalam sistem HRMIS merupakan salah satu daripada empat (4) KPI Naib Canselor Universiti Awam bagi perkiraan pencapaian KPI sistem HRMIS. Status staf yang telah **lulus** memuat naik myPortfolio sehingga 31 Disember 2023 adalah seperti berikut:-

Kampus	Bil Staf	Bil. Lulus	% Lulus
Puncak Alam	316	297	94.0
Puncak Perdana	44	40	90.9
Dengkil	269	209	77.7
Sungai Buloh	94	66	70.2
Selayang	20	9	81.8
Teluk Intan	11	9	45.00
Keseluruhan	754	630	83.78

Jadual 1 : Status Lulus Staf Muat Naik myPortfolio



Rajah 1 : Status Lulus Staf Muat Naik MyPortfolio sehingga 31 Disember 2023

5.6 Pengurusan Sumber Manusia

5.6.1 Pembangunan Organisasi

5.6.1.1 Perbandingan Kelulusan Waran Bagi Tahun 2021,2022 & 2023

BPSM bertanggungjawab untuk mengisi kekosongan jawatan sedia ada atau pemberian jawatan tambahan dan permohonan telah dimohon kepada Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO), Pejabat Pendaftar. Kelulusan pengisian waran UCS bagi tahun 2021,2022 dan 2023 yang diterima dari BPO adalah seperti di rajah berikut:



Rajah 2 : Perbandingan Kelulusan Waran Bagi Tahun 2021 - 2023


5.6.2 Pengurusan Perjawatan

Sepanjang tahun 2023, sebanyak tujuh (7) permohonan melibatkan 34 jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan sedia ada, tambahan dan baru telah dimajukan ke Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Sehingga Disember 2023, sebanyak tiga (3) pengisian jawatan telah diterima.

5.6.3 Pengurusan Perkhidmatan

5.6.3.1 Pengesahan ke Dalam Perkhidmatan

Staf dalam perkhidmatan tetap adalah layak untuk disahkan ke dalam perkhidmatan apabila telah berkhidmat dalam tempoh percubaan satu (1) hingga tiga (3) tahun dan **(dibawa dan dibentangkan ke Mesyuarat JKSMN)** telah memenuhi syarat-syarat perkhidmatan yang ditetapkan. Data Pengesahan ke Dalam Perkhidmatan bagi tiga (3) tahun (2021, 2022 & 2023) adalah seperti rajah berikut : -



Rajah 3 : Data Pengesahan ke Dalam Perkhidmatan Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana

5.6.3.3 Persaraan

Persaraan merupakan status seseorang pekerja yang telah berhenti dari kerjanya, kebiasaan berlaku kerana telah mencapai had umur. Ada juga faktor lain berlakunya persaraan iaitu keadaan fizikal yang tidak mengizinkan atau dengan pilihan sendiri.

Pada tahun 2023, seramai tiga (3) orang staf bersara wajib dan tiga (3) orang staf bersara pilihan. Maklumat persaraan adalah seperti berikut:

Kampus Puncak Alam		Kampus Puncak Perdana	
Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana	Kumpulan Pengurusan & Profesional	Kumpulan Pelaksana
1	2	-	3

5.6.5 Pemerkasaan Pengurusan Sumber Manusia

5.6.5.1 Had Kuasa Pengoperasian BPSM

BPSM menguruskan lapan (8) fungsi utama dan setiap fungsi berkenaan melibatkan proses pembuatan keputusan yang pelbagai. Oleh itu, penting untuk disenaraikan had kuasa tindakan yang melibatkan pengoperasian rutin di BPSM. Sebanyak **91 had kuasa** telah disenaraikan.

Objektif had kuasa, pengoperasian BPSM adalah bagi:

- Keseragaman proses pembuatan keputusan bagi memenuhi konsep tadbir urus baik dan tadbir urus tangkas UiTM.
- Sebagai rujukan kepada staf baharu/ bertukar.
- Mematuhi ketetapan yang ditetapkan dalam peraturan terpakai.
- Memenuhi had kuasa yang ditetapkan oleh UiTM induk serta mengelakkan proses penurunan kuasa yang terlalu banyak.

5.7 Pembangunan Sumber Manusia

5.7.1 Kemajuan Kerjaya

5.7.1.1 Kenaikan Pangkat Staf

Perbandingan data kenaikan pangkat staf bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 menunjukkan peningkatan bagi staf Kampus Puncak Alam dan sedikit penurunan bagi staf Kampus Puncak Perdana. Analisa data kenaikan pangkat staf boleh dilihat berdasarkan rajah di bawah :




Rajah 4 : Data Kenaikan Pangkat Staf UCS (2021 – 2023)

5.7.2 Latihan dan Kompetensi

5.7.2.1 Keperluan Latihan Staf

Peratusan Staf memenuhi keperluan jam adalah tinggi bagi ketiga-tiga tahun. Antara inisiatif BPSM untuk membantu warga UCS dalam mamenuhi keperluan jam latihan adalah melalui penganjuran latihan dan juga membuat hebahan peringatan keperluan jam latihan kepada warga UCS sebanyak tiga (3) kali setahun.

Berikut adalah perbandingan data keperluan latihan staf bagi Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana bagi tahun 2021, 2022 dan 2023.





Rajah 5 : Peratusan Maklumat Jam Latihan Staf Bagi Tahun 2021 - 2023

5.8 Pentadbiran

5.8.1 Keurusetiaan Mesyuarat

BPSM bertindak sebagai Setiausaha dan sekretariat bagi enam (6) jawatankuasa peringkat operasi atau *feeder* di UCS seperti berikut:






Semua mesyuarat ini menggunakan **sistem eMesyuarat** dan **takwim mesyuarat** disediakan pada awal tahun sebagai rujukan kepada warga UCS.

5.8.2 Pengurusan Rekod

Bagi memantapkan pengurusan rekod diurus mengikut prosedur dan lebih teratur, BPSM mengambil **inisiatif** serta membuat penambahbaikan proses iaitu:-

- Mengemaskini dan melantik **Pegawai Rekod Jabatan**
- Memperkasakan penyampaian perkhidmatan dengan penganjuran webinar pengurusan mel.
- Melaksanakan inisiatif pengurusan rekod dengan pelaksanaan rekod digital serta memperkasakan penggunaan sistem seperti *Office Automation (OA)*, *eMesyuarat* dan *Booking Sistem University (BSU)*.
- Menyenaraikan kehilangan data dan rekod serta pengendalian maklumat peribadi staf dalam daftar risiko BPSM.
- Melaksanakan **pelupusan rekod** bagi mengatasi masalah pengurusan, penyimpanan dan penjagaan rekod yang tidak aktif. Berikut merupakan bilangan rekod yang telah dilupuskan dari tahun 2020 hingga 2023.



Rajah 6 : Bilangan Pelupusan Rekod

Usaha dan komitmen staf BPSM dalam memantapkan pengurusan rekod ini telah membawa pengiktirafan di mana BPSM telah berjaya merangkul **Johan** dalam **Pertandingan Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik** sempena **Hari Arkib Antarabangsa**.

5.8.3 Pengurusan Kerja Lebih Masa

Bagi memastikan perbelanjaan KLM dikawal, BPSM bertanggungjawab membuat pelaporan perbelanjaan serta cadangan agihan peruntukan KLM dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) UCS. Justeru, perancangan KLM dilaksanakan dengan mengambil kira cadangan Strategi Bajet UiTM yang memberi keutamaan kepada tugas yang penting. Berikut adalah rekod peruntukan dan perbelanjaan KLM UCS bagi tiga (3) tahun:




Rajah 7 : Analisa perbandingan peruntukan dan perbelanjaan KLM 2021 hingga 2023

5.8.4 Pengurusan Perubatan

BPSM juga menguruskan hal berkaitan perubatan bagi staf UCS. Ini melibatkan pengurusan perbelanjaan klinik panel, tuntutan rawatan semula dan pembiayaan perubatan khas.

5.8.4.1 Perbelanjaan Klinik Panel

Dalam pengurusan klinik panel, selain memberikan kelulusan bagi pertukaran klinik panel, BPSM juga bertanggungjawab membuat bayaran kepada klinik panel. Berikut adalah rekod bayaran rawatan klinik panel bagi tahun 2020-2023 bagi kampus Puncak Alam dan Puncak Perdana:




Rajah 8 : Trend Perbelanjaan Klinik Panel

Berdasarkan graf di atas, jumlah perbelanjaan bagi tahun 2023 adalah berkurangan kerana pusat kos beberapa fakulti/Pusat Pengajian telah dipindahkan ke Shah Alam.

5.8.4.2 Rekod Perbelanjaan Bantuan Sara Ubat/Peralatan

Bantuan sara ubat/peralatan yang dibiayai oleh UCS adalah berdasarkan kepada kelulusan yang diberikan oleh Bahagian Kemudahan Staf UiTM Shah Alam. Berikut adalah rekod perbelanjaan bagi tiga (3) tahun:



Rajah 9: Rekod Perbelanjaan Bantuan Sara Ubat/Peralatan

Berdasarkan maklumat bilangan staf dan tanggungan staf yang menerima rawatan dialisis menunjukkan penurunan bilangan pesakit bagi Puncak Alam dari kalangan staf UiTM. Tetapi terdapat peningkatan daripada bilangan tanggungan staf.


5.8.5 Pengurusan Pakaian Seragam

Susulan daripada pemberian status autonomi kepada UiTM Cawangan Selangor pada Mac 2022, urusan pembekalan pakaian seragam telah diturunkan kepada pengurusan UCS untuk dilaksanakan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-179 pada 25 Mei 2021 telah menetapkan kelulusan pembekalan pakaian seragam umum kepada staf UiTM yang berkelayakan bermula 25 Mei 2021 iaitu:-

Bil	Jenis Pakaian	Bilangan
1	Baju Lengan Panjang/Pendek	3 helai
2	Seluar Panjang a. Berwarna Hitam b. Staf wanita boleh memilih skirt atau seluar panjang berwarna hitam	3 helai
3.	Kasut Kulit berwarna Hitam dan Bertali	2 pasang
4.	Kasut/But Keselamatan	1 pasang

Urusan pembekalan pakaian seragam umum ini meliputi semua Pusat Tanggungjawab di bawah UCS iaitu:-



Rajah 10 : Senarai PTJ Terlibat dan Jumlah Staf Layak bagi Pembekalan Pakaian Seragam

5.8.5.1 Rekod Perbelanjaan Pakaian Seragam Tahun 2023

Berikut merupakan rekod perbelanjaan Pakaian Seragam bagi staf Kampus Puncak Alam seramai 140 orang serta staf Kampus Puncak Perdana seramai 16 orang.


Bil	Item	Perbelanjaan KPA (RM)	Perbelanjaan KPP (RM)
1.	Baju Kelabu	31,275.00	3,375.00
2.	Kasut Kulit @ Kasut Keselamatan	20,685.55	1,700.00
3.	Seluar	29,645.53	2,006.40
	Jumlah Perbelanjaan 2023	81,606.08	7,081.40

Jadual 2 : Rekod Perbelanjaan Pakaian Seragam Staf KPA KPP

5.9 Pengurusan Kenderaan

5.9.1 Permohonan Penggunaan Kenderaan

Permohonan penggunaan kenderaan bagi tahun 2023 menunjukkan peningkatan yang sangat ketara. Trend analisa bagi tiga (3) tahun bermula 2021 sehingga 2023 adalah seperti berikut.




Rajah 11 : Analisa Permohonan Penggunaan Kenderaan

Permohonan penggunaan kenderaan meningkat sebanyak 360.03% bagi tahun 2022 berbanding dengan tahun 2021. Manakala peningkatan sebanyak 163.26% bagi tahun 2023 berbanding tahun 2022.

5.9.2 Pengurusan Bayaran *Smartpay*, *Touch n Go* (TnG), Cukai Jalan dan Insurans Kenderaan

Pengurusan bayaran penggunaan *Smartpay*, *Touch n Go* (TnG), Cukai Jalan dan Insurans bagi kenderaan di bawah BPSM, Pejabat Polis Bantuan dan Unit Kesihatan bagi Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana diuruskan oleh BPSM.


Perbandingan bayaran *Smartpay*, *Touch n Go* (TnG), Cukai Jalan dan Insurans bagi tiga (3) tahun berturut-turut bermula 2021 sehingga 2023 adalah seperti berikut :



Rajah 12 : Analisa Bayaran Cukai dan Insurans bagi Tahun 2021 hingga 2023

5.9.3 Pengurusan Bayaran Bas Catar dan Bas Sewa

BPSM turut menguruskan urusan bas catar iaitu bas henti-henti di dalam kampus sehingga ke Bandar Puncak Alam dan juga bas sewa iaitu bas yang disewa khas untuk program pelajar. Bas catar dan bas sewa digunakan bertujuan untuk melancarkan lagi perkhidmatan pengangkutan bagi pelajar dan staf di UiTM Cawangan Selangor.



Rajah 13 : Analisa Bayaran Bas Catar dan Bas Sewa bagi Tahun 2022 dan 2023

5.9.4 Inisiatif Naik Taraf Kelengkapan Rumah Pemandu

BPSM telah berjaya memohon peruntukan berjumlah RM7,960.00 bagi menaik taraf kelengkapan Rumah Pemandu di Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana. Antara kelengkapan yang dinaiktaraf adalah televisyen, sofa dan juga kelengkapan di *pantry* Rumah Pemandu. Ini adalah sebahagian daripada salah satu usaha dalam meningkatkan *Happines Index* dan memperkasakan perkhidmatan di Unit Kenderaan.

5.9.5 Keperluan Penggunaan Kenderaan Bagi Pelajar OKU

BPSM turut memahami keperluan pengangkutan bagi pelajar OKU. Dengan itu, BPSM menyediakan keperluan kenderaan bagi pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) di UiTM Kampus Puncak Alam. Keperluan kenderaan OKU bagi kegunaan pelajar OKU fizikal. Keperluan pengangkutan disediakan daripada kolej kediaman pelajar sehingga ke fakulti.

5.10 Pengurusan Risiko

Bagi tahun 2023 terdapat 10 risiko telah didaftarkan sebagai Daftar Risiko UCS. Jumlah ini melebihi daripada risiko yang dikenalpasti pada tahun 2021 dan 2022. Perbandingan Daftar Risiko bagi tahun 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

PTJ/ Kategori Risiko	2023			2021-2022		
	Operasi	Strategik	Kewangan	Operasi	Strategik	Kewangan
BP&I		3			1	
BHEP	1			2		
iCARE	1					1
BPSM	1	1		1		
PEJ. BENDAHARI			1			1
PPF	1			1		
BHG. INFO	1			1		
JUMLAH	5	4	1	5	1	2

5.11 Inisiatif

5.11.1 Audit Perjawatan Kampus Sungai Buloh

Bagi tahun 2023, pemeraksanaan dalam aspek sumber manusia yang dikendalikan oleh BPSM adalah Audit Perjawatan bagi Kampus Sungai Buloh yang telah dilaksanakan pada 06 Mac hingga 10 Mac 2023. Enam (6) PTJ terlibat dengan auditan kali ini. Inisiatif audit perjawatan ini bertujuan:

- Mengurus sumber manusia dengan lebih berkesan
- Kenalpasti sumber manusia yang optimum, jumlah saiz yang bertepatan dan penempatan yang teratur
- Elak pertindihan tugas

Impak hasil daripada pelaksanaan audit perjawatan adalah **pengoptimuman staf** dan pembentukan **pasukan Auditor Perjawatan** dari UCS.

5.11.2 Kajian Maklum Balas Pelanggan

Kajian Maklum balas Pelanggan BPSM diedarkan secara dalam talian dari 05 September 2023 sehingga 04 Oktober 2023. Tujuan kajian dijalankan:

- Menilai **tahap kepuasan hati staf** terhadap penyampaian perkhidmatan BPSM melibatkan proses-proses utama yang disediakan
- Mendapatkan **input** untuk **penambahbaikan proses-proses kerja** BPSM.

Berikut adalah penambahbaikan yang telah dilaksanakan:


	2022	2023
Kaedah	Google Form	Microsoft 365 form
Bahagian	- Bahagian A: Demografi - Bahagian B: Perkhidmatan yang diperolehi dari BPSM - Bahagian C: Tahap Kepuasan Pelanggan - Bahagian D: Cadangan Penambahbaikan dan maklum balas	- Bahagian A: Latar Belakang Demografi - Bahagian B: Perkhidmatan BPSM - Bahagian C: Tahap Kepuasan Pelanggan - Bahagian D: Inovasi / Penambahbaikan - TIG@UCS - Kaunter Digital - Bahagian E: Penerbitan BPSM - Laporan Tahunan UCS - Dokumen Tadbir Urus - Garis Panduan Pengurusan Mel - Penilaian Keseluruhan BPSM

Jadual 3 : Jadual Perbandingan dan Penambahbaikan Maklum Balas Pelanggan BPSM

Pada tahun 2023 ini, responden meningkat dari 258 orang kepada 300 orang dan kajian memberi tumpuan kepada kepuasan pelanggan berdasarkan Operasi Pentadbiran Am BPSM, Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia dan Unit Kenderaan. Data kepuasan pelanggan mengikut pecahan adalah seperti berikut: -



JUMLAH RESPONDEN:
106 ORANG



JUMLAH RESPONDEN:
128 ORANG



JUMLAH RESPONDEN:
66 ORANG

Manakala kepuasan pelanggan secara keseluruhan terhadap penyampaian dan perkhidmatan BPSM adalah seperti berikut:

Penilaian		Bil. Responden
Cemerlang		114
Baik		175
Tidak Memuaskan		11



Berdasarkan carta di atas, penyampaian perkhidmatan BPSM terus di tahap **Cemerlang**. Namun begitu, terdapat perkara yang perlu ditambahbaik berdasarkan maklum balas.

5.11.3 Penjana Pendapatan BPSM

Berkuatkuasa pada tahun 2023, Pejabat Bendahari telah menetapkan bahawa setiap jabatan perlu menjalankan projek penjana pendapatan. BPSM telah menyahut cabaran ini dengan menjalankan tiga (3) projek penjana pendapatan iaitu:

- i) Webinar Pengurusan Mel (Penceramah: Puan Nor Haizah Mokhtar)
- ii) Kursus Personal Branding for Career Success (Penceramah: Puan Alfina Bakar K.M.N, CHRM)
- iii) Kursus Pengurusan dan Pengendalian Mesyuarat (Penceramah: Cik Adlin Na'qiah Sabar@ Sabal).

Secara keseluruhan BPSM telah menjana **RM12,670.20**.

5.11.4 Sumbangan Kepakaran Staf BPSM

Staf BPSM sentiasa digalakkan dan diberi pendedahan untuk menyumbang kepakaran peringkat UCS, UiTM dan juga di luar UiTM. Sumbangan ini dilaksanakan dalam pelbagai bentuk termasuklah sebagai penceramah, auditor, panel temuduga dan lantikan Jawatankuasa.

- i) Lantikan Puan Alfina Bakar K.M.N, CHRM selaku penceramah di agensi luar iaitu di Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).
- ii) Penglibatan atau lantikan staf BPSM di luar UiTM Cawangan Selangor

5.11.5 Takwim Latihan UiTM Cawangan Selangor

Mulai tahun ini, perancangan penganjuran latihan yang dimajukan oleh PTJ diselaraskan menjadi Takwim Latihan UCS yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bilangan 64/2023 bertarikh 31 Januari 2023. Takwim Latihan UCS ini boleh dicapai di Laman Web UCS.

5.11.6 Takwim Aktiviti dan Latihan BPSM

Takwim Aktiviti dan Latihan BPSM diperkenalkan pada tahun 2023. Tujuan takwim ini diwujudkan adalah untuk melancarkan perjalanan program yang dirancang oleh jabatan, memudahkan semakan perancangan jabatan dan dijadikan bahan rujukan oleh staf BPSM. Punca kuasa Takwim Aktiviti dan Latihan BPSM diluluskan di mesyuarat *Work in Progress* (WIP) BPSM.


TAKWIM AKTIVITI BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA TAHUN 2023				
Bil	Perkara	Tarikh	Catatan	Status
JANUARI				
3	Engagement BPSM dengan Pemandu (Gotong-royong di Depoh Kenderaan)	28 Januari	Aktiviti	Selesai
FEBRUARI				
2	Engagement BPSM dengan Pemandu (Gotong-royong di Rumah Pemandu)	20 Februari	Aktiviti	Selesai
4	Program Maulazah Bil. 1/2023	23 Februari	Latihan	Selesai
5	Jom Sihat - PTAR (Aktiviti Bertasikaf)	24 Februari	Aktiviti	Selesai
MAR				
1	Taklimat Pelaksanaan Audit Perjawatan bagi Kampus Sungai Buloh kepada Auditor	1 Mac	Latihan	Selesai
2	Taklimat Penyediaan SKT Berasaskan Kompetensi kepada staf UCS oleh Cik Adlin Na'qiah Sabar@ Sabal	2 Mac	Latihan	Selesai
3	Audit Perjawatan 2.0 Kampus Sungai Buloh	6-17 Mac	Projek	Selesai
4	Taklimat Pelaksanaan Pemukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan kepada staf UCS oleh Cik Adlin Na'qiah Sabar@ Sabal (disampaikan kepada staf yang terlibat sahaja)	16 Mac	Latihan	Selesai
5	Kursus Grooming for Success - Personal Branding (for P&P) Siri 1	22 Mac	Latihan	Selesai
6	Kalendar latihan (Telah dimuat naik di Laman Web UCS - Services - Training Calendar@UCS)	24 Mac	Projek	Selesai
8	JD Baharu Pegawai Eksekutif Grid N32 dan N29 BPSM	Mac	Projek	Selesai
9	Hari Bertemu Pelanggan BPSM (cadangan tarikh 2-3 Mac)	Mac	Aktiviti	
APRIL				
1	On Job Training di Pejabat Pendaftar (Unit Sumber Manusia)	10 April	Latihan	Selesai
2	Draf carta alir Jig book	14 April	Projek	
3	Kursus Personaliti Wama - Siri 1	16 April	Latihan	Selesai
4	Carta alir pengendalian kes disiplin atau tatatertib	April	Projek	Selesai
MEI				
2	Jamuan Hari Raya BPSM	8 Mei	Aktiviti	Selesai
3	Program Maulazah Bil. 2/2023 - Qanarah Keperluan dan Kehendak Menurut Islam	17 Mei	Latihan	Selesai

Rajah 14 : Takwim Aktiviti Tahun 2023 BPSM yang dirujuk dan digunakan oleh staf BPSM

5.12 Inovasi

5.12.1 Infografik Digital Kaunter

Infografik ini bertujuan memudahkan staf UCS untuk membuat permohonan Surat Pengesahan Majikan dan Surat Jaminan Hospital (GL) yang boleh dicapai melalui **paparan QR Code**.



Rajah 15 : Tatacara permohonan Surat Pengesahan Majikan dan GL

5.12.2 Rekod Fail (Padlet)

BPSM telah menghasilkan inovasi pengurusan rekod digital melalui platform Padlet yang memberi **impak** :

- Menjimatkan masa carian rujukan pengurusan dokumen jabatan.
- Salah satu bentuk perkongsian ilmu.
- Memudahkan staf baharu mempelajari berkenaan pengurusan dokumen



5.12.3 MV@UCS (Monitoring Vehicle)

Bagi memperkasakan pengoperasian Unit Kenderaan, inisiatif telah diambil dengan mewujudkan rekod pemantauan bas catar secara atas talian iaitu MV@UCS (*Monitoring Vehicle*). Rekod ini digunakan oleh pemandu bertugas yang telah dilantik sebagai pemantau jadual perjalanan bas catar bagi menggantikan penggunaan borang secara manual. Kaedah ini dapat meningkatkan pengurusan rekod yang lebih cekap dan sistematik.



5.12.4 Penambahbaikan Training Info Gateway (TIG@UCS)

TIG@UCS iaitu pusat sehati pengurusan Latihan UCS yang diperkenalkan pada tahun 2021 bagi tujuan carian rujukan atau maklumat mengenai proses pengurusan latihan UCS. Bagi menggalakkan penggunaan dan menghebahkan TIG@UCS di kalangan staf, penambahbaikan dibuat dengan menjadikan TIG@UCS sebagai satu platform untuk penghantaran dokumen permohonan kelulusan menghadiri/ menganjur program latihan ke Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan laporan selepas menghadiri/ menganjur program latihan dengan melalui *google form*.



Rajah 16 : Penambahbaikan proses di TIG@UCS

5.12.5 Penambahbaikan Proses – Pengurusan Wang Bantuan Jenazah dan Khairat Kematian

Urusan wang bantuan jenazah dan khairat kematian merupakan proses kerja baharu yang dilaksanakan oleh BPSM seiring dengan pemberian status autonomi kepada UCS pada 1 Mac 2022. Bagi memastikan perkhidmatan ini dilaksanakan dengan lancar, BPSM telah menyediakan proses kerja untuk rujukan Ketua Pentadbiran Jabatan dan Fakulti di UCS. Proses ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Ketua Pentadbiran Jabatan dan Fakulti di UCS Bilangan 5/2022 bertarikh 2 November 2022.

BPSM juga memperkenalkan dua penambahbaikan **proses** iaitu:

Bil	Perkara	Impak
1.	Borang Senarai Semak Khairat Kematian	Memudahkan waris untuk melengkapkan dokumen dan mendapatkan pendahuluan wang khairat dalam kadar segera.
2.	Surat ucapan takziah	Menunjukkan keprihatinan Pengurusan UCS kepada keluarga waris

5.13 Latihan

5.13.1 Kursus Grooming for Success

Kursus ini telah diadakan pada 22 Mac 2023 bagi siri 1 dan pada 14 Jun 2023 bagi siri 2 bertempat di Galeri Fakulti Farmasi. Penyertaan peserta bagi Siri 1 adalah seramai 31 orang dan siri 2 seramai 34 orang. Kursus ini diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta bagaimana untuk membina jenama diri dan pengurusan imej yang positif.

5.13.2 Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berkesan : Membina Pasukan Cemerlang

Kursus ini dilaksanakan pada 27 Jun 2023 bertempat di Dewan Anggerik Sari UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam. Kursus ini melibatkan 50 orang staf barisan hadapan bertujuan memberi penerangan konsep perkhidmatan pelanggan yang berkesan, hubungan kemanusiaan dalam khidmat pelanggan, mempraktik dan mengaplikasi teknik-teknik komunikasi yang baik dalam khidmat pelanggan serta mempamerkan sikap positif yang profesional kepada pelanggan.



5.13.3 Kursus Pemandu Cemerlang Siri 2

Kursus ini dilaksanakan pada 02-03 Oktober 2023 yang bertempat di Dewan Seminar, Kolej Zamrud/Baiduri melibatkan 35 orang pemandu bertujuan untuk memberi kefahaman lanjut tentang aspek teknikal pengendalian kenderaan dan mengenal personaliti potensi diri serta membudayakan nilai-nilai ESI-iDART di kalangan pemandu.



5.13.4 Bicara Pentadbir@UCS tahun 2023

Sebanyak lima (5) sesi Bicara Pentadbir telah dilaksanakan pada tahun 2023. Pelaksanaan Bicara Pentadbir ini adalah bagi meningkatkan penampakan Pentabdir di UCS. Bicara Pentadbir telah berlangsung sebanyak 12 kali sejak ianya dimulakan pada akhir tahun 2021.



5.13.5 Program Mauizah

Sebanyak tujuh (7) kali sesi mauizah telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 bersama-sama Unit Hal Ehwal Islam seperti berikut:

- i) Mencari Keberkatan dalam Pekerjaan (23.02.2023)
- ii) Qana'ah Keperluan dan Kehendak Menurut Islam (17.05.2023)
- iii) Pekerjaan : Berkorban untuk Kesejahteraan Keluarga (21.06.2023)
- iv) Apa Khabar Al-Quran Kita? (25.07.2023)
- v) Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan (16.08.2023)
- vi) Memikul Amanah Manusia sebagai Khalifah (12.09.2023)
- vii) Sedekah Jariah Melalui Pekerjaan (18.10.2023)

5.13.6 Kursus *Leadership Communication for Maximum Impact*

Kursus ini telah diadakan pada 31 Oktober 2023 di Dewan Seminar Anggerik Sari dan dikendalikan oleh konsultan luar serta dihadiri oleh peserta daripada kalangan staf gred 41 dan 44 di UiTM Cawangan Selangor. Antara tujuan kursus adalah:

- Mengenali potensi, kekuatan diri dan memupuk nilai UiTM ESI-iDART sebagai pelapis kepimpinan.
- Menyerlahkan ciri kepimpinan sebagai pegawai kumpulan pengurusan dan professional (P&P) dan bakal barisan kepimpinan.
- Memahami kepentingan komunikasi berkesan bersama pegawai penyelia, pengurusan tertinggi dan pelanggan.



5.13.7 Kursus Personaliti Warna

Kursus ini telah diadakan pada 18 April 2023 bertempat di Bilik Seminar 1, PTAR, Kampus Puncak Alam dengan dihadiri seramai 39 orang peserta. Ianya bertujuan untuk mengenal potensi diri melalui ujian personaliti warna dan juga mempelajari kaedah pengurusan stress berdasarkan warna.

5.13.8 Taklimat Sasaran Kerja Tahunan (SKT)

Bermula tahun 2023, penilaian kompetensi berasaskan prestasi telah diperkenalkan kepada staf. Oleh itu, satu taklimat penyediaan SKT berasaskan kompetensi telah diadakan pada 2 Mac 2023 secara dalam talian yang disampaikan oleh Cik Adlin Na'qiah Sabar@Sabal, Timbalan Pendaftar, BPSM. Seramai 332 orang staf telah menghadiri taklimat ini.

5.13.8 Taklimat Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT)

Pada 30 November 2023, satu taklimat LNPT disampaikan oleh Cik Adlin Na'qiah Sabar@Sabal, Timbalan Pendaftar, BPSM secara dalam talian bertujuan menerangkan proses penilaian kompetensi berasaskan prestasi kepada staf UCS khususnya kepada pegawai penilai.

5.13.9 Taklimat Pelaksanaan Pertukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan

Taklimat Pelaksanaan Pertukaran Pelantikan Skim Perkhidmatan untuk Staf UiTM Cawangan Selangor telah diadakan pada 16 Mac 2023 secara dalam talian bertujuan untuk memberi penerangan semula kepada staf terlibat bagi mempertimbangkan penerimaan pertukaran pelantikan skim perkhidmatan seperti mana yang disarankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

5.13.10 Taklimat Rasuah dalam Perkhidmatan Awam

Taklimat ini telah diadakan sempena Program Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang berlangsung pada 20 November 2023 dan telah disampaikan oleh YBrs. Tuan Ahmad Nuri Muda, Pegawai Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Negeri Selangor. Tujuan taklimat diadakan adalah untuk meningkatkan lagi kesedaran di kalangan staf UiTM Cawangan Selangor khususnya tentang bahayanya melakukan perbuatan rasuah yang boleh merosakkan akhlak dan juga negara.

5.14 Aktiviti / Acara Yang Dianjurkan

5.14.1 Bengkel Perancangan Strategik

Bengkel Perancangan Strategik UiTM Cawangan Selangor telah dilaksanakan pada 23-24 Mei 2023 bertempat di Hotel Mardhiyyah, Shah Alam



5.14.2 Bengkel Semakan Kemajuan Perancangan Strategik 2023 UiTM Cawangan Selangor

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 7 hingga 8 Disember 2023 bertempat di Dewan Sri Alam, Hotel UiTM Kampus Puncak Alam.



5.14.3 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 peringkat UCS

Penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2022 peringkat UCS dilaksanakan dengan jayanya pada 12 September 2023 bertempat di Dewan Seri Alam, Hotel UiTM yang bertemakan *Glitz and Glam* dengan meraikan 46 penerima melibatkan staf dari Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana dan Kampus Sungai Buloh/ Selayang/ Teluk Intan.



5.14.4 Jom Sihat UCS

Program ini telah berlangsung sebanyak lima (5) kali untuk tahun 2023. Sasaran program ini adalah warga UCS bagi peningkatan tahap indeks kegembiraan.



5.14.5 Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Zon BPSM

Tahun 2023 telah menyaksikan kejayaan Zon EKSA BPSM merangkul **Johan** bagi kategori **Anugerah Zon EKSA Cemerlang UCS**. Pelbagai aktiviti dan kempen pembudayaan EKSA telah dilaksanakan antaranya kempen kitar semula (**3R - Reduce, Reuse dan Recycle**) yang telah diadakan sebanyak dua (2) siri dan berjaya menjana pendapatan sebanyak RM146.50. Selain itu, aktiviti seperti program gotong-royong, Audit Kendiri dan lawatan penandaarasan ke Jabatan Arkib Universiti juga telah dijalankan.

5.14.6 Majlis Lambaian Kasih

Majlis Sanjungan Budi Seluruh Kasih YBhg. Prof. Dr Ahmad Sazali Hamzah, Mantan Rektor UiTM Cawangan Selangor telah diadakan pada 17 Februari 2023. Sesi turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr Roziah Janor, mantan Naib Canselor UiTM. Majlis Sanjungan Budi Seluruh Kasih DSP/PB Zakaria Ishak, juga telah diadakan pada 31 Januari 2023 bersempena kenaikan pangkat sebagai Ketua Polis Bantuan UiTM.



5.14.7 Majlis Bacaan Yaasin BPSM

BPSM telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil bagi menzahirkan rasa syukur di atas nikmat yang diberikan di samping mendoakan kesejahteraan dan keafiatan ahli keluarga staf BPSM.

Siri 1
Tarikh : 14 April 2023

Siri 2
Tarikh : 7 Julai 2023

5.14.8 Majlis Jamuan Hari Raya BPSM

Majlis Jamuan Hari Raya peringkat BPSM telah diadakan pada 8 Mei 2023. Warga BPSM amat berbesar hati menerima tetamu di kalangan ahli Pengurusan Eksekutif UCS dan staf di bahagian/unit berdekatan.

5.14.9 Program Ikrar Bebas Rasuah

Program Ikrar Bebas Rasuah (IBR) peringkat UCS dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor dan Unit Integriti UiTM telah berlangsung pada 20 November 2023 bertempat di DK500, Kampus Puncak Alam. Lafaz ikrar telah diketuai oleh Rektor UCS dan dihadiri seramai 310 orang staf terdiri dari Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana.



5.14.10 Sesi *Engagement* bersama Pemandu

Dalam memperkasakan pengoperasian Unit Kenderaan, BPSM telah menjalankan aktiviti *Engagement* Bersama Pemandu. Lima (5) siri aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2023.

Tarikh	Perkara
28 Januari 2023	Gotong-Rotong bersama Pemandu (Depoh Kenderaan)
20 Februari 2023	Gotong Rotong bersama Pemandu (Rumah Pemandu UCS KPA)
27 Julai 2023	Gotong Royong EKSA (Depoh Kenderaan)
11 Ogos 2023	Aktiviti Berbasikal
22 Disember 2023	Engagement BPSM - Aktiviti Berbasikal (Tazkirah : Kerjasama Erat Tanda Syukur)

Konsep aktiviti engagement adalah bersifat riadah santai dan dapat meningkatkan *happines index* di kalangan pemandu secara khususnya dan staf BPSM secara amnya.

5.14.11 Ziarah Kasih dan Bantuan Pengurusan Jenazah

Merupakan salah satu aktiviti kebajikan BPSM di mana program ziarah kasih dan penyerahan wang bantuan pengurusan jenazah telah dilaksanakan seperti:-

Bil	Perkara	Tarikh Ziarah
1.	Penyerahan Bantuan Pengurusan Jenazah kepada waris - Almarhumah Rosnalina Abd Rahman, Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan	1 Mac 2023
2.	Penyerahan Bantuan Pengurusan Jenazah kepada waris - Almarhumah Nor Azilah Mohd Asarani, Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan	27 Jun 2023

Bil	Perkara	Tarikh Ziarah
3.	Ziarah Suami Staf Meninggal Dunia - Puan Saripah Hanim Salahan, Kerani Kanan	10 Julai 2023
4.	Penyerahan Bantuan Pengurusan Jenazah kepada waris - Almarhum Mohd Hafiz Husin, Pengawal Keselamatan Kampus Puncak Perdana	4 Oktober 2023

Jadual 4 : Program ziarah kasih dan penyerahan wang bantuan pengurusan jenazah

5.15 Lawatan Penandaarasan

BPSM telah menerima lawatan penandaarasan dari dua (2) jabatan lain di UiTM Cawangan Selangor. Tujuan kunjungan ke BPSM adalah untuk mempelajari pengurusan rekod berikutan BPSM telah memenangi Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Jabatan Peringkat UCS bagi tahun 2018, 2019 dan 2023.

Tarikh Lawatan	Jabatan	Bil Staf
29 Ogos 2023	Pejabat Polis Bantuan, UCS	9 orang
7 September 2023	Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UCS	4 orang



Lawatan Polis Bantuan



Lawatan Bahagian Hal Ehwal Pelajar

5.15.1 BPSM Reaching Out Programme

BPSM telah mengadakan beberapa siri kunjungan/lawatan ke beberapa jabatan bagi meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan.

i) On Job Training, Bahagian Saraan dan Kemudahan Staf (BSK)

Seramai 4 orang staf BPSM telah menjalani latihan pada 12 Januari 2023 di Bahagian Saraan dan Kemudahan Staf, Pejabat Pendaftar UiTM Shah Alam bagi mempelajari sekaligus membincangkan isu-isu berkaitan:-

- Pengurusan Perubatan Khas
- Pengurusan Khairat Kematian
- Pengurusan Pakaian Seragam.



ii) Lawatan AJK EKSA Zon BPSM ke Jabatan Arkib Universiti (JAU)

AJK EKSA Zon BPSM telah mengadakan lawatan penandaarasan ke Jabatan Arkib Universiti (JAU) pada 26 Jun 2023 yang turut dihadiri Pn Nor Haizah Mokhtar, Penolong Pendaftar Kanan, BPSM. Tujuan utama lawatan ini diadakan adalah untuk

mendapatkan maklumat mengenai aktiviti dan amalan pembudayaan EKSA yang dilaksanakan di samping bertukar pendapat dan membina hubungan yang positif bersama pihak JAU.

iii) On Job Training, Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar

Sebagai persediaan untuk menerima penurunan kuasa proses kerja autonomi, BPSM telah mengadakan satu sesi *Transfer of Knowledge* (TOK) bersama Bahagian Pengurusan Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar, UiTM Shah Alam pada 10 April 2023. Tujuan sesi ini diadakan adalah untuk membantu staf UCS mempelajari proses kerja pengurusan sumber manusia yang diberi autonomi dilaksanakan mengikut prosedur dan tatacara yang betul.

iv) Lawatan Penandaarasan ke UiTM Cawangan Perak

Lawatan penandaarasan ke UiTM Cawangan Perak telah diadakan pada 11 Julai 2023. Delegasi lawatan diketuai oleh Puan Alfina Bakar, K.M.N, CHRM dan disertai oleh wakil daripada Kampus Puncak Alam, Kampus Sungai Buloh dan Kampus Dengkil. Lawatan ini bertujuan mempelajari proses kerja autonomi, mengenal pasti isu pengoperasian autonomi dan kaedah penyelesaian terbaik dan perkongsian amalan terbaik dilaksanakan oleh kampus.

Selain itu, peserta lawatan turut berpeluang mendapat pendedahan berhubung pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kampus sehingga dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Kampus Lestari Hijau 2021 UiTM. Wakil BPSM turut mengambil peluang ini untuk mempelajari amalan EKSA di kampus.



Gambar: Lawatan Penandaarasan ke UiTM Cawangan Perak

5.16 Anugerah Pencapaian

5.16.1 Anugerah Cemerlang UCS

Hasil daripada usaha, komitmen dan semangat warga telah berjaya merangkul beberapa anugerah sempena Hari Anugerah Cemerlang UCS yang telah diadakan pada 2 November 2023.



5.16.2 Anugerah Pengurusan Rekod

Komitment berterusan dalam Pengurusan Rekod menjadikan BPSM sentiasa dirujuk dalam aspek pengendalian rekod jabatan dan seterusnya BPSM telah berjaya merangkul gelaran Johan dalam pertandingan Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Jabatan Peringkat UCS yang diadakan sempena Hari Arkib Antarabangsa anjuran PTAR bersama Unit Pengurusan Kualiti UCS pada 1 Jun 2023.



5.16.3 Audit Dalam

BPSM telah diaudit oleh pasukan Audit Dalam UiTM Cawangan Selangor pada sesi Audit Dalam Bil. 1/2023 pada 13-14 September 2023. Dua (2) auditor iaitu Puan Hafiza Mustape, Pustakawan Kanan dan Puan Nor Hazianita Hashim, Penolong Pengurus Asrama Kanan. Auditor mendapati fungsi utama BPSM telah dilaksanakan dengan baik mengikut proses kerja yang didaftarkan. Sehubungan dengan itu, BPSM telah diberikan penilaian **Audit Bersih**.

5.16.4 Sijil Kelayakan Auditor oleh InQKA

Seramai dua (2) orang staf BPSM iaitu Pn Nor Haizah Mokhtar, Penolong Pendaftar Kanan dan Pn Siti Zulaila Omar, Pegawai Eksekutif Kanan telah lulus Kursus Audit Dalam ISO 9001 : 2015 dengan jayanya dan layak menjadi Auditor Dalam UCS.



Sijil Penghargaan Kursus Audit Dalam ISO 9001: 2015

5.16.5 Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri UCS

BPSM berjaya memenangi tempat kedua bagi pertandingan *Booth* Terbaik sempena Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat UCS telah dijalankan pada 16 Mei 2023 bertempat di Dewan Berlian UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.




5.17 Penerbitan



Satu dokumentasi yang memaparkan prestasi pencapaian dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2022 dan dijadikan penanda aras bagi pencapaian yang lebih cemerlang untuk tahun 2023.

Punca kuasa:

Mesyuarat JKEN bilangan 8 bertarikh 19 Oktober 2022.



Pelaksanaan audit perjawatan yang julung kalinya di Kampus Sungai Buloh telah dapat mengenal pasti keperluan sumber manusia berdasarkan kepada kompleksiti tugas, proses kerja, norma perjawatan dan jangkauan kawalan (span of control).

Punca kuasa:

Mesyuarat JKEN bilangan 14 bertarikh 18 April 2022.



Dokumen rujukan mengenai pencapaian perancangan strategik setiap PTJ di UCS bagi tahun 2022.

Punca kuasa:

Bengkel Perancangan Strategik UCS pada 23-24 Mei 2023.



Dokumen rujukan mengenai perancangan strategik setiap PTJ bagi tahun 2023.

Punca kuasa:


Bengkel Perancangan Strategik UCS pada 23-24 Mei 2023.

5.18 Penutup

Hasil kerjasama berpasukan dan komitmen yang tinggi dari warga kerja BPSM telah menyaksikan kejayaan yang cemerlang bagi tahun 2023. Pengiktirafan yang diterima sebagai Jabatan Cemerlang UCS 2023 mendokong aspirasi kecemerlangan UiTM. BPSM akan terus mengekalkan momentum kecemerlangan agar terus memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan pemegang taruh.

6.0 /

PEJABAT PENGURUSAN FASILITI



<i>m/s</i>	140	Pengenalan
		Objektif Kualiti
	141	Piagam Pelanggan
		Pencapaian Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan
	146	Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) Pejabat Rektor
	148	Anugerah Dan Pengiktirafan
	152	Sumbangan Kepada Kecemerlangan Kampus
	155	Inisiatif-Inisiatif Bagi Penambahbaikan Jabatan

6.0 PEJABAT PENGURUSAN FASILITI

6.1 Pengenalan


Sejarah Pejabat Pengurusan Fasiliti (PPF) bermula sejak dari Kampus Puncak Alam mula beroperasi iaitu pada 1 Jun 2009, yang pada awalnya dikenali sebagai Bahagian Pengurusan Fasiliti. Seiring dengan penubuhan UiTM Cawangan Selangor (UCS) hasil daripada transformasi UiTM yang mewujudkan Model Tadbir Urus 1 UiTM MultiSistem, Bahagian Pengurusan Fasiliti telah dinaiktaraf kepada Pejabat Pengurusan Fasiliti dengan beberapa penambahan fungsi dan peranan yang bertanggungjawab dalam pelaporan kepada Rektor UCS.

Sejak dari penubuhannya PPF telah memainkan peranan penting dalam menyediakan dan memastikan semua fasiliti di UCS sentiasa dalam keadaan terbaik serta kondusif bagi menyokong proses pembelajaran dan pengajaran serta penyelidikan. Teraju PPF dikemudi oleh Pengarah J54 dengan dibantu oleh seorang Timbalan Pengarah J48. PPF kini mempunyai seramai 69 orang staf yang bertugas mengikut bahagian seperti berikut :



6.2 Objektif Kualiti

Bagi memastikan pengurusan yang efektif dan efisien, berikut merupakan objektif kualiti jabatan serta pencapaiannya.



6.3 Piagam Pelanggan

Dalam usaha memastikan pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan PPF, berikut merupakan piagam pelanggan jabatan yang harus dicapai :



Memastikan 90% aduan kerosakan yang diterima dari pelanggan dalam tempoh waktu bekerja diberi respon dalam tempoh SATU (1) jam dari masa penerimaan aduan bagi tempoh setahun.



Memastikan penyediaan Surat Setuju Terima disediakan dalam tempoh 14 hari daripada surat makluman diterima daripada Bahagian Perolehan



Memastikan gangguan bekalan elektrik infra (HT) dipulihkan dalam masa DUA (2) jam dari masa penerimaan aduan dalam tempoh setahun

6.4 Pencapaian Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan

6.4.1 Pencapaian Objektif Kualiti

- Memastikan 90% keputusan Kajian Kepuasan Pelanggan (KKP) pada tahap memuaskan bagi tempoh setahun


Keterangan	Pencapaian (%)	
	2022	2023
Kebersihan Dalam Bangunan	96	95
Kemudahan Infrastruktur	93	94
Kebersihan Luar Bangunan	94	94
Kemudahan Dalam Bangunan	94	95
Kemudahan Lif	85	85
Keceriaan Kampus	95	93
Keselamatan Persekitaran	95	94
Perkhidmatan HelpDesk	96	95
Kualiti Perkhidmatan Keseluruhan	95	92

Jadual 1: Perbandingan keputusan Kajian Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2022 dan 2023.

Keputusan KKP bagi tahun 2023 mendapati kualiti perkhidmatan keseluruhan PPF menurun kepada 92% berbanding pencapaian tahun 2022 dengan memperolehi skor sebanyak 95%.

Walau bagaimanapun ianya masih mencapai sasaran yang ditetapkan di tahap cemerlang iaitu 90%. Berdasarkan markah perkhidmatan lif pada tahun 2022 iaitu 85%, Pejabat Pengurusan Fasiliti telah mengambil beberapa inisiatif untuk menambah baik perkhidmatan kemudahan lif dengan penukaran lantai *vinyl*, meningkatkan kecerahan lampu dalam lif dan penyelenggaraan berkala yang lebih efisien.

- ii. Membuat kawalan penggunaan tenaga tidak melebihi 30 sen setiap kaki persegi sebulan bagi tempoh setahun.



Graf 1: Perbandingan purata penggunaan tenaga sebulan bagi tempoh 2019 hingga 2023.

Kawalan dan pemantauan penggunaan tenaga (kWh) adalah berdasarkan kepada piawai *Building Energy Index (BEI)* di dalam *EE in Building Guideline (1989)* iaitu 136kWh/m² bersamaan RM0.38/kps sebulan. Pengawalan penggunaan tenaga adalah terkawal dan pencapaian adalah **27 sen setiap kaki persegi sebulan** bagi tahun 2023. Purata penggunaan bagi lima (5) tahun adalah 22 sen setiap kaki persegi sebulan.

Walau bagaimanapun *trend* penggunaan tenaga adalah meningkat kerana pertambahan pembangunan terutama bangunan Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) yang mula beroperasi pada April 2021.

- iii. Memastikan dokumentasi kerja ubahsuai dan naiktaraf disediakan dalam tempoh empat (4) bulan selepas mendapat kelulusan Jawatankuasa Pembangunan & Pengurusan Fasiliti Negeri (JPPFN) dan pengesahan peruntukan.


Status	Tahun	
	2022	2023
Jumlah projek siap diperingkat dokumentasi dalam tempoh empat (4) bulan	5	10

Jadual 2. Perbandingan jumlah projek yang siap hingga peringkat dokumentasi dalam tempoh empat (4) bulan selepas mendapat kelulusan JPPFN dan pengesahan peruntukan bagi tahun 2022 dan 2023.

Jumlah projek kerja ubahsuai dan naiktaraf yang berjaya disiapkan sehingga peringkat dokumentasi dalam tempoh empat (4) bulan selepas mendapat kelulusan JPPFN dan pengesahan peruntukkan menunjukkan peningkatan 100% di mana 10 projek telah mencapai status tersebut bagi tahun 2023 berbanding hanya 5 projek bagi tahun 2022. Peningkatan ini berjaya dicapai antaranya disebabkan oleh PTJ atau jabatan yang memohon projek tersebut telah mendapat kelulusan peruntukkan terlebih dahulu atas justifikasi projek yang dimohon adalah mendesak dan berkepentingan tinggi. Senarai 10 projek adalah seperti berikut :

Pembaikan Rumah Pelajar Antarabangsa Di Kolej Kediaman Angsana 3 & Rafflesia 2, Aras 2 dan 3	Merekabentuk, Membina, Menyiapkan Kerja-Kerja Membaiki Cerun Runtuh Kritikal 2023	Ubahsuai Pejabat <i>Laboratory Animal Facility And Management (LAFAM)</i> , Aras 1, Fakulti Farmasi, Bangunan FF5	Penggantian Bumbung Kepingan Konkrit (Roof Tile) Kepada Bumbung Jenis Dek Logam (Metal Deck) Di Dewan Serbaguna, KPP	Kerja-Kerja Ubahsuai dan Naiktaraf Ruang Makmal Kepada Bilik Mesyuarat, Bilik Kebal, Bilik Vetting Peperiksaan, Bilik Fail dan Makmal Komputer Di Aras 5, Bangunan FSK 1,5 dan Aras 9, Bangunan FF2
Kerja-Kerja Elektrik Bagi Gelanggang Futsal, Gelanggang Bola Tampar, Gelanggang Bola Jaring dan Gelanggang Petanque	Pembinaan Tandas Di Stor Pelupusan Pejabat Bendahari	Penggantian Dan Pembaikan Awam Untuk Bumbung Dek Logam (Metal Deck) Dan Lapisan Kalis Air Di Blok Bangunan Akademik, KPP	Ubahsuai Dan Naiktaraf Pusat Pelajar Non-Resident Di Aras 1, Lot Kedai Hillpark Avenue, Bandar Puncak Alam.	Menaiktaraf Lantai Pejabat Pengurusan Kolej Rafflesia Di Aras 2, Bangunan Kompleks Kemudahan Pelajar Rafflesia (KKPR)


- iv. Membuat kawalan supaya kos operasi tidak melebihi 70 sen setiap kaki persegi sebulan bagi tempoh setahun.



Graf 2: Perbandingan purata kos operasi sebulan bagi setahun dari tahun 2019 hingga 2023.

Purata kos operasi bagi tahun 2023 telah meningkat sebanyak 0.09 sen berbanding tahun 2022 iaitu dari 0.57 sen kepada 0.66 sen bagi setiap 1 kaki persegi. Walau bagaimanapun kadar tersebut masih berada di bawah garis kawalan iaitu purata 70 sen bagi setiap 1 kaki persegi setahun. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah caj Pelepasan Kos Tidak Berimbang atau *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)* ke atas bil elektrik mulai pertengahan tahun 2023. Oleh yang demikian pihak PPF telah mula merancang dengan lebih agresif pelbagai inisiatif bagi pengurangan penggunaan tenaga pada tahun 2024.

- v. Memastikan 90% aduan kerosakan diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja bagi tempoh setahun.




Graf 3: Perbandingan peratus aduan kerosakan diselesaikan dalam tempoh 7 hari bekerja



6.4.2 Pencapaian Piagam Pelanggan


- i. Memastikan Surat Setuju Terima disediakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima surat makluman dari Bahagian Perolehan



Graf 4. Perbandingan bilangan surat setuju terima disediakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh terima surat makluman dari Bahagian Perolehan

Bilangan penyediaan Surat Setuju Terima didapati berkurang pada tahun 2023 berbanding daripada tahun sebelumnya kerana banyak kontrak perkhidmatan telah diperbaharui pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, PPF telah berjaya mencapai sasaran iaitu memastikan semua (100%) Surat Setuju Terima disediakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat makluman dari Bahagian Perolehan.

- ii. Memastikan gangguan bekalan elektrik infra (HT) dipulihkan dalam masa dua (2) jam dari masa penerimaan aduan dalam tempoh setahun.



Graf 5: Tempoh masa yang diambil bagi memulihkan gangguan bekalan elektrik infra (HT) bagi tahun 2023

	Aduan 1	Aduan 2	Aduan 3	Aduan 4	Aduan 5	Purata
Tempoh Masa Pembaikan (minut)	90	120	240	180	180	162
Status Pencapaian	Capai	Capai	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak

Jadual 3 : Status pencapaian tempoh yang diambil bagi memulihkan gangguan bekalan elektrik infra (HT) bagi tahun 2023.

Graf 5 dan Jadual 3 menunjukkan sebanyak lima (5) aduan gangguan elektrik infra (HT) telah berlaku sepanjang tahun 2023. Daripada lima (5) aduan gangguan tersebut, tempoh baik pulih bagi dua (2) aduan berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu kurang dari dua (2). Manakala tiga (3) aduan lagi diselesaikan melewati tempoh dua (2) jam yang ditetapkan. Secara keseluruhan, tempoh baikpulihan gangguan bekalan elektrik infra (HT) juga didapati tidak mencapai sasaran iaitu bagi setiap aduan, purata masa yang diambil untuk pemulihan adalah 162 minit atau 2 jam 42 minit.

Tempoh masa kurang 2 jam bagi pemulihan gangguan bagi aduan satu (1) dan dua (2) berjaya dicapai adalah berikutan kerosakan yang dialami hanya melibatkan peralatan kecil dalam pemasangan dan alat ganti yang mudah diperbaiki atau diperolehi. Namun bagi aduan 3, 4 dan 5 tempoh pembaikan yang diambil agak lama susulan faktor- faktor berikut:

01	Tarikh kejadian pada hujung minggu yang mana banyak kedai alat ganti tidak beroperasi.
02	Peralatan yang rosak dan perlu dibuat penggantian terdiri dari jenis spesifikasi/ <i>rating</i> tinggi dan sukar untuk diperolehi dalam tempoh yang singkat.
03	Faktor kerosakan memerlukan pembaikan yang dalam skala besar dan melibatkan banyak proses termasuk juga pengujian-pengujian yang perlu dijalankan sebelum bekalan dapat dipulihkan sepenuhnya.

- iii. Memastikan 90% aduan kerosakan yang diterima dalam tempoh waktu bekerja diberi respon dalam tempoh satu (1) jam dari masa penerimaan aduan bagi tempoh setahun.

	Kurang 1 Jam	% Kurang 1 Jam	Lebih 1 Jam	% Lebih 1 Jam
2022	12,505	93	2,365	16%
2023	11,492	93	3,453	23%

Jadual 4: Perbandingan aduan kerosakan dalam waktu bekerja yang diberi respon dalam tempoh satu (1) jam dari masa penerimaan aduan bagi tahun 2022 dan 2023.

Bagi tempoh 2 tahun berturut-turut iaitu 2022 dan 2023, sasaran bagi memastikan 90% aduan kerosakan yang diterima dalam tempoh waktu bekerja diberi respon dalam tempoh satu (1) jam dari masa penerimaan aduan bagi tempoh setahun dapat dicapai. Bagi tahun 2023, 93% aduan yang diterima dalam waktu bekerja yang diberi respon dalam tempoh satu (1) jam.

6.5 Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) Pejabat Rektor

6.5.1 P.01 : Water Conservation and Implementation

Bagi menyokong petunjuk prestasi ini, PPF dengan kerjasama pihak konsesi Rumpun Positif Sdn. Bhd. telah melaksanakan projek penuaian air hujan (*Rainwater Harvesting*). Objektif utama projek ini ialah mengumpulkan air hujan untuk digunakan bagi penyiraman tanaman landskap di sekitar Kompleks Alam Bina. Fasa awal projek ini telah dimulakan pada Jun 2023 dengan pemasangan *rainwater down pipe* dan tangki penyimpanan air HDPE di Bangunan Pejabat Bahagian Operasi



PPF. Seterusnya air hujan yang telah dikumpulkan ini disalurkan melalui sistem perpaipan yang dijana oleh sebuah pam untuk mengairi tanaman landskap.

Melalui projek ini, bukan sahaja penggunaan air bersih terawat telah dijimatkan, malah ia didapati berhasil mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia untuk kerja-kerja menyiram tanaman landskap.

6.5.2 P.02 : Recycling Program For University's Waste



Bersempena sambutan bulan kemerdekaan pada 24 Ogos 2023 UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor telah mengadakan Majlis Gotong-royong Merdeka UCS. Antara objektif penganjuran program ini ialah melaksanakan amalan kebersihan bagi mencapai kepuasan yang maksimum melalui kelestarian persekitaran, membudayakan amalan 3R (*reduce, reuse & recycle*) dan kesedaran terhadap bahaya denggi.



Pada majlis ini juga pihak UCS dan MDKS telah menanam iltizam untuk bekerjasama dalam melaksanakan amalan 3R. Sehubungan itu, PPF melalui pengarah Ir. Hj. Junaidi Muslim yang merupakan pengarah bagi program ini seterusnya telah diberi mandat oleh pengurusan tertinggi UCS untuk meneruskan pelaksanaan program kitar semula di kampus-kampus UCS dengan matlamat utama untuk mengurangkan pelupusan sampah domestik di tapak pelupusan.

6.5.3 P.03 : Program To Reduce the Use of Paper and Plastic

Usaha untuk mengurangkan penggunaan kertas dan plastik di UCS dimulakan dengan pelaksanaan perolehan kontrak perkhidmatan sebutharga yang menggunakan *eprocurement plus*. Bagi tujuan tersebut sebanyak 4 kontrak perkhidmatan dan kerja telah dikenalpasti untuk dijadikan *pilot project* bagi pelaksanaan *paperless procurement* ini. Senarai kontrak dan anggaran jumlah penjimatan kertas berikut ketiadaan cetakan dokumen tender fizikal yang dijangkakan adalah seperti berikut :

	Tajuk Kontrak	Helaian Kertas Dijimatkan
1.	Perkhidmatan Kutipan Tuala Wanita di Kolej Jasmine	100
2.	Perkhidmatan Kawalan Makhluk Perosak di Kolej Jasmine	100
3.	Projek Ubahsuai Hill Park	150
4.	Projek Menukar Lantai di KKPR dan KKPA	150
	Jumlah	500



Selain berjaya mengurangkan penggunaan kertas sekaligus mengelakkan lebih banyak penebangan pokok, perolehan kontrak perkhidmatan dan kerja menerusi *eprocurement plus* ini juga dilihat kos pengurusan menerusi penjimatan dalam pembelian kertas, penjimatan kerja lebih masa dan penggunaan elektrik.

6.6 Anugerah Dan Pengiktirafan

6.6.1 Anugerah Hari Kualiti UiTM Cawangan Selangor 2023

Bersempena Majlis Sambutan Hari Kualiti UiTM Cawangan Selangor pada 2 November 2023, PPF telah menerima beberapa pengiktirafan atas penglibatan dan pencapaian cemerlang sepanjang tahun 2023 seperti berikut:

i. Anugerah Jabatan Cemerlang – Naib Johan



ii. Anugerah Staff Pelaksana Terbaik - Tc. Napsiah Putit



6.6.2 Anugerah IPT Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan 2023

Pertandingan IPTA Bebas Denggi anjuran Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ini merupakan salah satu usaha untuk menyokong inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS). Antara objektif UCS menyertai pertandingan ini ialah bagi mendapat pengiktirafan universiti yang kondusif, persekitaran bersih dan tiada pembiakan aedes untuk mencapai sifar kes denggi serta memupuk kesedaran di kalangan pelajar dan seluruh warga universiti terhadap kepentingan kebersihan persekitaran.

Pejabat Pengurusan Fasilitas melalui Pengarah PPF sebagai Penasihat 1, Timbalan Pengarah PPF sebagai pengerusi serta jawatankuasa merentasi PTJ bersama-sama semua warga UCS melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan memantau keadaan kampus menjelang dan semasa penjurian oleh juri pertandingan. Ternyata usaha dan kerjasama dari semua warga UCS membuahkan hasil apabila pada 15 Oktober 2023 bertempat di Hotel Summit USJ sempena Konvensyen *MyChampion@KKM*, UiTM Cawangan Selangor telah dinobatkan sebagai johan kepada 2 kategori iaitu Johan Keseluruhan dan Johan Pengurusan Dendgi Terbaik, Anugerah IPT Bebas Dendgi Peringkat Kebangsaan Tahun 2023.



6.6.3 PTJ UiTM pertama yang berjaya melaksanakan perolehan sebutharga rasmi bagi kontrak perkhidmatan melalui sistem *Fineprocurement Plus*

PPF dengan bimbingan Pejabat Bendahari UCS telah menyahut saranan UiTM ke arah digilati dan *paperless* dalam urusan rasmi dengan melaksanakan perolehan sebutharga melalui sistem *Fineprocurement Plus*. Perolehan kontrak perkhidmatan telah dipilih untuk pelaksanaan *pilot project* ini ialah Perkhidmatan Pelupusan Tuala Wanita di Bangunan Akademik, Kolej Jasmine dan Bangunan KPSK di Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana selama tiga (3) tahun.

Hasil dari kesungguhan staf PPF yang terlibat dan kerjasama dari pihak Bendahari, perolehan bagi kontrak di atas telah disempurnakan apabila kontrak telah bermula pada 8 November 2023. Ini menjadikan PPF sebagai PTJ pertama di UiTM yang berjaya melaksanakan perolehan sebutharga rasmi kontrak perkhidmatan melalui sistem *Fineprocurement Plus*.

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam

Rujukan Kami : 500-UTMSEL (BIR 23/1)
Tarikh : 14.08. Oktober 2023

**PENGARAH
PEJABAT PENGURUSAN FASILITI & ICT**
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam
42300 Bandar Puncak Alam
Selangor Darul Ehsan

Tuan / Puan,

UCAPAN PENGHARGAAN

Saya bagi pihak Pengurusan UTM Cawangan Selangor ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dan sokongan dalam melaksanakan perolehan melalui Sistem FineProcurement Plus dan merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) UTM PERTAMA yang berjaya melaksanakan perolehan Sebut Harga Rasmi bagi kerja dan perkhidmatan fasiliti berikut melalui Sistem FineProcurement Plus:

NO. TAWARAN	UTMSEL/PER/SHR/0923/0001
TAJUK TAWARAN	PERKHIDMATAN PELUPUSAN TUALA WANITA DI BANGUNAN AKADEMIK, KOLEJ JASMINE DAN BANGUNAN KPSK DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN SELANGOR KAMPUS PUNCAK PERDANA SELAMA TIGA (3) TAHUN
JAWATANKUASA TEKNIKAL TERLIBAT	JAWATANKUASA PENTADBIRAN PROJEK NEGERI UTM CAWANGAN SELANGOR (JPEPN)
PEMOHON	Puan Farah Laila Abdul Ghani

Demoga segala kerjasama, sokongan dan usaha murni pihak tuan/puan akan berterusan bagi memantapkan lagi perolehan melalui Sistem FineProcurement Plus.

Setian,

Yang benar,

[Signature]
PROFESOR DR. AHMAD TALUEK BIN ABDUL RAHMAN
Pengerusi
(Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga UTM Selangor)

Pejabat Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam
Jalan 1, Bangunan RRT
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor - 42300
Tel: (603) 5259-4011/40111 Tlx: (603) 5259-4019

UTM

6.6.4 Lawatan penanda aras dari Pusat Asasi UIA

Pada 17 Februari 2023, PPF telah menerima kunjungan dari Pusat Asasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Gambang Pahang. Delegasi dari Pusat Asasi UIAM seramai 20 orang ini yang diketuai LAr. Samsul Rohaizad bin Mohd Jemoner, Timbalan Pengarah, *Centre For Foundation Studies*, International Islamic University Malaysia (IIUM) berhasrat untuk melihat pengoperasian Sistem Archibus dalam pengurusan aduan kerosakan bangunan dan pengurusan konsesi.



6.6.5 Lawatan sambil belajar tenaga pengajar dan pelajar dari Kolej Vokasional Teluk Intan.

Pada 18 September 2023, seramai 26 orang pelajar Diploma Rekabentuk Landskap Kolej Vokasional (KV) Teluk Intan dengan diiringi oleh 3 orang pensyarah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Unit Landskap, PPF. Objektif utama lawatan adalah untuk mempelajari kaedah yang diamalkan oleh Unit Landskap PPF dalam pengurusan dan pemantauan khidmat kontraktor penyelenggaraan landskap UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam.

Lawatan dibahagikan kepada 2 sesi dimana pada sesi pagi peserta diberi penerangan oleh En. Muhammad Nizan Mohd. Zaman Khan, Penolong Arkitek Landskap Kanan PPF. Pada sesi petang, para peserta dibawa meninjau sekitar kampus dan diberi peluang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan landskap asas seperti merumpai, menggembur tanah dan membaja tanaman landskap.



6.7 Sumbangan Kepada Kecemerlangan Kampus

6.7.1 Pemeriksaan keselamatan tapak projek bumbung dek logam (*metal deck*) dan lapisan kalis air



6.7.2 Pemeriksaan keselamatan perkhidmatan pemasangan papan tanda



6.7.3 Projek-projek ubahsuai dan pembaikan berimpak tinggi disiapkan dalam tahun 2023



Klinik Pergigian Di Aras 1, Bangunan FSK 1,5



Pembaikan Rumah Pelajar Antarabangsa Di Kolej Kediaman Angsana 3 & Rafflesia 2, Aras 2 Dan 3



Cadangan Kerja-Kerja Naiktaraf Tandas Orang Kurang Upaya (OKU)



Gelanggang Futsal, Gelanggang Bola Tampar, Gelanggang Bola Jaring Dan Gelanggang Petanque



Bengkel/Studio Pendidikan Seni Dan Senireka Untuk Fakulti Pendidikan

6.7.4 Penganjuran Program Jom Sihat UCS Edisi Merdeka

Bertujuan untuk memastikan setiap warga UiTM Cawangan Selangor mengamalkan gaya hidup sihat, Pejabat Pengurusan Fasilitas telah dipilih sebagai penganjur Jom Sihat UCS Edisi Merdeka Cadamba yang diadakan pada 28 Ogos 2023. Penyertaan dibuka kepada 100 peserta dari warga UiTM Cawangan Selangor termasuk Hospital Al-Sultan Abdullah ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Program melibatkan aktiviti pendakian Bukit Cadamba dengan diselangi aktiviti bertemakan Bulan Kemerdekaan di setiap *checkpoint*.



6.7.5 Kempen Kelestarian Kampus Kompleks Alam Bina

Sempena sambutan Hari Alam Sekitar pada 27 Oktober 2023, Kolej Kediaman Zamrud dan Baiduri dengan kerjasama Syarikat BMES Maintenance Sdn. Bhd. telah mengadakan program Kempen Kelestarian Kampus Hijau. Sambutan *earth hour* diadakan bagi tempoh selama 1 jam iaitu pada jam 9.00 hingga 10.00 malam dengan semua lampu bilik pelajar dimatikan.



6.8 Inisiatif-Inisiatif Bagi Penambahbaikan Jabatan



6.8.1 Team Building Pejabat Pengurusan Fasiliti

Pada 8 hingga 10 September 2023 seramai 40 staff PPF dan ICT telah menjalani kursus team building bertempat di UiTM Tapah, Perak. Semua peserta telah berjaya mengikuti semua acara padat yang telah disusun sepanjang program 3 hari 2 malam ini. Program ini telah berjaya mencapai objektif sasaran iaitu mewujudkan persefahaman dan kerjasama erat di kalangan staf sebagai satu pasukan bagi menghasilkan kualiti kerja yang terbaik untuk UiTM khususnya UCS.



6.8.2 Lawatan Penanda Aras Kelestarian Kampus di UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar

Bagi memantapkan lagi usaha-usaha bagi menjayakan agenda kampus lestari, PPF telah mengadakan kunjungan hormat ke UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar pada 27 November 2023. Rombongan PPF diketuai oleh Timbalan Pengarah, Puan Nurul Dahlya Alias telah diberi penerangan oleh penyelarar Jawatankuasa Kampus Hijau UiTM Cawangan Perak, Prof. Madya Sr. Dr. Nur Azfahani Ahmad berkenaan tadbir urus, perancangan dan pelaksanaan program-program kampus lestari di UiTM Cawangan Perak. Program diakhiri dengan lawatan ke beberapa lokasi-lokasi yang menempatkan inisiatif-inisiatif lestari di sekitar Kampus Seri Iskandar.



6.8.3 Lawatan ke SWCorp, Cyberjaya

Lawatan atas jemputan SWCorp ini adalah bagi memberi peluang kepada staf PPF mendengar dan memahami inisiatif-inisiatif serta usaha-usaha kerajaan pusat dalam pengurusan sisa pepejal negara. Kunjungan singkat pada 12 Disember 2023 ini juga memberi peluang kepada staf PPF untuk melihat sendiri pelaksanaan *reduce, reuse & recycle* (3R) di Bangunan Ibu pejabat SWCorp, Cyberjaya.



6.8.4 Kursus Pangkasan dan Pengurusan Kesihatan Pokok Ameniti.

Kursus anjuran Unit Landskap, Pejabat Pengurusan Fasiliti ini telah diadakan pada 5 dan September 2023 bertempat di Dewan Anggerik Sari, UiTM Kampus Puncak Alam. Bertujuan untuk meningkatkan kompetensi semua pihak yang terlibat dalam pengurusan pokok di UiTM, kursus ini telah menerima penyertaan dari staf UiTM cawangan lain seluruh Malaysia selain dihadiri juga oleh pihak kontraktor dan

konsesi. Kursus ini tidak melibatkan sebarang kos kepada UCS kerana ianya dibiayai oleh penajaan yang diperolehi hasil dari kutipan yuran penyertaan peserta dari pihak konsesi, kontraktor dan staf UiTM dari cawangan lain.

6.8.5 Projek Pemasangan Lantai Dari Jenis 'SPC' Di Dalam Kereta Lif Secara Gotong Royong

Terdapat beberapa unit lif yang perlu penggantian lantai disebabkan oleh keadaannya yang telah rosak dan uzur. PPF telah dapat melaksanakan kerja pemasangan lantai lif baru secara gotong royong melalui pembelian bahan dan pemasangan sendiri oleh kakitangan PPF. Sejumlah 20 buah lif telah dapat disiapkan seperti butiran berikut dengan kos perbelanjaan sebanyak RM3,660.00 sahaja.

BANGUNAN	BIL. UNIT LIF
FF3	4
FSK 7	6
PSB	3
Rafflesia 2	2
Rafflesia 3	2
Rafflesia 6	2
Kampus Puncak Perdana	1

Jadual 6: Bangunan Yang Terlibat Dengan Pemasangan SPC



Sebelum pemasangan



Selepas pemasangan



6.8.6 Taklimat Pengenalan Rekabentuk, Pengoperasian dan Penyelenggaraan Alatubah Serta Alatsuis Sistem Bekalan Elektrik

Kursus anjuran Unit Operasi Elektrik, Pejabat Pengurusan Fasiliti ini telah diadakan pada 25 dan 26 Oktober 2023 bertempat di Dewan Anggerik Sari, UiTM Kampus Puncak Alam. Seramai 39 orang peserta teknikal dari UiTM Kampus Puncak Alam, UiTM Kampus Puncak Perdana dan UiTM Kampus Sungai Buloh telah hadir dan mendapat pendedahan berkaitan rekabentuk, tatacara pemasangan, pengoperasian, penyelenggaraan dan masalah-masalah

yang dihadapi serta cara menyelesaikannya bagi pemasangan alatubah (transformer) dan alatsuis (switchgear) sistem bekalan elektrik.



6.8.7 Taklimat Pengurusan Kontrak : Pengenalan Syarat-syarat Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan

Kursus anjuran Bahagian Kontrak dan Kawalan Kos, Pejabat Pengurusan Fasiliti ini telah diadakan pada 19 September 2023 bertempat di Dewan Anggerik Sari, UiTM Kampus Puncak Alam. Bertujuan untuk meningkatkan lagi pemahaman staf PPF yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran kontrak perkhidmatan penyelenggaraan, taklimat disampaikan sendiri oleh En. Mohd. Faiz Mohsin, Juruukur Bahan Kanan merangkap Ketua Bahagian Kontrak dan Kawalan Kos PPF ini.

6.8.8 Kursus Pengenalan Pengurus Pengurusan Fasiliti (FMM) bagi Pejabat Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Selangor

Kursus Pengenalan Pengurus Pengurusan Fasiliti (FMM) bagi Pejabat Pengurusan Fasiliti UiTM Cawangan Selangor mempunyai beberapa impak yang jelas kepada peserta kursus dari aspek proses pelaksanaan kerja yang berhubungkait dengan kerja mengurus, mengendali dan menyenggara semua fasiliti bangunan. Kursus ini disampaikan oleh Sr. Hanafi Moghni daripada Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII) UiTM Shah Alam pada 16 Mac 2023 dilaksanakan secara 'inhouse' dapat memberi manfaat kepada ramai staf UiTM (PPF) dan dapat mengurangkan/ menjimatkan implikasi kewangan berbanding menghantar staf/ peserta kursus di agensi luar. Pendedahan pengetahuan pengurusan fasiliti bangunan kepada peserta kursus menunjukkan UiTM sangat prihatin terhadap tanggungjawab sebagai majikan. Meningkatkan imej UiTM sebagai institusi pengajian tinggi yang telah menggalakkan staf mendapat pentauliah sebagai Pengurus Pengurusan Fasiliti (FMM) dan memenuhi dan mematuhi tanggungjawab UiTM sebagai majikan kepada Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520)

6.8.9 Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1445H / 2023M

Majlis yang bertempat di Surau Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) ini telah diadakan pada 6 Oktober 2023. Ia merupakan majlis anjuran bersama antara Pejabat Pengurusan Fasiliti dengan Bahagian Spiritual & Kaunseling HASA. Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Quran dan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Ia diteruskan dengan ceramah dari Ustaz Haji Md. Idris Hj. Abdullah, Ketua Unit Masjid Al-Watiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam dan diakhiri dengan acara makan berdulang beramai-ramai.



7.0 /

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



<i>m/s</i>	162	Pengenalan
	164	Pencapaian Tahun 2023
	169	Kepuasan Hati Pelanggan
		Pencapaian dan Anugerah PTAR UCS
		Pencapaian dan Pengiktirafan Staf PTAR UCS
	170	Audit dan Penilaian
		Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM 2023 anjuran PTAR
	171	Hari Bertemu Pelanggan
	172	Pencapaian Penjanaan Pendapatan PTAR UCS
		Pelajar Latihan Industri Antarabangsa
	173	Pelajar Latihan Industri Antarabangsa Pelawat Antarabangsa
		Inisiatif PTAR 2023
	176	Program Khidmat Masyarakat
		Program Semarak Ukhuwah
	177	Penutup

7.0 PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

7.1 Pengenalan

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam telah memulakan perkhidmatannya pada 27 Julai 2009 di tingkat 5, Bangunan Plaza Satelit B (PSB). Menerusi pembangunan Fasa 2, Perpustakaan Kampus Puncak Alam telah berpindah ke bangunan baharu dan beroperasi sepenuhnya pada Mei 2014.

Bangunan baharu ini mempunyai empat (4) aras yang mampu menampung 1,300 tempat duduk dalam satu masa. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dapat memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan ilmu dalam kalangan warga UiTM.

7.1.1 Teras Utama PTAR

PTAR UiTM Cawangan Selangor komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan perpustakaan dapat diurus dan ditadbir dengan cemerlang. Oleh yang demikian, fungsi utama PTAR dibahagi kepada 3 bahagian utama iaitu:

BAHAGIAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

- Mengurus Tadbir Urus dan hal ehwal sumber manusia perpustakaan UiTM Cawangan Selangor
- Melaksanakan pengukuran dan pengukuhan Perancangan Strategik perpustakaan bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Petunjuk Prestasi (PI) perpustakaan UiTM Cawangan Selangor
- Menyelaras pengurusan risiko perpustakaan UiTM Cawangan Selangor
- Menyelaras penyediaan dokumen kualiti perpustakaan.
- Menyelenggara infrastruktur perpustakaan.
- Menyelaras pengurusan risiko perpustakaan
- Mengurus dan menyelaras kerjasama dan kolaborasi dengan agensi luar
- Merancang pemerolehan bahan arkib.
- Merancang Pengurusan Rekod Fizikal
- Merancang penyelidikan, rujukan & dokumentasi

BAHAGIAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

- Merancang dan menyelaraskan keperluan pembangunan sumber bahan bercetak perpustakaan (bahan silibus/koleksi khas/majalah dan jurnal, pesanan tetap)
- Mengurus dan memantau prestasi perbelanjaan peruntukan pembelian bahan bercetak
- Mengurus pengindeksan bahan perpustakaan
- Mengurus proses pembelian sumber bahan bercetak (buku/majalah/jurnal)
- Mengurus pengkatalogan dan pengkelasan bahan
- Mengurus bahan hadiah dan pertukaran dari agensi/organisasi dalam & luar UiTM
- Mengurus harta intelek (pengurusan dasar serahan)
- Mengurus perolehan bahan bagi pembangunan local content
- Menguruskan imbalan dan pemilikan bahan perpustakaan
- Menguruskan penilaian pelupusan sumber bahan akademik
- Mengurus maklumat bahan silibus

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

- Merancang pelaksanaan perkhidmatan pelanggan dan koleksi
- Mengurus analisis KPI, Piagam Pelanggan dan Objektif Kualiti Perpustakaan
- Merancang pelan promosi perkhidmatan pelanggan dan koleksi akademik
- Pengurusan Perkhidmatan Perpustakaan Digital
- Pengurusan Penarafan Webometrics
- Pengurusan Aplikasi Realiti Maya
- Pengurusan Cashless PTAR
- Mengurus muat naik bahan IR
- Mengurus pendigitan bahan IR
- Mengurus Taxonomy (subjek) bahan
- Mengurus bahan digital sumber dalaman
- Merancang dan mengurus program kemahiran penyelidikan dan penerbitan.
- Merancang dan membuat kajian bagi tujuan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan.

7.1.2 Pencapaian Piagam Pelanggan

Terdapat 6 piagam pelanggan yang disenaraikan dibawah tanggungjawab PTAR UCS. Pencapaian bagi piagam pelanggan adalah seperti berikut:

Bil	Piagam Pelanggan	Pencapaian
1	Memastikan maklumbalas perkhidmatan <i>Chat with Librarian (Response Waiting Time Lib Chat)</i> tidak melebihi 7 minit	91.38% (710)
2	Memastikan Bahan Pinjaman Antara Perpustakaan (yang berjaya) dibekal dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan	97.7% (85)
3	Memastikan Aduan dan Maklumbalas Pelanggan diberi maklumbalas dalam tempoh satu (1) hari bekerja	100% (10)
4	Memastikan permohonan rujukan bahan Arkib Universiti tersedia dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.	101% (202)
5	Memastikan Portal Perpustakaan Digital dapat diakses 24/7 oleh pelanggan.	100% (365)
6	Memastikan status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu (bukubercetak/ Jurnal bercetak/e Book/PDAT/eJournal) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.	100% (29)

7.2 Pencapaian Tahun 2023

Pencapaian yang telah diperolehi sepanjang tahun 2023 oleh Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Cawangan Selangor seperti di bawah:-

7.2.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi bagi Perancangan Strategik PTAR UCS

Secara keseluruhan, terdapat 7 KPI dan 18 PI dibawah tanggungjawab pengurusan PTAR UCS bagi tahun 2023. 6 daripada KPI telah berjaya mencapai sasaran bersamaan 85.7%. Manakala 12 PI (66.7%) daripada 18 PI telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan tetapi terdapat juga beberapa KPI dan PI yang tidak dapat mencapai sasaran dengan pelbagai justifikasi bagi penambahbaikan berterusan kearah pencapaian KPI dan PI.

SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI	PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN	PENGURUSAN PERPUSTAKAAN	PENGURUSAN ARKIB	STATUS PENCAPAIAN 2023	
1 KPI 1 TERCAPAI	3 KPI 2 TERCAPAI	2 KPI 2 TERCAPAI	1 KPI 1 TERCAPAI	7 KPI	18 PI
2 PI 1 TERCAPAI	8 PI 4 TERCAPAI	5 PI 4 TERCAPAI	3 PI 3 TERCAPAI	6 Capai	12 Capai
100 %	66.6%	100%	100 %	85.7%	66.7%
50%	50%	80%	100%		
STATUS PENCAPAIAN	STATUS PENCAPAIAN	STATUS PENCAPAIAN	STATUS PENCAPAIAN		

KPI	SASARAN TAHUN 2023	PENCAPAIAN TAHUN 2023	PERATUS PENCAPAIAN
BAHAGIAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI			
KPI 1: Bilangan Niche Collection Local Content	100	102	102%
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN			
KPI 2: Bilangan Pelaksanaan Program Read@UiTM	60 Program	60	100%
KPI 5: Bilangan Kolaborasi Penganjuran Dan Penulisan Akademik	6 Kolaborasi	6	100%
KPI 6: Peratus Login Perkhidmatan Digital Perpustakaan	18,743 Login	14,885	79.4%
BAHAGIAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN			
KPI 3: Bilangan Rekod Penting Universiti	800 Rekod penting	974	121.75%
KPI 4: Bilangan Pelaksanaan Program Library Community Engagement	2 Program	2	100%
KPI 9: Bilangan Penjanaan Pendapatan Perpustakaan UiTM	RM 10,000	12,724	127.24%
BAHAGIAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI			
PI 5: Bilangan Penggunaan PDAT	2,545,536 Penggunaan	9,055,014	58.18%
PI 6: Bilangan Penggunaan EBOOK	90,912 Penggunaan	383,465	421.80%
BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN			
PI 1: Bilangan Pinjaman Bahan Perpustakaan	60,463 Pinjaman	17,900	29.72%
PI 2: Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan	100,000 Pengunjung	291,151	291.15%
PI 3: Bilangan Peserta Program Literasi Maklumat	8,729 Peserta	5,642	64.64%
PI 4: Bilangan Program Speed Reading	12 Program	10	83.33%
PI 14: Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM	225,000 Pengguna	187,111	83.16%
PI 15: Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan	33,000 Pengunjung Maya	57,487	174.2%

KPI	SASARAN TAHUN 2023	PENCAPAIAN TAHUN 2023	PERATUS PENCAPAIAN
PI 16: Bilangan Muat Naik Bahan IR	1,700 Muat Naik	1,701	100.06%
PI 19 Bilangan Keahlian Luar Perpustakaan	50 Orang	91	182.00%
BAHAGIAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN			
PI 10: Bilangan Program Kolaborasi Bersama Agensi Dalam Dan Luar Negara	2 Program	5	250%
PI 11: Bilangan Program Khidmat Masyarakat PUITM	1 Program	1	100%
PI 12: Bilangan Program Library Outreach	5 Program	14	250.00%
PI 17: Peratus Staf Mencapai 42 Jam Latihan	66 orang Staf (100%)	64	96.97%
PI 18: Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi Dan Produktiviti Kerja	1 Penyertaan	0	0%
PI 7: Bilangan Rujukan Bahan Arkib	200	202	101%
PI 8: Bilangan Permohonan Pelupusan Rekod	6 Permohonan	17	283.33%
PI 9: Bilangan Konsultasi Pengurusan Rekod Dan Arkib	110 Konsultasi	217	197.27%

7.2.2 Peruntukan dan prestasi perbelanjaan Pembangunan Sumber Rujukan Universiti


LOKASI	PERUNTUKAN (RM)	PINDAH KELUAR	PRESTASI PERBELANJAAN	BAKI PERUNTUKAN (RM)		PEMBAYARAN	PRESTASI BAYARAN
	Pengurusan	RM	%	RM	%	RM	%
KAMPUS PUNCAK ALAM	168,000.00	-	99.91	151.14	0.09	146,306.42	85.68
KAMPUS PUNCAK PERDANA	20,000.00	2,145.56	95.57	885.07	4.43	14,043.84	70.22
KAMPUS SUNGAI BULOH	150,000.00	-	93.67	9,495.69	6.33	128,004.57	85.34
KAMPUS DENGKIL	120,000.00	-	99.87	159.83	0.13	87,255.29	72.71
JUMLAH KESELURUHAN	458,000.00	2,145.56	97.67	10,691.73	2.33	375,610.12	82.01

Peruntukan bagi PTAR UCS adalah sebanyak RM 458,000.00. Prestasi perbelanjaan bagi keseluruhan PTAR UCS adalah sebanyak 97.67%. Manakala prestasi pembayaran adalah sebanyak 82.01%. Faktor yang menyebabkan prestasi bayaran berkurang adalah diluar kawalan PTAR kerana melibatkan pihak ketiga terutamanya bahan tidak dapat dibekalkan oleh pembekal disebabkan bahan tiada stok (*out of stock*), bahan tidak dicetak semula (*out of print*) dan lain-lain.

7.2.3 Pengurusan Arkib Universiti

Rekod penting Universiti perlu dikumpulkan oleh Unit arkib Cawangan Selangor bagi simpanan institusi dan rujukan generasi akan datang. Rekod penting ini perlu dipelihara dan disimpan bagi memastikan rekod dapat dirujuk semula sekiranya berlaku bencana, kerosakan atau kehilangan di bawah simpanan PTJ.

Pada tahun 2023, sebanyak 974 rekod penting telah diperolehi dan dimasukkan di dalam sistem Arkib Universiti. Rekod penting yang diterima merangkumi Fail peribadi pelajar, Memorandum persefahaman (MOU/MOA), Sijil Akreditasi dan bahan penerbitan PTJ.




7.2.4 Perkhidmatan Perpustakaan

Secara amnya, Perkhidmatan utama perpustakaan terdiri daripada pinjaman bahan perpustakaan, kehadiran pengunjung, konsultasi bagi rujukan bahan perpustakaan dan *page view* laman web perpustakaan. Berikut disertakan analisa bagi perkhidmatan tersebut:


7.2.4.1 Pinjaman buku

Jumlah pinjaman bahan bagi tahun 2023 adalah sebanyak 16,423. Meningkat 5,334 pinjaman berbanding tahun sebelum. Promosi bahan perpustakaan sentiasa dilaksanakan dan akan terus dipergiatkan bagi memastikan penggunaan maksimum bagi setiap bahan perpustakaan.




7.2.4.2 Bilangan Pengunjung fizikal Perpustakaan

Kehadiran pengunjung perpustakaan bagi tahun 2023 adalah sebanyak 272,389 orang. Peningkatan sebanyak 279.66% berbanding tahun 2022. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan jumlah pengunjung adalah kerana peningkatan pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara bersemuka.



7.2.4.3 Page View Laman Web Perpustakaan

Page view laman web perpustakaan mencatatkan sebanyak 187,111 page view. Meningkat sebanyak 178.61% berbanding tahun sebelum. PTAR Kampus Puncak Alam mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 66,095 page view bersamaan 35.32% daripada jumlah keseluruhan.



7.3 Kepuasan Hati Pelanggan

Soal selidik kepuasan hati pelanggan perpustakaan bagi tahun 2023 telah dilaksanakan pada 1 Ogos sehingga 31 Oktober 2023. Jumlah keseluruhan responden UiTM Cawangan Selangor adalah 2,724 orang. 2,609 bersamaan 95.78% responden terdiri daripada pelajar selebihnya 117 bersamaan 4.3% orang adalah staf. Pencapaian kepuasan hati pelanggan terhadap kemudahan dan perkhidmatan Perpustakaan UiTM Cawangan Selangor adalah 95%.

7.4 Pencapaian dan Anugerah PTAR UCS

Bersempena dengan sambutan Hari Kualiti Peringkat UCS yang telah diadakan pada 2 November 2023, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor, telah berjaya merangkul 2 anugerah. Berikut adalah anugerah yang telah diperolehi.



Tempat ketiga Kategori Jabatan Anugerah Zon EKSA Cemerlang Sempena Hari Kualiti Kategori Jabatan



Tempat ketiga Kategori Jabatan Anugerah Jabatan Cemerlang Sempena Hari Kualiti Kategori Jabatan

7.5 Pencapaian dan Pengiktirafan Staf PTAR UCS

Beberapa pencapaian telah diperolehi sepanjang 2023 dari pengiktirafan pentadbiran organisasi dan juga kejayaan dalam bidang sukan di pelbagai peringkat.



Anugerah Pentadbir Harapan UiTM Cawangan Selangor Sempena Hari Kualiti UCS - Puan Nur Fatimah Muhamad



Persijilan Microsoft Excel Associate - Puan Nur Fatimah Muhamad



Pingat Emas Acara Catur Berkumpulan Sukan Badan Berkanun 2023 - Encik Bakar Mohd Yasin



Pingat Emas Acara Catur Berkumpulan KARISTA 2023 - Encik Bakar Mohd Yasin

7.6 Audit dan Penilaian

Sepanjang tahun 2023, beberapa siri audit telah dijalankan bagi memastikan tahap keberkesanan sistem perkhidmatan serta fungsi utama perpustakaan dijalankan mengikut kepada tatacara pengendalian piawai yang tepat.

1. Audit Perakuan Sijil Bomba (FC) 2023
2. Audit Bersih Bagi Audit Dalam Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Bil.1/2023 (ISO 9001:2015 Certified) – Skop Perolehan bahan perpustakaan
3. Audit Bersih Bagi Audit Dalam Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Bil.2/2023 (ISO 9001:2015 Certified) – Skop Pengurusan perpustakaan dan pengurusan Arkib
4. Audit Bersih Bagi Audit Llyods (ISO 9001:2015 Certified) – Pengurusan Arkib Cawangan

7.7 Sambutan Hari Arkib Antarabangsa Peringkat UiTM 2023 anjuran PTAR

Pada tahun 2023, beberapa inisiatif telah dilaksanakan sebagai menghargai kakitangan dan juga pelajar di UiTM Kampus Puncak Alam ini. Antara kategori anugerah adalah:



Anugerah Pengurusan Rekod Terbaik Pemenang

Johan: Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia

Naib Johan: Kolej Zamrud/Baiduri

Tempat Ketiga: Unit Kesihatan



Anugerah Inisiatif Pengurusan Rekod UCS Pemenang

Kolej Zamrud/Baiduri

7.8 Hari Bertemu Pelanggan



Anugerah Peminjam Buku Terbanyak

Pemenang: **Kategori Staf Akademik**

Professor Ts. Dr. Hj.
Rugayah binti Hj. Hashim
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan

Kategori Staf Pentadbiran


Siti Nornafiza binti Katmidi
Pembantu Pustakawan Kanan
PTAR

Kategori Pelajar

Nur Sabarina binti Shapie
Fakulti Pengurusan dan
Perniagaan

7.9 Pencapaian Penjana Pendapatan PTAR UCS

Bagi tahun 2023, PTAR UCS telah menjana RM 12,724.00 melalui bayaran denda lewat pemulangan bahan dan bayaran cetakan.



7.10 Pelajar Latihan Industri Antarabangsa

PTAR Kampus Puncak Alam telah menerima 8 orang pelajar Latihan Industri daripada Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta yang menjalani latihan industri selama 1 bulan bermula 28 November 2023 hingga 22 Disember 2023. Jalinan kerjasama ini dapat menggalakkan perkongsian ilmu diantara perpustakaan dan dalam masa yang sama dapat memperkenalkan PTAR dan UiTM di peringkat antarabangsa. Pelajar – pelajar ini memilih PTAR UCS kerana ingin mempelajari berkaitan proses kerja serta perkhidmatan yang disediakan



7.11 Pelajar Latihan Industri Antarabangsa Pelawat Antarabangsa

PTAR UCS telah menerima beberapa siri lawatan dari luar negara sebagai sesi penanda aras yang mampu meningkatkan ketampakan PTAR

1. Lawatan luar negara daripada pelajar SMATAG Surabaya, Indonesia
2. Lawatan daripada dua buah Universiti iaitu Universitas Airlangga dan Universitas Yogyakarta Indonesia
3. Lawatan daripada Fakultas Keperawatan & Perbidanan Universitas Megarezky, Indonesia
4. Lawatan Penanda Aras & Pembentangan Penyelidikan Delegasi Forum Perpustakaan Perguruan Tinggi Indonesia Cawangan Jawa Timur - Fppti East Java
5. Lawatan Sekolah Tinggi Manajemen Informatika Dan Komputer Royal Indonesia (STMIK Royal Kisaran)

7.12 Inisiatif PTAR 2023

7.12.1 Program Read@UiTM

Pelaksanaan program *Read@UiTM* bertujuan untuk menggalakan budaya membaca dikalangan warga UiTM Cawangan Selangor. Selain itu, program – program yang dijalankan ini turut menyokong kepada 17 *sustainable development goals* yang memberi impak kepada pembelajaran dan penyelidikan warga kampus. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 54 Program Read@UiTM telah berjaya dilaksanakan.



7.12.2 Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Puncak Alam telah diadakan pada 8 dan 9 Jun 2023. Perasmian program telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr Asmah Awal, Timbalan Rektor (Penyelidikan & Inovasi) Menjalankan Tugas-Tugas Rektor, UiTM Cawangan Selangor. Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan bagi menzahirkan penghargaan dan keterujaan PTAR untuk berhubung dan mendekati pelanggan perpustakaan yang disayangi.



7.12.3 Program Library Outreach

Pada tahun 2023, sebanyak 5 siri Program *Library Outreach* telah dapat dilaksanakan dengan melakukan kunjungan kepada pihak pengurusan fakulti. Tujuan utama *Library Outreach* ini dijalankan adalah untuk menyampaikan maklumat terkini berkaitan PTAR serta mengekalkan hubungan yang baik bersama pihak fakulti. Program ini akan sentiasa berterusan pada masa akan datang.

Antara fakulti yang telah terlibat adalah:

Program <i>Library Outreach</i>	Program Mobile Library PTAR di Dewan Berlian
	Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Puncak Alam
	Fakulti Pergigian UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh
	Fakulti Farmasi UiTM Kampus Puncak Alam
	Fakulti Hotel dan Pelancongan UiTM Kampus Puncak Alam

7.12.4 Taklimat Pengurusan Rekod dan Fail

Taklimat dan konsultansi pengurusan rekod dan fail	Pejabat Polis Bantuan
	Fakulti Perakaunan
	Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA)
	Fakulti Pengurusan Perniagaan
	Pejabat Bendahari Kampus Sungai Buloh



Tujuan pelaksanaan taklimat pengurusan rekod adalah untuk memastikan pengurusan rekod dan fail yang dilaksana mengikut dasar dan pengurusan rekod Arkib Negara Malaysia dan UiTM.

7.12.5 Program Speed Reading

Sepanjang tahun 2023 sebanyak 12 Program *Speed Reading* telah dilaksanakan melibatkan semua Kampus UiTM Cawangan Selangor. Selain dari menyampaikan kepada staf kakitangan dan pelajar UiTM, tenaga pengajar Program *Speed Reading* dari PTAR UiTM Cawangan Selangor juga turut dijemput oleh pihak luar untuk memberikan taklimat. Antara pihak luar yang menjemput PTAR UCS adalah SK Telok Panglima Garang dan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM)



7.12.6 Program Kolaborasi Pengajaran dan Penulisan Akademik

PTAR UCS turut berkolaborasi dengan fakulti dalam menyokong pengajaran dan penulisan akademik staf. Antara program/bengkel yang telah dilaksanakan bersama adalah:

- Bengkel *Quantitative Research* 2023 Fakulti Perakaunan
- Bengkel *Research Writing* Fakulti Sains Kesihatan
- Sesi Pengajaran Kolaboratif Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media
- Mastering Your Research Tools With Refinitiv Datastream* Fakulti Perakaunan & Fakulti Pengurusan Perniagaan
- Mastering Your Research Tools With Access Dunia* Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Farmasi & Warga Kampus

HARI BERTEMU PELANGGAN

Mastering Your Research Tools with REFINITIV® DATASTREAM®

Date: 8th June 2023 (Thursday)
Time: 11.00 a.m. - 1.00 p.m.
Venue: Bilik IT, PTAR Kampus Puncak Alam

PANEL:
Mr. Wong Wai Hong
Account Manager
Refinitiv

#ESI-IDART@UCS

PTAR Kampus Puncak Alam | @lib4uTMselangor | t.me/ptarkps | ptar@uim.edu.my | ptar@uim.edu.my

HARI BERTEMU PELANGGAN

Mastering Your Research Tools with ACCESS DUNIA ONE STOP INFORMATION PROVIDER ACS Chemistry for Life® AMERICAN CHEMICAL SOCIETY

Date: 9th June 2023 (Friday)
Time: 10.00 a.m. - 12.00 p.m.
Venue: Bilik IT, PTAR Kampus Puncak Alam

PANEL:
Ms. Mandy Sum
Market & Business
Development Manager
ACS Publication,
ASEAN & Oceania

#ESI-IDART@UCS

PTAR Kampus Puncak Alam | @lib4uTMselangor | t.me/ptarkps | ptar@uim.edu.my | ptar@uim.edu.my

7.12.7 'Sharing Knowledge' Kepakaran Dalam Bidang Kepustakawanan



7.11 Program Khidmat Masyarakat

1. Program Khidmat Masyarakat (CSR) di Sekolah Menengah Islam Intergrasi Pintar Saujana Utama, Sungai Buloh.
2. Program Penyerahan Bahan Sumbangan dan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di Sekolah Menengah Saujana Utama.
3. Program Bacaan Pantas & Sesi Penyerahan Buku Sumbangan ke Pusat Sumber Sekolah Kebangsaan Telok Panglima Garang, Selangor.
4. Program Sumbangan Buku Kepada Sekolah Menengah Tahfiz Al-Quran (JAIM) Al-Abqari.

7.12 Program Semarak Ukhuwah

Perancangan dan pelaksanaan program adalah di bawah Pengurusan PTAR Kampus Puncak Alam. Program dan aktiviti dijalankan bagi tujuan mengeratkan hubungan dan memupuk semangat berpasukan dikalangan warga PTAR UCS. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tahun 2023 adalah :

1. Majlis berbuka puasa bersama keluarga staf PTAR UCS
2. Majlis Jamuan Raya staf PTAR UCS
3. Aktiviti Senamrobik staf PTAR
4. Pertandingan bowling


7.13 Penutup

Bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan perpustakaan yang lebih dinamik, PTAR telah melaksana pelbagai inisiatif bagi memudahkan pelanggan untuk mengakses sumber rujukan secara atas talian melalui perkhidmatan digital perpustakaan. PTAR juga telah memanfaatkan perubahan teknologi dengan membangunkan *QR Code* yang dapat digunakan sebagai medium untuk hebahan maklumat dan menggunakan aplikasi *mobile apps* yang berkonsepkan mobiliti, perkhidmatan *cashless* dan perkhidmatan *Livechat* bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perpustakaan lebih efektif.

8.0 /

PENGURUSAN ICT





m/s	180	Pengenalan
	182	Pencapaian Tahun 2023
	198	Penutup

8.0 PENGURUSAN ICT

8.1 Pengenalan

Selaras dengan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025** dalam memastikan UiTM kekal relevan dalam mengharungi era globalisasi, dua (2) strategi utama memfokuskan transformasi digital telah disusun menerusi **Pelan Strategik UiTM (GRU2025)** di bawah Tema Strategik: **Kampus Pintar (Smart Campus)** melibatkan pelaksanaan **Kampus Digital** dan **Hab Data Pintar Berpusat (SCDH)**.

Elemen teknologi digunakan sebagai tunjang kepada perubahan dalam mewujudkan dan menambahbaik proses, budaya dan pengalaman pelanggan bagi memenuhi perubahan keperluan bisnes dan pasaran. Bahagian Infostruktur UCS telah membuat pemetaan hala tuju dan keperluan ICT kepada dua (2) pelan strategik dan dua (2) amanat daripada YB Menteri Pendidikan Tinggi dan Naib Canselor UiTM yang diringkaskan melalui gambar rajah di bawah:



Rajah 1: Pemetaan Hala Tuju dan Kerperluan ICT Roadmap 2023

Analisis SWOT dilaksanakan bagi mengenalpasti kekuatan dan kelemahan persekitaran ICT serta melihat peluang penambahbaikan dengan mengambilkira ancaman yang boleh memberi kesan kepada perkhidmatan dan pelaksanaan projek ICT.



Rajah 2: Analisis SWOT Persekitaran ICT

Hasil daripada analisis SWOT dan penjajaran kepada GRU2025, Pelan Pendigitalan UiTM dan Amanat Naib Canselor terdapat **15 inisiatif** telah diwujudkan merentas kampus untuk dilaksanakan mengikut bidang dan fungsi utama Bahagian Infostruktur seperti berikut:



Rajah 3: Inisiatif Transformasi Digital 2023

Pencapaian inisiatif dan operasi perkhidmatan tahun 2023 diperincikan mengikut **tiga (3) bidang tumpuan** iaitu **Infrastruktur ICT**, **Sistem & Aplikasi** serta **Operasi ICT** dalam seksyen seterusnya.

8.2 Pencapaian Tahun 2023


Transformasi Digital di UiTM Cawangan Selangor dilaksanakan melalui beberapa inisiatif berdasarkan keperluan pengoperasian PTJ dalam menyokong sistem penyampaian perkhidmatan universiti. Pada tahun 2023 beberapa projek ICT telah dirancang dan dilaksanakan merangkumi projek **pembangunan sistem dan aplikasi setempat, naik taraf infrastruktur ICT dan penambahbaikan operasi perkhidmatan ICT**. Berikut adalah pencapaian projek dan perkhidmatan ICT yang telah dilaksanakan di kampus-kampus yang terlibat:

8.2.1 Infrastruktur ICT

Secara umumnya, infrastruktur ICT di UCS diuruskan mengikut lokasi bangunan yang dikelolakan oleh UiTM dan syarikat konsesi. Keperluan untuk menaik taraf infrastruktur ICT diperlukan bagi penggantian peralatan yang telah usang dan rosak. Sepanjang tahun 2023, **enam (6) projek infrastruktur ICT** telah selesai dijalankan di **empat (4) kampus** dalam UCS. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi capaian internet di bangunan-bangunan yang berada di dalam kawasan kampus UCS melalui penggantian peralatan rangkaian sedia ada yang telah usang dan berisiko untuk rosak kepada peralatan berteknologi terkini. Projek yang dilaksanakan melibatkan **infrastruktur rangkaian di bangunan konvensional dan bangunan PFI**. Berikut adalah projek yang berjaya diselesaikan sepanjang tahun 2023.


Kampus	No.	Projek	Lokasi	Status
Kampus Puncak Alam	1.	Penggantian Peralatan Sistem Rangkaian di Bangunan FF1	Bangunan Konvensional	Selesai pada Mei 2023
	2.	Penggantian Sistem AP WIFI di Kolej Zamrud, Kolej Baiduri 1 dan Baiduri 2 di Kompleks Alam Bina dan Seni Reka, UiTM Kampus Puncak Alam	Bangunan PFI	Selesai pada Ogos 2023
	3.	Pemindahan semula Peralatan <i>Access Point</i> (AP) di Kolej Rafflesia R4 dan R5	Bangunan Konvensional	Selesai pada November 2023
	4.	CMMM dan Mengujilari Sistem Wifi Beserta Rangkaian yang berkaitan di Kompleks Zon 1 Fasa 2 UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam (PFI)	Bangunan PFI	Selesai pada Disember 2023
Kampus Sungai Buloh	5.	Penggantian Peralatan Sistem Rangkaian di Kampus Sungai Buloh & Selayang	Bangunan Konvensional	Selesai pada Ogos 2023
Kampus Dengkil	6.	Menaiktaraf Sistem Rangkaian di UiTM Dengkil (Kolej Kediaman Pelajar, Bangunan Akademik dan Pentadbiran)	Bangunan PFI	Selesai pada Disember 2023

Projek infrastruktur ICT ini melibatkan penggantian dan penambahan peralatan seperti **Switch, Wireless Controller, Access Point** beserta lesen termasuk pemasangan **kabel rangkaian**. Majoriti pengguna yang menerima manfaat bagi projek ini adalah dari kalangan pelajar kerana melibatkan kemudahan infrastruktur ICT di kolej kediaman pelajar. Naiktaraf infrastruktur ini secara tidak langsung telah menyokong objektif kualiti berkaitan infrastuktur ICT pada tahun ini dengan pencapaian 100% seperti gambar rajah di bawah.




Rajah 4: Pencapaian Objektif Kualiti #5 UCS Tahun 2023

Selain itu, naik taraf infrastruktur rangkaian juga telah meningkatkan liputan rangkaian capaian internet tanpa wayar (WIFI) di beberapa lokasi dengan adanya penambahan bilangan *Access Point* (AP) baharu yang disesuaikan mengikut amalan terbaik sekaligus dapat meningkatkan prestasi capaian internet yang lebih baik. Sehingga tahun 2023, terdapat **3475** unit AP yang telah dibuat pemasangan mengikut keperluan di setiap lokasi yang telah dikenalpasti di seluruh kampus UCS seperti rajah di bawah:



Rajah 8.5: Bilangan Access Point (AP) sedia ada berbanding dengan keperluan.

Pemasangan AP yang telah dibuat masih tidak mencukupi kerana masih terdapat lokasi-lokasi capaian internetnya masih rendah. Berikut adalah status terkini liputan rangkaian capaian internet melalui kemudahan WIFI:



Rajah 6: Trend Pencapaian Peratus Liputan WIFI mengikut Kampus.

	Puncak Alam	Puncak Perdana	Sungai Buloh	Selayang	Teluk Intan	Kampus Dengkil	Keseluruhan
2022	86%	62%	80%	81%	60%	100%	83.4%
2023	93.41%	78.14%	80.34%	88.48%	60%	100%	78.17%
% Peningkatan	7.41%	16.14%	0.34%	7.48%	0%	0%	5.23%

Jadual 1: Perbandingan Pencapaian Peratus Liputan WIFI mengikut Kampus.

Berdasarkan jadual di atas, secara keseluruhan terdapat peningkatan sebanyak **5.23%** liputan WIFI di UCS. Walau bagaimanapun peratus liputan bagi Kampus Puncak Perdana dan Kampus Teluk Intan masih jauh lebih rendah daripada kampus-kampus lain di UCS dan perlu diberi perhatian pada masa akan datang. Warga UiTM dan pengguna luar diberikan kemudahan untuk mengakses maklumat kemudahan WIFI UiTM melalui Portal UiTM Wireless Network di pautan <https://wifi.uitm.edu.my> dan aplikasi **myStudent**. Gambar rajah berikut adalah gambaran liputan wifi di semua kampus UCS.



Rajah 7: Status Liputan WIFI di seluruh Kampus UiTM Cawangan Selangor

8.2.2 Sistem dan Aplikasi

Sejajar dengan Pelan Strategik UCS (GRU2025), Bahagian Infostruktur telah merancang dan melaksanakan **empat (4) projek pengautomasian proses** yang dapat menambah baik proses kerja sedia ada pada tahun 2023. Aktiviti pembangunan sistem terdiri daripada **tiga (3) kategori utama** berikut:

a. Pembangunan Sistem dan Aplikasi

Sepanjang tahun 2023, Bahagian Infostruktur telah berjaya membangunkan sistem dan aplikasi yang dapat membantu PTJ mengautomasikan proses manual sedia ada mengikut keperluan. Sistem dan aplikasi yang dibangunkan telah dapat membantu memberi kelancaran bagi sesuatu program atau aktiviti yang dilaksanakan.



Rajah 8: Pencapaian Pembangunan Sistem Tahun 2023

Diantara sistem dan aplikasi yang telah dibangunkan dan ditambahbaik sepanjang tahun 2023 di UiTM Cawangan Selangor adalah seperti berikut:



Rajah 9 : Senarai sistem yang dibangunkan/ditambahbaik pada tahun 2023



Rajah 10: Senarai aplikasi dan dashboard yang dibangunkan pada Tahun 2023



Walaupun, terdapat inisiatif yang telah dirancang, terdapat keperluan secara *ad-hoc* daripada PTJ untuk membangunkan aplikasi khusus bagi memastikan kelancaran sesuatu program yang dianjurkan oleh pihak kampus. Terdapat enam (6) daripada sembilan (9) aplikasi telah dibangunkan bagi tujuan tersebut seperti dalam rajah di atas.


b. Kolaborasi Pembangunan Sistem bersama PTJ Lain

Bahagian Infostruktur juga ada melaksanakan kerjasama dengan pihak luar daripada UCS bagi pembangunan sistem baru dan peluasan penggunaan sistem. Di antara **tiga (3) kerjasama** yang telah dilaksanakan dalam pembangunan sistem adalah seperti berikut:

	Sistem Calling Name Kolaborasi bersama: - Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), UiTM Cawangan Selangor - Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Selangor - Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Sabah Mengautomasi proses dan prosedur kerja bagi menguruskan panggilan nama penerima anugerah untuk majlis atau program bersifat penganugerahan atau pengiktirafan. (Contoh: Majlis Konvokesyen, Penyerahan APC, Majlis Pentauliahah Letenan Muda, dll)	
Sistem MyHEP Kolaborasi Bersama: - Jabatan Infostruktur, UiTM Shah Alam - Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTM Shah Alam - UiTM Cawangan Selangor - UiTM Cawangan Pulau Pinang - UiTM Cawangan Pahang Mengautomasi proses dan prosedur kerja bagi pengurusan persatuan dan aktiviti pelajar. Mewujudkan sistem dan pangkalan data bersepadu pengurusan persatuan dan aktiviti pelajar seluruh UiTM. Pengurusan rekod persatuan dan aktiviti pelajar lebih sistematik dan efisien.		Sistem ePASCO Kolaborasi Bersama: - Pejabat Polis Bantuan, UiTM Cawangan Selangor - Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Selangor - Pejabat Polis Bantuan, UiTM Cawangan Sabah - Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Sabah Merupakan sistem bagi semakan keluar masuk pekerja kontrak harian. Sistem ini telah dibangunkan oleh Bahagian Infostruktur, UiTM Cawangan Sabah dan diperluaskan penggunaannya di Pejabat Polis Bantuan, UiTM Cawangan Selangor.

Rajah 11: Kolaborasi Pembangunan Sistem bersama PTJ Lain

Kolaborasi ini melibatkan PTJ daripada **empat (4) cawangan** lain iaitu **UiTM Shah Alam, UiTM Cawangan Sabah, UiTM Cawangan Pulau Pinang** dan **UiTM Cawangan Pahang**. Antara PTJ yang terlibat adalah seperti berikut:



Rajah 12: Rakan Strategik bagi projek Kolaborasi Pembangunan Sistem

c. Kolaborasi Pembangunan Sistem bersama PTJ Lain

Selaras usaha untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan universiti, impak penggunaan sistem yang telah dibangunkan di UCS sebelum ini telah mendapat perhatian dan permintaan untuk diperluaskan ke kampus lain. Peluasan ini bukan sahaja melibatkan kampus dalam UCS tetapi berdasarkan keperluan daripada **UiTM Cawangan Terengganu, UiTM Cawangan Kelantan, UiTM Cawangan Johor** dan **UiTM Shah Alam**. Peluasan sistem ini telah bermula **seawal tahun 2019** apabila negara mula dilanda wabak Covid-19 hingga kini. Sistem-sistem yang dibangunkan ini dilihat berpotensi untuk diperluaskan ke kampus-kampus cawangan mengikut keperluan PTJ. Perincian perluasan penggunaan sistem yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

		BILANGAN PELUASAN															
Sistem e-Merit	26	2018	2018	2022	-	2019	2019	2019	2019	2019	2019	2019	2019	2022	2022	2022	2024
Sistem e-Rekod	9	2018	2018	-	-	2019	2019	2019	2019	2019	2019	2019	2019				
Sistem myHEL	4	2022	2022	2022	2022												
Sistem e-AORA	2	2020	2020														
Aplikasi spot@UCS	1	2022															
Sistem SPSA	1	2018															
Sistem S-PINK	1	2019															
Sistem e-Doctrack	1	2021															
Sistem Calling Name	1	2023															
Sistem Kokorikulum Pelajar Pusat Asasi (CRS)	1				2019												
Sistem Bantuan Kewangan IPTA	1				2019												
Sistem CERTS	1			2018													
Sistem e-Daftar (Prototaip)	1			2023													

Jadual 2: Statistik bilangan sistem yang telah diperluaskan ke PTJ lain.

8.2.3 Perkhidmatan Operasi ICT

Operasi ICT merupakan salah satu bidang tumpuan Bahagian Infostruktur dalam memberi perkhidmatan ICT terus kepada pengguna terdiri daripada warga UCS dan juga orang awam. Unit Operasi ICT telah dipertanggungjawabkan untuk memberikan perkhidmatan tersebut antaranya pengurusan komputer sewaan, geran perkakasan, pengurusan kad UiTM, pengurusan Telesidang dan pengurusan aduan ICT. Pencapaian berkaitan dengan operasi ICT adalah seperti berikut:

a. Pengoperasian ICT

i. Pengurusan Kad UiTM – Pelaksanaan Inisiatif Kad Prihatin Siswa (KPS)

Pelaksanaan KPS secara rasmi telah dimaklumkan melalui **Pekeliling TNC(HEP) Bil. 9 Tahun 2021** bertarikh **13 Disember 2021**. KPS merupakan inisiatif yang **dicetuskan** oleh **Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK)** untuk memperkasakan mahasiswa menerusi **aplikasi e-Wallet** yang turut diperkenalkan untuk memberi **tawaran istimewa kepada pemegang kad tersebut**.

Pada tahun 2023, sebanyak **tiga (3)** fasa penyerahan dan pengaktifan telah dibuat di UiTM Cawangan Selangor iaitu pada bulan **April, Julai dan Oktober** yang melibatkan kategori pelajar yang berbeza.

Pengaktifan KPS UiTM Cawangan Selangor	Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
	Tarikh	Tarikh	Tarikh
	3 hingga 14 April	12 hingga 13 Julai	23 hingga 26 Oktober 2023
	Kampus Terlibat	Kampus Terlibat	Kampus Terlibat
	Kategori Pelajar	Kategori Pelajar	Kategori Pelajar
	Jumlah kad yang dicetak	Jumlah kad yang dicetak	Jumlah kad yang dicetak
	22427	3879	9345

Jadual 3 : Jumlah cetakan kad KPS mengikut fasa di UiTM Cawangan Selangor

Berdasarkan jadual diatas, sebanyak **35,651** kad telah dicetak dan diserahkan kepada fakulti dan kolej pengajian untuk diambil oleh pelajar. Bagi memudahkan pelajar membuat pengaktifan kad KPS, Bahagian Infostruktur dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah membuat perbincangan bersama pihak RHB untuk membuka kaunter pengaktifan bagi setiap fasa yang dirancang.



Rajah 13: Inisiatif yang dihasilkan bagi Pelaksanaan dan Pengaktifan KPS di UCS

Rajah diatas merujuk kepada **lima (5) hasil inisiatif dan inovasi** yang telah dibuat bagi memastikan perlaksanaan inisiatif KPS di UCS dapat dijalankan dengan lancar. **Dua (2)** daripadanya adalah **inisiatif** (laman web dan poster) yang terhasil susulan daripada usaha Bahagian Infostruktur untuk membuat hebahan dan pemakluman kepada warga UCS terutamanya pelajar.

Bahagian Infostruktur telah menghasilkan beberapa inovasi melalui pembangunan **aplikasi semakan status** pengambilan dan pengaktifan kad KPS. Melalui aplikasi ini, pelajar boleh menyemak status cetakan kad samada sudah tersedia untuk diambil berdasarkan fasa pengaktifan yang diwartakan. **Satu (1) dashboard** juga telah diwujudkan bagi memudahkan proses pemantauan dan pelaporan status penerimaan kad KPS untuk Bahagian Hal Ehwal Pelajar, fakulti dan juga kolej pengajian.

Kedua-dua inovasi ini dapat meningkatkan kecekapan didalam proses semakan, pemantauan dan analisis yang dapat membantu didalam membuat keputusan yang lebih tepat disamping dapat meningkatkan kecekapan pengoperasian kad KPS. Aplikasi semakan ini juga dapat membantu mengurangkan kesulitan pelajar dan juga masalah birokrasi selain memberikan pengalaman yang lebih baik kepada pelajar.

ii. Pengurusan PC Sewaan & Geran Perkakasan

Perolehan komputer “desktop” secara kaedah sewaan kepada semua kampus telah bermula pada tahun **2007**. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menyediakan kemudahan komputer peribadi (desktop PC) bagi kegunaan **pentadbiran** dan **proses pengajaran & pembelajaran** ke seluruh sistem UiTM.

	Puncak Alam	Puncak Perdana	Sungai Buloh	Selayang	Teluk Intan	Dengkil	Keseluruhan
Jumlah	347	111	636	140	20	402	1,254
PC Sewa							
Jumlah Sewaan Setahun (RM)	224,856	71,928	411,864	93,800	51,840	241,200	854,288
Staf Gred							
17 hingga 40	200	20	408	140	14	99	782
Bilangan Agihan PC Sewa	200	20	392	140	14	99	766
Peratusan Agihan	100%	100%	96 %	100%	100%	100%	98%

Jadual 4: Peratusan Agihan PC Sewa di UiTM Cawangan Selangor

Salah satu KPI yang ditetapkan oleh Bahagian Infostruktur adalah untuk memastikan semua staf pelaksana gred 17 hingga 40 dapat menerima agihan pc sewaan. Daripada jadual diatas, secara keseluruhan **98%** agihan PC sewaan telah dibuat pada tahun 2023 kepada **766** staf dari gred 19 hingga 40 di UiTM Cawangan Selangor dimana **5** daripada **6 kampus** telah mencapai **100%** agihan pc sewaan. Bagi UiTM Sungai Buloh, terdapat penambahan staf baharu yang tiada didalam perancangan asal menjadikan staf tersebut tidak tersenarai di dalam penerima PC sewaan sedia ada. Sebagai langkah untuk menangani isu ini, Bahagian Infostruktur UiTM Sungai Buloh telah membuat tindakan memohon peruntukan sewaan baru dan dijangka akan selesai pada awal tahun 2024.

Selain inisiatif PC sewaan, Geran Perkakasan ICT pula adalah kemudahan yang diberikan kepada staf dalam kumpulan Pengurusan & Profesional. Inisiatif ini mula diperkenalkan pada tahun **2014** dengan pemberian geran bernilai **RM1,500.00**, dengan tempoh 4 tahun (sah sehingga Januari 2017). Pada tahun 2017 dan seterusnya, nilai geran telah dinaikkan ke **RM2,000.00** dengan tempoh 5 tahun. Pekeliling ICT BIL 01/2019: Pembelian Perkakasan ICT secara Geran Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjelaskan pindaan dasar sedia ada dan bermula pada Januari 2019, proses pembelian perkakasan ICT geran adalah secara '**Beli Dahulu, Tuntut Kemudian**'.

Pada 2021, semua staf Pengurusan Profesional yang berstatus **tetap** tidak lagi dibekalkan dengan sewaan PC. Oleh yang demikian, Bahagian Infostruktur di dalam usaha untuk memastikan semua staf Pengurusan & Profesional (P&P) membuat permohonan geran perkakasan ICT. Berikut adalah status permohonan geran perkakasan yang diluluskan bagi tahun 2022 dan 2023:

	Puncak Alam		Puncak Perdana		Sungai Buloh		Dengkil		Keseluhan	
	2022	2023	2022	2023	2022	2023	2022	2023	2022	2023
Jumlah Penerima Geran Perkakasan	5	24	3	6	2	3	32	28	42	61

Jadual 5: Jumlah Penerima Geran Perkakasan ICT di UiTM Cawangan Selangor.


Berdasarkan jadual di atas, sebanyak **42** permohonan telah berjaya diuruskan sepanjang tahun 2022. Jumlah ini meningkat sebanyak **145%** pada tahun 2023 dimana jumlah permohonan yang diluluskan meningkat sebanyak **61** permohonan. UiTM Dengkil merupakan penerima geran perkakasan ICT paling ramai di UiTM Cawangan Selangor berikutan daripada jumlah staf Pengurusan & Profesional yang terdiri daripada staf akademik.

iii. Pengurusan Perkhidmatan Telesidang

Perkhidmatan bantuan teknikal telesidang adalah satu sistem sokongan yang amat penting semasa dan selepas pasca Covid-19 di UiTM. Perkhidmatan ini memberi bantuan teknikal melalui sesi telesidang atau panggilan video. Ia membolehkan individu atau organisasi mendapatkan bantuan dalam menyelesaikan masalah teknikal tanpa perlu berhadapan secara fizikal dengan pakar teknikal.

Melalui perkhidmatan ini, pengguna dapat mengakses bantuan teknikal dari jarak jauh menggunakan pelbagai platform seperti aplikasi video konferens, panggilan telefon, atau platform telesidang yang khusus. Ini membolehkan penyelesaian masalah dengan cepat tanpa memerlukan kehadiran fizikal yang mungkin sukar atau tidak mungkin.

Bahagian Infostruktur menyediakan perkhidmatan pinjaman peralatan telesidang dan juga menyediakan bantuan teknikal yang membabitkan peralatan telesidang bagi menyokong aktiviti dan majlis yang dianjurkan oleh PTJ di dalam UiTM Cawangan Selangor. Pada tahun 2022, jumlah peralatan telesidang juga telah ditambah mengikut keperluan semasa. Sebanyak **tiga (3) set peralatan telesidang** mudah alih telah diperoleh bagi memastikan perkhidmatan sokongan terhadap aktiviti universiti dapat terus dijalankan.



Rajah 14: Status Permohonan Perkhidmatan Telesidang bagi tahun 2023.

Berdasarkan jadual di atas, UiTM Kampus Dengkil merupakan kampus yang paling konsisten dalam menyediakan perkhidmatan telesidang dan juga permohonan akaun telesidang. Ianya berlaku disebabkan oleh Kampus Dengkil merupakan antara kampus terawal yang mengadaptasikan penggunaan peralatan telesidang di dalam persekitaran pembelajaran maya di dalam kampus semasa berlakunya pandemik Covid-19. Kampus Puncak Alam pula memiliki jumlah pinjaman peralatan dan perkhidmatan telesidang yang relatif rendah, tetapi memiliki permohonan akaun yang lebih tinggi dibandingkan dengan Kampus Sungai Buloh.

Walau bagaimanapun pengurusan perkhidmatan telesidang perlu ditambahbaik dengan mengambil kira teknologi terkini di dalam proses penyampaian hebahan dua hala. Peralatan telesidang dan juga perkakasan yang menyokong perkhidmatan ini perlu dinaiktaraf bagi menyokong aktiviti universiti.

iv. Pengurusan Aduan ICT

Sistem UNITS merupakan platform yang dibangunkan oleh Jabatan Infostruktur untuk menguruskan aduan dan permintaan berkaitan dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Ia berfungsi sebagai satu titik pusat bagi pengguna untuk melaporkan aduan, permintaan, atau isu berkaitan dengan ICT.

Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Selangor telah menetapkan penggunaan UNITS sebagai platform utama bagi pengurusan Aduan ICT. Terdapat dua (2) petunjuk prestasi yang telah ditetapkan kepada Bahagian Infostruktur iaitu:

- i. Aduan ICT perlu diagihkan di dalam 1 hari bekerja
- ii. 90% aduan yang dapat diambil tindakan dalam tempoh 3 hari bekerja.

Pengagihan aduan akan dibuat oleh Ketua Unit atau Ketua Zon yang dilantik dan tindakan perlu diambil oleh pegawai yang memegang fungsi yang telah ditetapkan didalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) masing-masing.

	Puncak Alam	Puncak Perdana	Sungai Buloh	Selayang	Teluk Intan	Dengkil	Keseluruhan
Aduan yang diterima	3584	1631	2590	69	9	1293	9177
Aduan diselesaikan dalam tempoh ditetapkan	3562	1626	2555	63	9	1287	9102
Peratusan	94.11%	95.71%	96.33%	91.30%	100%	95.59%	99.12%

Jadual 6: Peratus Aduan ICT yang telah diambil tindakan mengikut tempoh yang ditetapkan.

Berdasarkan jadual diatas, kesemua kampus dibawah UiTM Cawangan Selangor telah mencapai KPI yang ditetapkan oleh Jabatan Infostruktur, Shah Alam. UiTM Cawangan Selangor telah menerima sebanyak **9,177** aduan ICT pada tahun 2023 dan **99.12%** aduan tersebut dapat diselesaikan didalam tempoh yang ditetapkan. UiTM Kampus Puncak Alam menerima **39.05%** dari jumlah keseluruhan aduan ICT di UiTM Cawangan Selangor.

b. Inisiatif Penjanaaan Pendapatan

Printing on the GO (POTG) adalah **perkhidmatan layan diri mencetak dokumen**. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha **penjanaaan pendapatan** kampus di samping menyokong program **CSR** melalui kerjasama antara pihak Recarts Imaging Sdn. Bhd. dan UiTM Cawangan Selangor kepada warga universiti dan komuniti.

Pengguna boleh mengakses perkhidmatan POTG hampir sepanjang masa (**24/7** tertakluk kepada lokasi) di lebih daripada 100 kiosk seluruh negara.



PTAR Kompleks Alam Bina

Kolej Kemudahan Pelajar
AngsanaKolej Kemudahan Pelajar
Rafflesia

PTAR Puncak Alam

Rajah 15: Lokasi penempatan mesin POTG di sekitar UiTM Kampus Puncak Alam.

Sebanyak **empat (4) lokasi** telah dikenalpasti dan diletakkan mesin cetakan POTG di dalam UiTM Kampus Puncak Alam. Kos cetakan serendah RM0.10 untuk cetakan biasa A4, RM0.20 untuk cetakan biasa A3, RM1.00 bagi cetakan bewarna (A4) dan RM 2.00 bagi cetakan bewarna (A3).

Bagi tahun pertama inisiatif POTG ini dijalankan, Bahagian Infostruktur telah dapat menjana pendapatan sebanyak **RM1,920.00** hasil daripada sewaan tapak selama enam (6) bulan. Terdapat 312 pengguna yang telah berdaftar di dalam sistem POTG dan sehingga November 2023, sebanyak **2,770** cetakan telah dibuat.

Untuk tahun 2024, Bahagian Infostruktur mensasarkan perluasan inisiatif POTG ini ke kampus lain terutamanya UiTM Kampus Puncak Perdana, UiTM Kampus Dengkil dan UiTM Kampus Sungai Buloh.

c. Program Kesedaran Litarasi ICT (Infostrukturwebinar@UCS)

Bahagian Infostruktur UCS telah mengadakan webinar bagi memberi kesedaran literasi ICT kepada warga UCS. Program ini merupakan adaptasi daripada perancangan yang dibuat oleh Jabatan Infostruktur Shah Alam untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran individu dalam menggunakan ICT secara efektif. Program ini telah didaftarkan dalam Projek Khas Rektor bagi tahun 2023 sebagai usaha meningkatkan litarasi ICT.

InfostrukturWebinar@UCS adalah merupakan kesinambungan inisiatif Pelan Strategik ICT (*ICT Strategic Plan*) UiTM 2018-2021) yang telah dilaksanakan secara dalam talian (*online*) oleh Jabatan Infostruktur, PPII di UiTM Shah Alam pada tahun 2020 dan 2021. Pelaksanaan program secara *online* ini adalah kesan daripada pandemik Covid-19 yang membataskan pelaksanaan aktiviti secara fizikal. Platform *online* telah menjadi norma baharu yang digunakan secara intensif dalam menyebarkan maklumat kerana dapat menjangkau sasaran peserta atau warga UiTM lebih luas merentas kampus dan negeri selain memberi impak kepada universiti dalam penjimatan kos dan masa.

18 Siri Webinar dilaksanakan
[12 Siri Webinar disasarkan]

3942 Jumlah Penyertaan

3730 Jumlah Maklumbalas
[Pecahan maklumbalas: 3710 Staf, 19 Pelajar]

Penyertaan vs Maklumbalas
94%

Penjanaan Sijil Digital (eCertificate)
100%


14 Bilangan Penceramah

- 6 UCS
- 6 Jabatan Infrastruktur, PPII
- 7 UTM Cawangan Lain
- 1 Organisasi Luar

3 Inovasi/Produk dihasilkan

- Laman Web Rasmi infrastruktur.Webinar@UCS
- Platform Pendaftaran dan Penjanaan eCertificate
- Online Dashboard Statistik infrastruktur.Webinar@UCS

Program kesadaran ini juga telah menghasilkan tiga (3) produk inovasi yang menyokong pengurusan webinar dengan terhasilnya laman web rasmi Infostruktur Webinar@UCS, platform pendaftaran dan penajaan eCertificate di mana ia berjaya menjana 100% sijil digital bagi peserta yang hadir dan memberi maklumbalas. Satu (1) *dashboard* juga telah berjaya dibangunkan bagi memudahkan pengurusan program ini dapat dipantau dan data dapat dianalisa setiap webinar yang dianjurkan.



197

Sepanjang Mac hingga Disember 2023, sebanyak **3730** maklumbalas berkaitan dengan penganjuran webinar telah diterima daripada staf dan **19** daripada pelajar. Berdasarkan gambarajah di atas, trend menunjukkan peningkatan jumlah maklumbalas pada awal siri webinar dianjurkan akan tetapi selepas analisa dibuat, terdapat perbezaan ketara bagi jumlah peserta yang menyertai program dan yang memberi maklum balas. Ini disebabkan oleh tempoh bagi peserta memberi maklum balas diberikan terlalu lama menyebabkan terdapat individu yang tidak menghadiri latihan turut memberi maklumbalas untuk mendapatkan jam latihan. Oleh yang demikian, bermula Julai 2023, sekretariat program webinar membuat ketetapan maklum balas hanya dibuka selama 15 minit setelah selesai program. Bagi setiap siri webinar yang berjalan, moderator juga membuat pemakluman dan memberi nasihat kepada peserta yang menyertai program tidak membuat hebahan bagi pautan maklum balas agar tidak disalahguna.

8.4 Penutup

Secara umumnya, Bahagian Infostruktur masih dalam proses fasa pementapan tadbir urus ICT dan peningkatan infrastruktur ICT di UCS ke arah penghasilan perkhidmatan berkualiti. Selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Universiti, tahun 2023 telah menyaksikan beberapa inisiatif dilaksanakan bagi menyokong sistem penyampaian perkhidmatan universiti khususnya di UiTM Cawangan Selangor. Walaupun pelbagai projek telah dilaksanakan masih terdapat projek-projek yang sedang dilaksanakan dan dijangka akan diselesaikan pada tahun 2024 merangkumi pembangunan sistem dan aplikasi universiti termasuk pelaksanaan projek naik taraf infrastruktur ICT di sekitar kampus yang berkenaan. Bahagian Infostruktur juga merancang beberapa program pembudayaan ICT untuk dilaksanakan dan akan dipergiatkan lagi dengan mengadakan aktiviti berbentuk kesedaran kepada warga kampus agar mereka dilengkapi dengan pengetahuan dalam bidang ICT merangkumi kemudahan perisian berasaskan *cloud services* dan keselamatan ICT.

9.0 /

LAPORAN UNIT-UNIT DI BAWAH PEJABAT REKTOR

PEJABAT POLIS BANTUAN

m/s	202	Pengenalan
	204	Pencapaian
	207	Perkhidmatan
	211	Penjanaan Pendapatan
	212	Aktiviti Pejabat Polis Bantuan UCS
	216	Penghargaan / Anugerah
	219	Penutup

UNIT HAL EHWAL ISLAM

m/s	220	Pengenalan
		Fungsi/Teras Utama
	221	Piagam Pelanggan
		Pencapaian Tahun 2023
	222	Bidang Tumpuan Unit Hal Ehwal Islam 2023
	235	Penutup

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

m/s	236	Pengenalan
		Teras Utama
	237	Piagam Pelanggan
		Pencapaian
	244	Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan

UNIT PENGURUSAN KUALITI



m/s	246	Pengenalan
		Fungsi
	247	Pencapaian Objektif Kualiti
	248	Hasil Kajian Kepuasan Pelanggan
	249	Pencapaian
	256	Penutup

9.1 PEJABAT POLIS BANTUAN

9.1.1 Pengenalan

Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Selangor (UCS) terdiri daripada empat (4) kampus utama dengan profil sumber manusia seperti di gambar rajah 1.

KESELURUHAN 123



KEKUATAN STAF PB UCS

SEHINGGA 02 JANUARI 2024

KPA	PEJABAT POLIS BANTUAN UCS KAMPUS PUNCAK ALAM	50
KPP	UNIT POLIS BANTUAN UCS KAMPUS PUNCAK PERDANA	13
KSB	UNIT POLIS BANTUAN UCS KAMPUS SUNGAI BULOH	30
KSL	UNIT POLIS BANTUAN UCS KAMPUS SELAYANG	09
KTI	UNIT POLIS BANTUAN UCS KAMPUS TELUK INTAN	07
KD	UNIT POLIS BANTUAN UCS KAMPUS DENGKIL	14

Rajah 1 : Profil Sumber Manusia Pejabat Polis Bantuan

Peranan utama Pejabat Polis Bantuan adalah untuk memastikan keselamatan harta benda UiTM, keselamatan individu serta kesejahteraan warganya sentiasa terjamin melalui empat (4) fungsi utama seperti di rajah 2.



Rajah 2 : Fungsi Utama Pejabat Polis Bantuan

Pejabat PB telah menetapkan teras perkhidmatan dan sasaran KPI yang selaras dengan fungsi utama PB yang mana ianya adalah mekanisma pengukuran kepada pencapaian tahunan PB.



9.1.2 Pencapaian

9.1.2.1 Teras Perkhidmatan 1 : Kadar pelanggaran peraturan lalu lintas kurang 10% daripada jumlah pelajar bagi tempoh setahun

Jadual 1 : Perbandingan Kadar Pelanggaran Peraturan Lalu Lintas di antara Tahun 2021 dan 2023 Mengikut Kampus (data sehingga November 2023)

	PENCAPAIAN (%)		
	[BILANGAN PELANGGARAN / JUMLAH PELAJAR]		
	2021	2022	2023
PUNCAK ALAM	0.02 [3 / 19,867]	3.89 [779 / 20,046]	9.05 [1,893 / 20,925]
PUNCAK PERDANA	0.00 [0 / 4,706]	0.25 [12 / 4,822]	0.11 [5 / 4,618]
SUNGAI BULOH	4.29 [78 / 1,817]	9.08 [181 / 1,994]	4.10 [99 / 2,417]
DENGKIL	0.00 [0 / 3,526]	0.11 [4 / 3,747]	0.00 [0 / 3,880]

Pada tahun 2023, semua kampus berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara faktor yang menyumbang peratusan pencapaian di Kampus Puncak Alam melebihi kadar sasaran yang ditetapkan adalah kerana peningkatan aduan kes pelanggaran peraturan lalu lintas di dalam kampus berikutan pertambahan kenderaan pelajar Fakulti Perubatan yang menginap di kolej kediaman bagi tujuan praktikal.

9.1.2.2 Teras Perkhidmatan 2 : Kadar penyelesaian saman lalu lintas melebihi 80% setahun


Jadual 2 : Perbandingan Kadar Penyelesaian Saman Lalu Lintas di antara Tahun 2021 dan 2023 Mengikut Kampus (data sehingga November 2023)

	PENCAPAIAN (%)		
	[BILANGAN PENYELESAIAN / JUMLAH PELANGGARAN]		
	2021	2022	2023
PUNCAK ALAM	100.00 [3 / 3]	81.51 [635 / 779]	89.70 [1,698 / 1,893]
PUNCAK PERDANA	error [0 / 0]	100.00 [12 / 12]	40.00 [2 / 5]
SUNGAI BULOH	23.08 [18 / 78]	28.18 [51 / 181]	38.38 [38 / 99]
DENGKIL	error [0 / 0]	75.00 [3 / 4]	error [0 / 0]

Pada tahun 2023, Kampus Puncak Alam berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Pencapaian sasaran bagi Kampus Dengkil tidak dapat diukur kerana tiada saman lalu lintas dikeluarkan. Manakala Kampus Puncak Perdana dan Kampus Sungai Buloh tidak berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara faktor sasaran tidak dapat dicapai adalah kerana kurang kesedaran daripada mereka yang telah disaman untuk hadir ke pejabat PB bagi tujuan penyelesaian saman. Selain itu, pihak PB juga sukar untuk mendapatkan maklumat pemilik kenderaan yang melanggar peraturan lalu lintas kerana tiada pengenalan seperti pelekat kenderaan dan kekurangan pengunci tayar sebagai salah satu cara untuk mendapatkan maklumat pemilik secara paksa bagi tujuan penyelesaian saman.

9.1.2.3 Sasaran KPI 1 : Kadar penurunan kes jenayah dalam kampus sebanyak 10% berbanding dengan tahun sebelumnya

Kadar penurunan kes jenayah dalam kampus sebanyak 10% berbanding dengan tahun sebelumnya bagi empat (4) kampus dapat dilihat melalui graf perbandingan data kes jenayah bagi tahun 2022 dan 2023 seperti di rajah 3.



Rajah 3 : Kadar Penurunan Kes Jenayah Dalam Kampus Tahun 2023 (data sehingga November 2023)

Pencapaian

- i. **Puncak Alam:** Sasaran tidak tercapai dengan kadar kenaikan kes jenayah di dalam kampus sebanyak 100% berbanding tahun sebelumnya.
- ii. **Puncak Perdana:** Sasaran tidak tercapai dengan kadar kenaikan kes jenayah di dalam kampus sebanyak 200% berbanding tahun sebelumnya.
- iii. **Sungai Buloh:** Sasaran tercapai dengan kadar penurunan kes jenayah di dalam kampus sebanyak 100% berbanding tahun sebelumnya.
- iv. **Dengkil:** Peratusan sasaran tidak dapat diukur kerana tiada kes dilaporkan bagi tahun semasa dan sebelumnya.

9.1.2.4 Sasaran KPI 2 : Kadar penurunan kes kemalangan jalan raya dalam kampus sebanyak 10% berbanding dengan tahun sebelumnya

Kadar penurunan kes kemalangan jalan raya dalam kampus sebanyak 10% berbanding dengan tahun sebelumnya bagi empat (4) kampus dapat dilihat melalui graf perbandingan data kes kemalangan jalan raya bagi tahun 2022 dan 2023 seperti di gambar rajah 4.



Rajah 4 : Kadar Penurunan Kes Kemalangan Jalan Raya Dalam Kampus Tahun 2023 (data sehingga November 2023)

Pencapaian

- i. **Puncak Alam:** Sasaran tidak tercapai dengan kadar kenaikan kes kemalangan jalan raya di dalam kampus sebanyak 147.37% berbanding tahun sebelumnya.
- ii. **Puncak Perdana:** Sasaran tidak tercapai dengan bilangan kenaikan kes kemalangan jalan raya di dalam kampus sebanyak satu (1) kes berbanding tiada kes pada tahun sebelumnya. Peratusan sasaran tidak dapat diukur kerana tiada kes dilaporkan bagi tahun sebelumnya.
- iii. **Sungai Buloh:** Sasaran tidak tercapai dengan kadar kenaikan kes kemalangan jalan raya di dalam kampus sebanyak 100% berbanding tahun sebelumnya.
- iv. **Dengkil:** Peratusan sasaran tidak dapat diukur kerana tiada kes dilaporkan bagi tahun semasa dan sebelumnya.

9.1.3 PERKHIDMATAN

Perkhidmatan yang diberikan oleh Pejabat Polis Bantuan adalah seperti rajah 5.



Rajah 5 : Perkhidmatan Pejabat Polis Bantuan


9.1.3.1 Pengeluaran Pelekat Kenderaan UiTM

Rajah 6 menunjukkan data pengeluaran pelekat kenderaan UiTM jenis kereta dan motosikal bagi lima (5) kategori iaitu staf, pelajar, kontraktor, agensi luar dan pesara pada tahun 2023 mengikut kampus.




Rajah 6 : Jumlah Pengeluaran Pelekat Kenderaan Mengikut Kategori, Jenis dan Kampus Bagi Tahun 2023 (data sehingga November 2023)

Jumlah keseluruhan pengeluaran pelekat kenderaan jenis kereta di UCS pada tahun 2023 sehingga bulan November adalah sebanyak 4,862 unit dan jenis motosikal sebanyak 1,194 unit. Gambar rajah seterusnya menunjukkan perbandingan data pengeluaran pelekat kenderaan UiTM jenis kereta (rajah 7) dan motosikal (rajah 8) bagi lima (5) kategori iaitu staf, pelajar, kontraktor, agensi luar dan pesara tahun 2022 dan 2023 mengikut kampus.



Rajah 7 : Perbandingan Jumlah Pengeluaran Pelekat Kenderaan Jenis Kereta Mengikut Kategori dan Kampus Bagi Tahun 2022 dan 2023 (data sehingga November 2023)




Rajah 8 : Perbandingan Jumlah Pengeluaran Pelekat Kenderaan Jenis Motosikal Mengikut Kategori dan Kampus Bagi Tahun 2022 dan 2023 (data sehingga November 2023)

Secara keseluruhannya, pengeluaran pelekat kenderaan di semua kampus dilihat menurun berbanding tahun sebelumnya. Penambahbaikan sistem ePelekatKenderaan kepada sistem UAPS (*University Auxiliary Police System*) serta perubahan kaedah permohonan dan bayaran pelekat bermula Februari 2023 antara faktor utama kepada penurunan jumlah pengeluaran pelekat kenderaan pada tahun ini.

9.1.3.2 Pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor

Rajah 9 menunjukkan perbandingan data pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor mengikut kampus bagi tahun 2022 dan 2023.



Rajah 9 : Perbandingan Jumlah Pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor Mengikut Kampus Tahun 2022 dan 2023 (data sehingga November 2023)

Jumlah keseluruhan pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor di UCS pada tahun 2023 sehingga bulan November meningkat sebanyak 935 unit berbanding 769 unit pada tahun 2022. Rajah 10 menunjukkan perbandingan data pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor kategori warganegara mengikut kampus bagi tahun 2022 dan 2023.



Rajah 10 : Perbandingan Jumlah Pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor (Warganegara) Mengikut Kampus Tahun 2022 dan 2023 (data sehingga November 2023)

Jumlah pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor kategori warganegara di UCS pada tahun 2023 sehingga bulan November adalah sebanyak 849 unit berbanding 700 unit pada tahun sebelumnya. Rajah 11 menunjukkan perbandingan data pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor kategori bukan warganegara mengikut kampus bagi tahun 2022 dan 2023.




Rajah 11 : Perbandingan Jumlah Pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor (Bukan Warganegara) Mengikut Kampus Tahun 2022 dan 2023 (data sehingga November 2023)

Jumlah pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor kategori bukan warganegara di UCS pada tahun 2023 sehingga bulan November adalah sebanyak 86 unit berbanding 69 unit pada tahun sebelumnya. Bilangan pengeluaran pas keselamatan kontraktor kategori bukan warganegara di Kampus Sungai Buloh dilihat meningkat sebanyak 35 unit pada tahun 2023.

9.1.3.3 Pengurusan Aktiviti Kampus

Rajah 12 menunjukkan data permohonan perkhidmatan aktiviti kampus terdiri daripada perkhidmatan parkir, papan tanda, kawalan aman, iringan VIP / VVIP dan pemantauan aktiviti melalui Sistem Pengurusan Aktiviti Kampus (eSPAK) mengikut kampus bagi tahun 2023.



Rajah 12 : Data Permohonan Perkhidmatan Aktiviti Kampus Mengikut Kampus Tahun 2023

9.1.4 Penjanaaan Pendapatan

Pejabat Polis Bantuan telah dilantik sebagai wakil menerima wang hasil daripada Pejabat Bendahari bagi tujuan kutipan bayaran saman lalu lintas, pelekut kenderaan dan pas keselamatan kontraktor.

9.1.4.1 Pencapaian Penjanaaan Pendapatan 2023 PPB UCS KPA

Jabatan / Pejabat / Unit	Sasaran Jumlah Pencapaian Penjanaan	Sasaran Projek Yang Dipersetujui	Sasaran Asal Mengikut Projek	Maklumat Projek	Laporan Pencapaian Sebenar (RM)												Jumlah Pencapaian Sebenar	Lebih / Kurang
	(RM)		(RM)		Jan	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	RM	RM
a	b	c	d	e													f	g-(f-g)
PEJABAT POLIS BANTUAN (KPA)	90,200.00	Saman Lalulintas	00,000.00	Hasil penguatkuasaan saman lalulintas kepada pelajar (50 saman x 12 bulan x RM100)	15,489.00	2,480.00	12,290.00	10,810.00	4,240.00	34,329.00	22,740.00	11,130.00	20,680.00	14,390.00	34,398.00	14,950.00	197,890.00	117,890.00
		Perjualan Pelekat Kenderaan	25,200.00	Hasil penjualan pelekat kenderaan kepada warga kampus, (2000 staf x RM5, 500 pekerja kostrak x RM10, 20 pelajar x RM5, 2000 pelajar x RM5, 10 agensi luar x RM10)	9.00	3,720.00	5,010.00	1,030.00	2,390.00	2,245.00	1,265.00	385.00	275.00	4,250.00	2,509.00	880.00	23,670.00	1,530.00
		Pengeluaran Pas Keselamatan	5,000.00	Hasil Pengeluaran Pas Keselamatan Kontraktor, (500 pekerja x RM10)	1,729.00	1,440.00	1,190.00	360.00	80.00	538.00	30.00	0.00	100.00	200.00	238.00	30.00	5,900.00	900.00
			90,200.00															Jumlah Pendapatan

Rajah 13: Laporan Pencapaian Penjanaaan Pendapatan PPB UCS KPA Tahun 2023

Data diambil dari pelbagai sumber seperti sistem UAPS, rekod saman lalu lintas dan rekod kutipan wang hasil. Secara keseluruhannya, PPB UCS KPA berjaya menjana pendapatan melebihi sasaran yang ditetapkan sebanyak RM137,260.00 dengan jumlah penjana pendapatan sebanyak RM227,460.00.

9.1.4.2 Laporan Kutipan Wang Hasil 2023 PPB UCS KPA

PERKARA	JAN	FEB	MAR	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUM
SAMAN KENDERAAN PELAJAR	15,480.00	2,480.00	12,280.00	10,810.00	4,240.00	34,320.00	300.00	-	-	-	-	-	79,910.00
PELEKAT KENDERAAN	-	75.00	1,650.00	155.00	90.00	615.00	90.00	-	20.00	170.00	225.00	50.00	3,140.00
PAS KESELAMATAN	1,720.00	1,440.00	1,180.00	360.00	80.00	530.00	30.00	-	100.00	200.00	230.00	30.00	5,900.00
JUMLAH KESELURUHAN	17,200.00	3,995.00	15,110.00	11,325.00	4,410.00	35,465.00	420.00	-	120.00	370.00	455.00	80.00	88,950.00

Rajah 14 : Rekod Kutipan Wang Hasil PB UCS KPA Tahun 2023 secara myDebit / IBG Transfer.

Jumlah keseluruhan kutipan wang hasil adalah sebanyak RM88,950.00 dengan pecahan kutipan sebanyak RM79,910.00 bagi 820 saman lalu lintas, RM3,140.00 bagi 327 unit pelekat kenderaan UiTM dan RM5,900.00 bagi 590 unit pas keselamatan kontraktor. Kutipan bayaran saman lalu lintas bagi bulan Julai hingga Disember 2023 telah dihentikan berikutan perubahan kaedah bayaran daripada secara terus (myDebit / IBG Transfer) di pejabat kepada penjana bil pelajar sepenuhnya. Kutipan bayaran pelekat kenderaan bagi kategori staf dan pelajar telah menggunakan kaedah secara atas talian FINEPay melalui sistem UAPS (University Auxiliary Police System) bermula Februari 2023.

9.1.5 Aktiviti Pejabat Polis Bantuan UCS

Selain daripada terlibat sebagai petugas dalam setiap aktiviti yang berlangsung di dalam kampus, Pejabat Polis Bantuan juga turut mengadakan aktiviti di peringkat bahagian seperti latihan kawad, program kerohanian, gotong-royong dan juga turut terlibat dalam beberapa program / aktiviti anjuran universiti sebagai peserta.

9.1.5.1 Latihan Kawad Kaki

Latihan asas ini dijalankan setiap bulan bermula Julai hingga Disember 2023 sebanyak 12 siri melibatkan seramai 18 orang staf Polis Bantuan dari semua kampus UCS dan dua (2) orang jurulatih dari Polis Bantuan Kampus Sungai Buloh dan Hospital Al-sultan Abdullah.



9.1.5.2 Program Townhall Bersama Pejabat PB UCS



9.1.5.3 Kunjungan Hormat ke Pejabat Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Selangor

Kunjungan Hormat Pegawai PB UCS kepada Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Selangor dan perbincangan jalinan kolaborasi PB UCS bersama AADK Negeri Selangor di ketua DSP/PB Suria Hj Kamis pada 14 September 2023.



9.1.5.4 Perbarisan Kawalan Kehormatan Sempena Hari Pertama Rektor Baharu UiTM Cawangan Selangor

Penglibatan PPB UCS dan PPB HASA UiTM dalam Perbarisan Kawalan Kehormatan menyambut Rektor Baharu UiTM Cawangan Selangor di Lobi Bangunan FF1 pada 02 Oktober 2023.



9.1.5.5 Program Mau'izah

Program kerohanian ini telah dijalankan sebanyak dua (2) siri di Pejabat PB UCS KPA. Pengisian dimulakan dengan bacaan yasin dan seterusnya tazkirah mengikut tajuk yang telah ditetapkan oleh Ketua Pejabat Polis Bantuan UCS.

Bil	Tarikh	Tajuk	Penceramah
1	20 Oktober 2023	Kepuasan dan Keberkatan dalam Bekerja	Ustaz Mohd Hafiz Mohd Hasan
2	03 November 2023	Kerja Sebagai Ibadah	Ustaz Khairul Azwad Ibrahim



9.1.5.6 Hari Bertemu Pelanggan HEP

Penglibatan PB UCS KPA dalam Program Hari bertemu Pelanggan HEP di Dewan Serbaguna UCS KPA pada 30 - 31 Oktober 2023. Perkhidmatan utama yang diberikan adalah kaunter penjualan pelekat kenderaan bagi staf dan pelajar.



9.1.5.7 Operasi Bersepadu PB UCS KPA bersama Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor

Pejabat PB UCS KPA telah mengadakan operasi bersepadu bersama pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor pada 27 November 2023 di sekitar kampus.



9.1.5.8 Program Bersama Agensi Luar Anjuran PB UCS KPP

Pejabat PB UCS KPP telah menganjurkan beberapa program bersama agensi luar seperti PDRM, SPRM dan Persatuan Silat Cekak Pusaka Hanafi pada tahun 2023.

9.1.6 Penghargaan / Anugerah

9.1.6.1 Anugerah Penarafan Emas Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM Zon Tengah pada 12 – 13 September 2023 (Kumpulan UPDATE – Kampus Puncak Perdana)



9.1.6.2 Majlis Sambutan Ulang tahun Penubuhan Polis Bantuan UiTM Yang Ke-12 & Anugerah Kecemerlangan Polis Bantuan UiTM Tahun 2023 pada 21 September 2023

Pejabat Polis Bantuan UCS telah menerima beberapa anugerah dalam majlis tersebut yang diadakan di UiTM Shah Alam seperti berikut :

- **Tempat Pertama Anugerah Ketua Polis Bantuan (Kategori Inovasi dan Kreativiti) :** PB UCS KPP
- **Anugerah Khas Ketua Polis Bantuan :** DSP/PB Suria Hj. Kamis (KPA), ASP/PB Mohd Tarmizi Abdul Raman (KPP) dan KPL/PB Abd Nasir Abu Hashim (KPP)



9.1.6.3 Anugerah Pencapaian Cemerlang Projek Khas Rektor Tahun 2023 pada 07 Disember 2023 - Sistem Pengurusan Pas Keselamatan Kontraktor PB UCS



9.1.6.4 Anugerah Cemerlang UCS Sempena Hari Kualiti UCS pada 02 November 2023



9.1.6.5 Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti 2023 pada 20 Disember 2023



9.1.7 Penutup

Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Selangor akan sentiasa berusaha merancang strategi untuk mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi fungsi dan peranannya. Mengadakan hubungan kerjasama yang lebih erat di antara Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan selangor dan agensi-agensi luar seperti PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Pengangkutan Jalan akan sentiasa diadakan.

Di samping itu kerjasama semua Bahagian amatlah diperlukan bagi membantu memastikan keselamatan kampus dalam keadaan harmoni dan sejahtera kerana keselamatan itu adalah tanggungjawab bersama. Sokongan dan komitmen daripada pihak Pengurusan Tertinggi UiTM juga telah banyak membantu Pejabat Polis Bantuan UiTM Cawangan Selangor dan diharapkan Polis Bantuan UiTM akan lebih cemerlang pada masa-masa akan datang. Kesedaran (*awareness*) terhadap menjaga keselamatan bersama serta sifat tanggungjawab oleh pelbagai pihak amat membantu dalam keharmonian keselamatan kampus.

Merujuk kepada analisa terhadap teras perkhidmatan dan sasaran KPI Pejabat Polis Bantuan UCS bagi tahun 2023, dirumuskan bahawa sasaran yang ditetapkan masih dapat dicapai walaupun bukan 100%. Sasaran KPI 1 dan 2 iaitu penurunan kadar kes jenayah dan kes kemalangan jalan raya dalam kampus sukar untuk dicapai disebabkan pelbagai faktor lain yang mempengaruhi seperti peningkatan bilangan warga kampus, pengguna jalan raya dan bilangan aktiviti / program, cuaca tidak menentu, bentuk muka bumi yang berbukit dan curam serta sikap pemandu itu sendiri. Cadangan pada masa hadapan, pelbagai usaha akan dirancang bagi memastikan sasaran KPI bagi tahun 2024 dapat dicapai.

9.2 UNIT HAL EHWAL ISLAM

9.2.1 Pengenalan

Unit Agama adalah nama asal bagi Unit Hal Ehwal Islam, ditubuhkan pada 3 Mac 1971 di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Penubuhannya bertujuan membantu dan menolong para pelajar melengkapkan diri dengan pengetahuan asas agama.

Peranan dan fungsi UHEI turut melalui proses perluasan skop demi memastikan UHEI kekal relevan untuk dijadikan rujukan utama berkaitan aktiviti kerohanian dan penghayatan nilai hidup berteraskan agama dalam kalangan warga UiTM iaitu staf dan juga pelajar.

UHEI sentiasa komited untuk meningkatkan mutu perkhidmatan dalam menjayakan misi dan visi UiTM. UHEI juga sentiasa berusaha melakukan proses penambahbaikan berterusan dalam pengoperasiannya. Fokus UHEI adalah memberikan perkhidmatan bertaraf dunia dengan pengurusan tangkas dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang.

9.2.2 Fungsi/Teras Utama

Tiga (3) Fungsi utama Unit Hal Ehwal Islam dalam menyokong kecemerlangan universiti bermatlamat untuk menyediakan tenaga kerja universiti yang mempunyai Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab (i-DART) disamping itu membantu pihak universiti melahirkan graduan yang seimbang jasmani, rohani dan emosi serta memiliki daya saing diperingkat global dan glokal.



Fungsi utama Unit Hal Ehwal adalah dibawah seksyen-seksyen seperti berikut :

- i. Seksyen Pengurusan Dan Imarah Masjid
- ii. Seksyen Bimbingan Dan Pendidikan
- iii. Seksyen Dakwah Dan Khidmat Komuniti

9.2.3 Piagam Pelanggan

- i. **85%** Pelanggan berpuashati dengan perkhidmatan Bimbingan dan Nasihat Agama
- ii. Menyediakan imam dan bilal untuk solat lima (5) waktu dan solat jumaat **TANPA GAGAL KECUALI** pada hari cuti umum.
- iii. Memproses tuntutan bayaran penceramah dalam tempoh **TUJUH (7) HARI BEKERJA**
- iv. Memastikan semua informasi Islam yang diterbitkan **BETUL** dan **BENAR**

9.2.4 Pencapaian Tahun 2023

9.2.4.1 Pencapaian PI Khas Rektor 2023

	INISIATIF	AKTIVITI	MATLAMAT	IMPAK	PYB / TEMPOH	STATUS
TERAS STRATEGIK#3: Prestasi Berorientasikan Nilai TEMA STRATEGIK: Nilai Kecemerlangan, Sinergi Dan Integriti (Esi) Diterapkan OBJEKTIF #6 5.Mempertingkatkan Penghayatan Nilai Melalui Program Pengukuhan 8. Memperkasa Jaringan Strategik Bersama Alumni Dan Industri	Kolaborasi Program Bersama Industri / Agensi	FORUM FIDYAH : Kewajipan Yang Dilupakan	Memberi pendedahan dan kefahaman kepada masyarakat terutamanya di Negeri Selangor tentang kewajipan fidyah.	Penglibatan UCS bersama agensi agama negeri memberi kefahaman kepada komuniti.	KUHEI / April 2023	Selesai dilaksanakan pada 9 Mac 2023
		Rakan Strategik Agihan Fidyah	Membantu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menyalurkan agihan fidyah kepada golongan sasaran.	Sinergi UCS Bersama Agensi Agama membantu staf dan komuniti yang memerlukan.	KUHEI / April-Disember 2023	Selesai dilaksanakan pada 17 April dan akan berterusan mengikut permohonan dari UCS.
		Bimbingan Asas Fardhu Ain Agensi Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Kuala Selangor	Memberi khidmat bimbingan kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan Cawangan Kuala Selangor dalam rawatan pemulihan dadah.	Perkongsian kepakaran UCS bersama agensi guatkuasaan negeri.	KUHEI / Mac-Disember 2023	Selesai dilaksanakan bermula Mac hingga Jun (6 kali pertemuan dalam sebulan = 9 jam) menggunakan modul JAKIM

Jadual 1: Pencapaian PI Khas Rektor 2023

9.2.4.2 Pencapaian Teras Perkhidmatan

Teras Perkhidmatan UHEI adalah salah satu teras di bawah Objektif Kualiti UCS yang akan dilaporkan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kualiti (JPQ) UCS dan seterusnya dibawa ke Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Teras perkhidmatan UHEI telah mencapai sasaran petunjuk prestasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah:

PTJ	PROSEDUR KUALITI OPERASI (PQO)	KPI / TERAS PERKHIDMATAN	PENCAPAIAN (%)
Unit Hal Ehwal Islam	Prosedur Bimbingan & Nasihat Agama	Memastikan 10% dari jumlah warga UiTM mendapat bimbingan dan nasihat agama individu setahun	12.2 %
		Memastikan 85 % permohonan pelanggan untuk mendapatkan perkhidmat bimbingan kelompok dilaksanakan setahun	98%
	Prosedur Mengurus dan Melaksana Program Kerohanian	Menganjurkan 35 program kerohanian meliputi program sempena hari kebesaran Islam, program imarah masjid dan surau, kursus/ seminar/ bengkel kepada pelajar, staf dan komuniti.	122% (43 Program)

Jadual 2: Pencapaian Teras Perkhidmatan

9.2.5 Bidang Tumpuan Unit Hal Ehwal Islam 2023

Bagi tahun 2023, UHEI mensasarkan empat (4) bidang tumpuan utama iaitu:-

i. Perkhidmatan Bimbingan Nasihat Agama Individu & Kelompok

Perkhidmatan Bimbingan dan Nasihat Agama adalah antara fungsi utama UHEI. Melalui perkhidmatan ini warga UiTM dan komuniti berpeluang untuk meningkatkan kefahaman agama, mendapatkan penjelasan dan pencerahan terhadap hukum-hakam dalam Islam, mendapatkan bimbingan secara langsung tentang amalan hidup beragama yang benar serta menghindari diri dari terlibat dengan ajaran yang melampau dan bercanggah dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Warga UiTM dan Komuniti boleh mendapatkan perkhidmatan Bimbingan dan Nasihat Agama ini secara individu atau secara berkumpulan. Maklumat peribadi pelanggan Bimbingan dan Nasihat Agama adalah SULIT dan UHEI perlu menjaga KERAHSIAAN pelanggan.

Bagi memperkasakan perkhidmatan bimbingan, UHEI meletakkan kepuasan hati pelanggan sebagai keutamaan. Justeru itu, UHEI dengan kerjasama Bahagian Infostruktur UCS telah membangunkan satu sistem yang dinamakan sistem My-HEI bagi memudahkan capaian pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan. Tahun 2023 ini juga Sistem My-HEI telah dinaik taraf ke versi yang lebih baik bagi tujuan memudahkan proses penganalisaan agar mutu perkhidmatan yang diberi dapat ditambah baik dari semasa ke semasa.


a) Pencapaian Pelaksanaan Bimbingan Nasihat Agama Individu

Warga UiTM dan Komuniti boleh mendapatkan perkhidmatan bimbingan individu sama ada secara *walk-in* atau kaedah virtual (MyHEI, e-mail, telefon atau *whatsapp*).

Pada tahun 2023 UHEI menetapkan sasaran seramai 2702 pelanggan mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama individu. Berdasarkan data yang direkodkan, UHEI telah memberi perkhidmatan bimbingan individu kepada 3288 orang iaitu bersamaan 122%. Data juga menunjukkan peningkatan warga UCS mendapatkan perkhidmatan bimbingan di UHEI berbanding tahun sebelumnya.


TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	% KEPUASAN HATI PELANGGAN
2020	2250	2197	98%	-
2021	1425	2433	170%	94.56%
2022	2850	2452	92%	95.4%
2023	2702	3288	122%	95.6%

Jadual 3 : Sasaran dan pencapaian bimbingan nasihat agama individu



Rajah 1 : Carta perbandingan pencapaian pelaksanaan Bimbingan dan Nasihat Agama Individu

Kepuasan pelanggan sentiasa menjadi keutamaan UHEI dalam memberi dan menyampaikan perkhidmatan. Setiap perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama individu dan kelompok serta program yang dilaksanakan akan dinilai oleh para pelanggan terdiri daripada staf dan pelajar. Pada tahun 2022, pencapaian kepuasan pelanggan bagi bimbingan dan nasihat agama individu ialah 95.4%. Manakala pada tahun 2023 pencapaian kepuasan pelanggan telah meningkat sebanyak 95.6% melalui soal selidik yang dijalankan melibatkan 200 orang responden terdiri daripada staf dan pelajar. Data menunjukkan telah berlaku peningkatan pelanggan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan pada setiap tahun.



Rajah 2 : Carta peratus perbandingan kepuasan hati pelanggan bagi bimbingan nasihat agama individu

• Kategori Pelanggan Bimbingan Individu

Pada tahun 2023, seramai 3288 orang telah mendapat perkhidmatan bimbingan dan nasihat agama individu. Daripada jumlah tersebut, 96.8% pelanggan terdiri daripada pelajar, 2.0% daripada kalangan staf dan 1.2% pelanggan komuniti.




Rajah 3 : Carta peratus kategori pelanggan yang mendapat bimbingan individu


• Kategori Jenis Bimbingan Individu

Terdapat tujuh (7) jenis bimbingan yang ditawarkan oleh UHEI. Daripada jumlah 3288 pelanggan yang hadir, 38% mendapatkan khidmat nasihat tentang akademik, 4.5% berkaitan kewangan, 0.5% isu akidah, 3.2% berkaitan akhlak, 15% belajar tentang Al-Quran, 9.1% mendapatkan pencerahan isu Syariah, hukum hakam agama dan 28% hadir bagi mendapatkan bantuan khidmat nasihat menjalankan aktiviti kerohanian.

JUMLAH PELANGGAN MENGIKUT JENIS BIMBINGAN



Rajah 4 : Carta peratus pelanggan yang mendapat bimbingan individu mengikut jenis bimbingan




Rajah 5 : Carta peratus pelanggan mengikut status kehadiran pelanggan

b) Pencapaian Kekerapan Pelaksanaan Bimbingan Dan Nasihat Agama Kelompok

Pada tahun 2023, UHEI menetapkan sasaran sebanyak 300 kekerapan melaksanakan bimbingan dan nasihat agama kelompok. Berdasarkan data pencapaian kekerapan yang direkodkan, UHEI telah memberi perkhidmatan kelompok sebanyak 458 kali bersamaan 152.3%.


TAHUN	SASARAN	PENCAPAIAN	% PENCAPAIAN	% KEPUASAN HATI PELANGGAN
2020	300	374	125%	-
2021	170	318	187%	98.4%
2022	210	255	121.5%	96.8%
2023	300	458	152.3%	95.4%

Jadual 4 : Sasaran dan pencapaian bimbingan nasihat agama kelompok




Rajah 6 : Carta perbandingan jumlah pencapaian bimbingan kelompok


Pada tahun 2023, pencapaian kepuasan hati pelanggan bagi bimbingan dan nasihat agama kelompok ialah 95.4%.



Rajah 7 : Carta perbandingan peratus Pencapaian Kepuasan Hati Pelanggan bagi bimbingan nasihat agama kelompok



Rajah 8 : Carta Jumlah Peserta Bimbingan Kelompok




Rajah 9 : Carta Jenis Bimbingan Kelompok

ii. Penganjuran Program

Bagi tahun 2023 UHEI UCS telah melaksanakan sebanyak 276 meliputi program Hari Kebesaran, Pengimarahen Surau Ibnu Sina / Az Razzaq / Az Zahrawi, program Bimbingan & Pendidikan dan Program Dakwah dan Khidmat Komuniti. Sebanyak 18 program berjaya dilaksanakan bersama rakan strategik antaranya Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Persatuan Guaman Syarie Malaysia Wilayah Persekutuan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuala Selangor, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, Masjid Kariah Felda Bukit Cerakah, TRI plc dan BMES.

a. Program Kerohanian

Menggunakan kaedah pendaftaran penyertaan menggunakan aplikasi *google form* UHEI telah merekodkan jumlah penyertaan bagi semua program yang dianjurkan sepanjang tahun 2023. Dapatan menunjukkan seramai **52,168** telah direkodkan mengikuti program anjuran UHEI secara fizikal & atas talian (*online*). Daripada jumlah tersebut **8,417** peserta dalam kalangan staf, **43,697** peserta terdiri daripada pelajar dan **54** peserta dalam kalangan komuniti.



Rajah 10 : Carta perbandingan kategori penyertaan program

b. Program Secara Kolaborasi

Tahun 2023 beberapa program secara kolaborasi telah dianjurkan melibatkan kerjasama agensi kerajaan dan juga NGO seperti jadual berikut :



Bil	Program	Tarikh	Kolaborasi Bersama	Jumlah Penyertaan
1	Forum Fidyah Kewajipan Yang Dilupakan	9/3/2023	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	413
2	Bimbingan Kelompok Asas Fardhu Ain (9 siri) (Rawatan Pemulihan)	14/3, 21/3, 28/3, 4/4, 13/4, 16/5, 18/5, 23/5, 19/8	Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Daerah Kuala Selangor	116
3	Webinar Celik Undang-Undang	27/1, 28/2, 6/6, 7/7, 28/7, 30/8, 6/10	Persatuan Guaman Syarie Malaysia (secara atas talian)	1840
4	Seminar Keluarga Sakinah	20-21/9/2023	Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)	21
5	Forum Maulidur Rasul Bersama Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya Indonesia	12/10/2023	Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya Indonesia (secara atas talian)	60
6	Wacana Intelektual: Penagihan & Emilian	6/12/2023	Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Daerah Kuala Selangor	40

Jadual 5 : Program secara kolaborasi yang melibatkan agensi kerajaan dan NGO

c) Program Sambutan Hari Kebesaran Islam

Tahun 2023 UHEI telah melaksana beberapa program dan aktiviti bagi menyambut hari-hari kebesaran Islam. Objektif program dan aktiviti ini dianjurkan ialah untuk memberikan pendedahan kepada warga UCS tentang tarikh-tarikh penting untuk mengangkat syiar Islam yang perlu diingati dan dihayati juga dijadikan panduan agar tidak mudah ditelan zaman dalam arus pemodenan masa kini. Program sambutan ini juga dapat memberikan sinergi penyatuan dan kebersamaan warga UCS dalam mengangkat syiar agama untuk dipraktikkan dalam kehidupan. Antara program tersebut ialah seperti berikut :

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH (2023)	KEHADIRAN
1	Bicara Hikmah Kembara Langit (Israk Mikraj)	14/2	88
2	Israk Mikraj	27/3	65
3	Pelancaran Ihya Ramadan	9/3	413
4	Pelancaran Ihya Ramadan	23/3	98
5	Ceramah Ambang Ramadan	21/3	2781
6	Program UCS Bersahur	1/4, 8/4	1100
7	Sambutan Nuzul Quran (Tadarus, Majlis Khatam Al-Quran, Iftar Perdana)	12/4	600
8	Nuzul Quran	13/4	125
9	Iftar Ramadan (Berbuka Puasa)	23/3-14/4	10,900
10	Rewang Bubur Lambuk Perdana	5/4	400
11	Bacaan Doa Awal Tahun Dan Akhir Tahun Hijrah	18/7	Terbuka
12	Program Semarak Hijrah	12/7	264
13	Ceramah Maal Hijrah 1445H	20/7	115
14	Pelancaran Program Sambutan Maulidur Rasul Peringkat UCS	20/10-3/11	4930
15	Bicara Cinta Rasul & UCS Berselawat	3/11	3399
16	Forum Kolaborasi Maulidur Rasul UHEI UiTM Dan Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya Indonesia	12 /10	60

Jadual 6 : Jadual pelaksanaan Program Sambutan Hari Kebesaran Islam 2023

**d) Program Bersiri Surau Ibnu Sina Kampus UiTM Puncak Alam
(Kuliah Maghrib & Tafaqquh Fid Din)**

HARI / MASA	TAJUK PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	JUMLAH PENYERTAAN
Isnin (7.30 malam)	Tahsin Solat 4.0	Sem Mac-Ogos 2023 9/1-16/1-8/5-15/5-22/5-12/6-10/7	802
		Sem Okt 2023-Februari 2024 2/10,9/10,16/10,23/10, 30/10,6/11,20/11,27/11	580
HARI / MASA	TAJUK PROGRAM	TARIKH PELAKSANAAN	JUMLAH PENYERTAAN
Selasa (7.30 malam)	Asas Fardhu Ain	Sem Mac-Ogos 2023 10/1, 17/1, 9/5, 16/5, 23/5, 30/5, 6/6 20/6, 4/7	491
		Sem Oktober 2023-Februari 2024 10/10, 17/10, 24/10, 31/10, 7/11, 21/11	268
Rabu (7.30 malam)	Kuliah Pengajian Kitab 4.0	Sem Mac-Ogos 2023 11/1-18/1-25/1-3/5-10/5-17/5-7/6-14/6-21/6-5/7/-12/7	711
		Sem Oktober 2023-Februari 2024 04/10-11/10-18/10-25/10-08/11-22-11	308
Khamis (7.30 malam)	Sinar Antara Jumaat 3.0	Sem Mac-Ogos 2023 12/1-26/1-11/5-18/5-8/6-22/6-6/7	1314
		Sem Oktober 2023-Februari 2024 5/10-12/10-2/11-9/11-7/12	
Jumaat (7.30 malam)	Tajwid Corner 3.0	Sem Mac-Ogos 2023 13/1-27/1-5/5-12/5-26/5-9/6-16/6-23/6-7/7	326
		Sem Oktober 2023-Februari 2024 06/10-13/10-25/10- 01/11-10/11-24/11-04/12	394
JUMLAH KESELURUHAN			5146

Jadual 7 : Jadual Pelaksanaan Program Kuliah Maghrib Surau Ibnu Sina



e) Program Bersiri Surau Ar Razzaq Kampus UiTM Puncak Perdana (Kuliah Maghrib, Tafaqquh Fiddin, Iftar Jamaie)



f) Program Mauizah

Unit hal Ehwal Islam dengan kerjasama Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia telah mengadakan program Mauizah sebanyak 10 siri dan jumlah keseluruhan peserta adalah sebanyak 2,669 orang. Program ini melibatkan penyertaan dari 15 bahagian/unit serta fakulti di UCS iaitu:-

1. Bahagian Penyelidikan & Inovasi
2. Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
3. Bahagian Hal Ehwal Pelajar
4. Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (iCARE)
5. Unit Kerjaya dan Kaunseling
6. Pusat Asasi (Dengkil)
7. Hospital UiTM
8. Pejabat Pentadbiran Sungai Buloh
9. Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)
10. Kolej Rafflesia
11. Fakulti Pergigian
12. Kolej Pengajian Seni Kreatif
13. Fakulti Perubatan
14. Fakulti Pendidikan
15. Fakulti Farmasi

Berikut merupakan tajuk program mauizah yang telah diadakan berfokuskan kepada ESI dan iDART.

BIL	BULAN	TAJUK
1	Februari	Mencari Keberkatan Dalam Pekerjaan
2	Mac	Tuntutan Fidyah Kesempurnaan Ibadah
3	April	Memupuk Integriti Melalui Ibadah Puasa
4	Mei	Qana'ah : Keperluan Dan Kehendak Menurut Islam
5	Jun	Pekerjaan : Berkorban Untuk Kesejahteraan Keluarga
6	Julai	Disiplin Dan Adab Melalui Ibadah Solat
7	Ogos	Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan
8	September	Memikul Amanah: Manusia Sebagai Khalifah
9	Oktober	Sedekah Jariah Melalui Pekerjaan
10	November	Audit Diri Bekalan Akhirat

Jadual 8 : Tajuk program mauizah 2023

iii. Penjanaan Kewangan

Unit Hal Ehwal islam telah berjaya menjana sebanyak **RM187,420.24** melalui penganjuran program serta kutipan dana seperti berikut:-

BIL	NAMA PROGRAM	KETERANGAN		HASIL PENJANAAN
1.	Kursus Pra Perkahwinan	telah dilaksanakan 3 siri	1. Yuran Penyertaan RM80 x 150 orang x 2 siri = RM24,000.00 2. Yuran Penyertaan RM80 x 80 orang x 1 siri = RM6,400.00	RM30,400.00
2.	Infaq Ramadan 1444H/2023M	Tempoh Sumbangan Bulan Rejab, Sya'ban dan Ramadan 1444H / 2023M		RM24,768.64
3.	Forum Fidyah	RM7,572.00	Sumbangan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	RM62,228.00
	Bakul Fidyah	RM148 x 122 orang = RM18,056		
	Sumbangan Tunai Fidyah	RM36,600.00		
4.	Sumbangan Tabung Surau Ibnu Sina	Tempoh Sumbangan Jan-Nov 2023		RM58,023.60
5.	Smart Khalifah (Program Cuti Sekolah)	60 peserta x Yuran RM200.00 seorang	RM12,000.00	RM12,000.00
	JUMLAH KESELURUHAN PENJANAAN			RM187,420.24

Jadual 9 : Penjanaan Pendapatan UHEI 2023

iv. Tabung Kasih UCS

Merupakan satu inisiatif penjaan pendapatan Unit Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia di mana kutipan dana Tabung Kasih dilaksanakan bertujuan memberi sumbangan / bantuan kepada staf dan pelajar UiTM Cawangan Selangor khususnya untuk menampung keperluan sara hidup, mangsa bencana alam dan musibah serta bantuan kecemasan yang lain.

Pada tahun 2023 Tabung Kasih juga telah memperoleh dana sumbangan fidyah daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) berbentuk agihan bakul fidyah dan sumbangan wang tunai fidyah sebanyak **RM54,656.00**. Dana ini telah diagihkan kepada 122 orang staf UCS yang layak berbentuk kotak makanan dan wang tunai dalam Program Bakul Syawal yang diadakan.



Tarikh Pelaksanaan	Tempat	Peruntukan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Melalui Dana Fidyah	Jumlah Penerima Agihan
17/4/2023	Dewan Seri Alam, Hotel UiTM Puncak Alam	Bakul Fidyah RM148 x 122 = RM18,056.00 Sumbangan Tunai MAIS = RM36,600.00 Jumlah <u>RM54,656.00</u>	122

Jadual 10 : Jumlah sumbangan Majlis Agama Islam Selangor melalui dana Fidyah

v. Penerbitan

UHEI telah melaksanakan dua (2) penerbitan sepanjang tahun 2023 iaitu :-

a. Buletin Fazakkir

Jumlah terbitan sebanyak sebelas (11) siri. Antara contoh buletin yang telah diterbitkan adalah seperti berikut:-



b. Buku Panduan Bimbingan Tarbiah Hati

Buku Bimbingan Tarbiah Hati telah mendapat kelulusan pendaftaran ISBN diperoleh daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Ini merupakan satu pencapaian UHEI melalui penerbitan.



9.2.6 Penutup

Secara keseluruhan tahun 2023 Unit Hal Ehwal Islam telah memberikan komitmen penuh bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan khususnya PI Khas Pejabat Rektor. Pada tahun 2023 juga UHEI telah melaksana pelbagai inisiatif bagi memastikan nilai-nilai murni dalam melahirkan warga UCS yang memenuhi ciri-ciri ESI dan iDART dapat dipenuhi selari dengan ketetapan universiti. Begitu juga pencapaian penjanaan untuk Tabung Amanah Pusat Islam (TAPI) tahun 2023 berjaya dipertingkatkan yang mana sumber dana tersebut diperoleh melalui sumbangan warga UiTM khususnya, yang sentiasa ingin melihat program dan aktiviti kerohanian terus dapat disemarakkan dari semasa ke semasa demi membimbing anak bangsa ke jalan yang diredai Allah SWT.

UHEI akan terus gigih berusaha memberikan perkhidmatan terbaik dalam memikul amanah wang yang disumbangkan ke dalam Tabung TAPI agar dapat dipulangkan semula melalui penganjuran program dan aktiviti kerohanian demi membina sahsiah dan peribadi yang mulia di sisi Allah SWT.

9.3 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

9.3.1 Pengenalan

Unit Komunikasi Korporat, UiTM Cawangan Selangor merupakan unit yang memberi maklumat dan nasihat berkaitan komunikasi dan penjenamaan untuk meningkatkan ketampakan kampus seiring dengan pembangunan berterusan masa kini. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah khidmat nasihat serta rundingan berbentuk Perhubungan Awam, Protokol dan Pengurusan Acara, Media, Publisiti dan Penerbitan Korporat, Pengurusan Jenama dan Pengurusan Laman Sesawang Universiti.

9.3.2 Teras Utama

Terdapat lima (5) teras utama bagi Unit Komunikasi Korporat seperti yang dijelaskan di dalam rajah di bawah.



Rajah 1: Teras Utama Unit Komunikasi Korporat

9.3.3 Piagam Pelanggan

Unit Komunikasi Korporat menetapkan enam (6) piagam pelanggan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada semua PTJ. Unit ini sentiasa memastikan agar semua piagam pelanggan mencapai KPI yang ditetapkan.

Menyalur aduan melalui e-aduan (kategori pelawat) kepada PTJ yang berkenaan dalam tempoh satu (1) hari bekerja dari tarikh e-aduan diterima.	Memberi maklum balas awal kepada aduan dari keratan akhbar/surat rasmi dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tempoh tarikh aduan diterbitkan/diterima.	Memproses dan meluluskan permohonan penggantungan banner dan bunting dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.
Memproses dan meluluskan permohonan cenderamata dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas borang permohonan lengkap diterima.	Jemputan media dibuat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja sebelum acara dijalankan	Memproses dan meluluskan khidmat fotografi dalam tempoh lima (5) hari bekerja.

Rajah 2: Piagam Pelanggan Unit Komunikasi Korporat

9.3.4 Pencapaian

Sepanjang tahun 2023, Unit Komunikasi Korporat telah berjaya melakarkan pencapaian yang produktif bagi semua seksyen perkhidmatan iaitu Seksyen Perhubungan Awam, Media dan Pengurusan Acara, Seksyen Informasi dan Penerbitan, Seksyen Media Kreatif serta Seksyen Pentadbiran dan Khidmat Pelanggan. Dengan adanya penambahbaikan dalam proses kerja, penyampaian perkhidmatan telah menunjukkan prestasi yang baik. Butiran pencapaian setiap unit adalah seperti di bawah:-

9.3.4.1 Perhubungan Awam, Media dan Pengurusan Acara


Perhubungan Awam, Media dan Pengurusan Acara merupakan perkhidmatan utama yang diberikan oleh Unit Komunikasi Korporat kepada PTJ. Pada tahun 2023, unit ini telah berjaya membantu menguruskan sebanyak **36 acara** dan program anjuran PTJ, selain menganjurkan **4 program/ kursus**. Sebanyak 64 teks ucapan Rektor telah disemak sepanjang tahun 2023, manakala 21 kunjungan hormat ke UiTM Cawangan Selangor telah diuruskan. Bagi meningkatkan ketampakan UCS, unit ini telah berjaya melakarkan nama UCS di media massa sebanyak 26 berita. Rajah di bawah menunjukkan data pencapaian bagi seksyen ini.



Rajah 1: Teras Utama Unit Komunikasi Korporat

9.3.4.2 Informasi dan Penerbitan

Rajah 4 menunjukkan pecahan data bagi seksyen Informasi dan Penerbitan. Sepanjang tahun 2023, Unit Komunikasi Korporat telah berjaya menghasilkan sebanyak 85 laporan berita. Kesemua laporan berita disalurkan melalui laman sosial rasmi UiTM Cawangan Selangor seperti Facebook dan Instagram, dan juga di laman sesawang UiTM Cawangan Selangor, selain melalui News Hub UiTM.



Rajah 4 : Laporan Berita UCS

9.3.4.3 Media Kreatif

Seksyen Media Kreatif merupakan seksyen perkhidmatan Unit Komunikasi Korporat yang mendapat permohonan yang tinggi di kalangan PTJ UCS. Rajah 5 menunjukkan jenis perkhidmatan bagi seksyen ini dan pecahan perkhidmatan yang telah diberikan sepanjang tahun 2023.




Rajah 5 : Perkhidmatan Media Kreatif

9.3.4.4 Pentadbiran dan Khidmat Pelanggan

Sepanjang tahun 2023, Unit Komunikasi Korporat telah menerima sebanyak 113 maklum balas/ aduan daripada pelbagai pihak termasuk pelajar dan staf UiTM melalui pelbagai saluran seperti sistem e-Aduan, e-mel dan media sosial rasmi UCS.

Rajah 6 menunjukkan 11 aduan telah diterima melalui sistem e-aduan UiTM sepanjang tahun 2023 oleh Unit Komunikasi Korporat. Kesemua maklum balas ini selesai dalam tempoh yang telah ditetapkan.




Rajah 6: Maklumbalas / Pertanyaan e-Aduan UiTM

Rajah 7 menunjukkan maklum balas/pertanyaan yang telah diberikan oleh Unit Komunikasi Korporat lanjutan e-mel daripada staf/pelajar/orang awam. Kebanyakan maklum balas adalah berkaitan pengesahan borang, rayuan kemasukan kampus dan subjek, serta transkrip peperiksaan.



Rajah 7: Maklum Balas / Pertanyaan e-Mel UCS

Unit Komunikasi Korporat juga telah mengumpulkan maklum balas/pertanyaan yang diterima melalui media sosial seperti Facebook dan Instagram. Merujuk kepada rajah 8, lapan (8) maklum balas ini juga selesai dalam tempoh yang telah ditetapkan.



Rajah 8: Maklum Balas / Pertanyaan Media Sosial UCS

Pada tahun 2023, terdapat penurunan maklum balas/aduan yang telah diterima Unit Komunikasi Korporat berbanding tahun sebelumnya. Kesemua maklum balas/aduan telah diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dan berikut adalah perbandingan yang telah dikategorikan pada tahun 2022 dan 2023, seperti Rajah 9 di bawah.



Rajah 9: Perbandingan AMP Tahun 2022 dan 2023

9.3.5 Program Sepanjang Tahun 2023

Selain menguruskan acara dan program anjuran PTJ lain, Unit Komunikasi Korporat juga telah berjaya menganjurkan beberapa program dan kursus. Empat (4) program telah berjaya dijalankan sepanjang tahun 2023 adalah Kursus Pengurusan Acara, Protokol dan Pengurusan Media, Pertandingan Keceriaan Merdeka, Majlis Kemuncak Sambutan Bulan Kebangsaan UCS 2023 dan Kursus Asas Rekabentuk Grafik-Adobe Illustrator.

9.3.5.1 Kursus Pengurusan Acara, Protokol dan Pengurusan Media

Perhubungan Awam, Media dan Pengurusan Acara merupakan perkhidmatan utama yang diberikan oleh Unit Komunikasi Korporat kepada PTJ. Pada tahun 2023, unit ini telah berjaya membantu menguruskan sebanyak **36 acara** dan program anjuran PTJ, selain menganjurkan **4 program/ kursus**. Sebanyak 64 teks ucapan Rektor telah disemak sepanjang tahun 2023, manakala 21 kunjungan hormat ke UiTM Cawangan Selangor telah diuruskan. Bagi meningkatkan ketampakan UCS, unit ini telah berjaya melakarkan nama UCS di media massa sebanyak 26 berita. Rajah di bawah menunjukkan data pencapaian bagi seksyen ini.



Gambar 1: Para peserta bersama penceramah kursus.

20 Jun 2023 - Seramai 50 orang peserta dari kalangan kakitangan UiTM Cawangan Selangor dan wakil Unit Komunikasi Korporat fakulti-fakulti telah menghadiri kursus ini. Kursus dianjurkan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman peserta dalam pengurusan perkhidmatan hal ehwal korporat, pengurusan media dan protokol.



Gambar 2: Poster dan hiasan pertandingan keceriaan di salah satu PTJ.

9.3.5.2 Pertandingan Keceriaan Merdeka

21 Ogos - 4 September 2023 – Program Pertandingan Keceriaan Merdeka Sempena Sambutan Kemerdekaan UiTM Cawangan Selangor anjuran Unit Komunikasi Korporat telah disertai oleh 15 unit dan jabatan dari Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, Kampus Sungai Buloh dan Kampus Dengkil.

9.3.5.3 Majlis Kemuncak Sambutan Bulan Kebangsaan UCS 2023



Gambar 3: Sambutan Bulan Kebangsaan mendapat sambutan warga UCS.

6 September 2023 - Bertempat di DK500 UiTM Kampus Puncak Alam dengan penyampaian ceramah kemerdekaan oleh jemputan khas iaitu YH Profesor Emeritus Dato' Dr. Ahmad Bin Hj Zainuddin. Program ini meningkatkan semangat patriotisme dan happiness index warga.

9.3.5.4 Kursus Asas Rekabentuk Grafik-Adobe Illustrator



Gambar 4: Para peserta bersama penceramah kursus.

31 Oktober 2023 – Dihadiri oleh seramai 30 orang staf dari Kampus Puncak Alam dan Kampus Sungai Buloh. Program ini memberikan pendedahan asas rekabentuk grafik yang membolehkan peserta menghasilkan poster yang berkualiti dan juga didedahkan dengan tatacara penyusunan logo yang menepati ketetapan UiTM.

9.3.6 Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan

Unit Komunikasi Korporat sentiasa peka dan berusaha untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan mencapai kepuasan hati pelanggan. Beberapa penambahbaikan telah dibuat bagi meningkatkan reputasi dan mengukuhkan imej UiTM Cawangan Selangor selari dengan fungsi unit ini.

9.3.6.1 Permohonan Perkhidmatan Unit Komunikasi Korporat

Bagi memastikan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Komunikasi Korporat memenuhi dan menepati kehendak pelanggan, beberapa penambahbaikan proses kerja telah dijalankan. Penambahbaikan untuk membuat hebahan garis panduan ini selari berpandukan proses permohonan khidmat dengan Jabatan Komunikasi Shah Alam. Selain itu, garis panduan ini juga bagi memastikan setiap permohonan khidmat adalah mengikut prosedur yang tepat agar dapat direkodkan bagi memudahkan PTJ berurusan dengan Unit Komunikasi Korporat secara lebih efisien dan khidmat diberikan secara lebih efektif.

Antara penambahbaikan proses kerja yang meliputi penyediaan infografik untuk memberi penerangan yang lebih jelas kepada para pelanggan telah di laksanakan seperti berikut :-

- Permohonan khidmat majlis
- Permohonan rekabentuk grafik
- Perkhidmatan Jurufoto
- Permohonan memuatnaik iklan hebahan





Rajah 10: Infografik Permohonan Khidmat Unit Komunikasi Korporat

9.3.6.2 Inisiatif Poster #UCSReminder

Bagi merealisasikan #UCSCemerlang dari semua aspek, Unit Komunikasi Korporat telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan poster bertemakan kata-kata hikmah positif dan kerohanian. Poster-poster ini bertujuan mengajak dan menggalakkan warga UiTM Cawangan Selangor menjadi warga yang sentiasa berusaha ke arah kebaikan. Dengan wujudnya #UCSReminder ini, ia sekaligus memberi anggapan positif dan imej yang baik kepada UCS.



Rajah 11: Poster #UCSReminder


9.4 UNIT PENGURUSAN KUALITI

9.4.1 Pengenalan

Unit Pengurusan Kualiti (UPK) mengurus dan melaksana proses-proses kualiti melalui audit kualiti dan amalan pengurusan terbaik untuk memastikan penambahbaikan berterusan dalam sistem pengurusan kualiti UCS mantap dan mengikut piawaian yang ditetapkan berpandukan *integrated Quality Management System* (iQMS) berdasarkan standard ISO 9001: 2015. UPK diketuai oleh Ketua Unit Kualiti dan dibantu oleh beberapa penyelarar iaitu Penyelarar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Penyelarar Kecemerlangan Operasi (OE), Penyelarar Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA), Penyelarar Latihan, Penyelarar Komunikasi Dalaman, Penyelarar Risiko, Penyelarar Analisa Data dan Kepuasan Pelanggan, Penyelarar Dokumen Kualiti, Penyelarar Laporan dan Dokumentasi, Penyelarar Kualiti Kampus Sungai Buloh dan Selayang serta Ketua Sistem Audit, Setiausaha dan Wakil Pengurusan.

9.4.2 Fungsi

Fungsi Unit Pengurusan Kualiti adalah untuk menyelarar dan mengimplementasikan sistem pengurusan kualiti ke arah memantapkan peranan warga UCS yang proaktif, responsif dan komited terhadap kesinambungan kecemerlangan organisasi serta mengamalkan penambahbaikan berterusan ke arah merealisasikan visi, misi dan dasar kualiti UiTM.



Rajah 1: Fungsi Unit Pengurusan Kualiti UCS

9.4.3 Pencapaian Objektif Kualiti

Tadbir urus UCS adalah berintensifkan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan, berbeza dari kampus lain yang berfokus kepada pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, perancangan objektif kualiti dilakukan secara kolektif untuk melonjakkan imej dan reputasi UCS di arena global selaku Kampus Penyelidikan. Pada tahun 2023, objektif kualiti telah dipinda untuk penambahbaikan dan diukur berpandukan sasaran-sasaran strategi yang ditetapkan pengurusan UCS. Berikut merupakan pencapaian objektif kualiti yang telah disediakan dan digunapakai:

Jadual 9.4.1: Pencapaian Objektif Kualiti

BIL	OBJEKTIF KUALITI UCS	PENCAPAIAN		
		2021	2022	2023
1	Melestarikan skor MyRA lima (5) bintang	5 Bintang	5 Bintang	4 Bintang [#]
2	Memastikan penajaan pendapatan sewa ruang dan kemudahan UCS mencapai 80% daripada jumlah KPI yang ditetapkan universiti.	80%	242%	119%
3	Memastikan sekurang-kurangnya satu kerjasama dengan syarikat / entiti yang melibatkan industri / komuniti / alumni / keusahawanan / kebolehpasaran graduan yang dijalankan di UCS atau dipersetujui bersama.	*	*	100%
4	Memastikan staf melaksanakan inisiatif pembaikan sebelum aduan pelanggan diterima dengan sasaran 10% daripada aduan pelanggan.	*	*	18.5%
5	Menyediakan sistem rangkaian setempat dalam kampus bagi pengguna biasa dan backbone antara bangunan dengan kelajuan masing-masing adalah 1 Gbps dan 10 Gbps.	75%	90%	100%
6	Memastikan Happiness Index mencapai 80% bagi tempoh setahun.	74%	-	-
7	Memastikan tahap kepuasan pelanggan mencapai 85% bagi tempoh setahun.	85%	90%	92.7%
8	Memastikan 90% daripada e-aduan diselesaikan dalam masa tujuh (7) hari.	91%	82%	68%
9	Memastikan pencapaian 80% daripada bilangan keseluruhan pelajar sepenuh masa yang menginap di Kolej Kediaman terlibat dalam empat (4) aktiviti anjuran UCS setiap semester.	35%	94%	95%
10	Memastikan 60% pelajar NR UCS mendaftar dengan Unit NR.	85%	77%	47%

* Perbandingan tidak dapat dibuat kerana terdapat pindaan kepada objektif kualiti

[#] Data lengkap akan didapati pada bulan Mac

UCS komited untuk memastikan objektif kualiti di atas tercapai di mana dasar kualiti serta objektifnya disemak semula dari semasa ke semasa untuk penambahbaikan yang berterusan dan menyeluruh bersesuaian dengan keperluan untuk memenuhi dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

9.4.4 Hasil Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan telah diadakan bagi mengukur kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh PTJ di UCS serta mendapatkan maklumbalas dan cadangan bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. Tahap kepuasan pelanggan UCS diukur melalui aspek perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.

Secara keseluruhannya, bagi tahun 2023 kajian ini menunjukkan 92.7% responden memberi penilaian tahap “Amat Memuaskan” dan “Memuaskan”. Manakala 5.8% responden menilai tahap perkhidmatan masih “Tidak Memuaskan/Amat Tidak Memuaskan”. Trend skor bagi Kajian Kepuasan Pelanggan menunjukkan peningkatan 92.7% bagi tahun 2023. Maklumat terperinci seperti di bawah:-



Rajah 2: Tahap Kepuasan Pelanggan bagi Tahun 2021 - 2023

Sehubungan dengan itu, kajian ini menunjukkan semua PTJ di UCS berjaya mengekalkan tahap kepuasan pelanggan lebih 85% bagi tahun 2023. Oleh yang demikian, berdasarkan penilaian yang diberikan oleh responden ternyata tahap perkhidmatan yang diberikan oleh UCS berada pada tahap yang baik mengikut keperluan semasa. Dari maklum balas dan komen yang diberikan oleh warga UCS, pihak PTJ yang terlibat telah mengenal pasti punca isu dan menghasilkan cadangan penambahbaikan.

9.4.5 Pencapaian

9.4.5.1 Anugerah Cemerlang UCS Sempena Hari Kualiti 2023

Anugerah Cemerlang UCS Sempena Hari Kualiti 2023 dianjurkan bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan di atas sumbangan dan prestasi perkhidmatan staf kampus UiTM Cawangan Selangor (Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana, dan Kampus Sungai Buloh). Majlis Anugerah Cemerlang telah berlangsung pada 2 November 2023 di Dewan Seri Alam, Hotel UiTM Puncak Alam dengan bertemakan **Integriti Pemangkin Kecemerlangan Organisasi**. Penerima anugerah individu seperti di bawah:



KATEGORI ANUGERAH	PENERIMA
PENGURUSAN & PROFESIONAL	
Anugerah Pentadbir Cemerlang	ASP/PB Mohd Tarmizi Abdul Raman, A.M.N Pejabat Polis Bantuan
Anugerah Pentadbir Harapan	Puan Nur Fatimah Binti Muhamad Perpustakaan Tun Abdul Razak
Anugerah Pentadbir Cemerlang (Khidmat Komuniti)	Encik Norhisham Ya'cob Unit Kerjaya dan Kaunseling
Anugerah Pentadbir Cemerlang (Kreatif & Inovatif)	Puan Nura Mohd Thalha Bahagian Infostruktur
Anugerah Pentadbir Cemerlang (Sukan & Rekreasi)	Encik Muhammad Farid Muhammad Ismail Unit Sukan

PELAKSANA	
Anugerah Staf Pelaksana (Terbaik)	Tc Napsiah Putit Pejabat Pengurusan Fasiliti
Anugerah Staf Pelaksana (Harapan)	Cik Razatul Faheeda Razak Unit Kesihatan
Anugerah Staf Pelaksana (Kreativiti & Inovasi)	KPL/PB Abdul Nasir Abu Hashim Pejabat Polis Bantuan
Anugerah Staf Pelaksana (Khidmat Komuniti)	Puan Raja Nazura Raja Anis Unit Kebudayaan

Kategori anugerah jabatan turut dipertandingkan di dalam Anugerah Cemerlang UCS sebagai penghargaan kepada jabatan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang. Kategori yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

KATEGORI ANUGERAH	PENERIMA
Anugerah Jabatan Cemerlang	Johan: Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia
	Naib Johan: Pejabat Pengurusan Fasiliti
	Tempat Ketiga: Perpustakaan Tun Abdul Razak
Anugerah Zon EKSA Cemerlang	Johan: Bahagian Pentadbiran & Sumber Manusia
	Naib Johan: Unit Kesihatan
	Tempat Ketiga: Perpustakaan Tun Abdul Razak
Anugerah Inovasi UCS	Johan: Unit Pengurusan Kolej, Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan (Projek: e-DAFTAR)
	Naib Johan: Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (TIG@UCS)
	Tempat Ketiga: Bahagian Infostruktur
Anugerah Penerbitan UCS	Johan: Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (Garis Panduan Pengurusan Mel)
	Naib Johan: Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia (Dokumen Tadbir Urus)
	Tempat Ketiga: Bahagian Hal Ehwal Pelajar (Lakaran Gemilang HEP UCS)



9.4.5.2 Penambahbaikan Pengurusan Kualiti Perkhidmatan

Audit Dalam Peringkat UCS telah dilaksanakan pada 11-15 September 2023. Objektif pelaksanaan audit dalam ini adalah:-

- i. Menilai sama ada PTJ yang diaudit melaksanakan dan mengekalkan sistem pengurusan kualiti di dalam proses kerja masing-masing mengikut dasar, pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan.
- ii. Pelaksanaan ini juga bertindak sebagai faktor kepada penambahbaikan proses.

Seramai 10 orang auditor daripada Kampus Puncak Alam dan Kampus Sungai Buloh telah terlibat bagi menjayakan pelaksanaan Audit Dalam ini. Pelaksanaan Audit Dalam ini melibatkan lima (5) Pusat Tanggung Jawab iaitu :-

- i. Pejabat Pengurusan Fasiliti
- ii. Pejabat Polis Bantuan
- iii. Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia
- iv. Bahagian Penyelidikan dan Inovasi
- v. Unit Kesihatan



Hasil Audit Dalam mendapati PTJ yang terlibat perlu membuat tindakan mitigasi terhadap beberapa proses kerja yang memerlukan perhatian selanjutnya untuk penambahbaikan.

9.4.5.3 Pelaksanaan KIK



Bengkel Pemantapan Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UCS telah diadakan pada 23 hingga 24 Mei 2023 bertempat di Bilik Seminar Anggerik Sari, Kampus Puncak Alam. Bengkel ini dianjurkan bertujuan memberikan kefahaman kepada ahli kumpulan KIK baru dan lama mengenai Modul Intervensi KIK Horizon Baharu dan menambah keyakinan Kumpulan KIK bagi menyertai Konvensyen KIK Zon Tengah yang akan berlangsung

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM Peringkat Zon Tengah 2023 anjuran Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur (PPII) telah berlangsung pada 12 hingga 13 September 2023. Sebanyak 5 Kumpulan KIK UCS telah menyertai konvensyen tersebut dan dua kumpulan telah berjaya melepasi saringan ke peringkat UiTM iaitu Kumpulan UPDATE dari Pejabat Polis Bantuan Kampus Puncak Perdana dan Kumpulan 3K dari Unit Pengurusan Kolej Kampus Sg Buloh. **Kumpulan 3K** telah berjaya ke pertandingan akhir dan memenangi **Anugerah Kumpulan Inovatif & Kreatif Berpotensi, Anugerah Penarafan Emas** dan **Anugerah Fasilitator Terbaik** yang diadakan pada 23 hingga 25 Oktober 2023.



9.4.5.4 Kecemerlangan Operasi

Pembudayaan amalan kecemerlangan operasi adalah untuk memastikan pengurusan universiti berada di tahap yang terbaik, cekap dan berkesan. Pengurusan perkhidmatan yang cekap dan tangkas mampu menyumbang kepada penjimatan dalam pelbagai aspek seperti kos, masa, sumber tenaga kerja dan peningkatan kadar kepuasan hati pelanggan.

Hasil kolaborasi Pejabat Polis Bantuan dan Pejabat Bendahari telah membuahkan projek PBUPAY yang telah dipilih menjadi Finalis Kecemerlangan Operasi 2022 sempena Simposium Kecemerlangan Operasi UiTM 2023 yang telah diadakan pada 16 Ogos 2023. Projek ini telah menang Tempat Ketiga dalam kategori Pentadbiran dan Kewangan.



9.4.5.5 Penyediaan Laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor

Beberapa siri bengkel penulisan telah diadakan dari Jun 2023 sehingga Ogos 2023 untuk memantapkan penyediaan Laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor, UCS bagi memastikan para penulis dan peserta yang terlibat dengan Dokumentasi Laporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan seperti kemahiran menulis dan struktur penulisan yang berkualiti mengikut rubrik dokumentasi dan sebagainya. Satu sesi bersama Pakar Rujuk AKNC telah diadakan bagi memberi latihan dan pendedahan bagi meningkatkan kemahiran dalam penyediaan dokumentasi, pembentangan projek dan penggunaan alatan multimedia. UCS merupakan kampus cawangan yang pertama memilih bidang tumpuan **Penyampaian Perkhidmatan**. Laporan ini telah disediakan bersama penulis daripada semua bahagian/unit di UCS. Laporan AKNC yang lengkap telah berjaya di muatnaik untuk penilaian dalam sistem i-AKNC.



9.4.5.6 Latihan

i. Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

Taklimat pelaksanaan EKSA UCS telah dijalankan dan diberikan kepada 4 PTJ berbeza iaitu Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia, Bahagian Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Penyelidikan Inovasi dan Bahagian Infostruktur UCS. Taklimat ini telah dijalankan menggunakan 2 platform berbeza iaitu atas talian dan bersemuka yang disampaikan oleh Penyelaras EKSA iaitu Encik Qamarul Anuar Mohamad. Tujuan ceramah ini diadakan adalah bagi menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif. Ini adalah kerana terdapat PTJ yang ke arah menyediakan keperluan untuk Pensijilan EKSA. Pengisian bagi ceramah ini adalah termasuk pengenalan EKSA, Pelaksanaan EKSA dan sesi soal jawab daripada peserta. Impak daripada ceramah yang dilaksanakan, satu sudut EKSA telah berjaya diwujudkan di setiap PTJ yang terlibat.



ii. Kursus Latihan Auditor Dalam

Objektif kursus ini adalah untuk memahami tujuan, skop dan kandungan MS ISO 9001:2015 dan kegunaannya, memahami cara-cara merancang, melaksana, menyedia laporan dan membuat tindakan susulan serta memahami cara-cara menulis laporan ketidakpatuhan dan cara-cara membuat tindakan pembetulan dan susulan terhadap ketidakakuran. Kursus ini berlangsung selama 3 hari iaitu pada 9 hingga 11 Ogos 2023. Peserta taklimat adalah seramai 30 orang yang terdiri daripada staf UiTM Cawangan Selangor. Pada hari terakhir kursus, peserta perlu mengambil ujian bertulis dan peserta yang lulus akan dianugerahkan sijil sebagai auditor dalam.

Impak daripada kursus ini, audit dalam boleh dijalankan dengan lebih mantap serta menambah lebih ramai staf UCS sebagai auditor iaitu seramai 29 orang staf telah mendapat kelayakan kompetensi menjadi seorang auditor dalaman untuk kualiti.

iii. Kursus Pemantapan Kaedah Analisa Data

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan perisian terkini serta cara menganalisis data yang diperolehi dengan lebih tepat. Penceramah memberi tunjuk ajar mengenai kaedah membanding dan menguji teori dari konsep atau data yang diperolehi supaya dapat diterjemahkan di dalam laporan, memberi pendedahan dan kemahiran menyeluruh kepada para peserta khususnya dalam aspek kemahiran penguasaan kaedah yang betul dan tepat serta kaedah penyediaan soalan kajian kepuasan pelanggan dan aduan maklum balas pelanggan.

Seramai 25 orang peserta hadir yang terdiri daripada Kampus Puncak Alam, Kampus Puncak Perdana dan Kampus Sungai Buloh. Impak daripada kursus ini, peserta akan dapat memahami keperluan dan kepentingan Analisa Data dan Kajian Kepuasan Pelanggan seperti berikut:

- Dapat memahami kaedah yang betul untuk menganalisa data-data yang diterima.
- Para peserta akan menggunakan setiap data yang diterima untuk dijadikan satu laporan yang lebih komprehensif
- Pengukuran prestasi yang lebih lengkap untuk setiap perkhidmatan yang diberikan oleh PTJ di UCS
- Laporan yang disediakan dapat disiapkan dengan lebih cepat kerana peserta mempunyai pengetahuan menganalisa dengan menggunakan perisian yang sesuai.



iv. Bengkel Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja

Bengkel Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (*Business Process Reengineering*) telah diadakan 1 hingga 2 Mac 2023 bertujuan membuat penilaian proses kerja sedia ada dan mereka bentuk proses kerja baru. Impak daripada bengkel ini, dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan sekaligus mengenalpasti projek kecemerlangan operasi yang boleh dipertandingkan pada tahun 2024.



9.4.6 Penutup

Secara keseluruhannya, UPK telah memberi komitmen penuh bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh universiti dan ianya selaras dengan fungsi penubuhan unit. Pada tahun 2023 UPK terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan usaha untuk meningkatkan kualiti serta lain-lain aktiviti yang membantu dalam setiap kecemerlangan yang dicapai. Pencapaian ini adalah hasil usahasama dan keteguhan semua warga UCS bagi memberi perkhidmatan dan kemudahan yang menyeluruh. UPK menjadi peneraju untuk merealisasikan kecemerlangan dan memastikan pencapaian kualiti mendokong universiti menjadi berdaya saing di persada antarabangsa.

10.0 /

KAMPUS SUNGAI BULOH SELAYANG TELUK INTAN


<i>m/s</i>	260	Pengenalan
	261	Sumber Manusia
	278	Aktiviti 2023 UiTM Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan
	279	Pencapaian
		Aktiviti dan Program Pembangunan Pelajar
	281	Penutup

10.0 KAMPUS SUNGAI BULOH, SELAYANG & TELUK INTAN

10.1 Pengenalan

10.1.1 Transformasi Pentadbiran UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan

Sejak Kampus Sungai Buloh siap dibina pada tahun 2012, kampus telah mengalami 3 transformasi pentadbiran bagi melicinkan perjalanan kampus agar terus maju dan berdaya saing. Transformasi pentadbiran adalah seperti berikut: -



10.1.2 Struktur Organisasi

Pejabat Penolong Rektor UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan merangkumi sembilan (9) bahagian / unit seperti berikut: -



10.2 Sumber Manusia

10.2.1 Jumlah staf daripada setiap Bahagian/Unit

Pejabat Penolong Rektor mempunyai kekuatan seramai 152 orang staf tetap, satu (1) orang staf kontrak dan lapan (8) orang staf *Personel MySTEP* daripada tiga buah kampus iaitu UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan.

Jadual 1 Bilangan Staf Keseluruhan Mengikut Bahagian/Unit

Bahagian/Unit	KSB	KSY	KTI	Bil. Staf Tetap	Bil. Staf Personel MySTEP/Kontrak	Jumlah Staf
Bahagian Pentadbiran Kampus	17	-	-	13	4 MySTEP (KSB)	17
Unit Kerjaya dan Kaunseling	1	-	-	1	-	1
Unit Hal Ehwal Islam	1	-	-	1	-	1
Bahagian Pengurusan Fasiliti	18	6	1	25	2 MySTEP (KSB)	27
Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar	5	3	3	9	1 MySTEP (KSB) 1 MySTEP (TI)	11
Bahagian Infostruktur	9	3	1	13	-	13
Bahagian Perpustakaan Tun Abdul Razak	12	2	2	16	-	16
Pejabat Bendahari	23	-	-	22	1 Kontrak	23
Pejabat Polis Bantuan	30	9	7	46	-	46
Jumlah				143	9	152

10.2.2 Jumlah staf baru yang melapor diri

Pada tahun 2023, seramai lima (5) orang staf telah melaporkan diri ke UiTM Kampus Sungai Buloh dan Selayang seperti maklumat di bawah:

Jadual 2 Bilangan Staf Melapor Diri Mengikut Bahagian/Unit

Bahagian/Unit	Jumlah Staf
Perpustakaan Tun Abdul Razak	2
Pejabat Bendahari	1
Pejabat Polis Bantuan	2

10.2.3 Jumlah penerima kenaikan pangkat

Pada tahun ini juga, seramai (10) orang staf telah menerima kenaikan pangkat yang terdiri daripada staf di Perpustakaan Tun Abdul Razak , Pejabat Polis Bantuan dan Bahagian Pengurusan Fasiliti seperti di bawah: -

Jadual 3 Bilangan Staf Naik Pangkat Mengikut Bahagian/Unit

Bahagian/Unit	Jumlah Staf
Perpustakaan Tun Abdul Razak	6
Pejabat Polis Bantuan	3
Bahagian Pengurusan Fasiliti	1

10.2.4 Jumlah staf yang bersara -

Seramai tiga (3) orang staf daripada kampus ini telah bersara pada tahun 2023 seperti maklumat di bawah:

Jadual 4 Bilangan Staf Bersara Mengikut Bahagian/Unit

Bahagian/Unit	Jumlah Staf
Perpustakaan Tun Abdul Razak	1
Pejabat Bendahari	1
Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar	1

10.2.5 Aset

Pihak Pejabat Bendahari telah merekodkan jumlah aset alih bagi Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan berjumlah RM 72,606,476.47 dengan bilangan unit sebanyak 2,067. Aset alih ini termasuk mesin-mesin perubatan, kenderaan dan sebagainya.



Rajah 1 Nilai Aset Alih UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan


10.2.6 Bahagian/Unit

Bahagian/unit di Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan di bawah pentadbiran Pejabat Penolong Rektor terdiri daripada sembilan (9) bahagian/unit seperti berikut:


10.2.6.1 Bahagian Pentadbiran Kampus

Peranan utama Bahagian Pentadbiran Kampus dalam urusan Pentadbiran dan Sumber Manusia adalah meliputi lima (5) fungsi utama yang merangkumi Pengurusan Sumber Manusia, Pembangunan Sumber Manusia, Pentadbiran Am, Pengurusan Ruang Niaga dan Pengurusan Unit Kenderaan dengan melaksanakan fungsi utama selaras dengan dasar yang dikeluarkan oleh UiTM.

Bahagian Pentadbiran Kampus telah berjaya menganjurkan **13 program** sepanjang tahun 2023 yang merangkumi program dan latihan yang melibatkan staf UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan. Ia telah menunjukkan peningkatan sebanyak 11 program dari tahun 2022. Selain itu, Jam Latihan bagi staf Bahagian Pentadbiran Kampus telah **meningkat** pada tahun 2023 sebanyak **86.6% dari tahun 2022 sebanyak 79.14%.**



Rajah 2 Jumlah program dan Latihan telah meningkat dari tahun 2022 ke 2023



Rajah 3 Jumlah Jam Latihan Bagi Staf Bahagian Pentadbiran Kampus dari tahun 2022 ke 2023

Pada tahun 2023, Bahagian Pentadbiran Kampus telah menjalankan beberapa program dan latihan. Bermula pada bulan Januari iaitu pada 25 hingga 26 Januari 2023, Bengkel Pemantapan Proses Kerja dan Perancangan Strategik UiTM Kampus Sungai Buloh Tahun 2023 telah dijalankan di ILD Bandar Enstek.



Selain itu, bagi mengekalkan kecergasan dan kesihatan staf, satu program kesihatan iaitu **Program Inch Lost** telah diadakan pada 24 Februari 2023 bertempat di Gelanggang Bola Tampar Kolej Kediaman 1. Jurulatih dari luar telah dijemput bagi mengendalikan aktiviti zumba.



Pada 13 April 2023, **Program Iftar Jamaie** Pejabat Penolong Rektor telah diadakan di Lobi Akademik Fakulti Perubatan. Program ini turut disertai oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej, PEERS Counseling Club dan Alliance of Insaniah. Satu perkongsian ilmu daripada Encik Muhammad Tajdid Hadhari Romli iaitu penyampai radio Zayan juga diberikan bagi mengingatkan kembali umat Islam tentang peristiwa penurunan Al-Quran.



Bahagian Pentadbiran Kampus juga telah menganjurkan program **Warna Warni Aidilfitri** UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan pada 12 Mei 2023 di Dewan Makan UiTM Kampus Selayang.



Di samping itu, Bahagian Pentadbiran juga telah melaksanakan **Bengkel Latihan Microsoft Excel (Basic & Intermediate)** pada 23 hingga 24 Mei 2023. Bengkel ini disertai oleh peserta dari staf Pejabat Penolong Rektor, Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Hospital Al-Sultan Abdullah.



Pada 11 hingga 13 Jun 2023, **Bengkel Pemurnian Proses Kerja** telah dijalankan di ILD Kampung Gajah. Objektif utama bagi bengkel ini adalah untuk memahami persempadanan skop tugas di antara kampus, fakulti dan Hospital Al-Sultan Abdullah. Penceramah iaitu Encik Darus Kasim juga dijemput bagi berkongsi ilmu berkaitan Kecemerlangan Operasi (OE) agar mutu penyampaian perkhidmatan di UiTM dapat dipertingkatkan.



Program Ikrar Bebas Rasuah Pejabat Penolong Rektor juga telah dijalankan pada 6 Julai 2023 bertempat di Auditorium Khalid Yusoff 1. Lafaz Ikrar Bebas Rasuah dan sesi tandatangan Ikrar Bebas Rasuah telah dihadiri oleh Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Selangor.



Pada 10 Julai 2023, **Majlis Penghargaan Peserta Kejohanan Karnival Sukan Staf UiTM Cawangan Selangor (KASSUS) 2023** telah diadakan di Hotel UiTM Puncak Alam bagi menghargai sumbangan staf-staf UiTM Kampus Sungai Buloh, Selangor dan Teluk Intan meliputi staf Pejabat Penolong Rektor, staf Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian serta staf PPUiTM yang telah mewakili kampus dalam acara sukan bagi KASSUS 2023.



Bahagian Pentadbiran juga telah mengadakan **Kursus Automasi Pejabat (OA)** pada 2 Ogos 2023. Penceramah iaitu Puan Norelissuryani Mokhtar, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan Jabatan Infostruktur UiTM Shah Alam telah dijemput bagi memberikan taklimat berkenaan Automasi Pejabat. Objektif utama bagi kursus ini adalah bagi mengoptimumkan penggunaan teknologi yang tidak menggunakan kertas serta mengurangkan penggunaan kertas dalam penyampaian maklumat, dokumen dan surat.



Pada 3 Ogos 2023 pula, Bahagian Pentadbiran telah menganjurkan **Kursus eMesyuarat** bertempat di Makmal Komputer 1. Puan Nor Haizah Mokhtar, Penolong Pendaftar Kanan BPSM UCS telah dijemput bagi memberikan taklimat dan perkongsian berkenaan eMesyuarat.

Majlis Apresiasi Staf Pejabat Penolong Rektor kali kedua sepanjang penubuhan jabatan ini telah diadakan pada 8 Disember 2023 bertemakan *Reminiscing The Old Days: School of* Pejabat Penolong Rektor bertempat di De Palma Hotel. Majlis ini adalah bagi menghargai staf yang telah banyak memberikan sumbangan dan perkhidmatan kepada UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan.



10.2.6.2 Pejabat Bendahari

Pejabat Bendahari telah beroperasi sejak pembukaan UiTM Kampus Sungai Buloh pada Jun 2012. Pada mulanya Tadbir Urus Pejabat Bendahari hanya melibatkan Pengurusan Kampus dan Fakulti Perubatan sahaja namun pada tahun 2015, ruang lingkup tugas Pejabat Bendahari merangkumi Fakulti Pergigian yang telah dipusatkan di Kampus Sungai Buloh.

Pejabat Bendahari merupakan tunggak utama pengurusan kewangan bagi seluruh Kampus Sungai Buloh selari dengan Akta UiTM 173 (Pindaan 2000). Ia diwujudkan adalah untuk memastikan pengurusan kewangan kampus berjalan dengan lancar dan mematuhi semua prosedur yang telah ditetapkan.

Bagi melancarkan pengurusan kewangan kampus, Pejabat Bendahari telah mewujudkan tujuh (7) unit utama iaitu:

- Unit Pentadbiran
- Unit Pengurusan Akaun & Harta
- Unit Hasil & Kewangan Pelajar
- Unit Pengurusan Perolehan
- Unit Kumpulan Wang Pengurusan
- Unit Kumpulan Wang Penyelidikan & Sewa Ruang
- Unit Pengurusan Wang Amanah

Pada tahun 2023, Pejabat Bendahari telah mengadakan beberapa program iaitu **Program Sharing Session "Stewarding Public Sector Reform for a Sustainable Future"** yang telah disampaikan oleh Encik Ibrahim Khalil Othman Kamal, Timbalan Bendahari UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh. Selain itu, Pejabat Bendahari juga telah mengadakan sesi perkongsian Ilmu Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2023 iaitu pekeliling bagi Panjar Wang Runcit bagi memberi pendedahan kepada staf tentang pekeliling yang terbaru berkaitan dengan Panjar Wang Runcit.





Seterusnya, Pejabat Bendahari telah mendapat beberapa anugerah di peringkat Cawangan Selangor dan peringkat kampus. Pada tahun 2023, Pejabat Bendahari telah mendapat Johan bagi pertandingan persembahan sempena Program Warna Warni Aidilfitri yang telah diadakan pada 12 Mei 2023 di Dewan Makan UiTM Kampus Selayang dan Pejabat Bendahari telah mendapat tempat ketiga dalam Pertandingan Boling Peringkat Kelab Kebajikan Pejabat Bendahari yang telah diadakan di Sunway Mega Lanes.

Selain itu, Pejabat Bendahari telah mendapat Naib Johan bagi **Pertandingan Dekorasi Merdeka@Pejabat** Sempena Bulan Kebangsaan Peringkat Kampus Sungai Buloh dan Saguhati bagi Pertandingan Keceriaan Sudut Pejabat Sempena Bulan Kebangsaan Peringkat UCS 2023.



Akhir tahun 2023, Pejabat Bendahari telah berjaya mengutip hasil yang tertunggak bagi Klinik Pergigian sebanyak RM 169,793.40.



Rajah 4 Hasil tertunggak bagi Klinik Pergigian tahun 2023

10.2.6.3 Bahagian Pengurusan Fasiliti

Bahagian Pengurusan Fasiliti, UiTM Kampus Sungai Buloh, Selangor dan Teluk Intan telah tertubuh selari dengan penubuhan UiTM Kampus Sungai Buloh, Selangor dan Teluk Intan. Setiap kampus tersebut mempunyai pejabat operasi Bahagian Pengurusan Fasiliti, namun kebanyakan aktiviti adalah dipusatkan di Kampus Sungai Buloh. Secara asasnya, penubuhan Bahagian Pengurusan Fasiliti ini adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan kepada universiti dalam pengurusan fasiliti, aset dan tenaga bagi mencapai visi dan misi UiTM agar persekitaran pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan yang kondusif, selamat dan berteknologi sentiasa diwujudkan.

Secara asasnya, fungsi bagi Bahagian Pengurusan Fasiliti, UiTM Kampus Sungai Buloh, Selangor dan Teluk Intan adalah selari dengan fungsi Bahagian Pengurusan Fasiliti di Jabatan Infrastruktur iaitu seperti berikut:-

- Menguruskan prasarana pendidikan iaitu pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang dinamik kepada UiTM.
- Menyediakan fasiliti yang lengkap, cekap dan berkesan.
- Menyokong penajaan pendapatan kepada UiTM.
- Menjadikan UiTM sebuah kampus yang lestari.
- Menggunakan sistem dan adaptasi teknologi automasi yang terkini.



Bahagian Pengurusan Fasiliti telah terlibat dalam beberapa program di antaranya **program Gotong-royong Perdana “Kita, Kampus dan Alam”** bertempat UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, anjuran Jabatan Infrastruktur PPII dengan Kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar pada 29 September 2023 dan **Bengkel Penyediaan Dokumen Tender** bagi Penyelenggaraan Peralatan BioPerubatan dan BioPergigian UiTM Cawangan Selangor

yang melibatkan Pegawai Sains dari Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian yang telah diadakan pada 15 November 2023.



Bahagian Pengurusan Fasiliti yang diwakili oleh Encik Ahmad Syahir Hidrat (Jurutera) telah memperolehi Sijil Perakuan BOMBA bagi bangunan PPUiTM di UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh pada 7 September 2023.

10.2.6.4 Bahagian Infostruktur

Pada tahun 2012 dengan rasminya Bahagian Teknologi Maklumat wujud di UiTM Kampus Sungai Buloh sebagai pusat perkhidmatan ICT bagi pengoperasian.

Penjenamaan semula Bahagian Teknologi Maklumat kepada Bahagian Infostruktur selaras dengan Jabatan Infostruktur Induk, iaitu pada tahun 2018 Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 16/2018 yang bertarikh 27 Jun 2018 telah memutuskan Bahagian ICT telah dijenamakan semula kepada Bahagian Infostruktur.

Bahagian Infostruktur bertanggungjawab dalam menguruskan prasarana ICT di Kampus Sg Buloh, Selayang, Teluk Intan dan Fakulti Perubatan Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor. Bahagian Infostruktur ini diletakkan di bawah pengurusan Penolong Rektor. Misi dan Visi Bahagian Infostruktur adalah untuk menyediakan infrastruktur yang berkaitan Teknologi Maklumat kepada pelanggan dalaman dengan kemudahan bersesuaian dengan kehendak UiTM.

Bahagian Infostruktur telah mengadakan beberapa program dan aktiviti iaitu program **Bengkel MyPortfolio** yang telah diadakan pada 15 Februari 2023 dan **Latihan Sistem Rangkaian** pada 23 November 2023. Seterusnya, Bahagian Infostruktur telah mengadakan program **Penyerahan Kad Siswa RHB** Pertama Kali kepada semua pelajar Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian yang masih aktif di mana melibatkan kemasukan sebelum tahun 2023 diadakan pada bulan April 2023 serta aktiviti Penggantian PC Sewaan yang telah dijalankan sepanjang bulan Julai 2023.



Seterusnya, staf Bahagian Infostruktur telah menjadi penceramah jemputan dalam *Sharing Session* Infostruktur Webinar UCS bertajuk Data Visualization with Microsoft PowerBI yang diadakan pada 9 November 2023 secara atas talian dan beberapa staf dari Bahagian Infostruktur telah dilantik sebagai Moderator bagi Infostruktur Webinar UCS 2023.

Senarai Moderator

Webinar Siri 2 -Pengurusan PC Sewa dan Geran Komputer - **Dzikri Asmawi**

Webinar Siri 5 - Pengurusan Insiden ICT - **Nor Afidah Othman**

Webinar Siri 7 - Automasi Proses & Prosedur Kerja - **Khairunnisa Omar**

Webinar Siri 8 - Google Site - **Khairunnisa Omar**

Webinar Siri 10 -Microsoft Power Point - **Suhaimi Jaafar**

Webinar Siri 14 - Data Collection with Online Survey Tools - **Muhammad Azam Shah Husin**

Webinar Siri 16 - Data Visualization with Microsoft Power BI - **Muhammad Izzuddin Razmi**

Bahagian Infostruktur telah berjaya menggantikan *Access Point (AP)* WiFi untuk Capaian Internet di Kampus Teluk Intan pada bulan Ogos 2023 serta telah menyelesaikan Projek Penggantian Peralatan Sistem Rangkaian di Kolej Kediaman pada Oktober 2023 yang melibatkan Kampus Sungai Buloh & Selayang.

10.2.6.5 Pejabat Polis Bantuan

Polis Bantuan sebelum ini dikenali sebagai Unit Keselamatan UiTM Sungai Buloh. Pada Jun tahun 2010, Unit keselamatan telah mula beroperasi dalam fasa pertama dengan keluasan 40 hektar terdiri dari 9 bangunan iaitu bangunan klinikal (CTC), IMMB, Akademik, Anatomi dan Pergigian. Tiga (3) buah bangunan kolej dan tiga (3) buah rumah staf. Pada 18 April 2011, pasukan Polis Bantuan UiTM Sungai Buloh telah ditubuhkan.

Bagi keluasan kampus Selayang dan Teluk Intan masing-masing 11 hektar dan 5 hektar merangkumi 3 bangunan di Kampus Selayang dan 2 bangunan di Kampus Teluk Intan.

Pejabat Polis Bantuan UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan telah mendapat Anugerah Khas sempena Majlis Sambutan Ulangtahun Penubuhan Polis Bantuan UiTM ke-12. Anugerah tersebut telah diberikan kepada Ketua Polis Bantuan, Penolong Pegawai dan Pembantu Keselamatan. Selain itu, Pejabat Polis Bantuan UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan juga telah berjaya menyelesaikan kes *scammer* dan kes penipuan di UiTM Kampus Sungai Buloh serta beberapa kes yang sama di UiTM Shah Alam.



Pada tahun 2023, Pejabat Polis Bantuan bersama Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan telah membuat **Kunjungan Hormat** ke Ibu Pejabat Ketua Polis Daerah Sungai Buloh dan satu program Perkongsian Ilmu Penugasan Kawalan Operasi kepada Penolong Pegawai dan anggota Pejabat Polis Bantuan UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan telah diadakan di bilik Seminar Muzium Anatomi.



Selain itu, Pejabat Polis Bantuan telah mengadakan **Kursus Kuasa Budi Bicara, Tugas dan Tanggungjawab Polis Bantuan** dan taklimat Kenaan Kompaun Terus bagi kesalahan tatatertib pelajar. Penceramah jemputan adalah YDH. DSP/PB Mohd Armyn Fahmi dan Cik Nor Azila dari Pejabat Penasihat Undang-Undang. Kursus ini telah diadakan pada 18 September 2023 bertempat di Auditorium Khalid Yusoff 1. Pejabat Polis Bantuan juga telah mengadakan Program Anugerah Cemerlang secara bulanan dan Sambutan Bulan Kelahiran Staf Pejabat Polis Bantuan yang berlangsung pada 2 atau 3 bulan sekali. Ini dapat memberikan penghargaan kepada anggota dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

10.2.6.6 Perpustakaan Tun Abdul Razak

Perpustakaan Perubatan Hospital Sungai Buloh pula beroperasi pada 2007 dengan berkongsi premis dengan Perpustakaan Hospital Sungai Buloh. Apabila kampus baharu di Selayang siap pada Januari 2010, Perpustakaan Perubatan Selayang (PPKS) memulakan operasinya pada Mac tahun yang sama dengan memindahkan sebahagian besar koleksi perubatannya dari Perpustakaan Hospital. Dicipta dengan konsep "Perpustakaan Butik", persekitarannya dibentuk dengan mengambil kira masa lapang, selain sofa, kerusi santai yang selesa di samping meja kopi yang disusun berkelompok.

Pada tahun 2011, Perpustakaan Perubatan Teluk Intan telah ditubuhkan di Kampus Teluk Intan. Pada Februari 2013, kampus baharu di Sungai Buloh telah ditubuhkan sebagai kampus utama Fakulti Perubatan.


Bahagian Sumber Rujukan Universiti bertanggungjawab dalam merancang dan menyelaraskan keperluan pembangunan sumber bahan rujukan perpustakaan. Pembangunan sumber bahan rujukan ini adalah bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan ilmu di kalangan warga UiTM.

Pada tahun 2023, PTAR telah mendapat **Johan bagi Pertandingan Dekorasi Merdeka@Pejabat** sempena Pesta Bulan Kemerdekaan Peringkat UiTM Kampus Sungai Buloh, Selangor dan Teluk Intan yang diadakan dari 2 Ogos hingga 12 September 2023 dan **Naib Johan bagi Pertandingan Keceriaan Sudut Pejabat** Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Peringkat UCS 2023.



Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) telah menganjurkan beberapa program pada tahun 2023 di antaranya **Mobile Library** untuk meningkatkan lagi peminjaman buku kepada warga kampus Sungai Buloh dan program latihan menggunakan canva bersama pensyarah dengan berkolaborasi bersama Fakulti Perubatan. Selain itu, PTAR telah mengadakan **Library Outreach** untuk mempromosikan perkhidmatan, kemudahan dan koleksi dan program **Speaker Corner** untuk meningkatkan lagi komunikasi, pengucapan awam dan perkhidmatan pelanggan supaya lebih berkesan. Seterusnya, PTAR telah mengadakan Pertandingan Seni Kreatif untuk menggilap bakat yang tersimpan di kalangan pelajar.





10.2.6.7 Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar

Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar (URHP) ini diwujudkan bagi memberi perkhidmatan kebajikan kepada pelajar samada dari segi lahiriah mahupun rohaniah. Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar juga beroperasi berlandaskan objektif berikut:

- Menyediakan penempatan, kemudahan dan persekitaran yang kondusif di kolej kediaman.
- Membantu menyelaras program pembangunan insaniah yang bersepadu dan bertaraf global.
- Menawarkan perkhidmatan yang mesra dan efisien.
- Meningkatkan kualiti kemudahan dalam menyediakan perkhidmatan dan menjaga kebajikan pelajar.
- Mewujudkan pengurusan kolej yang prihatin terhadap keperluan pelanggan, berkesan dan cekap.

Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar juga turut dibantu oleh Staf Residen Kolej (SRK) yang dilantik sebagai Pegawai Pembangunan Pelajar di dua (2) Kampus iaitu di Kampus Sungai Buloh dan Selayang. Setiap blok kolej kediaman mempunyai dua (2) orang SRK yang dilantik oleh Rektor.

Staf Residen Kolej (SRK) bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan keselamatan para pelajar selepas waktu pejabat. SRK juga diberi kuasa sebagai pegawai penguatkuasa tata tertib yang mengawal disiplin dan mengambil tindakan terhadap pelajar yang melakukan kesalahan disiplin di kawasan kolej kediaman berdasarkan Akta 174.



Unit Residen dan Hospitaliti Pelajar seramai 10 orang staf yang diketuai oleh Encik Nik Nazim Nik Mohd Kamil, Puan Nurul Nadzirah Ismail, Puan Suhaili Ajib, Encik Mohammad Nor Thaqif Nordin, Puan Norafidah Rosli, Puan Zulifah Rina Mohd Zulkifli, Encik Muhamad Faiz Yahya, Encik Mohd Hanif Abd

Karim dan Puan Nur Fatimah Ibrahim Ngajimi serta dua (2) orang staf Bahagian Infostruktur, Puan Khairunnisa Omar dan Encik Muhammad Izzuddin Razmi telah mendapat **Anugerah EMAS bagi Projek 3K** sempena Konvensyen KIK peringkat Zon Tengah 2023.

Projek KIK 3K juga telah menjadi Johan bagi kategori Anugerah Inovasi UCS 2023 Sempena Anugerah Cemerlang UCS dan mendapat Anugerah Kumpulan Inovatif & Kreatif berpotensi Konvensyen KIK UiTM 2023 Sempena Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti 2023 serta Projek 3K (Projek Kolaborasi Pembangunan Aplikasi "E-Daftar") telah mewakili UiTM Cawangan Selangor dan mendapat Anugerah Emas sempena Konvensyen KIK Peringkat UiTM 2023. Selain itu, Puan Nur Fatimah Ibrahim Ngajimi, telah mendapat Anugerah Fasilitator Terbaik Sempena Konvensyen KIK peringkat UiTM 2023.



Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar telah mengadakan beberapa program dan aktiviti iaitu **Bengkel Pemurnian MyPortfolio** yang telah diadakan pada 7 hingga 9 Februari 2023 yang melibatkan staf di Pejabat Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan. Selain itu, URHP telah mengadakan Sambutan Hari Raya di peringkat jabatan yang telah diadakan di UiTM Kampus Teluk Intan.

Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar juga telah mengadakan **bengkel KIK Siri 1 hingga 4** sepanjang tahun 2023. Seterusnya, URHP telah mengadakan Majlis Jasamu Dikenang Mantan Pengetua Ts. RD Aidifitrina Khirotdin dan Majlis Jasamu Dikenang Muhamad Nor Amirul Mukminin (Pembantu Operasi) iaitu staf URHP UiTM Kampus Teluk Intan.

10.2.6.8 Unit Kerjaya dan Kaunseling

Unit Kerjaya dan Kaunseling terletak di Aras 3, Pejabat Penolong Rektor, UiTM Kampus Sungai Buloh. Terdapat satu (1) orang kaunselor ditempatkan untuk memberi khidmat dalam bimbingan kerjaya dan kaunseling. Perkhidmatan tersebut menyeluruh kepada pihak Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan warga Pentadbiran Kampus. Perkhidmatan yang disenaraikan oleh unit merangkumi perkhidmatan kerjaya, perkhidmatan kaunseling pelajar dan perkhidmatan psikologi staf.

Unit Kerjaya dan Kaunseling juga mempunyai sistem tempahan sesi yang dapat dilakukan melalui *website* iaitu counseling2u.com. Sistem counseling2u.com dapat membantu pelajar membuat tempahan dengan lebih sistematik. Sistem ini juga menyediakan e-psikometrik iaitu pelawat boleh mentadbir urus inventori dan mendapatkan khidmat kaunselor bagi interpretasi dan teknik mengendalikan yang sesuai (*coping techniques*).




Unit Kerjaya dan Kaunseling turut menyediakan ruang sesi yang kondusif bagi sesi kaunseling yang sedang berlangsung. Alatan dan inventori seperti bola stres (stress ball), pensil warna, kertas lukisan, terapi pasir dapat digunakan dalam sesi yang bersesuaian dengan isu klien.

Unit Kerjaya dan Kaunseling berjaya **berkolaborasi bersama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)** sempena Bulan

Kaunseling Kebangsaan 2023. Unit Kerjaya dan Kaunseling telah menghantar penyertaan seramai 113 orang pelajar Fakulti Pergigian bagi mengikuti **lawatan Program Kerjaya** bertempat di Menara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kota Damansara.

Unit Kerja dan Kaunseling berjaya menurunkan isu psikopatologi (kesihatan mental) 2023 berbanding tahun 2022, isu psikopatologi yang berkaitan dengan kesihatan mental (stress, OCD, MDD, PTSD, kebimbangan, kemurungan dan panik) telah mengalami penurunan sebanyak 8 kes berbanding tahun lepas iaitu 23 kes. Penerimaan isu kesihatan mental yang dirujuk kepada kaunselor adalah setelah klien berada dalam keadaan stabil untuk dijalankan sesi susulan (*follow up*) atau pemantauan (*monitoring*).



10.2.6.9 Unit Hal Ehwal Islam



itu

Unit Agama adalah nama asal bagi Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), ditubuhkan pada 3 Mac 1971 di bawah Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Penubuhannya bertujuan membantu dan menolong para pelajar melengkapkan diri dengan pengetahuan asas agama. UHEI Kampus Sungai Buloh secara praktikalnya beroperasi pada tahun 2019 apabila ditempatkan satu (1) orang pegawai Hal Ehwal Islam bagi mengurus dan merancang berkaitan aktiviti kerohanian dan program spiritual dalam kalangan warga kampus.

Fungsi utama Unit Hal Ehwal Islam dalam menyokong kecemerlangan universiti bermatlamat menyediakan tenaga kerja universiti yang mempunyai Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab (i-DART) di samping membantu pihak Universiti melahirkan graduan yang seimbang jasmani, rohani dan emosi serta memiliki daya saing di peringkat global.

Unit Hal Ehwal Islam, Ustaz Muhammad Najih Irsyad Ahmad Puhad, telah menjadi wakil sebagai penulis bahagian *Spiritual Health & Wellness @ UNI: A Module To Enhance Students Health and Well Being* dan telah mendapat *Gold Award In MOOC @ eCONDEV 2023*.

10.3 Aktiviti 2023 UiTM Sungai Buloh, Selayang & Teluk Intan

Pejabat Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan telah mengadakan Pesta Bulan Kemerdekaan 2023 yang telah dijalankan sepanjang Bulan Kebangsaan bermula dari 2 Ogos hingga 12 September 2023. Program Pesta Bulan Kemerdekaan 2023 diadakan untuk menyemarakkan Bulan Kebangsaan dengan pelbagai aktiviti yang dapat meningkatkan rasa sayang dan cinta akan Negara Malaysia serta memupuk semangat patriotik dalam kalangan staf dan pelajar UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan dan program ini telah dirasmikan pada 02 Ogos 2023 oleh YBhg. Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan. Pelbagai aktiviti dan program telah diadakan sepanjang Pesta Bulan Kemerdekaan 2023 seperti berikut:

Jadual 5 Senarai aktiviti dan program sempena Pesta Bulan Kemerdekaan 2023

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Majlis Perasmian dan Konvoi	02/08/2023
2	Pertandingan Dekorasi Merdeka @ Pejabat	07/08/2023 – 29/08/2023
3	Pertandingan Fotografi	02/08/2023 – 31/08/2023
4	Ceramah Sempena Bulan Kemerdekaan	10/08/2023
5	Pertandingan Menghias Kek	16/08/2023
6	Pertandingan Persembahan Kreatif	23/08/2023
7	Program Ekspedisi Jelajah Merdeka	24/08/2023
8	Merdeka Fun Run	27/08/2023
9	Majlis Penutup	12/09/2023



Selain itu, Pejabat Penolong Rektor telah mengadakan sesi perkongsian yang melibatkan daripada staf Bahagian Pengurusan Fasiliti dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam bagi sesi pembentangan kertas kerja bertajuk *Integrated Clonal Accelerated Mutation Evolutionary Programming For Composite Compensation In Power System* dan Unit Hal Ehwal Islam bertajuk *Pengurusan Halal di Malaysia* yang telah diadakan secara atas talian pada 11 Oktober 2023.

10.4 Pencapaian



Pencapaian tahun 2023, UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan telah berjaya memenangi **tempat ketiga** dalam **Kategori Gerai Terbaik** sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Daerah Hilir Perak yang telah diadakan pada 5 Mei 2023.

Selain itu, UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan telah menghantar kontinjen yang diketuai oleh En. Shahrilfizan Ahmad Tajuddin dan beberapa staf di bawah Pejabat Penolong Rektor UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan, staf Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian serta staf PPUiTM yang telah mewakili kampus dalam acara sukan bagi **KASSUS 2023**. UiTM Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan telah berjaya dinobatkan sebagai **Naib Johan bagi Karnival Sukan Staf (KASSUS) 2023** UiTM Cawangan Selangor. Berikut antara acara yang telah dimenangi oleh wakil staf Pejabat Penolong Rektor, staf Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian serta staf PPUiTM.

Jadual 6 Senarai acara yang dimenangi

BIL	PERTANDINGAN	KEPUTUSAN
1	Bola Sepak (L)	Johan
2	Bola Tampar (L)	Johan
3	Bola Tampar (W)	Johan
4	Ping Pong (L)	Johan
5	Carrom Beregu (L)	Naib johan
6	Badminton (W)	Naib Johan
7	Dart (L)	Naib Johan
8	Naib Johan	Naib Johan
9	Petanque (W)	Ketiga

10.5 Aktiviti dan Program Pembangunan Pelajar

Sebagai sebuah organisasi yang mementingkan sahsiah dan pembangunan para pelajar, Pejabat Penolong Rektor juga telah melaksanakan program bersama pelajar dan staf. Program pembangunan telah melibatkan Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar dan Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) yang terdiri daripada Pelajar Fakulti Perubatan dan Fakulti Pergigian UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai

Buloh, Selayang dan Teluk Intan. Antara aktiviti dan program yang telah diadakan sepanjang tahun 2023 adalah seperti berikut:

Jadual 7 Senarai program dan aktiviti di bawah pembangunan pelajar


Bil.	Program	Tarikh
1	Program Suai Kenal Pelajar Baharu	8 Januari 2023
2	Annual General Meeting (AGM)	19 Januari 2023
3	Majlis Penghargaan dan Jasamu dikenang Staf Residen Kolej	19 Januari 2023
4	Kursus Pengurusan Organisasi (KPO)	19 Januari 2023
5	Program 'Food for Life'	16 April 2023
6	Majlis Jalinan Kasih Ukhuwah Jannah	13 Mei 2023
7	Program B2C (Bersih, Cantik & Ceria)	13 Mei 2023
8	Program Forum Gema Takbir 2023, Mencari Kasih Ilahi	13 Mei 2023
9	Program Usb Love & Care	3 Jun 2023
10	Buletin Citra Unit Pengurusan Kolej Edisi Ke-5, UiTM Cawangan Selangor Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan	Edisi Januari - Jun 2023
11	Journey To Songkhla : Menjejak Wilayah Melayu Yang Hilang	21 - 24 September 2023
12	Program Haluan Siswa UiTM (HSU)	28 Oktober 2023
13	Karnival Sukan Tradisional atau Sukan Rakyat	28 Oktober 2023
14	Sit N' Learn with Miss Adibah	4 November 2023
15	I Can See Your Talent	4 November 2023
16	Program 'Talk With Influencer Mr. Guy'	5 November 2023
17	Neon Night: Look Up the Sky	5 November 2023
18	Glow Party Zumba	5 November 2023
19	Penanda Aras Program Cakna 'Mental Health'	17 - 19 November 2023
20	Program Wayang Pacak	10 November 2023
21	Neon Night : Look Up the Sky	5 November 2023
22	Neon Night : Shadows of Fear	5 November 2023
23	Talk and Transform with him (Dr. Wan Share)	5 November 2023

10.6 Penutup

UiTM Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan merupakan salah satu tonggak kejayaan universiti bagi melahirkan mahasiswa yang berdaya saing serta diterima dalam industri kesihatan dan kedoktoran selepas tamat pengajian. Tanggungjawab yang diamanahkan kepada sembilan (9) bahagian/unit dijalankan dengan penuh dedikasi dan tertib bagi melancarkan pengurusan kampus.

Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua bahagian/unit kerana sentiasa memastikan pengurusan kampus dan kebajikan mahasiswa berjalan lancar dan terjamin. Sinergi semua warga kampus membuahkan hasil apabila kampus tidak mengamalkan kebergantungan kepada entiti luar bagi pengurusan kampus yang lancar dan tersusun. Kewujudan kampus ini mampu membantu UiTM bagi menggapai *Globally Respected* pada tahun 2024 dan seterusnya *Globally Renowned University* pada tahun 2025. Semoga kampus ini akan terus mengekalkan kecemerlangan, sinergi dan integriti agar mencapai GRU2025. Diharapkan juga Kampus Sungai Buloh, Selayang dan Teluk Intan menjadi pusat ilmu yang berimpak tinggi selari dengan misi UiTM iaitu menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas menerusi kurikulum terkehadapan dan penyelidikan berimpak.

11.0 / **PUSAT ASASI**



<i>m/s</i>	284	Maklumat Korporat Pusat Asasi Objektif Kualiti Pusat Asasi
	286	Pembangunan Penyelidikan dan Perundingan, Inovasi, Harta Intelek dan Pengkomersilan, Penerbitan dan Penulisan Akademik, & Misi Akademik
	292	Misi Akademik
	295	Hal Ehwal Akademik
	298	Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni
	300	Pencapaian Pelajar dan Aktiviti Berpersatuan
	303	Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
	305	Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Infostruktur
	307	Unit-unit di bawah Pejabat Pengarah
	314	Penutup

11.0 PUSAT ASASI

11.1 Maklumat Korporat Pusat Asasi

Program Asasi Universiti Teknologi MARA telah bermula pada tahun 2005 dan dikenali sebagai program Pra-U. Program Pra-U ini dibuka kepada pelajar bumiputera cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum melanjutkan pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA (UiTM) mahupun Universiti Awam (UA) lain di dalam dan luar negara. Pengajian dua (2) semester program Pra-U ini ditawarkan secara sepenuh masa.

Objektif penubuhan Pusat Asasi, UiTM Kampus Dengkil adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan ruang dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif
- ii. Menyediakan akses pendidikan, penyelidikan dan meningkatkan kecemerlangan bakat dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawanan.
- iii. Meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi setempat

11.2 Objektif Kualiti Pusat Asasi

Objektif Kualiti Pusat Asasi menjadi asas rujukan yang digunakan dalam usaha untuk menambahbaik kualiti perkhidmatan dan budaya kerja warganya secara konsisten. Ianya dimanfaatkan oleh Kepimpinan Kanan untuk mencorakkan halatuju untuk melahirkan warga yang berkualiti dan menyumbang kepada pencapaian UiTM menerusi Perancangan Strategik UiTM 2025.

Perkara	Objektif
Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK)	Memastikan 50% pelajar sains dan kejuruteraan dan 40% pelajar sains sosial tamat pengajian dengan PNGK 3.75 dan ke atas.
Penerbitan Ilmiah	Memastikan 100% pensyarah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) terbitan ilmiah setiap tahun.
Aktiviti Kemasyarakatan	Memastikan 100% pelajar bersama pensyarah melaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) aktiviti kemasyarakatan berimpak sepanjang tempoh pengajian.
Pengantarabangsaan Pelajar	Memastikan 10% pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pengantarabangsaan

Ahli Pengurusan Kanan Pusat Asasi adalah seperti di bawah.



11.3 Laporan Perancangan Strategik dan Petunjuk Prestasi

11.3.1 Sasaran Petunjuk Prestasi/*Performance Indicator (PI)* dan *Strategic Action Plan (SAP)*

Bagi tahun 2023, Pusat Asasi UiTM telah menerima sejumlah 44 *PI* daripada tujuh (7) Pengarah Peneraju merangkumi 15 *PI* di bawah TNC P&I, 12 *PI* di bawah Pendaftar, enam (6) *PI* di bawah TNC A&A, enam (6) *PI* di bawah TNC ICAN, tiga (3) *PI* di bawah TNC HEP, satu (1) *PI* di bawah PNC MASMED dan satu (1) *PI* di bawah Bendahari. Pada 14 sehingga 16 Januari 2023 telah diadakan Bengkel Pelan Perancangan Strategik Pusat Asasi UiTM 2023 bagi membincangkan projek yang bakal diadakan dalam usaha mencapai sasaran *PI* tersebut. Terdapat empat (4) kumpulan penggerak utama kepada pelan strategik Pusat Asasi UiTM (*Strategic Action Plan, SAP*), diikuti projek-projek yang berpotensi seperti di bawah. –

11.3.2 Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) dan *Strategic Action Plan* (SAP)


Pencapaian keseluruhan PI Pusat Asasi UiTM sehingga November 2023 bagi 44 PI adalah 76% berdasarkan perkiraan skor i-UiTM. Berdasarkan UiSMS, terdapat 14 projek telah didaftarkan yang terdiri daripada 60 aktiviti. Sebanyak 44 aktiviti telah berjaya dijalankan dan telah berstatus selesai manakala 16 aktiviti lagi masih berstatus dalam kemajuan. Pencapaian ini menjadikan peratus keseluruhan pencapaian SAP yang dirancang bagi tahun 2023 adalah sebanyak 90.5%.

STRATEGIK ACTION PLAN (SAP) GRU 2025



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Pusat
Asasi



11.4 Pembangunan Penyelidikan dan Perundingan, Inovasi, Harta Intelek dan Pengkomersilan, Penerbitan dan Penulisan Akademik, & Misi Akademik

11.4.1 Penyelidikan dan Perundingan

Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan Pusat Asasi UiTM telah diwujudkan pada tahun 2016 dengan nama asalnya adalah Unit Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan Pusat Asasi UiTM. Objektif utama pelaksanaan jawatankuasa ini adalah untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti penyelidikan di kalangan pensyarah Pusat Asasi UiTM. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan Pusat Asasi UiTM terdiri dari 23 orang staf akademik yang diamanahkan untuk merancang dan merangkan aktiviti/projek yang berkaitan. Fungsi utama jawatankuasa adalah seperti di bawah.

Menggalakkan aktiviti penyelidikan pensyarah Pusat Asasi UiTM

Mengadakan konferensi tahunan bagi memastikan pensyarah Pusat Asasi UiTM dapat membentangkan hasil penyelidikan dan seterusnya menerbitkan artikel ke dalam jurnal berindeks dan tidak berindeks.

Membantu pensyarah Pusat Asasi UiTM untuk memohon geran penyelidikan dengan mengadakan seminar berkenaan geran-geran penyelidikan

Menyediakan khidmat sumber rujukan berkenaan proses perolehan geran samaada geran di peringkat universiti atau peringkat antarabangsa

a. Aktiviti berimpak



Bengkel Penggunaan Sistem RED dalam permohonan Etika Penyelidikan
19 Januari 2023



Taklimat International (Kurita Water and Environment Foundation /Industry Grant
10 Mac 2023



Bengkel Pemurnian Kertas Cadangan Geran (Kurita Water),
5 Mei 2023



Sesi Perkongsian Laporan Kemajuan Geran Fasa 1
10 Julai 2023



Konferensi Antarabangsa I-CreST 2023
22 Julai 2023




Taklimat Perkongsian Geran FRGS Dari Perspektif Pakar



Bengkel Pemurnian dan Penilaian Kertas Cadangan FRGS

b. Jumlah Keseluruhan Geran Tahun Yang Diperolehi Tahun 2023

Pada tahun 2023, Pusat Asasi telah berjaya menerima geran dengan jumlah keseluruhan adalah RM 169,000.00.

PECAHAN PENERIMAAN GERAN 2023**c. Jumlah Penjanaan Pendapatan Yang Diperolehi Tahun 2023**

Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan telah berjaya menjana pendapatan hasil daripada penganjuran I-CReST 2023 dengan jumlah keseluruhan adalah RM58,888.18.

**11.4.2 Penerbitan dan Penulisan Akademik**

Jawatankuasa Penerbitan dan Penulisan Akademik (JKPPA) Pusat Asasi UiTM ditubuhkan adalah untuk melaksanakan program-program yang dapat membantu pensyarah Pusat Asasi UiTM dalam meningkatkan mutu dan bilangan penerbitan. Ahli jawatankuasa yang dilantik dari pelbagai bidang membolehkan setiap program dapat dirancang dan dianjurkan menepati keperluan para pensyarah dalam menghasilkan bahan penerbitan yang bermutu. Fungsi jawatankuasa adalah untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti penulisan dan penerbitan di kalangan pensyarah Pusat Asasi. Inisiatif yang dilaksanakan oleh JKPPA adalah selaras dan seiring dengan pelan dan visi UiTM iaitu dalam memantapkan UiTM ke arah objektif sebagai *Globally Renowned University* (GRU 2025).

a. Aktiviti berimpak yang dijalankan




Taklimat Penggunaan Pangkalan Data Scopus & WoS, Chat GPT dan Quillbot AI Dalam Penulisan Artikel Berindeks,
7 Mei 2023



Intensive Writing for Publication Series,
17 Februari, 17 Mac, 12 Mei dan 14 Julai 2023



Writing Boot Camp Asasi (WBCA)
2023
16 – 18 Julai 2023




Turn Your Community Service
Activities into an Indexed
Publication
20 Oktober 2023


b. Pencapaian Penerbitan Pusat Asasi

Data penerbitan dari pangkalan data PRIME menunjukkan sebanyak 333 jumlah penerbitan telah dihasilkan pada tahun 2023. Jumlah penerbitan tertinggi direkodkan adalah penerbitan *Journal Article* iaitu 44.7%, diikuti dengan penerbitan *Proceeding* sebanyak 18.6% dan *Exhibition* iaitu 12.6%. Rajah 2 menunjukkan perincian data penerbitan Pusat Asasi. Rajah 3 menunjukkan perbandingan bilangan pencapaian *Performance Indicator (PI)* penerbitan diantara 2021 sehingga 2023 dan Rajah 4 menunjukkan peratusan pencapaian *PI* penerbitan bagi tahun 2023.


Rajah 2 : Bilangan Penerbitan Pensyarah Pusat Asasi Tahun 2023



(Sumber: PRIME).



Rajah 3 : Perbandingan pencapaian penerbitan Pusat Asasi mengikut Petunjuk Prestasi (PI) untuk tahun 2021 sehingga 2023.



Rajah 4 : Pencapaian penerbitan Pusat Asasi tahun 2023 mengikut Petunjuk Prestasi (PI) (Data setakat November 2023).

11.4.3 Harta Intelekt dan Pengkomersilan

Jawatankuasa Inovasi, Harta Intelekt dan Pengkomersialan (JK Inovasi, Harta Intelekt dan Pengkomersialan) telah diwujudkan pada tahun 2015. Objektif utama pelaksanaan jawatankuasa ini adalah untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti inovasi, pemilikan harta intelek dan pengkomersialan di kalangan pensyarah Pusat Asasi UiTM.

Fungsi Utama unit ini adalah seperti berikut:

- Menggalakkan aktiviti inovasi dikalangan pensyarah samaada di peringkat universiti atau peringkat antarabangsa Pusat Asasi UiTM
- Menyediakan khidmat konsultasi untuk pemilikan harta intelek dikalangan pensyarah Pusat Asasi. berkenaan proses perolehan geran
- Membantu pensyarah Pusat Asasi UiTM untuk menjalankan aktiviti pengkomersialan produk.
- Mengadakan dan menyertai pertandingan inovasi peringkat nasional dan antarabangsa secara tahunan bagi memastikan pensyarah Pusat Asasi UiTM dapat membenteng hasil inovasi masing-masing.

JK Inovasi, Harta Intelekt dan Pengkomersialan telah berjaya mendapatkan membantu merekodkan 5 pemilikan harta intelek peringkat nasional dan juga sebanyak kurang 40 produk inovasi telah dipertandingkan di dalam pertandingan inovasi peringkat nasional dan antarabangsa (Jadual 1).

Jadual 1. Aktiviti yang dijalankan dan dihadiri oleh JK Inovasi, Harta Intelek dan Pengkomersialan.

Nama Program	Maklumat Program	Hasil Dapatan Program
1.Karnival Inovasi Universiti Cawangan Selangor (KIUCS 2023)	Tarikh: 14-15 Januari 2023 Masa: 9.00am-5.00 pm Tempat: Dewan Berlian, UiTM Puncak Alam	-Pensyarah telah diberi pendedahan dengan membentangkan projek masing-masing sepanjang carnival berlangsung.
2.Pre-University Matriculation Innovation Competition (PIITRAM2023)	Tarikh: 17-18 Februari 2023 Masa: 9.00am-5.00 pm Tempat: Universiti Putra Malaysia (UPM)	-Telah membawa balik 6 pingat emas, 3 perak dan 2 gangsa.
3.Creations De UiTM 2023 	Tarikh: 18-21 Mei 2023 Masa: 8.00am-5pm Tempat: Pusat Asasi UiTM dan platform Online	-Sebanyak 46 produk telah dipertandingkan dan 12 memperoleh emas, 18 perak, dan 16 gangsa
4.IIDEX 2023	Tarikh: 12-15 Disember 2023 Masa: 9.00am-5.00 pm Tempat: Dewan Berlian, UiTM Puncak Alam	-Sebanyak 10 produk telah dipertandingkan dan Keputusan masih dalam proses penjurian

11.5 Misi Akademik

Jawatankuasa Misi Akademik merupakan satu jawatankuasa yang dibentuk untuk memperluas aktiviti promosi program pengajian yang ditawarkan di Pusat Asasi dengan menyalurkan informasi yang tepat dan terkini melalui taklimat, sesi konsultasi atau hebahan media serta menguar-uarkan panduan permohonan kemasukan ke Asasi UiTM dengan jelas berdasarkan sistem UPU yang digunapakai. Seterusnya, ia bertindak memangkin visibiliti program pengajian di Pusat Asasi bagi menarik minat calon pelajar melanjutkan pengajian di UiTM. Secara tidak langsung memastikan kestabilan dan kelestarian sesuatu program pengajian yang kekal relevan dengan keperluan pasaran dan keadaan semasa.

Tadbir urus Jawatankuasa Misi Akademik Pusat Asasi ini adalah di bawah naungan Pengarah Pusat Asasi secara langsung dengan melibat sama semua bahagian atau unit yang terdapat di Pusat Asasi terutama Unit Korporat dan Alumni Asasi UiTM di mana secara dasarnya semua warga Pusat Asasi bertindak sebagai teras Misi Akademik Pusat Asasi. Jawatankuasa ini juga bekerjasama rapat dengan Bahagian Pengambilan Pelajar (BPP) UiTM dan Jabatan Komunikasi Korporat UiTM dalam menjayakan program di peringkat Universiti dan Kebangsaan.



Jawatankuasa Misi Akademik ini dinaungi oleh Pengarah Pusat Asasi dan diketuai oleh seorang Penyelaras Misi Akademik dan dianggotai oleh 28 orang ahli. Fungsi utama Misi Akademik adalah seperti berikut:-

a. Program Berimpak



Lawatan Informatif SMK
Banggol, Terengganu

17 Feb 2023

Lawatan dan taklimat program pengajian telah disampaikan kepada 40 orang pelajar terpilih daripada SMK Banggol yang hadir ke Kampus Dengkil. Program ini juga mendapat sumbangan daripada Pusat Asasi bagi meraikan pelajar terpilih B40 untuk melihat hala tuju pendidikan dan kerjaya.



Asasi UiTM TikTok
Challenge 2023

10 Mac 2023

Sesi Penjurian Asasi UiTM TikTok Challenge 2023 telah berjalan lancar dan berjaya mencapai objektif memangkinkan visibiliti program pengajian Pusat Asasi UiTM melalui video pendek berinformatif serta kreatif mendapat tontonan melebihi 50k tonton dalam tempoh 24 jam penyiaran di platform TikTok.



Pusat Asasi UiTM @ Jom
Masuk U (JMU 2023)

27 Mei – 5 Jun 2023

Wakil Pusat Asasi telah menyertai JMU 2023 di tiga zon iaitu di Zon Utara, Timur&Tengah. Kehadiran calon pelajar dan ibu bapa adalah amat meriah di ketiga-tiga zon. Info program pengajian dapat disalurkan secara terus dan jelas daripada wakil staf Pusat Asasi kepada calon pelajar dan ibu bapa.



Pusat Asasi UiTM @ Ekspo
Selangkah ke UiTM
(ESKU 2023)

10 – 11 Jun 2023

Amat membanggakan Pusat Asasi telah mendapat Anugerah Reruai Paling Popular pilihan pengunjung dalam penyertaan ESKU 2023. Taklimat Program Pengajian dengan jayanya telah disampaikan oleh Ybhg. Prof. Ir. Dr. Ahmad Farid Adidin @ Bharun, Pengarah Pusat Asasi. Sesi konsultasi daripada staf akademik & pentadbiran mendapat sambutan hangat daripada para pengunjung.



**Kolaborasi Asasi UiTM-
Matrix Academy-Talent Corp
ke MRSM Bentong**

27 – 28 Jan 2023

Perkongsian kepakaran staf melalui sesi temuduga pelajar. Taklimat Program Pengajian dan sesi soal jawab berjalan lancar dan mendapat sambutan amat baik dan hangat daripada penyertaan 300 org. pelajar Tingkatan 4 & 5 MRSM Bentong.



**Misi Akademik UiTM @
Karnival Inovasi UCS**

14 – 15 Jan 2023

Sesi konsultasi berkenaan program pengajian Pusa Asasi UiTM telah diadakan secara bersemuka oleh staf akademik di reruai pameran inovasi terpilih Pusat Asasi bersama pelajar sekolah yang hadir sepanjang Karnival Inovasi UCS 2023.



Festival UiTM Perform 2023

24 – 27 Feb 2023

Penganjuran festival ini telah dirasmikan oleh Ybhg. Prof. Dr. Shahriman Zainal Abidin, PNC UiTM Global. Festival ini juga mendapat kerjasama yang amat baik drpd Bahagian Pengambilan IPTA (UPU), Bahagian Pengambilan Pelajar (BPP) UiTM dan Kolej Pengajian serta Fakulti-fakulti UiTM. Penyertaan keseluruhan 4500 pelajar.



**Meet & Greet FSG UiTM –
Pelajar Asasi Sains UiTM**

17 Feb 2023

Fakulti Sains Gunaan (FSG) dengan sukacitanya telah hadir ke Kampus Dengkil mendekati pelajar Asasi Sains UiTM dengan objektif pendedahan dan pengenalan secara terus kepada program Sarjana Muda (Teknologi) yang ditawarkan di semua FSG. Sambutan yang meriah dengan penyertaan 400 orang pelajar melimpahi kapasiti dewan 300 orang.



**Pusat Asasi UiTM @
Karnival Kerjaya SMK
Dengkil**

8 Jun 2023

Pusat Asasi amat berbesar hati menerima jemputan daripada SMK Dengkil demi mencapai objektif menyalurkan informasi program pengajian yang ditawarkan di Pusat Asasi sekaligus mempromosikan program pengajian. Di samping itu memberikan bimbingan hala tuju Pendidikan dan kerjaya.



**Pusat Asasi UiTM @
Karnival Kerjaya Sekolah
Seri Puteri, Cyberjaya**

17 Nov 2023

Sekolah Seri Puteri telah menyediakan slot taklimat khas Program Pengajian Pusat Asasi UiTM bagi memberikan pendedahan kepada semua pelajar SSP melihat peluang hala tuju Pendidikan selepas SPM. Sesi konsultasi berjalan sepanjang Karnival. Para pelajar juga berpeluang mendapatkan panduan tips berinspirasi daripada Prof. Pengarah yang turut hadir menarik minat pelajar.



**Pusat Asasi UiTM @
Sekolah Agama Menengah
Bandar Baru Salak Tinggi**

24 Nov 2023

Kunjungan Pusat Asasi ke SAM BBST telah berjaya menarik minat pelajar dari pelbagai latar belakang akademik. Sesi konsultasi secara terus diberikan oleh staf akademik yang berkarisma. Slot taklimat program pengajian berjalan lancar. Kerjasama yang amat baik diberikan oleh kaunselor sekolah serta alumni Asasi UiTM yang menjalankan praktikum di sekolah tersebut.


b. Pencapaian Tertinggi

Misi Akademik merupakan salah satu amanat Pengarah bagi memastikan visibility dan kolaborasi Pusat Asasi dapat menarik minat pelajar yang berada di sekolah menengah bagi menyambung pengajian ke Pusat Asasi. Pencapaian tertinggi adalah:-


- Kolaborasi pihak luar - JK Misi Akademik - Matrix Academy - Talent Corp.
- Anugerah Reruai Paling Popular Pilihan Pengunjung sempena ESKU 2023
- Misi ke Sekolah melepasi sasaran tahunan

11.6 Hal Ehwal Akademik


Pada tahun 2023, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) telah menerima enrolmen pelajar sejumlah 3366 orang ke Program Asasi iaitu, Asasi Sains, Asasi TESL, Asasi Kejuruteraan, Asasi Undang-undang KPTM dan Asasi Undang-undang UiTM seperti Rajah 5 di bawah:-



BHEA juga merekodkan tawaran lepasan pelajar Pusat Asasi pada tahun 2022 ke Ijazah Sarjana Muda (ISM) universiti awam (Rajah 6) dan juga ke UiTM (Rajah 7) tahun 2023. Bagi Rajah 7, pecahan tawaran yang ditunjukkan adalah daripada 67.55% lepasan pelajar pada tahun 2022 manakala baki 32.45% pula mendapat tawaran di universiti yang lain.



Rajah 6 : Tawaran ke Ijazah Sarjana Muda ke universiti awam bagi tahun 2023.



Rajah 7: Pecahan tawaran ke Ijazah Sarjana Muda UiTM tahun 2023.

a. Program Anjuran BHEA



Taklimat Akademik
Semester Jan – Jun 2023,
27 Januari 2023



Lawatan Penandaarasan Aliran Sains Tahfiz dan
Perakaunan Tahfiz Program Matrikulasi Kementerian
Pendidikan Malaysia,
10 Februari 2023



Perbincangan MUET On Demand (MoD),
22 Mac 2023



Taklimat Semakan Kurikulum Program
Akademik Pusat Asasi
31 Oktober 2023



Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik (MAKA)
Semester Julai – Dis 2023
16 November 2023



Taklimat Pengarah & Taklimat Peperiksaan
November 2023
22 November 2023



Anugerah Akademik Universiti (AAU) 2022
Pusat Asasi,
22 November 2023



Malaysia University English Test (MUET)

11.7 Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni

Pencapaian terbesar bagi Jawatankuasa Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni pada tahun 2023 adalah telah berjaya menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara UiTM dan MAMEE Distributions (M) Sdn Bhd yang telah membawa kepada pelbagai aktiviti bersama pelajar yang dirancang bagi tahun 2024.



Jawatankuasa Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni telah menerima sejumlah lima (5) *PI* pada tahun 2023.

Jadual 2 : Performance Indicator (PI) ICAN yang diterima Pusat Asasi.

PI	PI Details
PI072	Number of MoU/MoA with international industries
PI074	Number of MoA with local partners
PI075	Number of activities under international MoU/MoA
PI076	Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP)
PI079	New communities receiving /benefiting from the knowledge / technology diffusion projects
PI080	Number of alumni expert service programme

Hasil daripada kerjasama warga Pusat Asasi, sasaran tiga (3) daripada lima (5) PI dibawah peneraju TNC/ICAN telah berjaya mencapai 100% manakala terdapat dua PI mencapai 50% (Rajah 8). Walau bagaimanapun, Pusat Asasi akan memastikan sasaran yang diperturunkan pada tahun 2024 akan dapat mencapai 100% bagi kesemua sasaran PI di bawah peneraju TNC/ICAN.



Rajah 8 : Pencapaian PI dibawah peneraju TNC/ICAN

a. Aktiviti Bersama Komuniti



ASiD Glocal Volunteerism Siri 1
18-19 Februari 2023



Alumni Returns: Ready, Set, Speak!
with School Students
13 Mei 2023



Khidmat Masyarakat:
Arduino Hackaton: An Initiation for
Perlis' Secondary School
19-20 Ogos 2023



ASiD Glocal Volunteerism Siri 2
26 - 27 Ogos 2023



Khidmat Masyarakat: IEEE SPS
Tech Camp for Students and
Teachers in Dengkil
9-10 September 2023



Khidmat Masyarakat: Engaging
Technovators for The Future Among
Machang School Students and
Teachers
22-23 September 2023



Kem Bestari Solat
bersama SK Dengkil,
14 Oktober 2023



Khidmat Masyarakat: Bagan Pinang
Beach Clean Up
14 Oktober 2023



Khidmat Masyarakat: Engaging
Technovators for The Future Among
Raub School Students and Teachers
21-22 Oktober 2023



Kem Bestari Solat
bersama SK Dengkil,
14 Oktober 2023



Khidmat Masyarakat: Bagan Pinang
Beach Clean Up
14 Oktober 2023



Khidmat Masyarakat: Engaging
Technovators for The Future Among
Raub School Students and Teachers
21-22 Oktober 2023



Hari Kerjaya
Sekolah Agama Menengah Bandar
Baru Salak Tinggi
24 November 2023

11.8 Pencapaian Pelajar dan Aktiviti Berpersatuan

a. Pencapaian Pelajar Pusat Asasi

Pada tahun 2023, para pelajar Pusat Asasi adalah terbukti cemerlang dari segi akademik, sukan dan juga persatuan. Diantara anugerah yang diterima oleh para pelajar adalah mendapat Tempat Ketiga di pertandingan Debat Antara Asasi (Gambar a), Pemantun Terbaik Akhir dan Naib Johan di Festival Pantun Antara Asasi (Gambar b), Naib Johan di Sukan Asasi Malaysia (Gambar c), Pingat Perak Memanah di *Asia Cup 2023* Taipei (Gambar d), Johan Debat Bahasa Melayu, Tempat Keempat Debat

Bahasa Inggeris, Pendebat Terbaik Akhir Bahasa Melayu dan Anugerah Khas Tunas Muda di Debat Piala Naib Canselor (Gambar e), dan juga wakil pelajar UCS dari pertandingan *Do Good Challenge* (UiTM x Good Virtues & Co.) ke peringkat kebangsaan (Gambar f).



b. Aktiviti Berpersatuan

Secara keseluruhan, jumlah penganjuran aktiviti berpersatuan pada tahun 2023 adalah 72 seperti dalam Jadual 3. Jumlah ini merangkumi kesemua persatuan yang ada di Pusat Asasi.

Jadual 3: Jumlah penganjuran aktiviti berpersatuan pada tahun 2023.

Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogo	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
0	4	3	1	6	0	3	7	14	32	2	0	72

• Program anjuran Unit Kerjaya & Kaunseling



Program Perkongsian Ilmu Bersama
Staf (3 sesi)
13, 20, 27 Januari 2023



Emotional Wellbeing (3 Siri)
22 Feb., 8 & 18 Mac 2023



Pensijilan Rakan Kaunselor
25 - 26 Feb. 2023



Career & Counselling Outreach
25 - 26 Feb. 2023



Program Transisi ke Universiti
11 Ogos 2023



OutdoorRace RAKAN
KAUNSELORXPEERS
15 September 2023



Saringan Obesiti & Mental Health Test
21 Oktober 2023



Program Transformasi Motivasi
4 November 2023

• Program anjuran Unit Sukan



Neon Run
30 Ogos 2023



Empowering
The Body
Fostering The
Mind
7 Oktober 2023



Liga Bola Sepak
Piala Pengarah
29 Oktober 2023



Bola Jaring AsiD
21 Oktober 2023

11.9 Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran Pusat Asasi yang bertanggungjawab kepada beberapa mesyuarat utama iaitu (1) Mesyuarat Pengurusan Pusat Asasi (MPPA), (2) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan (3) Mesyuarat Tabung Amanah dijadualkan secara bulanan bagi membincangkan agenda dan juga membuat keputusan bagi aktiviti, projek dan program di Pusat Asasi.

a. Sumber Manusia

Secara keseluruhan jumlah warga Pusat Asasi, merangkumi staf akademik dan bukan akademik adalah 314 orang. Jumlah ini diperincikan seperti dalam Jadual 4 :

Jadual 4 : Taburan staf akademik mengikut jawatan, kelulusan akademik dan juga perkhidmatan.

TABURAN STAF AKADEMIK MENGIKUT JAWATAN

KELULUSAN	JUMLAH
PHD	69
SARJANA	146
PROFESIONAL	0
SARJANA MUDA	3
LAIN-LAIN	0
JUMLAH	218

TABURAN STAF AKADEMIK MENGIKUT KELULUSAN AKADEMIK TERTINGGI

JAWATAN	JUMLAH
PROFESOR	2
PROFESOR MADYA	0
PENSYARAH	215
PENSYARAH MUDA	1
PENOLONG PENSYARAH	0
JUMLAH	218

TABURAN STAF MENGIKUT PERKHIDMATAN

KUMPULAN	AKADEMIK	PENTADBIRAN	JUMLAH
TETAP	216	95	311
KONTRAK	1	1	2
SEMENTARA	1	0	1
JUMLAH	218	96	314

Nisbah Akademik : Pentadbiran = 1 : 0.44

a. Persaraan

Pusat Asasi mengucapkan jutaan terima kasih kepada seorang pensyarah kanan yang sangat berdedikasi dari program Asasi TESL iaitu Prof. Madya Hajah Norshiha Saidin dengan tarikh persaraan pada 23 Julai 2023.

b. Penganugerahan Akademik, Kenaikan Pangkat dan Kejayaan Staf



c. Laporan Diri Staf Baharu dan Perpindahan Jabatan

Bil	Nama/Jawatan	Tarikh Laporan Diri
1	En. Nur Haziq Ahmad Pensyarah (DM45), Unit APB	17 Julai 2023
2	En. Muhammad Fahmi Mohd Nizam Pen. Pegawai Belia & Sukan (S29)	17 Julai 2023
3	En. Mohd Bakri Bin Mat Ali Pen. Pegawai Belia & Sukan Kanan (S32) Pusat Asasi ke UiTM Kampus Puncak Alam,	1 Ogos 2023
4	Pn. Hafidzoh Abdul Razak Pembantu Tadbir BHEA	1 September 2023
5	Pn. Ku Siti Syahidah Binti Ku Mohd Noh Pensyarah DM45, Unit Fizik	1 Oktober 2023
6	Cik Nur Nabilah Iffah Binti Norsam BHEA Pusat Asasi ke Pejabat TNC HEP, UiTM Shah Alam Kenaikan Pangkat ke Kerani Kanan Gred 22	16 Oktober 2023
7	Pn. Nurul Amirah Bt Anuar Pembantu Operasi Kolej Dahlia	1 November 2023

11.10 Bahagian Pengurusan Fasiliti dan Infostruktur

11.10.1 Bahagian Pengurusan Fasiliti

Bahagian Pengurusan Fasiliti adalah berfungsi bagi urusan operasi dan penyelenggaraan, projek serta pentadbiran unit. Bagi fungsi-fungsi secara terperinci pula disenaraikan pada di bawah.

Bertanggungjawab mengurus dan mentadbir Unit Pengurusan Fasiliti Kampus (PFI) dalam urusan Operasi dan Penyelenggaraan, Projek dan Pentadbiran Unit.

Mengurus, menyelaraskan dan memantau pengoperasian kampus yang dilakukan oleh pihak konsesi mengikut keperluan operasi kampus.

Mengurus, menyelaraskan dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan kerja-kerja baikpulih yang melibatkan pihak UiTM dan pihak konsesi.

Menyemak dan menilai Laporan Perkhidmatan Bulanan Konsesi secara keseluruhan untuk dibentangkan kepada Jawatankuasa Pengesahan Bayaran dan Tuntutan (JPBTN) bagi tujuan pengesahan bayaran.

Mentadbir pengurusan kerja-kerja tambahan/ubahsuai kampus bermula dari peringkat perancangan, penyediaan spesifikasi teknikal dan kos, permohonan kelulusan dan bajet, pelaksanaan dan penyempurnaan.

Memberi nasihat dan cadangan dari aspek teknikal berkenaan pengurusan fasiliti dan kampus PFI kepada pihak pengurusan bahagian lain sekiranya diperlukan.

Menerima arahan dari semasa ke semasa daripada Ketua Bahagian/Pengurusan Eksekutif.

Menghadiri mesyuarat-mesyuarat di bahagian lain yang berkaitan dengan Bahagian Pengurusan Fasiliti.


Mengurus hal-hal pentadbiran Bahagian/Unit dan kakitangan.

11.10.2 Bahagian Infostruktur

Bahagian Infostruktur mula beroperasi bermula bulan November 2015 selaras dengan penubuhan UiTM Kampus Dengkil dan mempunyai enam (6) orang staf Bahagian Infostruktur. Pada masa ini ia diletakkan di bawah Pejabat Pembangunan dan Kelestarian, UiTM Kampus Dengkil, UCS. Secara keseluruhan, jumlah projek-projek perolehan dan naik taraf yang dijayakan oleh Bahagian Infostruktur ialah RM 3,118,05.70.


a. Aduan Maklumbalas

Secara keseluruhan, jumlah aduan yang direkodkan menggunakan sistem UNITS adalah sejumlah 411 aduan staf, 529 aduan pelajar dan 65 aduan orang luar yang diperincikan seperti Rajah 9.




Rajah 9 : Aduan melalui Sistem UNITS.

Bagi aduan yang melibatkan komputer sewaan dan telah diambil tindakan oleh pembekal pada tahun 2023 diperincikan dalam Rajah 10 manakala bagi permohonan geran komputer seperti Rajah 11.



Rajah 10 : Jumlah Aduan Setiap Bulan.



Rajah 11 : Permohonan melalui Geran UiTM.


11.11 Unit-unit di bawah Pejabat Pengarah

11.11.1 Pejabat Polis Bantuan


Unit Polis Bantuan merupakan satu organisasi yang diwujudkan bertujuan untuk membantu pengurusan UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil dalam memastikan segala aspek keselamatan berkenaan kawalan aman dan aset sekitar kampus serta menjamin kesejahteraan dan keamanan kepada seluruh warga kampus. Keseluruhan anggota polis bantuan adalah seramai 14 orang yang terdiri daripada seorang KP41, seorang KP32, 5 orang KP14 dan 17 orang KP11.

a. Statistik Jumlah Pelawat dan Penjualan Pelekat Kenderaan 2023

Rajah 11.35 menunjukkan statistik jumlah pelawat secara bulanan dengan jumlah keseluruhan adalah 786 orang. Manakala Rajah 12 menunjukkan jumlah bulanan penjualan pelekat kenderaan 2023.



Rajah 12 : Statistik jumlah pelawat.



Rajah 13 : Statistik penjualan pelekat kenderaan 2023.

b. Aktiviti Penglibatan Polis Bantuan

- Pendaftaran Pelajar Lama Sem 2 di Persimpangan Kolej Tualang pada 23-29 Jan 2023
- Lawatan kerja Pegawai dan anggota Polis IPD Sepang dari JSJK INSP. Razi bin Abdullah Bersama L/Kpl Harris Bin Dahuri ke Pejabat Polis Bantuan UiTM Kampus Dengkil pada 22 Mac 2023
- Lawatan Khas Kerja Menteri Komunikasi dan Digital oleh YB. Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil dan MPP UiTM Shah Alam di Kolej Dahlia Pusat Asasi UiTM Dengkil pada 9 Julai 2023
- Larian Neon Fun Run Asasi 2023 sempena program Ambang Merdeka pada 30 Ogos 2023
- Lawatan Kerja dan Sesi Dialog YDH. DSP/PB Suria bin Hj. Kamis yang diadakan di Bilik Mesyuarat Utama Pejabat Polis Bantuan UiTM Kampus Dengkil pada 21 Jun 2023



11.11.2 Unit Hal Ehwal Islam (UHEI)

Dengan kehidupan kini yang semakin kompleks, maka peranan dan fungsi UHEI turut melalui proses perluasan skop demi memastikan UHEI kekal relevan dan sentiasa dijadikan rujukan utama berkaitan aktiviti kerohanian dan budaya hidup beragama dikalangan warga UiTM. UHEI sentiasa komited pada bila-bila masa untuk memberikan khidmat bakti dalam menjayakan misi dan visi UiTM.

Bahkan UHEI sentiasa melakukan proses penambahbaikan berterusan dalam pengoperasiannya. Fokus UHEI adalah memberikan perkhidmatan bertaraf dunia dengan pengurusan tangkas dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang. UHEI Pusat Asasi UCS telah mula beroperasi pada 4 November 2015 iaitu sejak pembukaan UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil.

a. Fungsi Utama UHEI

Tiga fungsi utama UHEI Pusat Asasi UCS adalah bagi menyokong kecemerlangan universiti bermatlamat menyediakan tenaga kerja universiti yang berilmu, berdisiplin, amanah rajin dan bertanggungjawab (i-DART) disamping membantu pihak universiti melahirkan graduan yang seimbang jasmani, rohani dan emosi serta memiliki daya saing diperingkat global dan glokal iaitu:-

- i. Seksyen Pengurusan dan Imarah Masjid
- ii. Seksyen Bimbingan dan Pendidikan
- iii. Sesyen Dakwah dan Khidmat Komuniti

b. Program Berimpak

Sepanjang tahun 2023, UHEI telah melaksanakan 20 program untuk memenuhi keperluan pelajar, staf dan komuniti. Ini menjadikan UHEI berjaya melaksanakan 140 aktiviti. UHEI juga telah menerima lebih 9000 penyertaan bagi kesemua aktiviti-aktiviti tersebut.



Program Simulasi Ibadah haji
12 Julai 2023



Malam Gema Hafiah Al-Quran
25 Ogos 2023



Program Seminar Aqidah
5 Oktober 2023



Hati Bidadari
Setiap Hari Jumaat
12.30 – 1.30 tengahari



Ceramah Khas Maulidur Rasul
26 Oktober 2023



Malam Puisi Gaza
9 November 2023

11.11.3 Unit Kualiti

Pada tahun 2023, Unit Kualiti memfokuskan kepada aktiviti untuk penyediaan Manual Kualiti dan pemantapan sub-unit, khususnya projek KIK, OE, serta penulisan laporan AKNC selepas dirangka dalam Bengkel Perancangan Strategik Pusat Asasi 2023, sebagaimana disenaraikan dalam Rajah 11.41 di bawah.



Di antara pencapaian terbesar Unit Kualiti adalah telah dianugerahkan Pemenang Anugerah Kualiti Naib Canselor 2023 (Rajah 11.42) bagi bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Staf pada 20 Disember 2023 di Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM. Selain dari itu, antara pencapaian bagi Unit Kualiti adalah telah menghantar projek KIK bagi dipertandingkan di peringkat UiTM Zon Tengah serta menghantar projek OE bagi pemilihan ke peringkat separuh akhir seterusnya mencapai kesemua petunjuk prestasi (*PI*) yang diperturunkan kepada Unit Kualiti.

11.11.4 Unit Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat di Pusat Asasi telah diwujudkan bermula pada tahun 2015. Seramai 13 orang ahli jawatankuasa yang dilantik dikalangan staf akademik dan juga staf pentadbiran bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dibawah Unit Korporat.

Unit Komunikasi Korporat berperanan sebagai pusat rujukan bagi warga Pusat Asasi dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat melalui saluran rasmi dan media bagi memastikan ketampakan Pusat Asasi di peringkat nasional dan juga global, menjaga imej korporat Pusat Asasi, melibatkan diri dalam perhubungan awam dan media, serta menguruskan aduan dan penerbitan di dalam memenuhi kepuasan hati pelanggan.

a. Aktiviti Berimpak



Festival UiTM Perform 2023
25 Februari 2023



Festival Pantun Antara Asasi
Universiti Awam 2023
3-5 Mac 2023



Creations de UiTM: International
Mega Innovation Carnival 2023
7 Mac – 25 Mei 2023



Ekspo Selangkah ke UiTM 2023
10 & 11 Jun 2023



Majlis Menandatangani Perjanjian
Persefahaman (MoU) dengan
Albukhary International University
7 Julai 2023



Bengkel Infografik
27 Julai 2023



Majlis Ikrar Bebas Rasuah Pusat Asasi
25 Julai 2023



Majlis Menandatangani Perjanjian
Persefahaman (MoU) dengan Mamee-
Double Decker Distribution Sdn.Bhd
5 Oktober 2023



Majlis Menandatangani Perjanjian
Persefahaman (MoU) dengan Beijing
Union University, China
1 Disember 2023

1.1.1

11.11.5 Perpustakaan Tun Abdul Razak

a. Latar belakang PTAR

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil mula beroperasi pada 14 Disember 2015. Perpustakaan empat tingkat ini mempunyai keluasan 4,447 kaki persegi dengan kapasiti seramai 1,000 orang pada satu masa. PTAR Kampus Dengkil ditubuhkan bertujuan untuk menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan khususnya bagi menyediakan pelajar asasi meneruskan pembelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kini terdapat lebih daripada 8031 naskah koleksi perpustakaan termasuk bahan bercetak dan bukan bercetak. Perpustakaan juga menyediakan pelbagai kemudahan seperti surau, PhD room, bilik perbincangan, bilik audiovisual, Pusat IT, ruang bacaan di setiap aras, bilik lokar, bilik bacaan luar, dan ruang riadah untuk kegunaan pelanggan perpustakaan. Perkhidmatan utama yang ditawarkan oleh PTAR dibahagikan kepada empat iaitu:

- i. Unit Pengurusan Perpustakaan
- ii. Unit Sumber Rujukan Universiti
- iii. Unit Perkhidmatan Perpustakaan
- iv. Unit Perpustakaan Digital

Bagi membudayakan amalan membaca dikalangan pelajar dan staf, terdapat pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh PTAR. Diantara aktiviti berimpak yang telah dijalankan oleh PTAR adalah seperti di berikut



Open Day PTAR
Kampus Dengkil
16 & 17 Ogos 2023



Speed Reading
31 Mac 2022 &
5 Julai 2023



Bengkel Pengajaran Dan Pembelajaran:
My Young Researcher (MYRES)
12 Julai 2023

11.11.6 Prestasi Kewangan

Pengurusan kewangan di Pusat Asasi adalah diletakkan dibawah Pejabat Bendahari yang diketuai oleh seorang penolong bendahari dan di bantu oleh empat orang staf. Pencapaian kewangan dan verifikasi harta modal adalah seperti yang di huraikan di bawah.

a. Verifikasi Harta Modal

Tahun 2023 merekodkan keseluruhan 374 item telah mencapai 100% verifikasi. Sejumlah 337 unit harta dalam keadaan baik dan boleh digunakan, dan 11 unit harta baik tetapi tidak digunakan. Walau bagaimanapun, 20 unit harta rosak dan memerlukan pembaikan. Oleh itu, keseluruhan verifikasi harta modal ini menunjukkan dalam keadaan baik.

b. Pencapaian Bahagian Belanjawan Dan Pengurusan Hasil

Pencapaian bagi prestasi belanjawan Pusat Asasi adalah seperti di Jadual 11.7. Bagi pengurusan hasil, keseluruhan hasil yang diterima oleh Pusat Asasi adalah berjumlah RM 34,678,483.81 merangkumi penerimaan geran kerajaan persekutuan, hasil pelajar, hasil pelaburan dan lain-lain hasil.

Dasar Sedia Ada	Kampus Dengkil (RM)
Peruntukan	5,859,263.68
Encumbrance	5,366,365.21
Bayaran	5,033,802.09
Baki Tahap Encumbrance	492,898.47
Baki Tahap Bayaran	825,461.59

Jadual 6 : Perincian prestasi belanjawan.

c. Pencapaian Bahagian Pengurusan Bayaran dan Bahagian Pengurusan Perolehan

Secara keseluruhan, jumlah pencapaian bagi pengurusan bayaran adalah RM 6,287,644.35. Bagi laporan prestasi Pesanan Jabatan (LO), jumlah Pesanan Jabatan (LO) yang dikeluarkan bagi tahun 2023 adalah sebanyak 32 dan telah mencapai KPI 100% mengikut ketetapan di Pejabat Bendahari. Perolehan melalui Sistem *Fine Procurement Plus* (EP) telah dilakukan sebanyak 79 pesanan jabatan. Manakala, bagi Pesanan Jabatan (LO) yang tertangguh pula adalah sebanyak 2 sahaja dan bernilai RM 7,269.00.

d. Pencapaian Bahagian Pengurusan Harta Benda

Pencapaian Bahagian Pengurusan Harta Benda pada tahun 2023 dibahagikan kepada dua. Pertama, dari segi laporan Aset Alih, sebanyak 7 unit inventori yang bernilai RM 11,875.00 telah dicatatkan pada tahun tersebut. Dan yang kedua adalah jumlah keseluruhan Aset Alih, dimana sebanyak 374 item yang dimiliki berjumlah RM 5,417,958.07.

11.12 Penutup

Pada tahun 2023, Pusat Asasi berjaya melonjakkan kecemerlangan dalam seluruh aspek terutamanya dalam kolaborasi bersama universiti antarabangsa dan industri, dimana bukan sahaja dapat menggalakkan pelbagai aktiviti berimpak tinggi bersama pelajar dan masyarakat setempat, tetapi juga dapat melahirkan pelajar yang aktif dan berdaya saing. Selain itu, peningkatan mendadak juga dilihat dari penulisan dan penerbitan serta hasil penajaan pendapatan. Secara keseluruhannya, aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan cemerlang seterusnya menyumbang kepada pembangunan pelajar dan juga staf. Warga Pusat Asasi akan terus komited dalam usaha mencapai sasaran universiti seterusnya membantu universiti mencapai GRU 2025 UiTM.

12.0 /

PRESTASI KEWANGAN






<i>m/s</i>	318	Pengenalan
	321	Pencapaian
	333	Penglibatan Aktiviti Pejabat Bendahari
	336	Penutup

12.0 PRESTASI KEWANGAN

12.1 Pengenalan

Pejabat Bendahari merupakan nadi utama pengurusan kewangan bagi seluruh sistem Universiti Teknologi MARA seperti mana yang termaktub di dalam Akta UiTM 173 (Pindaan 2000). Struktur pentadbiran keseluruhan Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Selangor (UCS) meliputi Pejabat Bendahari Kampus Puncak Alam/Puncak Perdana (mulai tahun 2023 Pejabat Bendahari Kampus Puncak Perdana telah diselaraskan di bawah Pejabat Bendahari Kampus Puncak Alam), Pejabat Bendahari Kampus Sungai Buloh/Selayang dan Pejabat Bendahari Kampus Dengkil.

Bilangan staf yang menjadi kekuatan Pejabat Bendahari Kampus Puncak Alam/Puncak Perdana ialah seramai 35 orang, Pejabat Bendahari Kampus Sungai Buloh seramai 23 orang dan Pejabat Bendahari Dengkil seramai lima (5) orang. Secara keseluruhan jumlah staf Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Selangor pada tahun 2023 adalah seramai 63 orang yang diketuai oleh seorang (1) Ketua Timbalan Bendahari dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Bendahari, empat (4) orang Penolong Bendahari Kanan, dua (2) orang Penolong Bendahari dan 54 orang Staf Sokongan.



KPA (Kampus Puncak Alam) KPP (Kampus Puncak Perdana) KSB (Kampus Sungai Buloh & Selayang) KD (Kampus Dengkil)

Rajah 12.1.1 Profil sumber manusia Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Selangor

12.1.1 Fungsi Utama

Fungsi Utama di Pejabat Bendahari terdiri daripada lima (5) bahagian utama iaitu Bahagian Belanjawan, Korporat (Hasil) dan Kewangan Pelajar, Bahagian Pengurusan Perolehan, Bahagian Pengurusan Bayaran, Bahagian Pengurusan Harta Benda dan Bahagian Pengurusan Akaun & Kumpulan Wang Penyelidikan. Setiap bahagian berfungsi untuk memastikan pengurusan kewangan Universiti berjalan dengan lancar dan mematuhi semua prosedur yang berkuatkuasa seperti **Rajah 12.1.2**

12.1.2



Rajah 12.1.2 Lima kategori fungsi utama Pejabat Bendahari

Berikut ialah antara perkhidmatan yang disediakan untuk setiap Fungsi Utama :

BIL	FUNGSI UTAMA	TUGAS / TANGGUNGJAWAB
1	Bahagian Belanjawan, Korporat (Hasil) dan Kewangan Pelajar	- Menentukan pengurusan perbelanjaan mengurus universiti dikendalikan dengan optimum dan efektif mengikut perancangan aktiviti yang ditetapkan - Mengurus dan memantau semua aktiviti pengurusan terimaan / hasil dan pelaburan - Menguruskan hal ehwal kewangan berkaitan pelajar.
2	Bahagian Pengurusan Perolehan	- Mengumpul dan menyelaras perancangan perolehan bagi keseluruhan PTJ - Moderator Sistem FINEProcurementPLUS (EP) - Menguruskan panggilan Sebut Harga Rasmi (bekalan, perkhidmatan dan kerja) - Menguruskan proses perolehan (bekalan, perkhidmatan dan kerja) - Proses pengeluaran Pesanan Jabatan - Pentadbiran kontrak, pemantauan dan penguatkuasaan
3	Bahagian Pengurusan Bayaran	Menguruskan proses bayaran yang melibatkan bayaran pelbagai, gaji, elaun lebih masa, perubahan staf, tuntutan dan pendahuluan.
4	Bahagian Pengurusan Harta Benda	Bertanggungjawab dalam pengurusan aset universiti (perekodan, penandaan, verifikasi, pelupusan dan kehilangan)

BIL	FUNGSI UTAMA	TUGAS / TANGGUNGJAWAB
5	Bahagian Pengurusan Akaun & Kumpulan Wang Penyelidikan	- Menyediakan laporan kewangan yang lengkap, memastikan maklumat kewangan dan perakaunan UiTM direkod dengan betul dan sistematik mengikut peraturan yang berkuatkuasa - Menyelaraskan pertanyaan dan teguran pihak audit ke atas sistem pengurusan kewangan Universiti - Menguruskan kewangan geran penyelidikan

12.1.2 Keurusetiaan Mesyuarat

Berikut adalah senarai mesyuarat utama Pejabat Bendahari UCS yang dipengerusikan oleh Rektor UCS dan kekerapan mesyuarat.

BIL	MESYUARAT	FUNGSI MESYUARAT	BILANGAN MESYUARAT DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2023
1	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun Negeri (JPKAN) *diadakan setiap 3 bulan	Mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan supaya ia berjalan lancar dan menepati peraturan yang telah ditetapkan	4 kali 14.02.2023 09.05.2023 29.08.2023 10.11.2023
2	Jawatankuasa Sebut Harga Rasmi Negeri (JKSHR) *diadakan setiap bulan	Mempertimbang dan menyetujui terima sebut harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bagi amaun melebihi RM50,000 hingga RM500,000 dan perolehan kerja bagi amaun melebihi RM20,000 hingga RM500,000 sahaja.	17 kali (diadakan setiap bulan termasuk khas)
3	Jawatankuasa Pelupusan Aset Alih UiTM (JPAA)	Mengawasi, memantau dan menyelia pengurusan aset alih UiTM serta memastikan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi. Meluluskan permohonan pelupusan aset alih bernilai perolehan asal satu aset melebihi RM50,000 atau jumlah keseluruhan melebihi RM500,000.	4 kali 14.02.2023 09.05.2023 29.08.2023 10.11.2023
4	Jawatankuasa Pelupusan Aset Tak Alih UiTM (JPATA)	Mengawasi, memantau dan menyelia pengurusan Pelupusan Aset Tak Alih UiTM serta memastikan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi. Meluluskan permohonan pelupusan aset tak alih UiTM bernilai tidak melebihi RM500,000.00.	Tiada
5	Jawatankuasa Rundingan Harga Negeri (JRH)	Merunding harga keatas pembelian yang dibuat secara rundingan terus bagi amaun melebihi RM50,000 untuk perolehan bekalan, perkhidmatan, kerja-kerja dan perolehan darurat.	Tiada

12.2 Pencapaian

12.2.1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Prestasi Perancangan dan Belanjawan diukur dan dilihat berdasarkan prestasi peruntukan dan perbelanjaan tahunan kampus di UiTM Cawangan Selangor. Data maklumat peruntukan dan prestasi perbelanjaan dicapai melalui Sistem *Financial Accounting Integrated System* (FAIS) dan FINEPortal Pejabat Bendahari.

Data peruntukan dan prestasi perbelanjaan tersebut merangkumi pentadbiran kampus dan fakulti-fakulti di bawah UCS.

Prestasi ini dipantau melalui laporan prestasi perbelanjaan secara bulanan dan suku tahun melalui pelaporan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Laporan Prestasi Perbelanjaan Mengurus berdasarkan peruntukan dan perbelanjaan tahunan adalah seperti pada Rajah 12.2.1.1



Rajah 12.2.1.1 Prestasi Perbelanjaan Mengurus berdasarkan peruntukan tahunan dan peratusan perbelanjaan berbanding peruntukan tahunan keseluruhan UiTM Cawangan Selangor

Jumlah peruntukan Mengurus UiTM Cawangan Selangor pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan sebanyak RM18.8 Juta atau 26% berbanding tahun 2022 (dari RM71.23 juta tahun 2022 ke RM90.12 juta tahun 2023). Peningkatan ini antaranya disebabkan peningkatan perbelanjaan utiliti kerana keberadaan pelajar sepenuhnya di kampus berbanding semasa pandemik COVID-19 dan peningkatan tarif elektrik. Secara puratanya prestasi perbelanjaan berbanding jumlah peruntukan bagi tahun 2023 (jumlah perbelanjaan RM89.21 juta) telah mencapai 99%. Bagi tahun 2022, secara puratanya keseluruhan perbelanjaan (jumlah perbelanjaan RM68.64 juta) adalah sebanyak 96% manakala pada tahun 2021 prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 94% (jumlah perbelanjaan RM60.84 juta).

Pejabat Bendahari sentiasa berusaha untuk memastikan peruntukan kewangan diuruskan dan dibelanjakan dengan baik mengikut tatacara kewangan yang berkuatkuasa. Pejabat Bendahari juga telah membuat pemantauan dan melaporkan prestasi perbelanjaan dalam mesyuarat berkaitan seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan & Akaun (JPKA), Mesyuarat Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Pengurusan Fakulti.

12.2.2 Prestasi Pengurusan Hasil

Di antara pendapatan atau pecahan sumber hasil UiTM Cawangan Selangor adalah daripada Hasil Geran Kerajaan, Hasil Pelajar, Hasil Pelaburan dan Hasil-Hasil Lain. Hasil pendapatan tahun 2023 bagi keseluruhan kampus UiTM Cawangan Selangor adalah sebanyak RM 435 juta menunjukkan pengurangan hasil sebanyak 1.4% berbanding tahun 2022 (jumlah hasil RM441 juta). Pengurangan hasil ini disebabkan oleh penstrukturan fakulti di Kampus Puncak Perdana kepada Kolej Pengajian yang diletakkan di bawah UiTM Kampus Shah Alam. Penstrukturan tersebut menyebabkan penurunan penerimaan Geran Kerajaan, penurunan Hasil Pelajar dan penurunan Hasil-hasil lain. Selain itu, terdapat penurunan geran kerajaan di Kampus Sungai Buloh yang melibatkan emolumen kerana penstrukturan staf fakulti ke Hospital Al-Sultan Abdullah. Bagi tahun 2022, hasil keseluruhan kampus adalah sebanyak RM 441 juta menunjukkan sedikit peningkatan sebanyak 0.11% berbanding tahun 2021 (jumlah hasil ialah RM440 juta). Manakala hasil pendapatan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM 440 juta menunjukkan pengurangan hasil 7.6% berbanding tahun 2020 (jumlah hasil ialah RM476 juta). Perbandingan bagi jumlah hasil pendapatan keseluruhan ditunjukkan seperti pada Rajah 12.2.2.1.



Rajah 12.2.2.1 Jumlah Hasil Pendapatan keseluruhan meliputi Geran Kerajaan, Hasil Pelajar, Hasil Pelaburan dan Hasil-Hasil Lain

Pelbagai inisiatif telah dijalankan dengan memastikan semua aset dan fasiliti yang sedia ada digunakan sepenuhnya untuk menjana pendapatan kepada Universiti. UiTM Cawangan Selangor meneruskan usaha untuk mengoptimumkan penjanaan hasil daripada Hasil-Hasil Lain. Antara contoh Hasil-Hasil Lain ialah sewa gerai / kafeteria, sewa bangunan, sewa ruang, sewa utiliti, hasil perubatan, hasil derma/sumbangan, hasil kursus / seminar, hasil denda dan hasil pelbagai jualan.

Rekod penjaan pendapatan Hasil-hasil Lain menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2021 ke tahun 2023. Perbandingan jumlah penjaan Hasil-Hasil Lain UiTM Cawangan Selangor ditunjukkan seperti pada Rajah 12.2.2.2



Rajah 12.2.2.2 Jumlah Perbandingan Hasil-hasil Lain UCS

Antara penyumbang yang tertinggi kepada Hasil-hasil lain di keseluruhan kampus UiTM Cawangan Selangor ialah hasil sewa ruang, gerai, kafeteria, bangunan kediaman, pejabat dan sewaan utiliti. Hasil penjaan pendapatan daripada sewaan ini menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2021 hingga tahun 2023.


Perbandingan jumlah hasil sewaan keseluruhan UiTM Cawangan Selangor ditunjukkan seperti pada Rajah 12.2.2.3



Rajah 12.2.2.3 Jumlah Perbandingan Hasil Sewaan Keseluruhan UCS

Selain menguruskan perbelanjaan dan penjaan pendapatan, pengurusan kutipan hasil juga perlu dimantapkan. Pada tahun 2023 jumlah hasil tertunggak adalah RM1.13 juta bagi keseluruhan kampus UiTM Cawangan Selangor yang terdiri daripada sewaan ruang, gerai, bangunan, utiliti dan

peralatan, yuran penyertaan dan lain-lain. Berdasarkan rekod, UiTM Cawangan Selangor telah berjaya mengurangkan hasil tertunggak dan telah menunjukkan trend penurunan dari tahun 2021 ke 2022. Hasil tertunggak tahun 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 25% berbanding tahun 2021 (hasil tertunggak pada tahun 2021 adalah sebanyak RM 1.45 juta). Pada tahun 2023, UCS telah mencatatkan sedikit peningkatan hasil tertunggak sebanyak 4% berbanding tahun 2022 (hasil tertunggak tahun 2022 RM1.09 juta). Peningkatan ini disebabkan bil-bil sewaan ruang, gerai, peralatan, utiliti dan peralatan bagi tahun semasa 2023. Pejabat Bendahari sentiasa bertindak secara proaktif dalam memastikan semua hasil dapat dikutip melalui peringatan bayaran dan perbincangan dengan penghutang. Jumlah hasil tertunggak ditunjukkan di dalam Rajah 12.2.2.4.



Rajah 12.2.2.4 Jumlah tunggakan hasil keseluruhan kampus UiTM Cawangan Selangor


12.2.3 Prestasi Pengurusan Perolehan

Perancangan Perolehan yang disediakan oleh setiap PTJ amat penting kerana ia digunakan sebagai asas untuk melapor prestasi pelaksanaan perolehan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA). Piagam Pelanggan Pejabat Bendahari Kampus Negeri dan Cawangan menyatakan Pejabat Bendahari bertanggungjawab mengeluarkan 90% Pesanan tempatan untuk permohonan melalui

- Tender/ Sebutharga Rasmi/ Rundingan Terus dalam tempoh **lima (5) hari bekerja** dari kelulusan perolehan dalam FAIS
- Pembelian Terus/ Kontrak Pusat dalam tempoh **lima (5) hari bekerja** dari tarikh kelulusan permohonan belian diluluskan dalam FAIS

Berdasarkan prestasi pengeluaran Pesanan Jabatan bagi tahun 2021 hingga 2023 (Rajah 12.2.3.1) Pejabat Bendahari telah mencapai KPI yang telah ditetapkan dan prestasi pengeluaran Pesanan Tempatan berjaya dikekalkan pada tahap cemerlang. Pada tahun 2023, Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Pesanan Jabatan sebanyak 1147 yang berjumlah RM37,654,661.18 dan telah berjaya menyediakan Pesanan Jabatan tersebut dalam tempoh 5 hari iaitu sebanyak 98.3% yang berjumlah RM 36,582,605.77.


PRESTASI PENGELUARAN PESANAN JABATAN	2021	2022	2023
JUM. LO	935	1,257	1147
RM	20,658,974	31,310,333	37,654,661
LO < 5 HARI	913	1,254	1128
RM	19,131,258	31,109,322	36,582,606
% LO < 5 HARI	97.7%	99.8%	98.3%



Rajah 12.2.3.1 Laporan Prestasi Pesanan Jabatan (LO) – Manual

Bagi memastikan kelancaran proses perolehan dengan lebih telus, berintegriti dan penguatkuasaan ke atas arahan Bendahari UiTM, penggunaan Sistem FINEProcurementPLUS telah di maksimumkan. Sebelum ini Sistem FINEProcurementPLUS hanya melibatkan perolehan bekalan dan perkhidmatan tetapi selaras dengan berkuatkuasa pekeling Pejabat Bendahari Bilangan 5 Tahun 2023, perolehan perkhidmatan fasiliti dan perolehan kerja juga telah boleh digunakan melalui sistem ini. Untuk perolehan fasiliti ini UiTM Cawangan Selangor telah berjaya membuat perolehan perkhidmatan fasiliti kerja bagi Kampus Puncak Perdana dan ini merupakan kampus yang pertama berjaya membuat penawaran dan telah diputuskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Rasmi UiTM Cawangan Selangor.

Unit Pengurusan Perolehan telah berjaya membantu Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam pengeluaran Pesanan Tempatan (melalui sistem FINEProcurementPLUS) sebanyak 1,599 yang berjumlah RM14,184,076.50 pada tahun 2023, 1,634 yang berjumlah RM16,729,321.50 pada tahun 2022 dan 1,318 yang berjumlah RM16,263,169.49 pada tahun 2021. Di samping itu, pemantauan secara berkala sekurang-kurangnya satu (1) kali seminggu ke atas Sistem FINEProcurementPLUS bagi semua PTJ turut dilaksanakan. Pemantauan tersebut telah dibuat untuk memastikan proses perolehan dibuat segera dan tiada proses yang tertangguh selain untuk tujuan *housekeeping*.



Rajah 12.2.3.2 Perbandingan jumlah Pesanan Jabatan Melalui Sistem FINEProcurementPLUS

Selaras dengan usaha Pejabat Bendahari dalam perbelanjaan secara berhemah, inisiatif penjimatan dalam proses perolehan telah dijalankan meliputi penguatkuasaan pelaksanaan perolehan Sebut Harga dan penguatkuasaan serta pemantauan Pesanan Tempatan tertanggung telah dilaksanakan. Melalui penguatkuasaan pelaksanaan perolehan Sebut Harga ini ianya dapat menjimatkan jumlah tawaran yang dibuat berbanding dengan Anggaran Jabatan. Manakala penguatkuasaan serta pemantauan Pesanan Tempatan tertanggung pula dapat menjimatkan sumber peruntukan apabila proses Sempurna Pesanan Jabatan (Sempurna LO) dapat dilakukan apabila sesuatu bekalan, kerja atau perkhidmatan telah selesai. Baki peruntukkan tersebut akan dipulangkan semula ke vot/kod akaun asal dan boleh digunakan semula untuk perolehan lain.

Berikut adalah butiran inisiatif penjimatan seperti pada Rajah 12.2.3.3




Rajah 12.2.3.3 Inisiatif Penjimatan melalui penguatkuasaan pelaksanaan perolehan Sebut Harga dan Pemantauan dan penguatkuasaan Pesanan Tempatan Tertanggung.

12.2.4 Prestasi Pengurusan Bayaran

Piagam Pelanggan Pejabat Bendahari Kampus Negeri dan Cawangan menyatakan Pejabat Bendahari bertanggungjawab menjelaskan pembayaran terhadap semua 80% tuntutan pembayaran dalam tempoh 7 hari dari tarikh terima dokumen lengkap

Berdasarkan Prestasi Bayaran bagi tahun 2021 hingga 2023 (Rajah 12.2.4.1), Pejabat Bendahari telah mencapai KPI yang telah ditetapkan dan prestasi bayaran berjaya dikekalkan pada tahap cemerlang. Pada tahun 2023, Pejabat Bendahari telah mengeluarkan sebanyak 34,777 baucer bayaran dan telah menyelesaikan sebanyak 34,679 dalam tempoh 7 hari iaitu sebanyak 99.7%.



Rajah 12.2.4.1 Prestasi Bayaran Bagi Tahun 2021 hingga 2023 (Pembayaran Dibuat Dalam Tempoh 7 Hari Dari Tarikh Dokumen Lengkap)

Pejabat Bendahari juga telah melaksanakan proses Tuntutan Perjalanan secara atas talian di FinePortal yang dilaksanakan secara berperingkat kepada staf di setiap PTJ. Ini memberi impak yang sangat positif kerana proses tuntutan dan pembayaran oleh Pejabat Bendahari dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif. Selaras dengan arahan memaksimumkan penggunaan Sistem FINEProcurementPLUS, proses berkaitan bayaran menjadi lebih cepat dan mudah.

12.2.5 Prestasi Pengurusan Harta

Aset Alih bermaksud aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk aset yang dibekalkan bersekali dengan bangunan atau infrastruktur lain. Pengurusan Aset Alih di PTJ merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Setiap aset alih di bawah kategori Harta Modal dan Inventori (tidak termasuk barang-barang seperti perabot, langsir dan permaidani) hendaklah didaftarkan, direkod dan ditanda selaras dengan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2018. Proses ini untuk memudahkan pengesanan, pemantauan dan pelupusan aset alih.

Setiap maklumat aset alih dapat diakses oleh *Custodian* melalui Sistem FINEAsset di FINEPortal Pejabat Bendahari dan hebahan mengenai pelaksanaan proses verifikasi harta secara atas talian kepada PTJ telah pun dilakukan melalui emel, Taklimat Verifikasi Harta Secara Atas Talian dan Taklimat Pengurusan Kewangan. Melalui hebahan ini, kesedaran *Custodian* terhadap senarai harta di bawah tanggungjawab telah meningkat.


Jumlah bilangan aset alih bagi tahun 2023 untuk keseluruhan UiTM Cawangan Selangor adalah sebanyak 11,148 unit yang bernilai RM 378,992,184.34 dan pecahan mengikut kampus di tunjukkan pada **Rajah 12.2.5.1**.



Rajah 12.2.5.1 Jumlah Bilangan Aset Alih mengikut kampus Tahun 2023

Pejabat Bendahari juga telah melaksanakan Gerak Kerja Verifikasi Aset setiap tahun selaras dengan Pekeliling Bendahari Bilangan 3 Tahun 2018. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan UiTM (JPAKU) ke-40 pada 20 Februari 2018 telah mengarahkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menjalankan pemeriksaan ke atas semua aset milik PTJ untuk mengenal pasti Custodian dan lokasi aset di PTJ masing-masing supaya dapat mempercepatkan kerja-kerja verifikasi harta UiTM dan selesai pada 31 Disember setiap tahun. Untuk Verifikasi Tahun 2023, jadual kerja tempoh masa untuk melaksanakan Pemeriksaan Verifikasi Harta secara atas talian yang ditetapkan adalah bermula pada 27 Februari 2023 sehingga 31 Julai 2023.

Melalui pemeriksaan yang dilakukan oleh PTJ juga telah meningkatkan kesedaran untuk mengambil tindakan pelupusan ke atas aset alih yang telah rosak atau tidak boleh digunakan lagi. Pejabat Bendahari juga telah berusaha untuk melakukan kerja verifikasi sepenuhnya bagi menyokong inisiatif kerja verifikasi aset dilakukan oleh Custodian secara atas talian melalui FINEAsset di FINEPortal Pejabat Bendahari. Secara keseluruhan peratusan verifikasi harta tahun 2023 bagi UiTM Cawangan Selangor adalah sebanyak 99.13% (13,771 aset selesai diverifikasi) (lihat Rajah 12.2.5.2)



Rajah 12.2.5.2: Prestasi Verifikasi Harta UCS

12.2.6 Prestasi Pengurusan Akaun

1) Sijil Audit Bersih

Pejabat Bendahari telah mengekalkan Audit Bersih selama 21 tahun berturut-turut sejak tahun 2000. Ini membuktikan pengurusan kewangan Universiti secara keseluruhannya telah dilaksanakan dengan baik dan teratur mengikut prosedur yang ditetapkan.



Rajah 12.2.6.1 Sijil Ketua Audit Negara

2) Penghantaran Daftar dan Penyata Kewangan (Interim) bagi tahun 2023.

Penghantaran Interim perlu dihantar sebanyak 4 kali setahun ke Jabatan Pengurusan Akaun dan Sistem Kewangan di UiTM Shah Alam. Merujuk kepada rajah 12.2.6.1, semua kampus berikut telah berjaya mencapai sasaran tarikh penghantaran interim yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pengurusan Akaun Dan Sistem Kewangan seperti jadual di bawah:

Jadual Interim	Interim 1	Interim 2	Interim 3	Interim 4
Tarikh Penghantaran	25 Mei 2023	18 Julai 2023	18 Oktober 2023	18 Disember 2023
Kampus Puncak Alam	✓	✓	✓	✓
Kampus Puncak Perdana	✓	✓	✓	✓
Kampus Sungai Buloh	✓	✓	✓	✓
Kampus Dengkil	✓	✓	✓	✓

Rajah 12.2.6.2 Jadual penghantaran Interim 1 hingga Interim 4 Tahun 2023

12.2.7 Analisa Nisbah Kewangan

Analisa nisbah kewangan merupakan proses menilai hubungan antara pelbagai nisbah kewangan dalam laporan kewangan sesuatu entiti untuk memahami prestasi, kestabilan dan kekuatan kewangan. Ia melibatkan penafsiran nisbah-nisbah yang diperolehi daripada data kewangan untuk mendapatkan pemahaman mengenai keadaan kewangan dan prestasi suatu entiti.

Analisa nisbah kewangan membantu pembuat keputusan seperti pelabur atau pihak pengurusan untuk membuat penilaian yang lebih mendalam terhadap prestasi organisasi dan membuat keputusan yang lebih berinformasi mengenai strategi pelaburan dan pengurusan risiko. Antara jenis-jenis nisbah kewangan adalah seperti berikut :

1) Nisbah Pusingan Aset

Nisbah pusingan aset membolehkan organisasi mengukur kecekapan menggunakan aset-asetnya dalam menghasilkan pendapatan.

	RM (JUTA)
Pendapatan	437
Aset Tetap	2,254
Nisbah Pusingan Aset	0.19

Rajah 12.2.7.1 Nisbah Pusingan Aset UiTM Tahun 2023

Rajah 12.2.7.1 menunjukkan nisbah pusingan aset UiTM Cawangan Selangor adalah dalam julat 0.19 dan melebihi sifar. Julat ini menunjukkan UiTM Cawangan Selangor telah berjaya merancang untuk meningkatkan pendapatan dengan menggunakan aset tetap seperti bangunan, kemudahan dan peralatan untuk menjana pendapatan. UiTM Cawangan Selangor juga memberi fokus kepada strategi meningkatkan hasil pelaburan dan memperkasakan hasil-hasil daripada aktiviti penjaan pendapatan yang lain.

2) Nisbah Semasa

Nisbah Semasa ialah nisbah kewangan yang mengukur kemampuan suatu organisasi untuk melunaskan hutang-hutangnya dalam jangka pendek.

	RM (JUTA)
Aset Semasa	146
Liabiliti Semasa	52
Nisbah Semasa	2.77

Rajah 12.2.7.2 Nisbah Semasa UiTM Tahun 2023

Nisbah semasa menunjukkan kemampuan UiTM Cawangan Selangor untuk membiayai liabiliti semasa. Ini bermakna UiTM Cawangan Selangor mampu menguruskan aset semasa secara maksima dan dalam kedudukan kewangan yang baik untuk melunaskan hutang-hutang dalam jangka masa yang pendek

3) Nisbah Hutang Kepada Pelaburan

Nisbah hutang kepada pelaburan ialah nisbah kewangan yang mengukur sejauh mana organisasi membiayai aktivitinya dengan hutang berbanding ekuiti.

	RM (JUTA)
Liabiliti Semasa	52
Jumlah Aset Bersih	2,462
Nisbah Hutang Kepada Pelaburan	0.02

Rajah 12.2.7.3 Nisbah Hutang Kepada Pelaburan UiTM Tahun 2023

Rajah 12.2.7.3 menunjukkan julat nisbah hutang kepada pelaburan adalah 0.02. Nilai dibawah satu (1) menunjukkan risiko adalah rendah dan UCS diandaikan mampu memenuhi obligasi terhadap pemiutang.

12.2.8 Prestasi PI Khas Rektor

Pada tahun 2023, terdapat dua PI Khas Rektor yang diberikan kepada Pejabat Bendahari UiTM Cawangan Selangor. PI Khas itu adalah berkaitan strategi memperbaiki akses dan rejim pembayaran pendidikan dan yang kedua berkaitan pengurusan aset dan pengoperasian. Setiap strategi mempunyai satu projek yang dikhususkan. Bagi pencapaian tahun 2023, sasaran dan pencapaian ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 12.2.8 Pencapaian Prestasi PI Khas Rektor sehingga bulan Disember 2023

BIL	STRATEGI	PROJEK	SASARAN	PENCAPAIAN
1	Memperbaiki akses dan rejim pembayaran Pendidikan	Pembayaran tanpa tunai (<i>Cashless Payment</i>)	100% sehingga 31 Disember 2023	98 % sehingga 31 Disember 2023 **Nota : baki 2% adalah daripada terimaan tunai kutipan Jumaat (tabung yang diedarkan semasa Solat Jumaat)
2	Pengurusan aset dan pengoperasian	Verifikasi Harta atas talian (<i>online self verification</i>)	100% sehingga 31 Disember 2023	100% pencapaian bagi 3 kampus sehingga 31 Disember 2023 (verifikasi bermula Mac 2023)

12.2.9 Perkhidmatan Pendigitalan Pejabat Bendahari

Pejabat Bendahari telah menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada para pelanggan termasuk pelajar, staf dan orang luar. Secara dasarnya, perkhidmatan Pejabat Bendahari adalah berdasarkan fungsi utama Pejabat Bendahari. Fungsi Utama Pejabat Bendahari ini telah dirangkumkan dan sebahagiannya disampaikan melalui penyampaian perkhidmatan secara digital dalam talian. Sejalan dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025 bagi memacu agenda Kerajaan Digital, Pejabat Bendahari secara khususnya telah menyediakan tiga (3) platform utama termasuk FINEPortal, FINEPay dan FINEProcurementPLUS.

FINEPortal merupakan platform penyedia penyampaian perkhidmatan utama dalam talian Pejabat Bendahari yang menawarkan perkhidmatan seperti FINEPayrol, FINELoan, Interbank GIRO (IBG), FINETrust, FINEBudget, FINEAsset, FINEAccount, Pendahuluan/Tuntutan Pelbagai, Pendahuluan/ Tuntutan Perjalanan, Bayaran Kepada Pembekal, Pelajar (SKP), e-Pekeliling dan FINEProcurementPLUS

FINEPay merupakan platform penyedia penyampaian perkhidmatan dalam talian yang pada dasarnya mendukung ke arah kampus tanpa tunai (*cashless campus*). FINEPay memudahkan pelanggan untuk membuat bayaran secara tanpa tunai mengikut projek-projek yang telah ditetapkan. Sebagai contoh di bawah Giving@UiTM iaitu wakaf, sedekah, endowmen dan projek CSR dan perkhidmatan pembayaran dalam talian seperti bayaran seminar, kursus, bengkel dan lain-lain.

FINeProcurementPLUS merupakan platform penyampaian perkhidmatan dalam talian khusus kepada pembekal dan staf UiTM yang melibatkan proses perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan.



Rajah 12.1.3 Tiga sistem digital utama Pejabat Bendahari

12.3 Penglibatan Aktiviti Pejabat Bendahari

12.3.1 Taklimat Dan Bengkel Kepada Warga Kampus Dan Fakulti

Pejabat Bendahari sentiasa komited membantu dan memberi pengetahuan kepada warga UCS mengenai prosedur kewangan yang berkaitan. Melalui perkongsian yang diberikan ini, warga UCS dapat mengaplikasikan pengetahuan pengurusan kewangan dalam urusan kerja. Beberapa siri taklimat di Kampus Puncak Alam dan Kampus Sungai Buloh telah diberikan antaranya:

- Taklimat Perolehan 2.0 kepada Warga Fakulti Sains Kesihatan pada 1 Mac 2023 (Rabu) bertempat di Makmal Komputer Aras 11, Bangunan Fakulti Sains Kesihatan
- Bengkel Penyeragaman Pelawaan Sebut Harga Rasmi UiTM antara Pejabat Bendahari UiTM Kampus Sungai Buloh dan Kampus Puncak Alam pada 4 Julai 2023 di Unit Perolehan Kampus Puncak Alam.
- Sesi Perkongsian Ilmu @ MIA Conference secara atas talian di Webex kepada seluruh warga Pejabat Bendahari UiTM pada 26 Julai 2023 oleh Pn. Noor Alzura Binti Alang Idris, En. Ibrahim Khalil Othman Kamal dan YM Tengku Zainal Fitri Tengku Mohamed Fauzi.
- Sesi Perkongsian Ilmu (Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2023) di Kampus Sungai Buloh pada 29 Ogos 2023 (Jumaat) bertempat di Bilik Seminar 1, Bangunan Akademik, Fakulti Perubatan, Kampus Sg. Buloh
- Taklimat dan Bengkel Penggunaan Sistem Fineprocurement Plus 2.0 bagi pelaksanaan perolehan perkhidmatan fasiliti dan perolehan kerja di Pejabat Fasiliti pada 12 September 2023 & 17 Oktober 2023.

- Bicara Pentadbir Sesi Perkongsian Ilmu oleh En. Mohammad Rahimi Aziz pada 27 September 2023 (Rabu) secara atas talian di Zoom
- Sesi Perkongsian ilmu kursus yang dihadiri (*Sharing Session*) di ILD oleh Pn. Fazila dan En. Mohamad Nadzree pada 20 Oktober 2023 (Jumaat) secara atas talian di Google Meet
- Taklimat Procurement Plus Kerja dan Perkhidmatan Fasiliti Kampus Sungai Buloh pada 9 November 2023 (Khamis) bertempat di Makmal Komputer 1, Bangunan Akademik, Fakulti Perubatan, Kampus Sg. Buloh
- Taklimat Penyediaan Kontrak Pusat kepada warga Kampus Puncak Alam pada 12 Oktober 2023 secara atas talian di Google Meet.
- Taklimat Pengurusan Kewangan Penyelidikan Geran DUCS SULAM Dan DUCS KK pada 30 November 2023 (Khamis) bertempat di Dewan Anggerik Sari



Bengkel penyediaan perolehan kerja bagi perkhidmatan fasiliti bagi Kampus Puncak Perdana





12.3.2 Hari Bertemu Pelanggan HEP

Pejabat Bendahari telah bersama-sama menyertai Hari Bertemu Pelanggan (HEP) yang dianjurkan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar yang diadakan di Dewan Serbaguna pada 30 Oktober 2023 sehingga 31 Oktober 2023 (Isnin-Selasa). Sambutan yang diterima amat menggalakkan daripada pengunjung yang hadir.



12.3.3 Hari Keluarga Pejabat Bendahari Kampus Puncak Alam

Pejabat Bendahari Kampus Puncak Alam secara julung kalinya telah mengadakan Program Hari Keluarga yang diadakan pada 30 September 2023 sehingga 1 Oktober 2023 (Sabtu-Ahad) di Camar Laut, Bagan Lalang, Sepang. Aktiviti ini memberi peluang kepada staf untuk sama-sama mengenali dan beriadah bersama keluarga di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara staf.



Kemenangan Kumpulan OE dari Kampus Puncak Perdana dan KIK dari kampus Sungai Buloh

12.3.4 Penyertaan Simposium Kecemerlangan Operasi 2023

Buat julung kalinya Pejabat Bendahari amnya dan secara khususnya Kampus Puncak Perdana telah membuat kolaborasi bersama Pejabat Polis Bantuan Kampus Puncak Perdana untuk menghantar penyertaan Simposium Kecemerlangan Operasi UiTM tahun 2022 dan menjadi antara finalis yang diadakan secara atas talian pada 16 Ogos 2023. Projek yang dibentangkan adalah PBUPay yang mana

objektifnya adalah memudah cara pembayaran, pesanan pelekut kenderaan UiTM di Kampus Puncak Perdana secara setempat dan pada bila-bila masa (24 jam/7 hari). Pada Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2023 yang diadakan pada 20 Disember 2023, Kumpulan PBUPay telah memenangi tempat Ketiga Kecemerlangan Operasi UiTM 2022 bagi Kategori Pentadbiran Dan Kewangan.

12.4 Penutup

Pejabat Bendahari telah melaksanakan sistem pengurusan kewangan secara profesional, cekap, berkesan dan bertanggungjawab ke atas perancangan, pelaksanaan program dan penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi jabatan yang unggul, berhemah dan profesional. Pengurusan perakaunan dan kewangan universiti dilaksanakan, dikawal, direkod mengikut piawaian, prosedur dan peraturan yang ditetapkan. Kualiti untuk semua, akauntabiliti bersama adalah merupakan teras perkhidmatan bagi memenuhi kepuasan pelanggan Pejabat Bendahari.

Secara rumusnya, Pejabat Bendahari telah berjaya menguruskan kewangan dengan efektif, mampan dan berhemah selari dengan strategi pengurusan kewangan yang ditetapkan oleh pengurusan UiTM iaitu Strategi Jana dan Jimat : Menjana Pendapatan dan Menguruskan Kos dengan Cekap walaupun peruntukan yang diberi oleh kerajaan adalah terhad.

Sidang Editorial

Penasihat

YBhg. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman

Ketua Editor

Puan Alfina Bakar, K.M.N., CHRM

Editor

Puan Siti Zulaila Omar

Penulis

Profesor Ts. Dr. Asmah Awal

Prof. Madya Dr. Badrul Isa

Prof. Madya Dr. Rosmadi Ghazali

Puan Alfina Bakar, K.M.N., CHRM

Puan Noor Alzura Alang Idris, C.A.(M)

Allahyarham Ir. Haji Junaidi Muslim

Ts. Mohamad Hamidi Mohd

Encik Zamani Umar Husin

Dr. Shantakumari Rajan

DSP/PB Suria Haji Kamis

Tuan Haji Lufti Fauzi Haji Sabari

Dr. Sri Fatiany Abdul Kader Jailani

Puan Nor Azyyati Md Saad

Prof Madya Dr. Aida Maria Ismail

Ts. CHM. Dr Wan Zuraida Wan Mohd Zain

Encik Qamarul Anuar Mohamad

Ts. Dr. Hj. Abu Bakar Abd. Hamid

Dr. Arniatul Aiza Mustapha

Puan Ku Intan Safinas Ku Muhamad

Encik Mohd Faridz Riza Ash Ridzwan Ash
Puan Marlina Ismail
Puan Noorizan Che Rashid
Cik Azleen Faridah Mohd Kassim
Puan Nur Fazera binti Mohd Nordin
Cik Nur Izzati Shaharuddin
Encik Abdul Hazim bin Hamzah
Cik Adlin Na'qiah Sabar @ Sabal, CHRM
Puan Nor Haizah Mokhtar
Puan Siti Zulaila Omar
Puan Ruhaida Sabron
Puan Nor Suliana Muhamad Shah
Puan Norlehayati Rahmat
Puan Noor Azimah Suratem
Encik Mohammad Hisham Alias
Encik Irwan Ismadi Masout
Cik Nashrul Nawwarah Abd Rahman
Encik Muhammad Nizam Muhammad Zainal
Puan Hafiza Mustape
Encik Azarudin Abdul Samad
Encik Hairulnizam Ghazali
Puan Nura Mohd Thalha
ASP/PB Mohd Tarmizi Abdul Raman
INSP/PB Hadith Jamaludin
INSP/PB Noorhusnida Husain
Ustazah Noor Rashidah A.Rahman

Encik Rosly Mahmood, B.P.C
Puan Nur Fatihah Muhamad
Puan Nursyakirin Jantan
Encik Ibrahim Khalil Othman Kamal
Encik Ahmad Syahir Hidrat
Encik Kamal Maarof Abd Jamal
Cik Mazliza Omar
Dr. Norlaily binti Ahmad
Encik Ahmad Shahril Azwan Abd Rahim
Puan Ezathul Zerafena Binti Mohd Ris
Puan Nur Hikamah Seth
Puan Nur Adilla Kassim
Encik Mohd Johari Suratmun
Puan Nur Wahiedah Abdullah
Puan Norhafiza Abdullah

Pembaca Prof

Puan Ruhaida Sabron
Puan Norlehayati Rahmat
Puan Wan Suzienani Wan Sulong

Penyelaras Grafik

Encik Rosly Mahmood, B.P.C

Pereka Grafik

Encik Mohd Noralis Mohd Sharif



اَوْنِيْزْ اَتْسِيْوِيْ تِيْكَوْلُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

اوسوها تقولا موليا

‘USAHA, TAQWA, MULIA’

Kunci kejayaan adalah berusaha dengan tekun, bersabar dalam menghadapi rintangan, dan tetap mempertahankan semangat yang positif.

⊕ Al-Farabi

YBhg. Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman

Rektor

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor

**LAPORAN
TAHUNAN**
UiTM
CAWANGAN
SELANGOR
2023

Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor
Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam,
Selangor, Malaysia



اوسها تقوى موليا

Konsep & Reka Bentuk

Unit Komunikasi Korporat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam
42300 Bandar Puncak Alam, Selangor